



***[Sidang Dewan disambung semula pada jam 9.00 pagi]
Hari Pertama Persidangan – 20 Mac 2022***

LOCENG DIBUNYIKAN JAM 8.55 PAGI

Semua Ahli-Ahli Yang Berhormat masuk ke dalam Dewan untuk bersidang.

LOCENG DIBUNYIKAN JAM 9.00 PAGI

JURUACARA

Mengumumkan Yang Berhormat Dato' Speaker.

YANG BERHORMAT TIMBALAN SPEAKER

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan disambung semula. **BACAAN DOA** oleh Tuan Setiausaha Dewan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Tuan Setiausaha Dewan membacakan Doa.

YANG BERHORMAT TIMBALAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya maklumkan beberapa perkara yang pertama ketidakhadiran pada hari ini. Yang pertama YB. Dato' Speaker, beliau masih dalam tempoh kuarantin. Esok insya-Allah akan hadir. Yang kedua, YB. Kota Darulaman beliau tidak sempat hadir pada pagi ini. Seterusnya, YB. Kuala Ketil, YB. Kubang Rotan, YB. Guar Chempedak tidak dapat bersama kita sepanjang sesi persidangan kali ini kerana dalam tempoh kuarantin.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sukacita saya maklumkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah telah memberi perkenan untuk menyampaikan titah ucapan sempena Perasmian Pembukaan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kelima melalui sidang video dari Istana Anak Bukit.



(Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah bertitah sambil bersemayam)

TITAH UCAPAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH SEMPENA PERASMIAN PEMBUKAAN MESYUARAT PERTAMA PENGAL KELIMA DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN YANG KE - 14 PADA 20 MAC 2022 BERSAMAAN 17 SYAABAN 1443H

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warrahmatullaahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Segala puji-pujian ke hadrat Allah s.w.t. selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad s.a.w., kaum keluarga, serta kepada seluruh sahabat baginda. Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah s.w.t., kerana dengan limpah dan izin-Nya jua, maka Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang ke-14 dapat diadakan pada hari yang penuh bermakna ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Melangkah ke hadapan, Beta ingin menasihatkan kepada semua pihak untuk mengamalkan demokrasi bermusyawarah dalam mencari penyelesaian kepada apa jua permasalahan. Kematangan seperti inilah yang diperlukan oleh seluruh rakyat Beta. Ambil nasihat pepatah Melayu lama yang berbunyi "biduk lalu, kiambang bertaut". Perpaduan yang utuh merupakan asbab dan kekuatan kepada sesebuah ketamadunan.

Firman Allah s.w.t. dalam Surah Ali Imran, ayat 103 yang bermaksud: "Berpegang teguhlah kamu seluruhnya dengan tali Allah s.w.t., dan janganlah kamu berpecah belah". Hormatilah prinsip Demokrasi Raja Berpelembagaan yang menjadi asas pembentukan negara.

Melalui perpaduan, kesepakatan dan kebersamaan yang erat bagaikan sebuah keluarga akan dapat mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan yang bakal ditempuhi.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Beta amat menghargai segala usaha berterusan oleh pihak kerajaan negeri dalam melaksanakan pelbagai strategi bagi menangani pandemik Covid-19.



Beta menyeru supaya kita jangan cepat leka dan berpuas hati oleh kerana terdapat kemunculan varian baharu Omicron yang lebih mudah merebak.

Selaras dengan Pelancaran Agenda Nasional Malaysia Sihat yang bertujuan untuk membudayakan gaya hidup sihat dan kelestarian persekitaran bagi rakyat Malaysia amnya dan Negeri Kedah khususnya.

Kerajaan negeri telah mengisytiharkan Hari Jumaat sebagai Hari Kebersihan Negeri Kedah. Lanjutan daripada itu, Pihak Berkuasa Tempatan perlu mengambil inisiatif agar dapat menjadikan kebersihan sebagai satu budaya di kalangan masyarakat. Dalam pada itu, sikap dan mentaliti masyarakat terhadap budaya menjaga kebersihan harus ditingkatkan melalui penglibatan semua pemimpin masyarakat.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Tahniah diucapkan kepada kerajaan negeri kerana berjaya memperolehi kutipan hasil sebanyak RM688.04 juta, pada tahun 2021. Ini membuktikan bahawa hasrat kerajaan negeri semasa melaksanakan Belanjawan 2021 bertemakan 'Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua' telah berjaya direalisasikan.

Beta berharap pencapaian cemerlang ini akan diteruskan bagi tahun 2022 bagi mencapai jangkaan anggaran hasil sebanyak RM725 juta.

Justeru, Beta mengingatkan agar setiap hasil yang dikutip dibelanjakan dengan cara yang betul dan berhemah supaya prinsip '*value for money*' dapat dipraktikkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Beta menyambut baik komitmen kerajaan negeri dalam memacu pertumbuhan ekonomi negeri agar lebih lestari, mampan dan berdaya saing seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Kedah 2035.

Di sebalik krisis pandemik Covid-19, Beta berbangga kerana Negeri Kedah telah berjaya mencatat pelaburan berjumlah RM68.3 billion bagi tahun 2021 yang merupakan satu sejarah dan rekod baharu untuk jumlah pelaburan yang masuk ke Negeri Kedah.

Beta percaya kejayaan ini adalah hasil jalinan kerjasama erat antara kerajaan negeri, Kulim Technology Park Corporation, Invest Kedah Berhad dan MIDA serta pemain-pemain industri lain dalam menarik pelaburan luar ke dalam Negeri Kedah.



Ini membuktikan Negeri Kedah menjadi destinasi pilihan bagi pelabur. Pelaburan ini telah melebihi sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Pembangunan Kedah 2035 sebanyak RM10 billion setahun. Tahniah Beta ucapkan.

Namun begitu, kita janganlah terlalu selesa dan leka dengan angka ini. Usaha-usaha berterusan haruslah digandakan agar pelaburan masuk dapat ditingkatkan di Kedah Rubber City, Special Border Economic Zone Bukit Kayu Hitam, Kawasan Industri Gurun dan Kedah Aerotropolis. Dengan jumlah pelaburan yang besar ini, Beta berharap agar ia dapat meningkatkan taraf hidup rakyat di Negeri Kedah agar setanding dengan negerinegeri maju di negara ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Beta juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang terus membantu kerajaan negeri dalam menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur dan utiliti kepada rakyat. Antaranya adalah seperti pemulihan aktiviti ekonomi tempatan, pembinaan rangkaian jalan raya, menaik taraf jalan raya negeri dan jambatan, rancangan tebatan banjir, naik taraf sistem saliran dan loji rawatan air, serta projek pembaikan paip dasar laut dari Tanah Besar ke Pulau Langkawi.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Gangguan manusia secara keterlaluan terhadap sifat-sifat semulajadi alam serta aktiviti manusia yang menggunakan sumber alam untuk kepentingan perniagaan secara rakus mengakibatkan dunia pada hari ini menghadapi pelbagai bencana yang kian meningkat.

Perlindungan dan kelestarian alam sekitar, mestilah diutamakan bagi menjaga eko-sistem untuk pelbagai spesis flora dan fauna.

Beta menyeru agar kerajaan negeri dapat mengawal dan mengekalkan kawasan hutan menerusi amalan pengurusan hutan secara berkekalan. Selain itu, kawasan yang berpotensi untuk diiktiraf sebagai Geopark, hendaklah dikekalkan dan dipelihara.

Inisiatif-inisiatif ini ada dijelaskan di dalam Teras 6 Kemampanan Alam Sekitar, di bawah Pelan Pembangunan Kedah 2035.



Ahli-ahli Yang Berhormat,

Sesungguhnya, Beta amat prihatin dengan nasib rakyat Beta yang telah terkesan ekoran daripada pelaksanaan pelbagai langkah tertentu oleh kerajaan negeri dalam usaha untuk membendung Covid-19.

Justeru, Beta menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua agensi kerajaan yang berkaitan supaya lebih proaktif dalam menyelami isu-isu rakyat dari dekat dan memantau pencapaian program-program yang telah dilaksanakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kerajaan negeri juga hendaklah memberi tumpuan dalam penyediaan dan menaiktaraf pembangunan infrastruktur perkhidmatan jalur lebar bagi memperkasa pembentukan eko-sistem ekonomi digital yang lebih baik ke seluruh daerah di Negeri Kedah.

Mendepani cabaran era digital ini, penggunaan teknologi dan digital perlu digalakkan bagi memastikan semua pihak bersedia dan berdaya saing. Usaha ini kelak bakal mendorong transformasi sistem penyampaian kerajaan, membantu pertumbuhan ekonomi serta meningkat keupayaan perniagaan perusahaan kecil dan sederhana.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Sektor pelancongan merupakan antara sektor yang paling terkesan akibat penularan pandemik Covid-19. Penutupan pintu sempadan dan sekatan perjalanan telah memberi impak yang ketara dalam sektor ini. Kedatangan pelancong ke Negeri Kedah pada tahun 2021 telah menunjukkan penurunan sebanyak 71.5%, berbanding tahun 2020.

Oleh demikian, Beta berharap agar kerajaan negeri dapat memberi keutamaan kepada pemulihan industri pelancongan dan memajukan sektor pelancongan domestik ke seluruh Negeri Kedah bagi mengekalkan kemampanan industri tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Sektor pertanian memainkan peranan yang sangat penting untuk memastikan jaminan bekalan makanan serta meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri ini. Oleh itu, semua pihak termasuk kerajaan dan swasta perlu mengambil inisiatif untuk menerokai peluang memodenkan sektor pertanian sebagai usaha untuk meningkatkan produktiviti dan membangunkan sektor ini secara lestari.



Antara inisiatif kerajaan negeri melalui pelaksanaan Projek Estet Padi Zon Pembangunan Ekonomi Ummah oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah di mana pada peringkat permulaan, golongan asnaf yang terpilih dapat mengusahakan pertanian tanaman padi dengan keluasan hampir 100 relong atau 28 hektar di Daerah Yan.

Selain itu, Program Smart Sawah Berskala Besar juga adalah inisiatif kerajaan yang disambut baik oleh rakyat di kalangan pesawah di mana mereka dapat menjana pulangan hasil yang lebih menguntungkan.

Beta berharap dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan serta ditambahbaik agar lebih realistik dan bertepatan dengan mendasari Pelan Pembangunan Kedah 2035. Ini bagi memastikan pertumbuhan ekonomi Negeri Kedah dapat terus berlangsung dengan konsisten dan melonjak naik secara positif.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Di kesempatan ini, Beta ingin menzahirkan penghargaan di atas taat setia dan sumbangan ikhlas daripada semua petugas barisan hadapan yang terdiri daripada warga kerja Kesihatan, Angkatan Tentera Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, anggota-anggota Perkhidmatan Awam serta agensi kerajaan yang telah mencurahkan khidmat bakti terutama dalam menangani isu pandemik Covid-19 ini. Sumbangan mereka ini amatlah besar dan *'beyond the call of duty'*.

Semoga semua petugas barisan hadapan terus komited, berdedikasi dan fokus dalam menggalas tanggungjawab tugas serta sentiasa menambah baik kualiti perkhidmatan demi kesejahteraan rakyat Beta.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, Beta dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang ke-14.

Sekian, Selamat bersidang.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



[Selepas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan selesai bertitah]

YB. DATO' SPEAKER

“Patik-Patik sekalian, Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman di dalam persidangan ini dengan penuh hormat dan takzimnya menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, di atas perkenannya Tuanku menyampaikan Titah Ucapan Sempena Perasmian Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Keempat Belas”.

Ahli – Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan sehingga jam 9.00 pagi esok. Sekian, terima kasih.



***[Sidang Dewan disambung semula pada jam 9.00 pagi]
Hari Kedua Persidangan – 21 Mac 2022***

YB. DATO' SPEAKER

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian Dewan disambung semula. Kita mulakan dengan bacaan doa.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - DOA

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya nampak 'carui' orang Kedah kata dalam dewan kita ni kosong tang tu, kosong tang ni. Kejap lagi saya pun nak maklum balas yang sebenar berapa orang yang kena covid, yang tak boleh hadir pada hari ini. Dalam sidang kita pada hari ini, saya nak bagitahu yang ucapan bahas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, kita bagi seorang 20 minit. Kemudian untuk penggulungan kepada Exco kita beri 25 minit, Ketua Pembangkang kita bagi 40 minit, Ketua 'Backbencher' tidak nampak pada hari ini. Diberi 40 minit.

Jadi, kalau dah ramai kawan kita tidak hadir maka masa dia itu kita tidak beberapa 'strict' sangat hari ini kerana ruang yang banyak kosong. Tapi bila cukup masa saya akan bagitahu masa sudah tamat. Setakat nak extra sikit-sikit tu saya tak beberapa nak kisah sangat. Urusan seterusnya Setiausaha.

I. PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS DEWAN

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Pembentangan kertas-kertas dewan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Kedah.

YB. DATO' SPEAKER

Dengan hormatnya, dipersilakan.



YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Bismillahirrahmanirahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan ini saya pohon membentangkan Kertas-Kertas Dewan yang berikut seperti di meja Ahli-Ahli Yang Berhormat :-

Kertas Dewan Bil. 1 Tahun 2022	Penyata Kewangan Lembaga Biasiswa Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 23 Oktober 2020.
Kertas Dewan Bil. 2 Tahun 2022	Penyata Kewangan Lembaga Maktab Mahmud Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020.
Kertas Dewan Bil. 3 Tahun 2022	Penyata Kewangan Negeri Kedah Darul Aman Bagi Tahun 2020.
Kertas Dewan Bil. 4 Tahun 2022	Laporan Ketua Audit Negara 2019 Siri 2 Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Dan Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Kedah Tahun 2020.
Kertas Dewan Bil. 5 Tahun 2022	Penyata Kewangan Lembaga Muzium Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020.
Kertas Dewan Bil. 6 Tahun 2022	Penyata Kewangan Lembaga Perpustakaan Awam Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020.
Kertas Dewan Bil. 7 Tahun 2022	Laporan Tahunan Kali Ke-60 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Bagi Tahun 2020.



Kertas Dewan Bil. 8 Tahun 2022

Permohonan Peruntukan Tambahan
Kumpulan Wang Bekalan Air Kerajaan
Negeri Kedah Kali 1 Tahun 2022.

Kertas Dewan Bil. 9 Tahun 2022

Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan
Penanam-Penanam Padi Negeri Kedah Bagi
Tahun Berakhir 31 Disember 2020

Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha.

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sesi Pertanyaan-Pertanyaan Mulut.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan ada tapi saya tak tau lah pihak Guar Chempedak ada pengganti dia tak?
Ada no?

1. YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI [ADUN ALOR MENGKUDU]

Pohon disenaraikan pelaburan mega yang diluluskan dalam tahun 2020 dan 2021
dengan menyatakan nama syarikat, amaun pelaburan dan status terkini?

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

Assalamualaikum wbt. YB. Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Speaker.
Selamat kembali bertugas pada hari ini Dato Speaker. Saya mohon jawapan bagi
soalan nombor 1.



YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Dato' Speaker,sebetulnya soalan ini akan dijawab oleh YB. Guar Cempedak yang tidak dapat hadir ke dewan atas sebab kuarantin. Soalan nombor 1, YB. Alor Mengkudu projek perkilangan yang telah diluluskan bagi tahun 2020 di Kedah ialah yang pertama Yuhua Paper Industry Sdn. Bhd. Jumlah pelaburan RM1,054.89 juta status pelaksanaan projek pembinaan telah selesai.

Yang kedua, Aspen Glove Sdn. Bhd. dengan pelaburan RM820.00 juta sedang beroperasi. Jumlah bagi tahun 2020, RM1,874.89 juta. Bagi projek perkilangan yang diluluskan bagi Januari sehingga September 2021 di Negeri Kedah, yang pertama Risen Solar Technology Sdn. Bhd. Sebanyak RM42,231.66 uta. Status pelaksanaan projek sedang dalam pembinaan. AT & S Austria Technologies & Systemtechnik (Malaysia) Sdn. dengan pelaburan RM10,845.00 juta dalam proses pembinaan.

Yang ketiga, Menicon Malaysia Sdn. Bhd. Jumlah pelaburan sebanyak RM1,947.00 juta dalam perancangan aktif. Jumlah RM5,5023.66 Juta. Jumlah projek perkilangan yang diluluskan bagi tahun 2020 dan 2021 adalah RM56898.55 juta.

Sekian terima kasih.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

YB. Dato' Speaker, soalan tambahan! Kita sedang maklum bahawa KXP iaitu cadangan Lapangan Terbang Kulim sudah sampai lama dah mungkin ke peringkat untuk pelaksanaan. Saya mohon bertanya, adakah sudah ada pelabur kerana saya difahamkan akan dijalankan oleh pihak swasta tidak oleh kerajaan. Kalau sudah ada pelabur mohon yang telah dimuktamatkan, mohon nama pelabur, jumlah pelaburan dan tempoh pelaksanaan.Terima kasih YB. Dato' Speaker.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih Alor Mengkudu, Yang Amat Berhormat Dato' Speaker izinkan saya menjawab soalan tambahan dari YB. Alor Mengkudu. Seperti yang sedia maklum pada tahun lepas kita telah menandatangani satu perjanjian dengan sebuah syarikat swasta melalui PKNK untuk menubuhkan satu syarikat SPV untuk melaksanakan pembangunan.



Masa itu dikenali sebagai KXP kemudian pada itu kita telah menukar sedikit model KXP menjadi Kedah Aerotropolis. Oleh kerana kita, sedikit terhalang akibat daripada focus KXP jadi orang kata ini airport. Bila jadi airport sahaja ini dia 'trigger' Pulau Pinang. Kerana Pulau Pinang menjangkakan airport antarabangsa yang kita namakan KXP itu akan menjejaskan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Oleh kerana, kita nak juga projek yang masa itu dikenali sebagai KXP dilaksanakan maka kita telah mengubah sedikit model KXP ini memberi fokus kepada kargo sebagai hub kargo dan juga sebagai tempat dimana proses MRO dijalankan. MRO ini adalah proses 'maintenance repair and overhaul' pesawat dan kita telah melantik consultant baharu. Sebelum ini consultant kita dilantik daripada France yang saya tidak reti untuk menyebut nama syarikat itu dan dia telah menyediakan satu laporan consultant yang tidak dapat membantu kita kerana dalam laporan consultant lama, dia hanya mengunjurkan kargo-kargo yang akan diangkut oleh KXP ini sekitar 300 tan setahun. Ia tidak membantu kerana 300 tan ini tidak sampai sekerat kapal terbang pun. Oleh kerana itu, kita telah melantik consultant baharu dan kita telah explore kargo-kargo yang akan melalui, yang kita namakan kemudian KXP ini adalah Kedah Aerotropolis. Sekarang ini, KXP tidak lagi dikenali sebagai KXP Airport City tetapi kita namakan Kedah Aerotropolis yang memberi fokus kepada pengangkutan kargo ataupun Kargo Hub dan juga MRO iaitu Maintenance Repair and Overhaul pesawat.

Tuan-tuan sekalian, model Kedah Aerotropolis ini mengambil beberapa model hub kargo di Europe iaitu di Laxenburg, di US Memphis. Dimana Laxenburg dikenali sebagai Memphis of Europe. Di China ada satu hub kargo saya tidak ingat nama tempat itu. Tetapi kita akan menjadi sebahagian daripada Hub Kargo yang akan dikenali sebagai Memphis Of Asia di Kedah Aerotropolis. Itulah yang telah disediakan laporan dan juga design ataupun model pembangunan Kedah Aerotropolis yang akan kita bangunkan. Berkaitan dengan perkembangan, kita telah meletakkan syarat kepada syarikat ECK Development Group yang telah menubuhkan SPV bersama dengan KXP Airport City Holding Berhad sebuah anak syarikat PKNK dan kita meletakkan syarat sehingga seksyen 4, pengambilan balik tanah yang telah diwartakan yang tamat pada Januari tahun ini, mereka harus mendepositkan 125% daripada anggaran kos pengambilan balik tanah sebelum seksyen 4 tamat. YB. Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, apabila kita mula bergerak tak bergerak tak tau, bila kita mula melangkah untuk merealisasikan dokumen-dokumen dan step yang kita rancang dan yang kita nyatakan dalam perjanjian kita menemui beberapa obstacle ataupun halangan-halangan yang mesti kita atasi untuk kita laksanakan ini bersama-sama.



Tuan-tuan sekalian seperti yang sedia maklum bahawa rancangan KXP ini adalah menggunakan peruntukkan kerajaan persekutuan. Kita telah memohon 2 kali. Pertama sekali kita mohon 2 billion pinjaman tak dapat. Yang kedua kerana tidak dapat 2 billion kita mohon lagi sekali 1 billion tak dapat. Bila tak dapat pinjaman dari kerajaan persekutuan modelnya ialah melibatkan pihak swasta. Apabila melibatkan pihak swasta agensi-agensi yang terlibat dalam projek ini di peringkat persekutuan juga telah berubah, permohonan mesti masuk melalui UKAS Unit Kerjasama Awam Swasta.

Alhamdulillah, saya telah bertemu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya bawak semua consultant, semua pihak yang terlibat dengan ini dalam perundingan itu. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi komitmen untuk menyokong usaha ini tetapi mesti menerusi UKAS. Maka kita telah menulis dan menyediakan satu proposal lengkap yang telah disediakan oleh consultant dan kita telah submit kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga UKAS dan Alhamdulillah YB. Menteri telah memaklumkan bahawa UKAS telah mula menyediakan kertas untuk masuk ke kabinet kerana projek-projek yang melibatkan perbelanjaan dan pelaburan yang begitu besar yang lebih-lebih lagi kalau melibatkan MOT sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk mengendalikan lapangan terbang maka UKAS akan menyediakan paper dan akan mendapatkan kelulusan kabinet. Proses itu sedang berjalan dan InsyaAllah Kedah Aerotropolis akan dapat dirialisasikan seperti yang kita rancangan InsyaAllah.

YB. DATO' SPEAKER

Ok, silakan YB. Jitra.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih Dato' Speaker, Yang pertamanya saya ingin menyatakan bahawa perkataan Kedah Aerotropolis ini bukanlah suatu perkara yang baharu. Saya sendiri pun pernah mengumumkan mengenai pembinaan pada awal 2020 lagi dan 2019 malah kalau kita tengok kepada Makmal Transformasi Kedah 2014 pun perkataan Aertopolis telah digunakan untuk projek tersebut. Saya ingin tanya dua perkara, Pertamanya ialah dalam soalan saya kepada Kementerian Pengangkutan, Menteri telah menjawab bahawa sebelum KXP ini diluluskan sebuah kajian menyeluruh berkait dengan lapangan terbang perlu dibuat dahulu sebelum sebarang pertimbangan akan dibuat untuk meluluskan KXP ini. Daripada kenyataan menteri tersebut, saya bertanya adakah Kementerian Pengangkutan sebenarnya serius ataupun tidak serius, setuju ataupun tidak setuju dengan cadangan KXP ini Menteri tidak memberi jawapan yang jelas dan ternaapak macam tidak ada komitmen pada pihak kerajaan persekutuan.



Saya ingin tanya apakah tindakan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri besar untuk membetulkan keadaan ini.

Yang keduanya, sejurus selepas KXP Aerocity, syarikat yang telah ditubuhkan oleh kerajaan negeri menandatangani perjanjian dengan ECK pada 2 Ogos 2021. ECK telah menandatangani satu perjanjian dengan sebuah syarikat pembangunan Ivory Properties untuk projek perumahan di kawasan Sidam Kiri. Yang tentunya akan mengambil manfaat daripada pembangunan Aerotropolis di Kulim tersebut, di Sidam Kiri tersebut. Padahal kita juga tahu dan saya terima jawapan secara bertulis dalam buku ini bahawa setakat ini sepertimana Yang Amat Berhormat Jeneri menyebut tadi seksyen 4 telah pun berakhir pada Januari 2022 dan kemudiannya tak sempat diwartakan pada seksyen 8. Bila saya tanya sudahkah pemaju iaitu ECK telah membayar deposit jawapannya pihak pemaju belum menjelaskan bayaran deposit pengambilan tanah kepada kerajaan negeri maka tiadalah jumlah yang dibayar berikutan pihak pemaju belum menjelaskan bayaran tersebut. Jadi, kalaulah ECK tidak membayar apakah tindakan yang dilakukan oleh kerajaan negeri walhal pada waktu yang sama dia telah memetrai perjanjian dengan syarikat pembangunan iaitu Ivory Properties untuk membangunkan kawasan perumahan. Sekian Terima Kasih.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Jitra, dan YB. Dato' Speaker, soalan yang pertama adalah berkaitan dengan Airport Nasional Strategic Plan yang disyaratkan oleh MPFN yang diletakkan oleh MOT untuk kita laksanakan Kedah Aerotropolis kerana semua pembangunan lapangan terbang yang masuk kedalam MPFN pada Ogos dan November 2020 diletakkan syarat mesti dilaksanakan oleh MOT disiapkan. Dalam mesyuarat MPFN saya telah membangkitkan berapa lama tempoh NASP untuk disiapkan oleh MOT. Mereka menjawab 3 tahun. Bila November 2020 mengambil masa 3 tahun, NASP kalau dimulakan November maknanya NASP akan siap pada November 2023. Kita tak boleh tunggu terlalu lama dalam MPFN, kita diberi 8 nasihat. Nasihat dalam MPFN ini macam syaratlah kalau lepas 8 ini kira lepas la. Saya telah menubuhkan sebuah jawatankuasa teknikal antara kerajaan negeri dibawah PKNK dengan MOT dan jawatankuasa teknikal inid sedang mengadakan rundingan-rundigan antara yang kita mohon ialah Kedah Aerotropolis dikecualikan daripada NASP bukan sahaja di Kedah lapangan terbang juga dicadangkan di Pulau Tioman oleh syarikat swasta juga dan mereka meminta untuk dikecualikan pada NASP. NASP hanya akan dilaksanakan selepas projek-projek yang dicadangkan sekarang ini dilaksanakan.



Menteri pengangkutan pada masa itu orang yang sama, dia kata mungkin kita boleh melaksanakan Kedah Aerotropolis pada masa itu dipanggil KXP melalui sebuah NASP Interim. Saya pun tak tanya detail tetapi yang kita usahakan sekarang ini ialah Kedah Aerotropolis boleh dilaksanakan dan dikecualikan daripada NASP yang belum ditender sehingga sekarang ini. Kalau ditender pada tahun 2022, NASP akan mengambil masa 3 tahun bermaksud NASP hanya akan siap pada tahun 2025. 2025 berapa kali seksyen 4 kena sambung jadi itulah yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri mohon Kedah Aerotropolis dikecualikan dari NASP yang belum ditender oleh MOT dan saya telah cakap perkara ini dengan YAB. Perdana Menteri dan YAB. Perdana Menteri telah memberi komitmen untuk menyokong Kedah Aerotropolis disegerakan.

Bersabit dengan pertanyaan Jitra tentang satu perjanjian syarikat ECK dan syarikat yang lain tentang projek perumahan saya tidak dapat menjawab di Dewan yang mulia Ini kerana tidak terkandung dalam apa-apa terma yang dia bersetuju dengan Kedah Aerotropolis. Seksyen 4 telah disambung untuk membolehkan proses-proses ini berjalan mengikut halangan-halangan yang kita dapat atasi. Kita tiada pilihan sampai sekarang ini oleh kerana kabinet belum UKAS belum masuk ke dalam kabinet. Syarikat ini nampaknya berhati-hati sekurang-kurangnya kabinet telah memberi kebenaran supaya Kedah Aerotropolis ini dibangunkan. Saya rasa pada masa itu mungkin pihak pemaju akan mendepositkan 125%. Dalam pada masa yang sama juga pihak swasta yang memberi komitmen tentang projek ini mengadakan rundingan dengan milik tanah-tanah yang besar di kawasan terbabit iaitu Sime Darby. Saya dipahamkan rundingan ini telah berlaku beberapa kali kerana kalau Sime Darby bersetuju untuk join venture dengan syarikat terbabit maka syarikat terbabit tidak perlu membuat pengambilan balik tanah tetapi modelnya adalah secara usahasama ECK dengan Sime Darby dalam bab tanah tapi perjanjian dengan kita hanya melibat Kedah Aerotropolis City dengan ECK Development. Sekian terima kasih.

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

YB. Dato' Speaker mohon satu lagi Dato' Speaker, Anak Bukit.

YB. DATO' SPEAKER

Awat dok terasing sangat ? Silakan.



YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Terima kasih Dato' Speaker, bila ditanya soalan ini oleh Alor Mengkudu bila sebut pelaburan mega ini, nak dengar jugak apa yang saya ingat 3 kot pelaburan mega di Langkawi tapi tidak disebut oleh YAB. Jeneri.

Cuma soalan tambahan saya ni Dato' Speaker ialah tentang pelaburan yang masuk ke dalam negara kita, untuk makluman 20 tahun pertama pelaburan yang masuk ke Kulim Hi - Tech Park sekitar dalam RM40 billion, 20 tahun pertama. Tiba-tiba masuk Risen Technology ini, dia saja yang dijawab oleh YAB. RM42 billion +. Saya nak dapat 'confirmation' adakah sekarang ini definasi pelaburan yang masuk itu bukan hanya dikira 'capital expenditure' untuk membina kilang sahaja tapi saya difahamkan dia merengke dengan 15 tahun, dia punya 'operating outlay' itu 15 campur sekali dalam tu yang tu yang jadi nampak besar tu.

Jadi, saya nak mohon penjelasan daripada YAB. tentang definasi jumlah pelaburan yang masuk ke dalam negara kita ni. Adakah ada definasi baharu? Sekian terima kasih.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Anak Bukit, mantan Timbalan Menteri Kewangan, adapun definasi yang ditentukan dalam menentukan jumlah pelaburan yang masuk ini ditentukan oleh MIDA. Risen Technology itu dia melabur RM42 billion dan jumlah pelaburan itu diluluskan pada tahun 2021 maka jumlah kelulusan itulah yang dinyatakan sebagai angka pelaburan Risen Technology walaupun berapa lama tempoh yang nak diambil untuk menghabiskan RM42 billion bawa masuk ke Malaysia itu saya tidak pasti tetapi RM42 billion itu adalah angka yang diluluskan oleh pelaburan Risen tahun 2021 dan definisinya itulah yang itu.

Yang ke 2 apadia taktau? Langkawi kita ada Widad Group punya pelaburan RM40 billion juga dalam masa 15 tahun, RM40 billion mana ada sikit-sikit dah lani. Takat-takat lani, saya gelak bukan saya tak percaya, saya pun seronok juga. Kemudiannya ialah Open Road Asia yang akan juga membangunkan litar itu asalnya dia menyebutkan kita dalam kuantiti RM1.3 billion selepas itu diubah sedikit model litar itu termasuk jugak dengan ruang konsel dan jugak resedention, dia menjadi RM4 billion yang itu dah RM44 billion.



InsyaAllah akan ada lagi pelaburan yang akan masuk ke Pulau Langkawi tetapi itu jumlah yang diluluskan ketika permohonan dibuat maka kita nyatakan harga itu. InsyaAllah kita punya target tahunan Negeri Kedah ini RM10 Billion dan ke-atas dan saya rasa bila kita nyatakan setahun RM42 billion itu kita sebenarnya rugi jugak kut-kut tahun depan kita tak sampai RM42 billion maka graf dia akan menunjukkan menjunam. Dari segi optik kita akan nampak orang tak mai dah ke Kedah tapi sebenarnya kita sasarkan RM10 billion tapi dah masuk RM60 billion, graf kita mencanak kalau tahun kita tak dapat RM60 billion graf akan turun. Masa itu orang mana-manalah kan akan kata orang tak mau dah kat Kedah, tak mau mai dah. Kita akan hadapi masalah tu sebab tu kita habaq siap-siap kita punya target RM10 billion tapi kita dah dapat RM60 Billion Alhamdulillah. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Bandar Baharu silakan.

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Terima kasih YAB. Dato' Speaker untuk soalan tambahan nombor 1 berkenaan dengan KXP tadi, saya ingin bertanya kepada YAB. Jeneri bahawa tindakan yang paling besar sekali dibuat untuk Kedah Aerotropolis ini ialah menukar business model dan juga menukar consultant dan banyak kajian-kajian yang telah dibuat dan dilengkapkan yang boleh diguna pakai untuk kajian KXP dan saya dapat maklumat juga bahawa KXP Airport City Sdn. Bhd. juga bersama dengan pelabur dan juga consultant telah mengurus dan berbincang bersama ramai penggiat industri yang akan menjayakan MRO Hub dan Center Of Excellent Hub Aerospace untuk wilayah utara bagi pasaran ASEAN ini jadi mohon YAB. Jeneri untuk maklumkan apakah penggiat-penggiat industri yang sudah menunjukkan minat mengatakan bahawa Kedah Aerotropolis ini memang reliable dan akan berjaya untuk di bangunkan. Terima kasih.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih Bandar Baharu, dalam proses untuk kita memperkembangkan lagi model Kedah Aerotropolis sebagai Hub Kargo dan Pusat MRO. Kita telah mendapat khidmat nasihat dan pandangan daripada pemain-pemain industri seperti Post Aviation yang mengendalikan Kargo dan juga menyediakan perkhidmatan di lapangan 'ground service'. Kita juga mengadakan lawatan ke MAS Engineering di KLIA dan juga beberapa pemain industri yang terlibat dalam mengendalikan kargo di China di satu hub kargo yang saya tidak ingat nama nak sebut, terlupa sungguh Yang Berhormat Dato' Speaker, Zi Chuan ka, Si Chuan lebih kurang Namanya.



Antara syarikat-syarikat tempatan yang telah menyatakan minat dan kesediaan untuk datang dan beropersai di Kedah Aerotropolis sebagai Hub kargo ialah Post Aviation dan beberapa syarikat lain yang saya tidak dibenarkan untuk mendedahkan nama-nama syarikat kerana business punya alasan. Adalah confidential syarikat yang saya tidak dapat maklumkan. Ini hak mereka. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan nombor 2!

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Terima kasih Dato' Speaker, dari 1 jadi 2 mohon jawapan soalan no. 2.

**6. YB. USTAZ HJ. HANIF BIN GHAZALI
[ADUN TANJUNG DAWAI]**

Zon Pembangunan Ekonomi Ummah LZNK melalui projek Estet Padi telah dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah.

Pohon dinyatakan :

- a) Lokasi projek
- b) Syarat dan jumlah peserta projek
- c) Hasil projek

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' NAJMI BIN HJ. AHMAD

Assalamualaikum wbt. , YB. Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi menjawab soalan daripada Tanjung Dawai, suka saya sebut disini bahawa Zon Pembangunan Ekonomi Ummah (ZPEU) adalah satu projek perintis yang disebutkan daripada asnaf ke asnaf yang melibatkan aspek pembangunan modal insan pada asnaf dimana latihan dan kemahiran, pemasaran serta Agro Pelancongan di atas tanah seluas 305 relung bersamaan 89.6 hektar yang dijangkan dapat menjadi mercu tanda baru bagi masyarakat ekonomi setempat terutamanya dalam kalangan asnaf dan B40 yang bertempat di Batu 7, Daerah Yan Kedah. Jadi, sebagai percubaan Lembaga Zakat telah memilih seramai 10 orang peserta dari kalangan asnaf, fakir dan miskin setempat bagi mengusahakan tanah sawah seluas 28 hektar. Hasil yang diperolehi para peserta pada musim pertama percubaan ini adalah amat memuaskan. Sekian terima kasih.



YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Terima kasih Dato' Speaker, soalan tambahan saya, adakah ada cadangan untuk dikembangkan projek ini diluar kawasan MADA dan melihat kepada hasil yang disebutkan tentulah Pihak Zakat bercadang untuk memperluaskan lagi projek ini dan adakah disana perancangan sampai bina kilang padi dan sebagainya untuk memudahkan kerja-kerja Lembaga Zakat bagi memberikan bantuan-bantuan kepada asnaf pada masa hadapan? Terima kasih.

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' NAJMI BIN HJ. AHMAD

Jadi, hasil dari percubaan itu, nampak berhasil oleh itu Lembaga Zakat Negeri Kedah mensasarkan untuk mengembangkan lagi projek ini kepada keseluruhan 305 relung iaitu 89 hektar tanah di daerah Yan yang boleh memberikan mafaat kepada 30 hingga 40 orang asnaf. Melalui ZPEU ini, para peserta akan dipilih dari golongan asnaf dan fakir miskin ataupun B40 yang mempunyai kemahiran di dalam pertanian padi semua kos dan penyediaan awal benih padi, baja, racun, peralatan penanaman, jentera membajak, jentera menuai dan sebagainya akan ditanggung oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah. Padi yang dituai kemudiannya akan di proses menjadi beras seterusnya diagihkan terus kepada golongan asnaf di Negeri Kedah, itu yang dikatakan dari aspek asnaf kepada asnaf. ZPEU dilaksanakan dengan penggunaan teknologi moden yang berskala besar dengan memperkenalkan sistem pertanian secara campuran dimana para peserta akan memperolehi hasil sampingan daripada aktiviti tambahan yang lain seperti mana peternakan ikan puyu.

Saya rasa produk puyu ini produk Kedah dan terkenal inshaAllah dan juga penternakan itik serta tanaman sayuran di tapak projek yang sama. Jadi, Lembaga Zakat Negeri juga telah dilantik oleh MAFI sebagai salah sebuah agensi peneraju Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) pada 13 Febuari 2022 yang lalu dan kemudiannya diberi lesen runcit beras, lesen borong beras, serta lesen runcit padi melalui surat kebenaran dari pihak MAFI pada tarikh 8 Mac 2022.

Di samping itu juga, matlamat kita adalah untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada asnaf dengan keluasan tanah sawah sebanyak 305 relung ataupun 89.6 hektar serta penyediaan kawasan perniagaan dan aktiviti agro pelancongan yang akan dilaksanakan. Jadi, projek ini dijangka akan mewujudkan sekurang-kurangnya sebanyak 60 sehingga 80 peluang pekerjaan baru kepada golongan asnaf.



Bagi musim penuaian pertama tahun 2022 Lembaga Zakat Negeri Kedah telah berjaya meningkatkan hasil padi para peserta daripada 5 tan sehektar sebelum ini 7.6 tan sehektar. Jadi, Lembaga Zakat Negeri Kedah mensasarkan untuk meningkatkan lagi purata hasil padi ini kepada mencapai 10 tan 1 hektar. Jadi, pada musim menuai kedua tahun 2022 InsyaAllah. Jadi, usaha ini akan terus diperkasakan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah dengan sasaran sehingga 14 tan sehektar pada masa akan datang InsyaAllah. Sekian terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Pengkalan Kundor dipersilakan!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Ok, YB. Dato' Speaker, soalan tambahan saya adalah kalau di negara-negara maju asnaf zakat itu sudah tidak lagi digit kepada 8. Contohnya, mereka-mereka yang memerlukan bantuan pembedahan yang kosnya sangat tinggi walaupun dia kaya tetapi ada negara maju yang menggunakan duit zakat untuk memberi kepada si yang memerlukan tadi.

Dalam konteks Malaysia kita juga, mereka-mereka yang terpaksa membuat dialisis contohnya mereka di Selangor dan Penang contohnya telah diketagorikan dalam golongan Asnaf Al-Gharimin dan mereka diberi bantuan termasuk dalam asnaf tadi. Jadi, sedikit soalan tambahan saya adalah saya nak tanya milik siapa? Projek ini milik siapa? Sebab adakah daripada duit zakat dibenarkan invest untuk membeli tanah yang seluas 305 relung itu soalan pertama. Soalan kedua, bagaimana mereka-mereka yang menyewa dahulunya tanah tersebut. Adakah telah diberi pampasan dan bayaran seumpamanya. Jadi, 2 soalan tambahan terima kasih.

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' NAJMI BIN HJ. AHMAD

Terima kasih YB Kundor, mengenai dengan asnaf seperti yang disebeut dalam Al-Quran ada 8 jenis asnaf walaubagaimanapun ada diantara kategorinya sudah pun tidak ada pada masa ini. Antaranya ialah Al-Riqab. Jadi Al-Riqab ini tidak wujud pada zaman kita sekarang ini dan secara umumnya atau cara kebiasaanya Al-Riqab ini telah kita gabungkan dengan asnaf lain. Habuan Al-Riqab itu telah kita pindahkan kepada bahagian-bahagian asnaf yang lain. Jadi oleh itu, saya rasa untuk penggunaan wang zakat ini walauapapun kita masih kena melihat dari segi perbincangan yang perlu diperhalusi dari segi penggunaan terutamanya dari segi Al-Gharimin orang-orang kaya ini.



Jadi bila dia dah kaya ni tak mesti bila kaya mengapa pula berhutang, jadi orang kaya yang berhutang ini pelik sedikitlah. Jadi mengapa berhutang, Jadi makna nya sekiranya masih mampu jadi kita tidak boleh masukkan sebagai Al-Gharimin. Walaubagaimanapun, 1 muzakharah perlu diperhalusilah untuk meletakkan bagaimana bahagian ini dipergunakan dan selain daripada itu, bagi orang-orang yang selain dari Al-Gharimin ini ialah golongan-golongan yang memang dia behutang. Akan tetapi keberhutangannya itu adalah disebabkan oleh perkara-perkara yang mendatang perkara baru datang. Umpamanya dalam Covid-19 ini, ada ibubapa yang terpaksa berhutang dengan sekolah-sekolah untuk membayar yuran itu.

Maka disini saya rasa Al-Gharimin itu boleh kita pindahkan kepada orang yang berhutang. Umpamanya ada sekolah-sekolah yang ibu bapanya ada 8 orang anak kemudian dia terpaksa berhutang untuk membayar asrama-asrama terutamanya sekolah-sekolah swasta, Sekolah-sekolah agama jadi disini boleh masukkan dalam kategori Al-Gharimin kerana asbab itu datang secara tidak dijangkakan. Mengenai dengan duit siapa untuk projek ini, maknanya duit zakatlah, duit daripada Lembaga Zakat Kedah untuk membiayai segala projek-projek ini. Dimana soal bagaimana.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Soalan saya, tanah itu milik siapa ?

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' NAJMI BIN HJ. AHMAD

Tanah itu adalah milik zakatlah, zakat sekarang memiliki 700 relung ataupun 300 hektar iaitu milik Lembaga Zakat. Jadi, hak milik zakatlah kita usahakan jemput asnaf asnaf untuk mengusahakan tanah-tanah zakat ini kemudian hasilnya akan dikembalikan kepada pengusaha itu selepas ditolak modal asalnya dimana zakat yang mengeluarkan modal itu. Sekian terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Jitra soalan nombor 3.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Dato' Speaker soalan saya nombor 3.



**3. YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR
[ADUN JITRA]**

Pohon dinyatakan :-

- a) Apakah prestasi pelaksanaan Pelan Pembangunan Kedah 2035 yang dilancarkan tahun lepas setakat ini?
- b) Adakah pencapaiannya menepati garis masa yang ditetapkan?

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Speaker, YB. Jitra bertanyakan soalan. Saya rangkum kedua-dua jawapan bagi soalan (a) dan (b) daripada Jitra supaya jawapan ini dapat dirangkumkan bagi memastikan penceritaan jawapan kepada kedua-dua soalan yang diajukan ini selari dan sebulat menjadi satu.

Pelan Pembangunan Kedah 2035 telah dengan rasminya dilancarkan pada 1 September 2020 dan dengan rasminya telah mula dilaksanakan mulai tahun 2021. Kedah 2035 yang menetapkan visi Kedah Sejahtera & Berdaya Huni adalah untuk menjadikan Negeri Kedah sebagai sebuah negeri berpendapatan tinggi yang bakal mensejahterakan rakyatnya melalui peluang ekonomi yang terbuka, keperluan asas yang ada dan mencukupi, bidang pendidikan yang pelbagai termasuk kelestarian alam semulajdi yang menjadi dokongan utama Kerajaan Negeri dan seterusnya akan menjadi pilihan ramai untuk dihuni dengan kerukunan komuniti yang harmoni yang kita akan sasarkan akan tercapai pada tahun 2035.

Ada 3 tema iaitu EKONOMI; RAKYAT; dan ALAM. Ia dipaksikan oleh 6 teras utama, 25 strategi, 36 inisiatif dan 24 sasaran dengan menetapkan garis masa pencapaiannya sepanjang 15 tahun 20221 hingga 2035. Semua inisiatif yang disenaraikan, tidak diklasifikasikan oleh garis masa pelaksanaan seperti *Quick Wins*, Jangka Pendek, Sederhana dan Panjang. Tetapi, ia akan dilihat melalui perspektif 3 Rancangan Malaysia (RMK) di mana setiap inisiatif yang dicadangkan akan diusahakan secara berterusan melalui ketiga-tiga fasa pembangunan dan RMK tersebut. Berkemungkinan akan terdapat sub-inisiatif daripada inisiatif utama tersebut yang dapat dilaksanakan dengan cepat.



Merujuk kepada prestasi pelaksanaan Pelan Pembangunan Kedah 2035, secara keseluruhannya ia hanya akan dapat dilihat dengan lebih jelas ketika tempoh *mid-term review* bagi Fasa 1 iaitu pada pertengahan tahun 2023 kelak. Namun begitu, bagi tempoh setahun pelaksanaannya setakat ini, di mana pada ketika negara dan dunia secara global masih lagi berhadapan dengan ancaman pandemik Covid-19, prestasi pelaksanaan Kedah 2035 sehingga kini amat membanggakan. Sebahagian daripada inisiatif-inisiatif yang ditetapkan kini berada di atas landasan pelaksanaan yang baik dengan mengambil kira keenam-enam teras utama Kedah 2035.

Beberapa sasaran yang ditetapkan seperti contoh jumlah pelaburan masuk tahunan sebanyak RM10 billion di bawah Teras 1: Kemakmuran Ekonomi telah berjaya dicapai pada tahun pertama pelaksanaan Kedah 2035 apabila Negeri Kedah telah berjaya mencatatkan pelaburan masuk yang diluluskan sejumlah RM57.1 billion bagi tempoh Januari hingga September 2021. Contohnya Syarikat AT&S yang melabur sejumlah RM8.5 Billion dan Risen Energy Co. Ltd melabur sebanyak RM42.2 billion melalui Syarikat Risen Solar Technology Sdn. Bhd. Walaubagaimanapun usaha-usaha mengekalkan jumlah pelaburan masuk akan diteruskan dan jumlah RM10 billion akan terus menjadi penanda aras bagi tahun-tahun yang berikutnya.

Kawasan pembangunan Special Border Economic Zone di Bukit Kayu Hitam (BKH-SBEZ) turut menunjukkan prestasi yang memberangsangkan apabila Syarikat Northern Gateway Sdn. Bhd. (NGSB), anak Syarikat MOF Inc. telah berjaya membawa masuk jumlah pelaburan hartanah bernilai RM7.2 billion melalui 3 projek pembangunan. Prestasi ini turut disokong oleh strategi 1 Teras 1 iaitu memperkasakan infrastruktur sokongan Projek Impak Tinggi apabila pihak Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan pembangunan Loji Rawatan Air (LRA) baharu di Kubang Pasu untuk menyokong pembangunan pelaburan baharu di BKH-SBEZ. Manakala projek pembangunan Kedah Rubber City (KRC) adalah "*Game Changer*" di koridor timur Negeri Kedah yang merupakan *Rubber-Belt* bagi kawasan sempadan Malaysia-Thailand telah selesai menyiapkan kerja-kerja tanah dan infrastruktur Fasa 1 dan bersedia untuk menerima kemasukan pelaburan yang berjumlah RM3 billion melalui 2 projek pelaburan. Saya sukacita juga ingin memaklumkan sewaktu perasmian Fasa 1 oleh YAB. Perdana Menteri, dengan penglibatan Syarikat Mitsui bersama Hup Seng, mereka telah menambah RM1 billion lagi menjadi jumlah pelaburan di KRC sekarang RM4 billion. Projek Fasa 2 pula dijadual akan diteruskan pada tahun 2023 nanti. Sehingga tahun 2025, KRC dianggarkan dapat menarik masuk pelaburan baharu bernilai RM10 Billion.



Selain daripada itu, prestasi yang dapat diketengahkan adalah inisiatif di bawa strategi menerapkan budaya MICAT (Mesra, Integriti, Cekap, Akauntabiliti, Telus) pada Teras 5: Kompetensi Tadbir Urus apabila pihak Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah membangunkan sistem E10 yang akan membantu pihak pelabur untuk memulakan operasi perniagaan di Kulim dalam tempoh 10 bulan sahaja bermula daripada tarikh pemasukan permohonan Kebenaran Merancang. Inisiatif ini membuktikan yang 2 teras utama Kedah 2035 dapat disilangkan bagi membuahkan satu hasil yang lebih memberangsangkan.

Usaha Kerajaan Negeri untuk menetapkan satu pelan pembangunan yang akan menjadi arah tunjuk dan haluan ke arah satu pembangunan yang holistik kepada seluruh rakyat Negeri Kedah khususnya hendaklah diteruskan dan diperkasakan dari setiap masa ke masa, tanpa perlu dicabar atau dihentikan. Ini kerana, hasilnya telah pun dapat dilihat walaupun pelaksanaannya masih lagi setahun jagung.

Strategi bagi merapatkan jurang sosioekonomi dan pembasmian kemiskinan di bawah Teras 3: Keterangkuman Sosial dan Budaya turut berada dalam radar pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang dirancang. Usaha ini dilihat bukan sahaja Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) yang telah mengaktifkan inisiatif - inisiatif bagi membantu kumpulan B40 melalui Program Kasih Ibu, NCER Empowerment; JomNiaga@NCER dan lain-lain.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan melalui Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri telah mengenalpasti 3 daerah iaitu Baling, Sik dan Yan iaitu daerah-daerah yang akan diberikan tumpuan dalam mengatasi isu kemiskinan rakyat. Jaringan yang sebegini menjadi satu jaringan strategik silang agensi yang akan diperkasakan melalui Teras 5: Kompetensi Tadbir Urus.

Keperluan mendatang bagi mengisi peluang-peluang pekerjaan yang berjaya diwujudkan melalui pelaburan masuk samada dari luar (FDI) ataupun dalam negara (DDI), akan memerlukan Kerajaan Negeri fokus kepada pembangunan modal insan dan bakat melalui Teras 4. Oleh itu, melalui inisiatif di bawah teras ini, Kerajaan merancang untuk memperkasakan lagi bidang TVET dan STEM dengan bakal mewujudkan Institusi Teknikal Negeri yang bakal memberi peluang pendidikan Sains dan Teknikal menghasilkan menghasilkan bakat-bakat yang diperlukan oleh industri di masa akan datang. Dalam pada masa yang sama, hubungan jaringan di antara agensi, industri dan institusi pendidikan akan diperkasakan bagi memastikan keperluan industri dapat disokong dengan menghasilkan bakat-bakat yang diperlukan.



Kesimpulannya, keseluruhan pembentukan Pelan Pembangunan Kedah 2035 ini adalah saling berkait-rapat di antara satu sama lain. Ia jelas menunjukkan yang satu agensi tidak akan dapat menjadi *champion* dalam melaksanakan mana-mana inisiatif malah satu kolaborasi yang perlu dirapatkan dan diperkemaskan dalam memastikan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan. Prestasi Kedah2035 dari tahun ke tahun akan terus dipantau dan ditambahbaik agar setiap inisiatif yang dirancang adalah realistik manakala sasaran yang disasarkan adalah bertepatan dengan mendatangkan impak yang bukan hanya kepada pihak Kerajaan Negeri malah ianya adalah untuk rakyat Negeri Kedah khususnya.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih Dato' Speaker dan YB. Jeneri tentang jawapan yang panjang lebar tadi, suka saya mengingatkan bahawa melalui dokumen ini, kita dapati jelas bahawa Pelan Pembangunan Kedah yang diberi nama Kedah2035 itu adalah susulan plan transformasi Kedah yang telah dilaksanakan sebelum itu iaitu selama 5 tahun dan saya memang suka kalau kerajaan baik di peringkat persekutuan mahupun negeri yang mempunyai perancangan jangka panjang walaupun 15 tahun itu tidak dianggap jangka masa panjang tetapi ianya penting untuk membentuk hala tuju yang perlu dipatuhi semua agensi kerajaan, kementerian-kementerian, termasuklah di peringkat negeri.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kerana apa juga yang telah dilancarkan sebelum-sebelum ini telah terus dilaksanakan oleh kerajaan negeri kerana inilah kelangsungan yang kita perlukan untuk memastikan projek-projek ini berjaya dan tidaklah diubah dalam jangka masa yang pendek. Walaupun begitu, kita belum merasai impaknya kalau kita faham mengenai apa suatu projek itu atau apa bentuk manfaat projek itu dapat dirasai oleh semua masyarakat setempat apabila projek yang bernilai berbilion-bilion ringgit itu dilaksanakan, kita hairan kenapa di Kedah ini belum lagi dirasai kesan positif daripada pelaburan yang bernilai puluhan billion ringgit. Kalau kita faham bahawa kalau 5 syarikat melaburkan 1 billion ringgit jumlahnya 5 billion tentulah memberikan kesan yang besar kerana limpahan ekonominya akan berlaku dengan begitu cepat sekali. Biasanya dengan hanya pengumuman sahaja sudah ada timbul keyakinan daripada usahawan-usahawan tempatan untuk menyediakan bekalan perkhidmatan, kedai-kedai makan juga akan dapat manfaat daripadanya tetapi malangnya di Kedah ini saya lihat 68.3 billion ringgit telah diumumkan pada tahun 2021 tetapi tidak dirasai oleh rakyat ini yang pertama.



Yang keduanya ialah, sewaktu kami membuat Pelan Transformasi Kedah untuk jangka masa 15 tahun melalui Kedah 2035 nanti, kita tidak menjangka dunia akan dilanda satu penyakit iaitu Covid-19, kita juga tidak menjangkakan perang akan berlaku ribuan kilometer daripada sini tetapi kesanya akan dirasai juga oleh kita kerana negara kita ni adalah negara pedagang. Jadi, apa tindakan yang kita ambil untuk mengimbangi antara projek yang besar dengan keperluan rakyat itu sendiri kerana saya lihat dikawasan saya sendiri YAB. rakyat kita sekarang ini tengah mengail ikan di tali air bukan untuk jual ikan puyu itu tapi untuk makan. Jadi, ini membuktikan kepada saya bahawa keadaan rakyat sekarang ini amat mencemaskan. Jadi saya harap, saya kemukakan soalan apa kerajaan negeri lakukan untuk menyelamatkan rakyat kita sendiri sebelum kita membuat pengumuman mengenai pelaburan-pelaburan, puluhan billion ringgit terima kasih.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Dato' Speaker, YB. Jitra mengail ikan puyu ni bukan baru tahun ini ja daripada zaman saya kecil-kecil mak dengan pak saya pun sudah mengail ikan puyu untuk makan daripada dulu-dulu. Kalaupun ada lauk dirumah boleh beli di market ikan udang tapi depa pi mengail jugak pasai hobi dan ikan puyu ini tidak ada dijual di market nak makan ikan puyu kena pi mengail kat parit ataupun dalam bendang jadi bukanlah indikator kemiskinan sangat mengail ikan puyu tu. Kalau disebelah padang-padang ni pak saya dulu dok menjala ikan boleh sepat benua berguni-guni bukan pasai dibelah Sik tiada ikan tapi itu aktiviti orang kampung.

Ya, saya bersetujulah yang oleh menunjukkan indicator kemiskinan tapi ia bukan benda baru, bukan tahun ini ja baru berlaku ada orang mengail ikan puyu di belakang rumah saya di Taman Lumba Kuda tu, Taman Kelana ada orang mengail ikan puyu, hari-hari ada mengail tapi musim macam la ni la orang mengail kot belah padang, belah Sungai Limau lagi banyak orang mengail, menjala. Saya pun dok pi tarik pukot kot dalam gube bukan pasal saya tiada duit untuk beli ikan tapi sebab saya minat. Yang tu jawab pasal ikan puyu dulu la. YB. Jitra mungkin tak pernah mengail ikan puyu sebab beranak dalam kepui emas bukan macam kami, kami beranak dalam kepui getah kami beranak dalam jelapang padi.

YB. Dato' Speaker memang barang pelaburan tidak mendatangkan kesan segera kalau Ustaz Azizan akan jawab macam ni tapai pun ambik masa 2 malam baru nak buat, baru nak jadi tapai cik oi! Ini pelaburan tentu mengambil masa bertahun-tahun itulah yang sedang kita lalui sekarang ini proses terpanjang. Sekarang ini, contoh ATNS sedang menghantar batch pertama training di China 400 orang.



Batch kedua akan training di Malaysia membawa trainer daripada China untuk training di sini dan mereka telah mula hire pekerja sekurang-kurangnya sudah ada 200 staf tempatan telah diambil bekerja untuk ATNS dan mereka menyewa ruang niaga milik KTPC untuk dijadikan pejabat dan mereka telah mula berkerja. Itu kesan serta merta dari pelaburan ATNS mereka datang ke pejabat saya minggu lepas membentangkan progres semasa, mereka sudah menyiapkan piling, berapa ribu batang piling untuk bangunkan kilang dan sekarang ini 5,000 pekerja construction di site yang sedang mencari makan dalam industri pembinaan di tapak pembinaan ATNS, dia punya kantin saja besar blok di Wisma Darulaman ini. Saya tanya ni permanent ka temporary, dia kata temporary saya kata kalau di Malaysia ni permanent pasal terlalu besar tapi akan dibuka selepas proses pembinaan siap. Ada kesan segera dalam proses pembinaan construction bekalan bahan binaan tetapi kita tak nampak kerana depa ni tak macam mengail ikan puyu mereka ada di tapak dalam holding yang tertutup. Jadi, kita tak nampaklah tapi ada rakyat Negeri Kedah malah ada rakyat negeri lain pun yang tumpang cari makan dalam proses pembinaan kilang-kilang industri di tapak-tapak binaan kawasan pelaburan yang telah diluluskan di Kedah pada hari ini.

Saya harap dalam tempoh beberapa tahun ini selepas mereka telah mula beroperasi contohnya ATNS sendiri yang telah mensasarkan 10.85 Billion dan jumlah tenaga kerja berkemahiran yang mereka perlukan ialah 5,000 orang. Mereka adalah anak-anak kita yang perlu disediakan kemahiran mereka untuk menceburkan diri dalam industri pembuatan SME yang akan dibangunkan oleh para pelabur kita. Sekian terima kasih.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Terima kasih YB. Dato' Speaker,(YB. Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

Ni nak bagi ceramah ka soalan?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Soalan, ada pengenalan sikit, rendang sikit! Dalam sasaran yang ditetapkan kita bincang tentang plan sasaran Kedah2035 untuk teras 1 kemakmuran ekonomi, kerajaan telah meletakkan sasaran sebanyak 55% pertumbuhan KDNKK setahun. Adakah dalam tempoh dalam Covid ini, berapakah yang telah kita capai pada tahun 2021 dan kita telah melepasi sasaran kedua 10 billion pelaburan masuk setahun.



Kalau sebelum-sebelum ni pelaburan yang masuk ke Kedah hanya 2-3 billion sahaja tetapi kerajaan negeri menetapkan 10 billion setiap tahun. Ia merupakan suatu yang menguji kemampuan kerajaan dan pegawai-pegawai dan seterusnya 20% kawasan penanaman padi dijalankan secara estet.

Pertamanya, soalan tadi YAB. menyebutkan pelaburan-pelaburan yang masuk melebihi yang telah kita sasarkan dan telah pun disebut oleh soalan YB. Jitra tak nampak impak dalam tempoh setahun dan Jitra pun sebut kita tidak menjangkakan pandemik yang berlaku ini akan menjejaskan sasaran yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Sebelum ini YAB. telah mengumumkan pada tahun 2021 iaitu 11,030 peluang pekerjaan diwujudkan daripada Januari sehingga September 2021 dan adakah ini termasuk yang sedang bekerja dalam sektor pembinaan yang disebut oleh YAB. tadi. Adakah 11,000 ini terlibat dalam pembinaan awal untuk melancarkan kilang-kilang.

Yang keduanya, disebut lambat pasaran banyak tapi lambat adakah terlambat ini kerana pentadbiran dahulu. Bila ubah sahaja kerajaan apa yang dirancang kerajaan sebelum ini contoh, semasa Almarhum Ustaz Azizan, Kedah menjadi pengeluar kedua nenas di Malaysia tapi bila berubah kerajaan projek itu dihentikan begitu juga pada tahun sebelum ini Kerajaan Pakatan Harapan menangguhkan pembinaan loji rawatan air. 5 tu dihentikan disebabkan untuk menilai semula jadi sebab nak nilai tu maka terpaksa pending dan rakyat tidak dapat manfaat segera selepas apa yang dirancang. Jadi, adakah budaya ini berlaku menyebabkan Kedah ini ketinggalan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Speaker, saya telah menjawab di dewan yang mulia ini bahawa budaya 'scrap off' projek-projek yang lama dari kerajaan dahulu tidak kita amalkan lagi sebab itulah Jitra menyebutkan sebahagian daripada Kedah 2035 ini adalah Pelan Transformasi Kedah yang dirancang pada masa lalu dan saya telah menyebutkan di dewan ini juga bukan sahaja Pelan Transformasi Kedah malah kita ambil jauh ke belakang iaitu daripada tahun 90an dan dibawa, diolah untuk dijadikan Pelan Pembangunan Kedah 2035 ini menjadi satu pelan yang komprehensif mengambil kira semua rancangan yang telah disusun sebelum ini dan rancangan yang akan dilaksanakan akan datang dan saya telah menyatakan pada dewan yang mulia ini bahawa budaya 'scrap off' yang dijalankan oleh kerajaan sebelum ini telah merugikan negeri dan rakyat Kedah Darul Aman.



Oleh yang demikian, pada masa depan ia tidak patut diamalkan lagi tidak kiralah siapa yang duduk sebelah ini, scrap off itu perlu ditinggalkan. Yang kedua, YB. Sungai Limau 11,000 yang dinyatakan peluang pekerjaan yang diwujudkan sehingga 2022 itu tidak termasuk dalam sektor pembinaan. Ini pekerja-pekerja yang diambil bekerja oleh syarikat-syarikat yang diberikan kontrak untuk membangunkan kilang-kilang itu sama ada pekerja buruh, pekerja mahir, engineer dan sebagainya tidak termasuk dalam peluang pekerjaan yang disediakan daripada pembangunan industri itu.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Kontraktor pembinaan itu pekerja asing ke pekerja tempatan YAB.?

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Pekerja asing, pekerja tempatan pun ada yang depa tunjuk kemarin orang putih ada orang gelap pun ada, macam-macam orang ada. Ada subcorn depa tu dia pakailah! Kebanyakannya orang Bangladesh. Engineer tu orang tempatan, yang betul-betul manager tu Italian, Italian top, orang itali.

Di Risen Solar menjelang 2024 akan berlaku pertambahan 1,800 pekerja jadi di Aspen Glove menjelang tahun 2024, 3,500 pekerja, ATNS yang saya sebutkan tadi saya sebutkan 5,000 sebenarnya 6,000 yang dilatih oleh KISMEC di Kulim. Menjelang tahun 2023, 6,000 Osram 30,000, Infenion 20,000, Yang feng 10,000 tahun ini, Jabel 300, Aidil Healthcare 5, Hong Seng Glove 2024, 4800, Project IACT 25, BKHICD 160, 64,401 menjelang tahun 2024 taklah jauh sangat 2024 ini tahun depan 2023, lepastu 2024 dah ada 64,000 taklah panjang sangat tapi adalah keperluan untuk pekara ini dirancang dan direalisasikan dengan mengambil sedikit masa tapi kesan segera itu ada. Orang yang mai kerja dia belanja makan, minum, sewa rumah, pertukaran, peredaran duit itu berlaku di kalangan masyarakat sekitar cuma yang saya faham isu yang dibangkitkan oleh Jitra ini ialah direct kepada orang itu. Kerajaan ini tidak menguruskan pengurusan semikro itu, kita uruskan yang makro. InsyaAllah yang micro itu akan berjalan dengan sendirinya InsyaAllah Terima kasih YB. Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih, soalan nombor 4 oleh Mejar Kuala Ketil tapi tidak hadir jadi YB. Kuah boleh buat jawapan bertulis kepada Kuala Ketil. Kita sempat lagi untuk masuk ke soalan nombor 5.



YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Salam sejahtera YB. Speaker mohon jawapan soalan nombor 5.

**5. YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY
[ADUN BUKIT SELAMBAU]**

Pohon dinyatakan:-

Apakah perancangan dan strategi jangka pendek dan jangka panjang yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengeratkan silaturahim perpaduan kaum di Negeri Kedah Darul Aman?

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih YB. Dato' Speaker, YB. Bukit Selembau jawapan untuk soalan nombor 5.

Perancangan dan Strategi untuk jangka pendek dan jangka Panjang.

(a) Jangka Pendek

Yang pertama ialah melaksanakan arahan-arahan semasa dan keputusan-keputusan dasar daripada kementerian perpaduan negara (KPM) serta Ibu Pejabat Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPININ) bagi mempromosikan perpaduan dalam kepelbagaian; dan

Yang kedua, melaksanakan aktiviti dan program-program kemasyarakatan yang telah dirancang melalui mekanisme perpaduan sedia ada misalnya Kawasan Rukun tetangga, Tabika Perpaduan, Kelab Rukun Negara (KRN), Sekretariat Rukun Negara (SRN) dan sebagainya.

(b) Jangka Panjang

Yang pertama, Pelaksanaan Rangka Tindakan (blueprint) Perpaduan Negara 2021 – 2030 yang menggariskan 12 strategi yang dapat memperkukuhkan perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. diantara rangka pelan tindakan yang akan diadakan adalah merangkumi aspek berikut;

- a) Membina rakyat yang patriotik dan demokratik
- b) Membentuk identiti nasional; dan
- c) Memperkukuhkan ekosistem perpaduan



Yang kedua, Pelaksanaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021 – 2030. Pelan ini berteraskan 5 teras strategik iaitu:

- a) Teras strategik 1 – memelihara sistem demokrasi raja berperlembagaan
- b) Teras strategik 2 – membentuk masyarakat yang menghargai dan mengamalkan perpaduan
- c) Teras strategik 3 – memperkasakan sosioekonomi yang adil dan saksama
- d) Teras strategik 4 – menjamin keterbukaan dan toleransi terhadap perbezaan agama dan tradisi kebudayaan
- e) Teras strategik 5 – membina masyarakat progresif melalui sains, teknologi dan inovasi

Yang ketiga, menubuhkan lebih banyak kawasan rukun tetangga (KRT) didalam komuniti setempat. melalui penubuhan KRT maka jawatankuasa yang dilantik dapat menjalankan pelbagai aktiviti kearah meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiiran, bertoleransi dan bersatu padu. pada masa kini terdapat 502 KRT di seluruh Negeri Kedah.

Yang keempat, pembukaan lebih banyak kelas Tabika Perpaduan. Sehingga pertengahan bulan Februari 2022, terdapat 107 kelas Tabika Perpaduan di seluruh negeri Kedah. Tabika Perpaduan merupakan suatu institusi pendidikan awal kanak-kanak dalam mengembangkan potensi dan melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara, mengamalkan nilai-nilai murni seperti semangat kekitaan, toleransi, meraikan kepelbagaian dalam kehidupan seharian. Penubuhan Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan (JPTP) yang dianggotai oleh para ibu bapa kanak-kanak dan pemimpin masyarakat setempat yang berperanan sebagai agen penggerak di peringkat akar umbi.

Yang kelima, penubuhan lebih banyak Kelab Rukun Negara (KRN) dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) pada masa kini terdapat 353 KRN di peringkat sekolah rendah, 193 KRN di peringkat sekolah menengah dan 18 buah Sekretariat Rukun Negara di peringkat institusi pengajian tinggi awam dan swasta di negeri Kedah. KRN dan SRN diperkasakan melalui program pendidikan yang berteraskan kenegaraan, patriotik dan perpaduan. Ahli-ahli KRN dan SRN diberi keutamaan dalam penyertaan program integrasi dan perpaduan yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPIN).



Yang keenam, Inisiatif mewujudkan 'café unity'. antara ciri-ciri *café unity* ialah ia mempunyai hidangan atau menu kesukaan pelbagai kaum di negara ini. Atas ciri-ciri ini, pelbagai kaum akan mengunjungi *café unity* ini dan ia berperanan sebagai tapak integrasi dan perpaduan. Rakyat pelbagai kaum dapat berinteraksi sambil menikmati menu citarasa keluarga Malaysia.

Melalui strategi-strategi yang dinyatakan, diyakini bahawa ia mampu mengeratkan silaturrahim perpaduan kaum di negeri Kedah Darul Aman.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

YB. Speaker soalan tambahan saya, setakat ini apakah keberkesanan program atau aktiviti yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk memupuk perpaduan dan integrasi kaum di Negeri Kedah Darul Aman.

YB. DATO' SPEAKER

Sidam dapat tak ? clear tak ?

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Clear tuan Speaker, okay untuk jawapan tambahan bagi YB. Bukit Selambau. Program-program yang kita anjurkan oleh JPMIN Negeri Kedah yang akan menjurus kepada matlamatnya untuk yang pertama

- a) Mendidik masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama, warna kulit dan keturunan untuk mencintakan perpaduan.
- b) Memelihara dan meningkatkan keharmonian perpaduan nasional.
- c) Mempromosikan kesefahaman dan harmoni agama bagi semua lapisan rakyat.
- d) Menjalankan apa-apa aktiviti wacana perpaduan dan usaha merapatkan hubungan-hubungan kaum.
- e) Melaksanakan langkah-langkah intervasi, menguruskan hal-hal perpaduan negara dan integrasi nasional



Berdasarkan rekod penilaian program sebelum berlakunya covid-19 secara dalaman, jabatan ini ada memanggungkan satu kaedah yang dinamakan penilaian program perpaduan atau ringkasnya PPP. PPP merupakan satu mekanisma penilaian bagi melaksanakan program terkawal terhadap peserta yang dikenal pasti. Skop penilaian merujuk kepada 2 elemen. Pertama, penilaian masyarakat melaksanakan untuk menjururs cara bagaimana kelompok masyarakat mengurus diri mereka dan berkongsi hidup dengan orang lain. Proses penilaian mengelakkan borang kaji selidik kepada peserta-peserta program iaitu pra dan paska program. Penilaian dan analisis seterusnya dibuat berdasarkan base line PPP dan tidak melebihi skala 2.2 daripada yang diketogori sebagai baik bagi Negeri Kedah. Pencapaian PPP bagi individu ialah 1.1 manakala bagi masyarakat pula ialah 1.65 yang mana menunjukkan bahawa program-program yang dijalankan mampu mengeratkan perpaduan kaum, agama, dan kepercayaan pelbagai kaum di Negeri Kedah. Sekian terima kasih Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih kerana tiada soalan. Sekarang urusan seterusnya setiausaha.

III. USUL UCAPAN MENJUNJUNG KASIH DARIPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Usul ucapan menjunjung kasih daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah.

YB. DATO' SPEAKER

Silakan!

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya pohon mencadangkan satu Usul yang berbunyi seperti berikut:

"Bahawa Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman mempersembahkan Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah ucapan yang berbunyi:-



“Patik-Patik sekalian, Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman di dalam persidangan ini dengan penuh hormat dan takzimnya menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, di atas perkenannya Tuanku menyampaikan Titah Ucapan Sempena Perasmian Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Keempat Belas”.

Sekian, terima Kasih.

YB. DATO’ DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Yang Berhormat Dato’ Speaker, saya pohon menyokong cadangan tersebut.

YB. DATO’ SPEAKER

Urusan seterusnya.

IV. PERBAHASAN DI ATAS USUL MENJUNJUNG KASIH KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH SECARA DASAR.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Perbahasan di atas usul Menjunjung Kasih Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah secara dasar.

YB. DATO’ SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, perbahasan di atas usul Ucapan Menjunjung Kasih Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, saya mohon kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat agar menumpukan ucapan-ucapan Yang Berhormat kepada perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri Kedah sahaja. Saya juga berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak mengulangi perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat lain.

Sekarang Dewan dibuka untuk perbahasan.

YB. DATO’ SPEAKER

Dipersilakan Ketua Pembangkang, YB. Alor Mengkudu!



YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah robil 'alamin wabihi nasta'in. Wassola tuwassala mu'ala saidin mursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in.

YB. Dato' Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli YB. Exco, ADUN-ADUN, ketua-ketua jabatan, hadirin hadirat yang dikasihi sekalian. Pertama saya ucapkan terima kasih kepada YB. Dato' Speaker kerana memberi izin untuk saya memberikan ucapan perbahasan Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di atas perkenannya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyampaikan titah ucapan sempena Perasmian Pembukaan DUN Kedah Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Ke 14 pagi kelmarin.

YB. Dato' Speaker, diantara perkara pertama yang disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku adalah mengenai musyawarah politik, musyawarah demokrasi dalam ucapan. Saya ingin mengambil kesempatan untuk menyatakan sokongan sepenuh atas saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengenai betapa pentingnya musyawarah dilakukan terutamanya di kalangan pimpinan-pimpinan ahli-ahli politik yang telah pun diberikan amanah oleh rakyat untuk memastikan supaya negeri dan negara kita ini akan menjadi sebuah negara yang maju, berjaya, aman dan kita sedia maklum bahawa dalam sistem demokrasi memang musyawarah ini merupakan satu tonggak penting. Sebab itu lahirnya Dewan Undangan Negeri yang menjadi 'platform' musyawarah lahirnya Parlimen yang menjadi 'platform' musyawarah di mana keputusan-keputusan penting yang berdasarkan kepada perlembagaan itu dilakukan secara rasmi di peringkat Dewan Undangan Negeri dan juga di peringkat Parlimen.

Walau bagaimanapun, sistemnya begitu baik tetapi oleh kerana ia bergandingan dengan politik, demokrasi ini tidak boleh lari daripada urusan politik kerana urusan politik ini urusan untuk melantik pemimpin yang akan diwakili oleh rakyat. Maka di situlah berlakunya pelbagai perbezaan pendapat, pertelingkahan di antara ahli-ahli politik umpama saya katakan bahawa dunia politik ini umpama lautan yang tak mungkin tidak ada ombak, tak mungkin tidak ada ribut, tak mungkin tidak ada gelombang. Dalam gelora politik yang ada ini, sama ada ia berlaku dari dalaman parti-parti yang berkenaan, ia boleh berlaku di antara parti-parti politik dan sepanjang tempoh berpolitik ini, itulah di antara perkara yang pada peringkat ini mengambil perhatian banyak pihak bahawa kita sudah melalui satu tempoh yang panjang dalam sistem demokrasi maka berlaku pelbagai perkara yang tidak pernah berlaku dahulu.



Sebagai contoh, berlaku Pilihanraya Negeri, salah satu contoh, dulu jarang berlaku Pilihanraya Negeri berasingan kecuali di Sarawak dan Sabah kerana mereka baru menyertai Malaysia, tetapi di Semenanjung tak berlaku Pilihanraya Negeri kerana ada satu persetujuan di antara negeri dan Pusat untuk mengadakan pilihanraya bersama. Tetapi akhir-akhir ini apabila berlaku perubahan politik selepas parti yang telah lama mendominasi negara ini berlaku perubahan maka mulailah selepas PRU-14 berlaku beberapa Pilihanraya Negeri dah kita hadapi pada ketika ini, di Sabah dan Sarawak tu kita tak kira lah memang mereka sejak daripada mula tu memang tempoh kadang kala tu dia tak sama, dia nak menyamakan tu dia payah sebab mula pilihanraya dia tak sama. Tetapi dah berlaku di negeri, baru-baru ini di Melaka, berlaku di Johor dan ada orang mengatakan nak berlaku di Kedah ka tapi YAB. Jeneri kata dak kut setakat ini di Kedah.

Saya kira pertama daripada sudut perbelanjaan. Perbelanjaan pilihanraya ini sebenarnya dia sama, kalau satu pilihanraya tu dibuat di negeri, prosesnya sama juga. Bila negeri campur dengan Persekutuan perbelanjaan urusan pilihanraya macam tu juga tapi kalau buat berasingan, dua kali lah, kos pilihanraya. Kalau semua negeri-negeri buat berasingan, dia sudah menjadi 'double' dan melibatkan 'billion' perbelanjaan urusan pilihanraya. Jadi, sepatutnya wang itu pergi kepada rakyat tapi dah nak dibuat pilihanraya, rasa tak puas hati, rasa kuasa dah tak cukup kuat, dah kuasai kerajaan pun, rasa nak buat pilihanraya jugak nak bagi semua duduk di bawah satu parti. Sedangkan sekarang ini dominasi satu parti golongan dah tak berlaku dah di Malaysia sekarang ini, ia mesti ada perubahan, kerajaan pun dah berubah. Ini mungkin di antara perkara yang perlu difikirkan. Sebab itu apabila Tuanku menyarankan musyawarah ini bukan sahaja musyawarah secara rasmi yang berlaku di Dewan Negeri, di Parlimen tetapi musyawarah di kalangan pimpinan juga perlu berlaku walaupun di luar atas kepentingan rakyat perlu ada terutamanya melibatkan perkara-perkara yang ada keutamaan untuk kepentingan negara.

Perkara yang seterusnya yang ingin saya sebutkan di sini adalah mengenai kos sara hidup yang meningkat, ini menjadi satu rungutan rakyat. Memang harga barangan ni dari semasa ke semasa ia meningkat sebab ekonomi itu berkembang, tak boleh lari. Harga tanah naik, harga rumah naik, harga makanan keperluan naik, itu memang pertumbuhan ekonomi ini kita tak boleh elak lah. Kalau kita nak jadi zaman dulu, zaman dulu gula baru berapa kupang saja dulu, dah gula naik lebih dah, tepung pun berapa kupang, tak boleh boleh berlaku memang ia berkembang. Tetapi sejak akhir-akhir ini terutamanya selepas daripada kita hadapi pandemik Covid-19, salah satu benda seperti yang disebut oleh YB. Jitra tak dijangka pun oleh pemikir ekonomi bahawa itu adalah bencana yang melanda negara kita. Kesan kepada ekonomi bukan saja kita, kesan kepada dunia kerana mengganggu pengeluaran, sekatan pergerakan



dan sebagainya menyebabkan ada sesetengah bidang tu tak dapat dilaksanakan, pengeluaran terganggu, pekerjaan semua terganggu, jadi menyebabkan harga barangan tersebut naik. Ini memerlukan suatu usaha supaya tidak begitu mendadak kenaikan-kenaikan berkenaan. Saya mengambil beberapa contoh, kita sendiri pun terlibat apabila kita beri duit kepada isteri kita, koi lama dia minta koi tambah, (sambil ketawa) dia duk kata tak cukup. Kita kata, "apa yang tak cukup ni"? Isteri seorang la tu kalau isteri dua tiga tu lagi lah masalah kan? (sambil ketawa). Kita sendiri pun berasa, bagi RM200 dia kata, "RM200 ni sekali pi 'shopping' saja habis beli barang". Dulu bagi RM100 pun cukup, la dia cukup. Kita sendiri sebagai ketua keluarga yang beri pun dah mula terasa, sebenarnya kita jarang duk bekesah harga naik tak naik ni.

Dan rungutan daripada peniaga-peniaga makanan contohnya, "kami ni hadapi masalah nak sediakan makanan, kedai jual nasi, lauk pauk dan sebagainya dia kata payah, nak letak harga mahal pi beli semua barang harga naik, barang naik mendadak terutamanya barangan asas contohnya ayam. Ayam saya tanya isteri saya lah, saya pun tak pernah duk pi kedai beli ayam ni, dia kata, "dulu baru RM6.50 saja, la ni dia naik sampai RM9.00, ha la. Itu satu harga dalam tempoh bulan bukan tahun. Harga daging dulu baru dalam RM32.00 atau RM34.00, la dah naik RM38.00, raya ni boleh jadi RM40.00 lebih. Minyak masak, minyak masak ni kita sebenarnya pengeksport minyak masak, sebab kita kelapa sawit banyak, kita pengeksport. Minyak masak jugak naik, ada minyak masak yang kerajaan kawal tu yang dalam peket tu, hat tu sebenarnya untuk golongan pendapatan rendah tapi 'puak-puak' kaya pun duk pi beli hat tu jugak duk pi berebut. Puak yang berniaga sebenarnya tak boleh beli kan? Tapi pakat duk pi beli hat tu, hat tu pun tak cukup dalam pasaran. Jadi, ini di antara yang kita nak kena ambil satu langkah mengatasi masalah tekanan sara hidup memang sangat dirasai oleh rakyat pada ketika ini. Itu tidak kira rakyat yang hilang pekerjaan, tiba-tiba pekerjaan tak dak, terpaksa dibuang kerja kerana syarikat itu berhenti dan sebagainya.

Jadi, ini perlu diambil tindakan oleh pihak berkuasa, pihak kerajaan bagaimana cara kita nak mengatasi masalah kenaikan yang mendadak yang dihadapi oleh rakyat terutamanya mereka yang berpendapatan rendah dan kita pun telah dimaklumkan bahawa golongan B40 ni pun dah meningkat. Berapa peratus dah golongan daripada M40 ni sudah menurun menjadi B40. Hat B40 tu turun lagi lah, bila hat atas turun B40 turun lah B40 apa tak tau, istilah 'tegar', dah lagi rumit. Kita kena ambil perkara ini secara serius tentang tekanan yang dihadapi. Saya juga kadang-kadang sedih tengok pengalaman pi beli buah tembikai, kita pun beli sebelah saja, ada pakcik tu lalu nak beli tembikai. Dia kata, "hat cik beli ni harga berapa, hat separuh tu"? "Adalah harga enam tujuh ringgit saja harga separuh". Saya kata, "pasai apa pakcik tanya"? Dia kata, "saya nak beli takut duit saya tak cukup".



Ertinya dia sendiri bawa duit tu mungkin tak banyak, tak dak, nak beli buah tembikai pun naik takut. Jadi, itu kita nak bayangkan betapa isu inflasi dan kesukaran yang dihadapi oleh rakyat yang pada ketika ini perlu ditangani oleh kita sebagai pihak kerajaan dan kita juga mungkin ada tindakan-tindakan yang boleh dibuat oleh pihak kerajaan ataupun kita juga. Kalau dulu ni, saya tengok rakyat kita, dulu! Dulu! Bukan sekarang dulu! Dulu ni di kampung-kampung kalau ada kawasan, dia bela ayam. Ialah, memang ayam duk berak merata kan? Tapi dia bela ayam, dia dapat hasil daripada ayam, dia ambil telur dan sebagainya, dia tak beli. Tapi kalau kita tengok sekarang ni, ayam pun depa tak bela, itu di pihak rakyat lah semua dia nak beli, kadang-kadang serai pun dia nak beli sebab hidup tu dia dah jadi budaya baru. Sepatutnya benda tu boleh tanam saja di keliling rumah, tapi dia tak buat, dia suka beli.

Akhirnya yang paling seronok sekali dapat subsidi daripada kerajaan lah apa-apa dia nak minta tunai, sedangkan kita sedia maklum bahawa kerajaan macam mana pun terhad, kerajaan akhirnya terpaksa berhutang, itu yang menyebabkan hutang yang banyak kerajaan tu. Jadi, ini isu kos sara hidup saya ingat benda-benda yang 'real' lah bukan satu benda yang direka-reka dan sebagainya.

Seterusnya saya nak sebut juga kerana ini disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam ucapan mengenai sektor pertanian dalam muka surat 6. Sektor pertanian memanglah Kedah ni masih lagi dianggap negeri yang sebahagian besar rakyat terlibat dalam sektor pertanian. Walaupun kita kata ada pelaburan banyak, industri banyak, kita tak dikira lagi sebagai negeri industri kerana rakyat yang terlibat dengan sektor pertanian masih besar, padi luar bandar, getah, kelapa sawit dan sebagainya masih lagi banyak.

Jadi, sektor pertanian ni satu sektor yang saya lihat, sebenarnya pengalaman saya lama dah duk dalam negeri ni, kita tak berkembang sangat itu kita kena terima hakikatlah macam-macam perancangan yang kita buat tetapi pertanian ni kita tak boleh nak bangkitkan sedangkan negeri kita adalah negeri pertanian. Kadang kala kita macam mundur ke belakang dalam sektor pertanian, kita tidak maju ke hadapan walaupun macam-macam program, perancangan yang kita buat. Saya nak ambil contoh, penternakan, pertanian juga tu. Kita sepatutnya dah maju ke hadapan dengan padang ragutnya, dengan insentif itu intensif ini. Lembu pedaging 2016 kita ada 69,387, 2017 menurun 52,000, dia koi sikit, sepatutnya koi maju YB. Dato' Speaker. 2018 turun 48,000, 2019, 44,000, 2020 ada naik sikit 5,000. Trend tu trend koi menurun sedangkan pelbagai inisiatif yang kita buat ni, macam-macam perancangan. Lembu tenusu, 2,600 lebih, 2020 tinggal 2,100, turun. Kerbau, 7,400 lebih 2016 la turun 4,000, mana nampak kerbau dah la ni. Kambing, 2016 55,000, saya tak mau baca tiap-tiap taun, mai hat la ni 2020 tinggal 50,000 lebih daripada 55,000.



Biri-biri 11,000 lebih la turun 11,000 lebih kurang, tak berkembang. Itu menunjukkan bahawa di antara petujuk bagaimana pertanian ini tak boleh berkembang. Begitu juga hasil padi, pertanian juga, dahlah kawasan padi tu bertambah kurang oleh kerana buat perumahan, projek dan sebagainya. Kita pun tak boleh nak kawal dah rumah orang nak duduk. Tetapi hasil perhektar tak meningkat, masih duk cerita 5 metrik tan perhektar, 6 metrik tan pun dah tinggi. Kut Lembaga Zakat buat dapat 7 ka 8 tu kira bagus lah tu. Itu tidak kira lagi dihadapi oleh petani, hasil petani yang dapat 4 gundi serelung tu habislah, 15 gundi tu balik modal lah. Itu tak kira lagi yang mereka hadapi masalah, ini kira yang 'average' yang dihadapi tak meningkat. Sedangkan di negara-negara lain sebenarnya cerita 10 tan metrik ke atas dah, lama dah, 10 tahun dulu dah duk bercakap 10 metrik tan ke atas ni. Ada pengusaha-pengusaha padi yang agak mempunyai pendidikan, pelajaran tinggi mereka pergi melawat di sebelah Sekinchan mereka dah dapat....(YB. Anak Bukit minta laluan)

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI HAMZAH

Terima kasih YB. Pengkalan Kundor kerana bagi ruang dan terima kasih YB. Dato' Speaker. Mungkin kita nak kena tengok balik model kita nak meningkatkan hasil pertanian kut YB. Alor Mengkudu. Seperti dikatakan tadi lah, lembu tenusu ataupun lembu pedaging dan sebagainya, tak pa lah orang kampung nak terus ada sekoq dua kan, pi pacak duk meragut tepi-tepi ban MADA dan sebagainya tu ok. Saya tengoklah kalau di Malaysia ni model yang nampak berjaya ialah apabila kita serahkan kepada sama ada syarikat yang JV dengan syarikat berkaitan kerajaan. Contoh Yang Berhormat tentang pengeluaran susu dan sekarang ni syarikat ini dah nak disenaraikan YIPO lah di Bursa Saham iaitu Farm Fresh yang selain daripada dia ternak dan dapat susu, kemudian dia ada 'downstream', 'processing' dan melibatkan rakyat pun boleh jadi ejen, jual dan sebagainya. Mereka berjaya untuk buat secara besar-besaran di Bandar Muadzham Shah dan kemudian diberikan di beberapa tempat yang lain termasuk mereka pi melabur di Australia untuk mengeluarkan susu.

Jadi, apakah ini mungkin jadi 'solution', kalau kita duk biaq orang nu ternak tiga empat ekoq, kawan nu lima enam ekoq, dia tak boleh nak meningkat melainkan menggunakan model tersebut dan juga kalau padi Yang Berhormat sebutkan tadi tu saya tengok kalau kita punya Farm Holdings duk ada dua tiga relung, kawan ni tiga empat relung, memang payah melainkan kalau dibuat dengan skala besar, saya ingat kita bersetuju dibuat secara estet macam tu. Cuma, ada benda-benda yang kita nak tengok lah supaya orang duk cari makan sebelum tu menyewa, duk bagi traktor dan sebagainya tu harus terus dikekalkan mereka ini supaya jangan dimonopoli oleh syarikat besar tu, dia sapu habis kesemua, hat lain-lain tak boleh nak cari makan. Saya mohon pandangan daripada YB. Alor Mengkudu.



YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Terima kasih YB. Anak Bukit. Memang saya bersetuju, selepas ini ada beberapa cadangan yang akan saya kemukakan untuk kita pertimbangkan bersama tentang perkara ini. Ada mereka yang terlibat dengan padi dulu di katakan golongan yang terlibat dengan padi ni golongan dah berumur dan sebagainya mereka sebenarnya dah tak dak urusan lain lagi buat juga tetapi sekarang ini sudah ada golongan muda hat baru yang masuk yang berpelajaran, ada dah yang masuk dan mereka, ada salah seorang tu dia maklum kepada saya dia mula pergi tengok di Sekinchan bagaimana mereka buat padi, mereka boleh dapat 8 hingga 10 metrik tan perhektar. Dia kata, "beza depa tanam padi di sana".

Saya tak tanya beza macam mana, saya tak tanya 'detail'. Dia kata, "beza depa tanam padi di sebelah Selangor dengan kita tak sama, kaedah-kaedah dia tu tak sama". Jadi, perlu buat satu perubahan, dia sendiri kata lah, dia pun mula masuk buat tiga empat puluh relung juga lah bukan kata dia buat dua tiga relung, ini orang berpelajaran mula masuk dalam industri ini. Makna kata boleh bukan kata tak boleh, makna kata boleh kita 'reform'kan benda ini. Juga, isu-isu yang berkaitan dengan pertanian ini YAB. Jeneri, yang sekarang ini pula, tadi kita bercakap tentang barang makanan hat nak beli masak terus, semua import pertanian naik! Ini memang petani dan peladang cukup...tak tau lah depa nak buat macam mana, macam kerajaan tak buat apa! Kalau harga asal tu kita kata dalam RM50 naik RM100 lebih, tak dak sapa nak boleh nafikan benda ni. Baja naik, racun naik, berlipat kali ganda. Mereka kata betul lah harga kelapa sawit naik, tetapi nu, baja kelapa sawit naik melambung, racun apa semua nak naik melambung. Macam mana dia kata? Akhirnya...itu tidak kira lagi makanan ayam. Ada di sebelah Kampung Tualang tu, saya duk pi beli telur masin, dia duk bela itik. Dia kata, "la tak bela itik". Saya kata, "awat tak bela itik pak cik"? Dia kata, tak boleh bela sebab harga naik". Saya sebut lah bab itik sikit. Dia kata, "tak boleh"! Ertinya, bahan makanan tu kita import, bahan makanan tu boleh diusahakan di sini pun, ini perlu diatasi. Kalaupun sekiranya kita nak biar lama, input pertanian baja semua naik, terutamanya kita beli baja semasa saya di NAFAS kita beli baja di Bellerose di antara negeri yang hampir terlibat dengan perang la ni. Di antara sumber baja kita beli di Bellerose satu daripada kompenan dalam baja itu. Sekarang berperang. Apa jadi dengan sumber? Dah jadi masalah kepada harga.

Jadi, ini perkara-perkara yang perlu difikirkan oleh kita dan saya nak mencadangkan, saya tengok masalah lama dah masalah ni. Masalahnya kita tidak mempunyai kewangan yang cukup kerajaan negeri.



Kita tengok sebab apa kita tak boleh nak gerakkan, kita nak salahkan Jabatan Pertanian pun tak boleh juga, peruntukan pembangunan Jabatan Pertanian baru RM6 juta lebih. Nak buat apa dengan RM 6 juta lebih setahun? Tak boleh buat apa, dia nak bangun macam mana? Jabatan Perkhidmatan Veterinar bajetnya baru RM6 juta juga sedangkan agenda pertanian bukan agenda kecil, agenda besar yang nak dibuat tetapi satu jabatan ada RM6 juta, apa yang dia nak dapat buat. Jadi, saya nak mencadangkan di sini iaitu supaya diwujudkan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kedah. Kalau tak kami nak masuk dalam Manifesto Pakatan Harapan kerajaan akan datang lah, InsyaAllah mana tau nanti kan? Perbadanan ini sebenarnya di Perak ada 20 tahun lebih dah, di Selangor ada dah perbadanan ni tapi kita di negeri kita tak dak. Sebab melalui ini barulah boleh dipullkan dia punya capital untuk masuk, kita boleh dapat duit daripada Persekutuan, dapat duit dari mana-mana pihak dan kita akan gunakan ini sebagai satu platform macam mana kata YB. Anak Bukit.

Satu model baru pertanian mesti dibuat dan ia boleh membuat usahasama-usahasama dengan pihak-pihak yang lain secara ladang besar-besaran baru lah boleh dalam bidang penternakan, dalam bidang estet padi secara besar-besaran dan sebagainya, dalam bidang apa-apa tanaman. Dengan adanya perbadanan ini dan kalau kita kata kita tak dak keupayaan, tidak ada sebab Perbadanan PKNK salah satu perbadanan yang berjaya. Kita tak boleh kata buat pun mungkin payah nak berjaya, itu telah terbukti PKNK satu perbadanan yang bagi saya berjaya yang telah ditubuhkan 30, 40 tahun yang lalu dan esetnya pun sudah RM10 billion, eset PKNK tapi dia terlibat dalam properties dan sebagainya lah, tidak khusus walaupun dia ada ladang-ladang dia. Ini di antara model supaya dapat macam mana YB. Anak Bukit sebutkan tadi bukan saja akan dilakukan di sini, boleh diteroka di luar negara pun sebagai salah satu daripada bagaimana kita nak merencanakan pertanian di dalam negeri kita dan kalau kita tidak mengambil tindakan-tindakan, negara jiran akan tinggalkan kita, Thailand kita jangan bercakaplah pertanian, ia sudah melebihi keperluan dah, semua dia eksport pertanian. Sekarang yang sedang bangkit Indonesia, ada dekat 300 juta, dia cukup makanan. Di India 1.3 billion, dia eksport beras mai kat kita, sebahagian daripada beras yang kita makan mai daripada India. India ada 1.3 billion penduduk, beras dia eksport yang kita ada 32 juta penduduk, beras kita import. Tang mana yang tak kena dengan kita? Saya pergi ke Sabah semasa saya menjadi Pengerusi NAFAS untuk makluman, hat Sabah lah cerita di Sabah. Pengeluaran berasnya hanya 20% sahaja, lagi 80% import. Saya kata, "sebab apa sikit sangat, adakah di Sabah tak dak tanah?" Luas tanah, pi tengok dia tak buat, banyak terbengkalai. Itu Sabah punya cerita lah tetapi hat kita isu kita lah. Ertinya, kalau dapat digembeleng dan ditingkatkan hasil daripada kawasan MADA, luar MADA yang ada, kalau dapat dinaikkan sampai ke 8 metrik tan lebih-lebih lagi 10 metrik tan maka kita punya pergantungan kepada import beras tadi ni mungkin akan banyak berkurangan.



Seterusnya cerita padi juga lah sikit lagi iaitu sebab sawah berskala besar ni, ada soalan saya ingat. Saya berbincang dengan petani-petani bahawa sebenarnya MADA dah jalan dah estet padi ini, bukan MADA tak jalan. Kemudian kita mai pula sebab sawah berskala besar mai satu konsep pulak, yang petani duk berjalan dah. Pemimpin-pemimpin peladang minta saya maklum kepada kerajaan, dia kata, "buat hat MADA tu dulu, hat MADA jalan tu kerana mereka dah berjalan. Dia kata banyak peladang-peladang, tetapi terpulanglah lah kepada kerajaan untuk pergi semak balik dengan peladang-peladang. Depa tak berapa minat dengan "smart sawah berskala besar" ni. Saya pun tak tau konsep macam mana kan yang sebenarnya. Tapi depa kata, kita duk cuba jalan dah yang diuruskan oleh MADA walaupun hadapi banyak halangan.

Macam kita katakan bila nak buat sawah, kadangkala kita nak cuba satukan sawah, kita bukan saja hadapi masalah tuan tanah nak berunding, tetapi sawah tu duduk dalam tangan penyewa. Bila duduk dalam tangan penyewa, penyewa kata, "kami pun ada hak, apabila diambil kami ni nak buat kerja apa pulak?" Jadi, yang ni masalah memang betul-betul seperti disebut kalau kita duk buat dua tiga ekar, empat lima relung memang kosnya menjadi tinggi, dia mesti buat dengan skala besar baru boleh di 'pull' teknologi, mesin dan sebagainya serta dirantaian kepada padi tu akan dapat diuruskan dengan lebih sepenuhnya, beli baja pun secara pukal, beli secara pukal 'direct' dengan pengeluaran, pengilang, jauh lebih murah daripada duk beli runcit. Jadi, ini perlu dilihat.

Seterusnya, saya pun kali pertama dengar kata Lembaga Zakat ni duk pi terlibat dalam estet padi ni. Baguslah daripada segi hasil bukan tak bagus cuma kita sedia maklum lah dalam urusan agama kadang-kadang kita pun dia banyak ulamak-ulamak kalau istijhad ni macam-macam. Dulu ni kita bayar zakat fitrah ni beras kan, bawa pi beras sana sini, lepas tu bila nak bayar zakat duk tolak pi tolak mai pasai kita pegang kepada mazhab mesti barang makanan asasi zakat. Lepas tu tak lama kita ubah sikit mazhab tu ambik lain, Hanafi ka apa ka? Kita la bayar duit dah, mana bayar menggunakan makanan asasi, dia punya perubahan tu berlaku. Sebab tu bila sebut kata terlibat tu, eh! Pejabat Zakat dah mula nak terlibat dalam keusahawanan ka pulak. Mungkin ulamak istijhad kata boleh tak pa lah, jalan lah sebab macam kutipan zakat pasal pendapatan. Dulu pendapatan zakat bukan kena dulu, zakat pendapatan ni gaji 20 tahun ni baru kata oh! Gaji rupanya kena bayar zakat, ni istijhad baru. Ada negeri jiran pulak istijhad, pelam harum manis pun kena keluar zakat. Kita duk ingat dulu hat padi kena bawa keluar zakat, tanaman asasi, tanam pelam harum manis kena keluar zakat. Jadi, nak kena tengok sebab adakah wang zakat boleh dibuat pelaburan. Sebab itu apabila ditanya soalan tadi ni, tanah tu tanah siapa? Tanah Zakat. Adakah duit zakat ni boleh pi beli harta ka untuk pelaburan? (YB. Dato' Speaker mencelah)



YB. DATO' SPEAKER

YB. Alor Mengkudu, ada 5 minit lagi!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Haa...5 minit. Elok, penghujung dah tu. Jadi, adakah duit zakat ini boleh dibeli harta? Kita duk faham asasi kita duit zakat ni peranannya kutip kemudian bagi, bagi-bagi belanja kepada asnaf yang ada lah, yang tak dak tak pa lah, asnaf yang ada. Adakah zakat ini boleh dibeli harta kemudian kita simpan, ini satu pelaburan. Hat ni bagi saya baru, tak pernah dengar kata boleh pelaburan. Adakah duit zakat ni boleh kita labur dalam satu perniagaan usahawan?

Sebab tadi dah kita labur, adakah boleh ka tak boleh zakat ni dalam perkara berkenaan? Sebab apa, kalau ini berjaya akan diperbesarkan lagi. Tetapi kena ingat duit zakat ni apabila dia mula masuk dalam pelaburan, dia ada risiko tu, duit ni dia ada risiko untung rugi. Jangan kita kata masuk buat urusan pertanian (padi), dia akan terus dapat hasil, ada masa dia kena serang penyakit dia tak dapat hasil. Jadi, macam mana pula duit zakat ni? Jadi, dia nak tengok kaedah adakah duit zakat ni beri kepada asnaf dia usaha, yang tu tak pa sebab kita beri kepada asnaf. Ni asnaf ada sekian-sekian orang, nah ambik kami bagi duit zakat ni usaha, ini kami bagi terus, tak dak kata pulangan kepada Zakat. Itu betul, itu bagi saya 'traight forward' lah, kita bagi kepada asnaf dia buat. Tetapi kita bagi, kita pun ada pulangan sama, saya tak tau kata zakat ni rupanya dia ada 'profit', zakat mana ada 'profit'. Tapi YB. Kupang lebih fahamlah dia pun pi Darul Iktar ka apa Yang Berhormat, pi mengaji sampai peringkat tinggi kan. Jadi, ini nak kena ditengok dan perlu kepada satu penjelasan lah. Jadi, saya ingat setakat itu lah YB. Dato' Speaker, YB. Dato' Speaker pun duk perati saya dah tu dan saya dengan ini mengucapkan terima kasih dan menyokong Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah dalam menyampaikan titah ucapan Perasmian Sidang Dewan kita. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Walaikumussalam. Terima kasih YB. Alor Mengkudu. Sekarang saya jemput YB. Sungai Limau. 40 minit!



YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillah robbil 'alamin, wabihi nasta'in wassola tuwassala mu'ala rasulillah al amin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in, 'ammabaq. Kholallahu ta'ala fi kitabihil karim, auzubillahiminasyaitonirrojim waktasimu bihablillahi jamiau wala tafarroqu, sodakhallahul'azim.

Terima kasih kepada YB. Dato' Speaker kerana memberi izin dan peluang kepada saya hari ini untuk berbahas dan menjunjung kasih ke atas titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan pada kelmarin untuk merasmikan Sidang Dewan kita pada kali ini dan kita telah pun mendengar ititah ucapan Tuanku Sultan yang sarat dan penuh dengan panduan, nasihat serta mengikuti perkembangan yang berlaku kepada negeri kita daripada sudut pembangunannya, daripada sudut pengurusan pentadbirannya, dari sudut menjaga urusan rakyat dan seluruhnya.

Ia merupakan suatu ucapan yang menyeluruh daripada titah ucapan Tuanku Sultan tersebut. Baginda Tuanku Sultan telah memulakan ucapan kelmarin dengan membaca ayat yang telah pun saya bacakan di awal tadi yang menyeru kepada kita untuk sentiasa bersatu padu dan berpegang teguh dengan tali Allah s.w t. dan jangan kita berpecah belah kerana sudah pasti perpecahan itu akan melahirkan kepada permusuhan, perkara yang akan merosakkan khususnya daripada sudut pentadbiran dan juga pengurusan kerajaan kalau kita fahami daripada sudut pentadbiran dan pengurusan. Dan apa yang diseru oleh Tuanku Sultan untuk kita sentiasa bermusyawarah kerana ia juga merupakan perintah agama dengan firma Allah s.w.t. "Waamruhum syuro bainahum" dan hendaklah kamu bermesyuarat, berbincang di antara kamu. Maka, tugas kita melaksanakan tanggungjawab ini bersatu padu, bermusyawarah, bukan hanya memenuhi tuntutan pengurusan, sebagai memenuhi tuntutan politik tetapi ia sebenarnya merupakan perintah Allah s.w.t. Kalau kita melaksanakan musyawarah, kita melaksanakan perpaduan kerana asas melaksanakan apa yang Allah perintah maka sudah pasti kita akan beroleh ganjaran di sisi Allah s.w.t.

Alhamdulillah YB. Dato' Speaker, kerajaan yang diterajui oleh YAB. Jeneri, Dato' Seri Muhammad Sanusi bin Md. Nor sudah pun hampir 2 tahun, bulan 5 nanti baru cukup 2 tahun ataupun kita akan meraikan hari raya nanti bulan 5 mentadbir Negeri Kedah. Sekali pun kerajaan yang dibentuk di pertengahan penggal, namun ia mampu untuk kekal stabil mengurus pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah sehingga hari ini yang memisahkan majoriti antara ADUN Kerajaan dengan Pembangkang lebih kurang 10 orang ataupun 10 lah perbezaannya yang ADUN Kerajaan diwakili oleh 23, 15 daripada PAS, 6 daripada Bersatu dan 2 daripada UMNO (Barisan Nasional).



Walaupun daripada 3 komponen ini, tapi kita mampu untuk mewujudkan kestabilan dan juga pentadbiran yang baik kerana walaupun PAS ada 15 tetapi InsyaAllah kita berbincang, bermusyawarah dan tidak menjadi "abang long" sesama rakan-rakan parti komponen kita. Maka inilah merupakan antara wujudnya kestabilan dalam kerajaan negeri yang dipimpin oleh YAB. Jeneri pada hari ini.

YB. Dato' Speaker, dalam ucapan Tuanku Sultan kelmarin juga kita dibentangkan oleh baginda Tuanku antara kejayaan-kejayaan yang telah pun dicapai oleh pihak kerajaan negeri dan Tuanku menzahirkan kebanggaan, menzahirkan penghargaan kepada apa yang telah pun dicapai. Antaranya penghargaan kepada usaha kerajaan negeri untuk melaksanakan strategi dan usaha berterusan bagi membantu rakyat Negeri Kedah khususnya semasa tempoh Pandemik Covid yang berlaku dalam negara kita.

Kalau tahun lepas dalam Sidang Bajet kita dibentangkan oleh pihak kerajaan bahawa kerajaan negeri telah membelanjakan lebih daripada RM32.4 juta untuk membantu rakyat akibat daripada PKP, akibat daripada pandemik yang berlaku ini, dikuarantin dan sebagainya, kita membekalkan bantuan barangan makanan, bantuan untuk usahawan dan sebagainya, ia merupakan perbelanjaan yang banyak dan ia juga merupakan pembelaan kerajaan kepada rakyat yang sudah pasti 'tagline' yang kita guna tahun lepas semua rakyat yang terlibat telah pun dibantu dan dibela khususnya daripada sudut bantuan "Bakul Makanan" yang disediakan oleh pihak kerajaan negeri.

Seterusnya yang kedua, baginda Tuanku juga merakamkan ucapan tahniah kepada kerajaan negeri kerana berjaya memperolehi kutipan hasil sebanyak RM688.04 juta pada tahun 2021. Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, pegawai-pegawai dan semua kita, unjuran bajet yang diletakkan oleh pihak kerajaan pada tahun 2021 untuk mencapai hasil pendapatan RM720 juta dan dengan kutipan hasil yang mencecah RM688 juta ia telah menunjukkan bahawa peratusan yang amat tinggi 95.6% daripada apa yang telah pun diunjurkan dan saya yakin peratusan ini dan jumlah ini merupakan jumlah yang tertinggi mungkin dalam tempoh 10 tahun kerajaan negeri.

Yang ketiga, baginda Tuanku juga menzahirkan kebanggaan dengan pencapaian pelaburan Kedah tahun 2021 yang berjumlah RM68.3 billion. Yang Berhormat dan semua pegawai-pegawai, kita tahu jumlah ini merupakan suatu yang tidak dijangka, bahkan yang diletakkan dalam Pelan Pembangunan Kedah 2035 kita hanya mencapai pelaburan tahunan RM10 billion tapi jumlah yang telah direkodkan ini menunjukkan bahawa kepercayaan, keyakinan pelabur kepada Kedah akibat daripada kestabilan politik akibat daripada kesungguhan pegawai-pegawai kerajaan dalam menguruskan permohonan-permohonan untuk buka kilang, untuk pelabur mai ke Kedah maka ia



telah pun menarik minat jumlah yang ramai daripada pelabur untuk melabur di Kedah. Untuk makluman kita, pelaburan di Kedah saya tengok dalam 5 tahun yang sebelum ini tahun 2017 lebih kurang RM2 billion lebih, begitu juga 2018, 2019 meningkat kepada RM11 billion, 2020 lebih kurang RM3 billion dan 2021 melonjak kepada RM68.3 billion. Tahniah kita rakamkan kepada YAB. Jeneri dan seluruh Exco khususnya Exco Pelaburan serta pegawai-pegawai yang terlibat dalam mempermudah pengurusan dan pentadbiran sehingga pelabur-pelabur masuk ke Kedah.

Yang keempat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan juga telah menyebutkan bahawa inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan khususnya dalam projek Estet Padi Zon Pembangunan Ekonomi Ummah, Lembaga Zakat Negeri Kedah yang mensasarkan golongan asnaf untuk mengusahakan pertanian tanaman padi melibatkan keluasan 100 relung. Saya juga ingin memberikan penjelasan kepada YB. Alor Mengkudu yang telah pun membangkitkan perkara ini.

Untuk makluman semua YB. Dato' Speaker, Zon Pembangunan Ekonomi Ummah oleh Lembaga Zakat ini berada dalam DUN Sungai Limau, Batu 17 dan di Padang Lumat yang tanah ini merupakan tanah milik Zakat sendiri yang telah pun diwakafkan terdahulu, bukan Zakat beli baru tetapi yang lama. Cuma, sekarang ini diurus semula oleh Zakat untuk pembangunan asnaf. Dan kita lihat, dalam tempoh semusim ia telah pun mampu untuk menjana hasil kepada petani-petani kita yang terlibat juga di kalangan asnaf dan kita harap model ini dan kita pun setuju, tadi YB. Alor Mengkudu, YB. Anak Bukit pun tadi bangkit tentang kita perlu ada pengurusan yang berskala besar, tak boleh dah seorang ada dua tiga relung, diurus dan perkara itu perlu disatukan dan ia akan melibatkan kepada teknologi, ia akan melibatkan kepada pengurusan dan sebagainya InsyaAllah, manfaatnya akan dinikmati oleh asnaf-asnaf kita. Ya...silakan YB. Pengkalan Kundor.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Ada 2 pencelahan. Pertama terima kasih kerana.....(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

YB. Speaker.....

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Dato' Speaker, izinkan saya untuk mencelah. Yang pertama, pelaburan tadi. Kita ucapkan tahniah kepada Kedah kerana kemasukan pelaburan yang begitu tinggi.



Tetapi sejumlah daripada RM62 billion itu, sebahagian besarnya adalah daripada Resin Technology yang berjumlah RM42.2 billion dan itu adalah untuk 15 tahun. Tetapi apabila cara MIDA mengolah pelaburan masuk mengikut apa yang dia daftarkan pada tahun itu, itulah jumlahnya. Dalam soalan bertulis saya, berapakah jumlah pelaburan masuk pada tahun 2021 daripada Risen Technology, jawapannya adalah RM1.2 billion, itu soalan pertama. Soalan kedua, saya ucap tahniah juga atas apa yang telah dibuat oleh Zakat. Saya nak tanya jumlah penyewa-penyewa yang dahulunya yang menyewa tanah tu dan mengerjakan tanah itu dan mereka sekarang telah dikeluarkan apabila Zakat mengambil alih. Jadi, pampasan kepada penyewa-penyewa itu, bagaimana sekarang?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik. Terima kasih kepada YB. Pengkalan Kundor yang bagi soalan pertama berkaitan laporan daripada MIDA jumlah pelaburan yang masuk ke Kedah RM40 billion. Kalau YB. Alor Mengkudu nak buat pindaan boleh hantaq bantahan kepada MIDA lah cara pelaburan yang dikeluarkan oleh MIDA. Di peringkat kerajaan kita yakin, kita ambil daripada laporan yang dikeluarkan agensi yang bertanggungjawab dalam bab pelaburan. Keduanya tentang Zon Pembangunan Ekonomi Ummah, yang diusahakan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah ini saya yakin pihak Zakat telah pun melalukan perbincangan dengan mereka yang telah menyewa sebelum ini dan saya difahamkan ia bukan penamatan secara automatik tetapi diberikan tempoh oleh Zakat dan perbincangan-perbincangan yang telah pun dilaksanakan oleh pihak Zakat dan mereka juga memberi peluang kalau yang menyewa itu juga dari kalangan asnaf untuk terus bersama-sama untuk membangunkan Zon Pembangunan Ummah, yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat. Jadi, mungkin yang lain akan ada lagi lah tambahan daripada soalan itu dan InsyaAllah kita yakin hasrat murni untuk pembangunan asnaf ini di tanah yang telah pun diberikan kepada Zakat untuk urus ini akan dapat diurus dengan baik dan ia juga akan memberikan manfaat kepada asnaf kembali, InsyaAllah.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih YB. Sungai Limau, terima kasih YB. Dato' Speaker. Nak pencerahan sikit pasal pengusaha asal tu. Bila dikeluarkan, adakah Lembaga Zakat pastikan pengusaha asal mereka juga mempunyai pendapatan ataupun ruang-ruang pekerjaan supaya mereka tidak dijadikan asnaf? Jadi, dasarnya ialah, jika kita keluarkan yang ni kemudian berikan kepada orang lain, adakah golongan yang dikeluarkan ini masih lagi dapat hidup dengan lebih bagus ataupun mereka pula menjadi golongan asnaf? Jadi, nak minta pencerahan sikit.



YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik, terima kasih YB. Derga. Saya yakin perkara itu akan dijelaskan oleh YB. Exco untuk jawapan yang lebih tuntas. Saya difahamkan perbincangan telah pun dilakukan dan pemilihan mereka yang terlibat tu daripada kalangan asnaf dan kalau sebelum ini menyewa pun saya yakin kalau di kalangan asnaf dia juga akan termasuk dalam golongan tersebut.

Tapi apa pun mungkin penjelasan daripada Exco. Dan kita boleh melihat daripada kejayaan-kejayaan yang telah disebutkan oleh Tuanku Sultan baginda sebut pelaburan dan tadi disambut oleh YAB. Jeneri jumlah peluang pekerjaan yang telah pun mampu untuk dijana kepada penduduk Kedah sendiri dalam tempoh setahun ataupun tahun lepas 2021 dari Januari sehingga September sebanyak RM11,030 ia merupakan suatu angka yang besar untuk dimanfaatkan kepada rakyat. Cuma kita minta kerajaan negeri, pelaburan ni banyak dan tempoh pun panjang supaya kita di peringkat negeri khususnya portfolio-portfolio yang tertentu seperti Portfolio Pengajian Tinggi, Portfolio Pendidikan, Pembangunan Insan untuk kita nak menyediakan rakyat Kedah yang mempunyai kemahiran mengikut apa yang diperlukan oleh pasaran. Inilah yang perlu untuk kita sama-sama kita di peringkat negeri mengembelikan tenaga kita, buah fikiran kita supaya apa yang disediakan di negeri kita ini, YAB. Jeneri pun selalu sebut kita nak sediakan peluang pekerjaan kepada penduduk Kedah, rakyat Kedah supaya mereka tak bekerja di luar supaya mereka dapat duduk dengan keluarga, dapat jaga mak ayah mereka sendiri dan kita akan mewujudkan keluarga yang harmoni dan keluarga yang bahagia. Saya difahamkan kita ada Pusat Latihan KISMEC yang hari ini telah pun menjadi pusat latihan untuk mempersiapkan tenaga-tenaga kerja ni sehinggakan dari Pulau Pinang pun YB. Derga, mai hantaq untuk belajar dan menuntut di KISMEC. Jadi, ia merupakan suatu yang kita perlu banggakan dan kita harap kursus-kursus itu dapat dipelbagaikan, dapat kita tingkatkan jumlah penyertaan khususnya rakyat di Negeri Kedah untuk kita latih, kita berikan kemahiran dan peluang pekerjaan yang akan ditawarkan nanti daripada pelaburan yang banyak ini khususnya dapat kepada rakyat kita sendiri.

Seterusnya kita juga melihat bila kita sebut tentang peluang pekerjaan, saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada pegawai-pegawai KCS, pegawai-pegawai kerajaan yang bertungkus lumus untuk memastikan bahawa apa saya perancangan yang dilaksanakan disambut dan dilaksanakan dengan penuh hemah oleh pegawai-pegawai. Saya difahamkan pegawai-pegawai bekerja bukan hanya 8.00 – 5.00, tetapi ada mesyuarat-mesyuarat yang dilaksanakan pada sebelah malam untuk memenuhi keperluan rakyat, untuk meluluskan apa yang tak sempat dalam tempoh waktu kerja itu dan ia dilaksanakan lebih daripada waktu pekerjaan



mereka pada sebelah malam dan sebagainya. Bahkan dalam untuk menjayakan saya yakin yang menarik minat pelabur-pelabur ini adalah inisiatif sistem e-Ten yang juga disebut ia juga hasil daripada kajian, hasil daripada tesis yang dibuat oleh pegawai KCS sendiri, dalam tempoh 10 bulan kelulusan mampu diberikan untuk kilang bertapak sehinggalah kilang itu mengeluarkan produknya dan dieksport ke luar negara dan ia telah pun dibuktikan oleh Syarikat Aspen Glove kalau saya tak silap no, yang telah pun melaksanakan dalam tempoh 10 bulan maka produk dapat dihasilkan dan inilah di antara yang menarik minat.

Jadi, saya rakamkan ucapan tahniah kepada pegawai-pegawai yang bertungkus lumus untuk memberikan idea, pandangan bagaimana sistem yang nak diluluskan biasanya mungkin dua tiga tahun tapi dalam tempoh 10 bulan kita dapat laksanakan perkara tersebut untuk negeri kita Kedah Darul Aman dan kita minta mungkin perkara ini bukan hanya fokus sistem ini kepada sektor perkilangan, perindustrian dan dikembangkan dalam sektor-sektor yang lain khususnya permohonan tanah oleh rakyat dan sebagainya, kutipan hasil yang macam mana kaedah untuk kita pastikan bahawa rakyat tidak tertunggu-tunggu pada permohonan-permohonan yang mereka mohon daripada kerajaan.

YB. Speaker, seterusnya saya juga ingin mengambil contoh, disebut dalam titah Tuanku Sultan untuk infra, ucapan terima kasih kepada pihak Kerajaan Persekutuan yang banyak menyediakan kemudahan kepada rakyat kita tapi tidak dilupakan juga kita nak rakamkan ucapan terima kasih kepada pihak kerajaan negeri khususnya Pegawai Kewangan Negeri yang kalau kita dilaporkan tahun 2021 Pejabat Kewangan Negeri telah membuat cabutan undi yang melibatkan 1,598 projek bernilai RM145 juta. Bila ada projek berlaku sudah pasti kontraktor-kontraktor, rakyat kita yang terlibat di sektor ini akan dapat lah pendapatan dan mereka boleh mengeluarkan zakat, boleh membantu keluarga yang lebih susah dan sebagainya dan untuk tahun 2022 ini, cabutan undi telah dilakukan yang melibatkan 669 projek untuk suku pertama. Tahun lepas RM1,500, tahun ini untuk suku tahun pertama 669 projek yang nilainya RM573 juta seluruh Kedah iaitu yang melibatkan titi, melibatkan jalan kampung, perparitan dan sebagainya, infra-infra ini telah pun dilaksanakan cabutan undi dan kita harap sistem kemudahan infrastruktur khususnya di Kedah kita akan dapat ditingkatkan untuk kesejahteraan rakyat dan ia juga menjadi tanda aras ketelusan kerajaan negeri, kemampuan mengurus dan juga mengurus dengan cara yang telus, mengadakan cabutan undi untuk setiap projek yang dilaksanakan. Kita juga yakin dan kita harapkan projek untuk bekalan air yang melibatkan projek naik taraf 5 loji rawatan air yang dilaksanakan, diluluskan oleh kerajaan pada hari ini setelah ditangguhkan sebelum ini YB. Gurun, jadi kita harap ia terus dapat dilaksanakan dan banyak lagi inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan.



Ini saya dapat daripada YB. Exco, i-Bayaq untuk hasil tanah, i-Daftar untuk undi projek. Kepada kontraktor-kontraktor yang baru yang berminat untuk memulakan, nak menjadi kontraktor dan sebagainya daftarlah di i-Daftar sebagai undi untuk mengesahkan, YB. Derga pakar bab ni kan, untuk mengesahkan nama dan supaya ada permohonan selepas daripada ini di mana projek-projek ini akan diagihkan dan pendaftaran kontraktor boleh dibuat dalam i-Daftar. Semua ini merupakan antara inisiatif-inisiatif baru yang telah pun dilaksanakan oleh kerajaan pada hari ini untuk memudahkan rakyat kita berinteraksi dengan pihak kerajaan.

Seterusnya YB. Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan, bila kita sebut 1 April nanti sempadan akan dibuka. Bila kita sebut sempadan akan dibuka, mungkin pelancong-pelancong daripada luar akan mai ke Kedah. Saranan kepada YB. Exco yang terlibat dalam pelancongan supaya kita mempersiapkan rumah kita, negeri kita ini untuk menarik minat pelancong. Signboard yang menunjukkan bukan hanya tempat-tempat tertentu, kepelbagaian signboard yang menunjukkan kepelbagaian tempat-tempat menarik di Kedah perlu ada di pintu-pintu masuk negeri di sempadan Thailand, di Pulau Langkawi. Kalau kita pergi Langkawi semua tunjuk semua tempat-tempat di Langkawi, YB. Pengkalan Kundor kan, tunjuk hat di Yan kita ada Titi Hayun, Nira Nipah Cik Kaq, Nira Nipah Napiah kemudian di Baling kita ada Lata Mengkuang dan sebagainya. Banyak tempat-tempat menarik negeri ini perlu kita pelbagaikan di tempat-tempat khususnya di pintu-pintu masuk supaya rakyat luar, rakyat Kedah pun sama lah, penduduk Malaysia dan pelancong yang mai dia tau Kedah ini bukan hanya ada Langkawi yang menarik tetapi banyak lagi tempat-tempat menarik dan kita perlu menghiaskan negeri kita ini, rumah kita ini untuk kita menerima kedatangan pelancong-pelancong yang menjadi tetamu kita selepas daripada sempadan dibuka.

Yang keduanya, kita juga perlu 'hazar' (dengan izin) ataupun langkah berhati-hati supaya bila masuk tu YB. Gurun, dia tak bawa masuk sekali dengan penyakit, dengan varian yang pelbagai. Jadi, kita harapkan kepada Kementerian Kesihatan, pihak Imigresen, pihak- kerajaan lah supaya sama-sama berperanan untuk kita memastikan bahawa pintu sempadan apabila dibuka kita hanya meraih yang bermanfaat untuk rakyat, kita tak menerima perkara-perkara yang memberikan mudarat kepada rakyat di Negeri Kedah.

Seterusnya yang ketujuh YB. Speaker, apabila kita menyentuh tentang cadangan kerajaan negeri sebelum ini KXP kemudian diubah kepada Kedah Aerotropolis yang memberi fokus kepada kargo untuk kita jadikan airport kita bukan sahaja kargo tapi tempat 'overhold' untuk kapal-kapal terbang dari seluruh dunia.



Saya melihat satu potensi yang besar yang ada dan rasanya pernah dulu kita sebut semasa YB. Jitra, pada masa itu YB. Ayer Hitam lah menjadi Menteri Besar apabila dulu YB. Jitra membentangkan tentang KXP. Kita tanya pada waktu itu Kedah nak ada 2 lapangan terbang antarabangsa, kita dah ada di Langkawi, adakah akan ada pula di Kulim. Sudah pasti kalau ada lapangan terbang tu adakah pihak Kerajaan Persekutuan akan benarkan dengan satu negeri 2 lapangan terbang antarabangsa? Tapi hari ini kita lihat bahawa kerajaan akan mengambil satu model baru kearah untuk jadikan Kedah ini sebagai hub kepada eksport. Bukan hanya barang di Kedah, saya yakin antara pelaburan yang besar yang masuk tahun lepas di Kedah dan Pulau Pinang, kedua-dua negeri pun dan pun membentuk lebih kurang RM150 billion YB. Derga, sebelah utara kerana mungkin cadangan daripada kita untuk mengadakan Kedah Aerotropolis ini. Kita juga mengambil manfaat daripada bukan hanya negeri sebelah utara dalam Malaysia tapi juga di sebelah selatan Thailand khususnya yang mengeluarkan produk-produk halal sebelah Selatan Thailand, 5 wilayah mengeluarkan produk halal yang produk ini bukan hanya digunakan dalam Thailand bahkan ada sampai di negeri kita bahkan ada yang dihantar banyaknya ke Timur Tengah. Ini merupakan peluang yang ada sebab kita tengok jarak daripada Selatan Thailand nak mai ke Kedah ataupun nak mai kita kata Sidam lah lebih kurang tak sampai 300 kilometer, 200 lebih saja. Dari Sempadan Thailand nak ke Bangkok, airport utama Thailand lebih daripada 1,000 kilometer ataupun 900 lebih. Sudah pasti jarak yang dekat ini ia akan memberikan kelebihan dan manfaat kepada Kedah untuk menjadi hub kepada kargo khususnya bukan hanya produk daripada sebelah utara ini bahkan Yang Amat Berhormat sebut kita akan menjadi 'main face of Asia' kepada Negara Asia dan kita harap antaranya selatan Thailand yang membekalkan produk halal yang telah pun dipasarkan di seluruh dunia mereka akan memilih Kedah sebagai hub ataupun tempat untuk mengeksport barangan daripada selatan Thailand ini. Sebab itulah kita merasakan bahawa.....Yaa... YB. Derga, silakan!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih YB. Sungai Limau, terima kasih YB. Speaker. Adakah YB. Sungai Limau sedar bahawa sebenarnya KXP ni asalnya perancangan memang sebagai kargo. Kemudian kita cadangkan selepas MRO menjadikan satu aerocity. Tapi ada satu lagi yang disentuh oleh YB. Sungai Limau, saya tak pasti sama ada YB. Sungai Limau perasan ataupun tidak dalam Mesyuarat IMT-GT ada disentuh tentang 'disaster centre' yang kita memang cadang supaya jika boleh masuk juga sekali dengan KXP. Jadi, mungkin I boleh masukkan ini supaya YB. Exco boleh beri pencerahan sebab ini boleh memberi satu peluang untuk kita jaga seperti yang dikatakan KXP ini menjadi pusat kepada Asia Tenggara. Pohon pencerahan daripada YB. Sungai Limau, terima kasih.



YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik, YB. Derga boleh cadang InsyaAllah tak dak tegahan apa-apa saya yakin.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Saya cadangkan YB. Sungai Limau, yang tu memang dibincangkan dalam IMT-GT punya mesyuarat 'disaster centre' yang mengangap Bangkok yang minta dan kita memang cadangkan supaya jika boleh masukkan dalam KXP.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Ya, InsyaAllah cadangan saya terima lah tapi pihak kerajaan saya yakin tidak ada apa-apa halangan daripada cadangan-cadangan yang dikemukakan dan itulah yang kita laksanakan sebagai ADUN sama ada pembangkang ataupun kerajaan kita memberikan pandangan-pandangan yang baik khususnya untuk kita membantu melaksanakan agenda yang membangunkan negeri dan juga mensejahterakan rakyat.

Seterusnya YB. Speaker, saya ingin beralih kepada sektor pertanian yang disebut tadi, YB. Alor Mengkudu pun sebut tentang isu bendang, isu pesawah kita. Kedah merupakan negeri yang membekalkan 30% hasil padi negara dan sewajarnya kita memperkasakan perkara itu dan kita lihat dalam Pelan Pembangunan Kedah 2035 yang telah pun dilancarkan oleh pihak kerajaan negeri tidak lupa untuk memasukkan sekali kita katakan bendang ataupun bidang pertanian ini menjadi fokus kepada pihak kerajaan negeri yang kita amat bersetuju lah. Kerajaan pun mensasarkan 20% kawasan penanaman padi dijalankan secara estet secara berperingkat dan tadi YB. Alor Mengkudu pun, kita tak boleh dah nak buat kecil-kecil ni, kita nak kena tolong menolong bersatu padu juga kepada pesawah-pesawah kita ini supaya mereka bersama-sama dengan tanah yang kecil itu dapat diusahakan secara estet. Apa aduan-aduan yang kita terima kita haraplah pihak agensi, MADA, Jabatan Pertanian supaya bukan hanya mendengar tetapi juga memberikan penerangan yang jelas kepada petani-petani. Perancangan yang ada di kertas satu hal, pelaksanaan merupakan perkara yang amat penting dan dinilai oleh petani kita. Mungkin ada projek-projek yang dilaksanakan sebelum ini gagal menyebabkan petani-petani kita rasa risau dan runsing dengan pelan baru yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Sebab itulah kita mengharapkan agensi-agensi ini supaya dapat turun padang memberikan penerangan, perbincangan, kita takut yang kita gambarkan yang kita cerita hat nak buat ni kita panggillah rumah 2 tingkat.



Tapi hat petani faham apa yang kita terang tu rumah setingkat dan ada rosak tang mana-mana dan sebagainya jadi tak jelas. Sebab itulah kita mengharapkan apa yang ingin dilaksanakan ini supaya dapat pegawai-pegawai memberikan penjelasan yang konkrit, meyakinkan petani-petani kita untuk terlibat dalam sawah berskala besar ini, YB. Speaker.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Sungai Limau, saya nak ingatkan masa tinggal 3 minit lagi.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Oh! InsyaAllah kita cuba. Yang keduanya tentang padi ini juga ada projek-projek yang dilaksanakan oleh agensi-agensi khususnya pihak kerajaan, JPS, projek-projek tebatan banjir. Projek tebatan banjir ni banyak tempat, ada yang bermasalah YB. Alor Mengkudu, ada yang bermasalah ada yang kontraktor lari dan sebagainya, yang 'delay' dan sebagainya. Jadi, musim dah nak mula, ada nak mula hujung bulan 3 ni ataupun awal bulan 4 YB. Lunas, padi kita ni nak mula dah. Kita harap projek-projek ini tidak mengganggu, kontraktor dia rancang hat dia, takut dia tak pi bincang dengan pesawah dan petani kita keperluan-keperluan mereka. Keperluan airnya bila, jadual dan sebagainya supaya projek ini tidak menyekat aliran air tidak mengganggu proses untuk petani-petani kita memulakan musim baru pada tahun ini. Jadi, kita harap perkara itu juga diberi perhatian oleh YB. Exco dan juga agensi-agensi supaya pegawai-pegawai khususnya yang terlibat dengan projek tebatan banjir ini bolehlah turun jumpa kontraktor, jumpa dengan petani, jumpa dengan ketua-ketua unit masalah-masalah yang mungkin berbangkit yang kita harap kita dapat atasi sebelum memulakan proses ataupun musim baru.

Yang terakhir YB. Speaker, Alhamdulillah kita dapat melihat pada hari ini dengan apa yang telah pun kita bentangkan dan YB. Alor Mengkudu pun tadi banyak memberikan cadangan dan pandangan, terima kasih dan kita harap yang lain-lain pun rakan-rakan akan memberikan pandangan, cadangan-cadangan yang bernas yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Dan usaha yang telah pun dilaksanakan di bawah pimpinan YAB. Besar ini dan kejayaan yang diraih walaupun dalam tempoh 2 tahun, 2 tahun tu pulak pandemik Covid, maka kita lihat baginda Tuanku Sultan pun juga merakamkan ucapan penghargaan dan perasaan bangga baginda apa yang telah pun dilaksanakan dan dicapai oleh pihak kerajaan.



Kejayaan ini adalah hasil kerjasama yang stabil dan kestabilan yang diwujudkan oleh pihak pentadbiran dan politik dalam negeri. Budaya dan corak kerja yang diamalkan oleh YAB. Menteri Besar juga memberi kesan kepada pembangunan negeri apa saja yang telah dirancang dan belanja yang telah dikeluarkan sebelum-sebelum ini, rancangan YAB. sebut tadi diambil dari tahun 1990 perancangan-perancangan yang ada kita gabungkan dalam Pelan Pembangunan Kedah 2035, kita cuba untuk penambahbaikan dan budaya 'scrape off' yang telah pun diamalkan sebelum-sebelum ini semestinya kita tinggalkan. Jadi, kita harap rakyat jika inginkan kesinambungan pada apa yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan yang hari ini sudah pun menampakkan sinar dan kejayaannya maka kepimpinan YAB. Jeneri perlu disokong dan ditambah tempohnya pada pilihanraya umum yang akan datang.

Jadi, kita amat bimbang jika berlaku pertukaran kerajaan maka umum mengetahui bahawa budaya yang ada itu, budaya 'scrape off' itu kalau tidak dihentikan akan merugikan jadi kita teruslah untuk memberikan sokongan kepada kerajaan yang dipimpin oleh YAB. Jeneri. Sekian, terima kasih kepada YB. Speaker saya menyokong titah ucapan Tuanku Sultan Perasmian Sidang Dewan kelmarin. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Waalakumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih kepada YB. Sungai Limau atas perbahasan yang cukup berhemah dan mengambil masa 41 minit. Seterusnya saya persilakan kekanda YB. Gurun.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Terima kasih YB. Speaker, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya berterima kasih sekali lagi kerana telah diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam sesi ini. Terlebih dahulu saya nak ucapkan tahniah kepada seluruh jentera kerajaan khususnya pegawai-pegawai yang kita lihat bagaimana Tuanku sendiri pun telah menyebut bahawa pelaburan yang datang ke Kedah ini satu jumlah yang amat membanggakan. Jadi, harapan saya, juga kawan-kawan apa juga yang kita hasilkan mestilah juga dirasakan bersama oleh rakyat. Maknanya sementara kita melihat 'figure' yang begitu besar dan meyakinkan tetapi rakyat di bawah juga harus menikmati apa juga hasil yang kita bawa ke negeri ini.



Di samping itu, saya juga mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai kerajaan sekali lagi kerana berjaya mendapat kutipan yang juga meyakinkan kita pada tahun ini. Saya yakin dengan pelaburan yang masuk, jumlah yang besar dengan hasil kutipan cukai yang kita buat ini dapat menyelesaikan banyak masalah-masalah rakyat khususnya yang bersangkutan paut dengan kebajikan mereka. Kita sudah lalui Pandemik Covid-19 ini dah masuk hampir 3 tahun dan semua kita sebagai wakil rakyat merasai bagaimana peritnya rakyat di bawah bukan saja hilang pendapatan tetapi ada yang hilang keluarga, yang meninggal, anak-anak menjadi anak-anak yatim, ramai dan ini memerlukan pembelaan yang luar biasa. Jadi, sebab itu mungkin Allah s.w.t menghantar suatu yang kita tak jangka ke negeri kita untuk memastikan Exco yang menjaga kebajikan kena buat sungguh-sungguh, turun sungguh-sungguh bantu rakyat, InsyaAllah.

YB. Speaker, saya nak masuk juga tentang isu yang panas dan juga diperkatakan hampir semua orang yang telah pun berucap khususnya Ketua Pembangkang tadi, YB. Alor Mengkudu tentang pertanian. Akta Keselamatan Negara ataupun Dasar Keselamatan Negara yang telah pun diluluskan oleh jemaah menteri pada 1 Julai 2021 yang berkuatkuasa dari 2021 hinggalah 2025, dalam Dasar Keselamatan Negara ini ia menggantikan satu dasar yang kita namakan HANRUH ataupun Pertahanan Menyeluruh, sekarang ini dipanggil COMSEC (Comprehensive Security).

YB. Speaker, kalau kita melihat Dasar Keselamatan Negara ini ada 9 nilai teras keselamatan negara. Yang saya nak sebut di sini ialah yang menjadi tajuk perbincangan saya ialah bagaimana di antara benda-benda yang diperkatakan dalam keselamatan ini ialah tentang 'food security'. Kalau kita melihat sejarah dunia contohnya Perancis, teretusnya Revolusi Perancis dengan jatuhnya kerajaan beraja di Perancis akibatnya makanan ya, tak cukup makanan, hat lain tak pa, tempat tidur tak pa lagi, kereta minyak tak dak tak pa lagi, tapi bila makanan tak dak akhirnya kerajaan beraja di Perancis jatuh apabila roti dan sebagainya tidak cukup dalam pasaran. Sebab itu kita sebagai sebuah negeri pertanian yang juga memberikan 30% padi ataupun beras kepada negara, kita cukup bangga.

Untuk itu saya dan juga teman yang lain Ahli-Ahli Parlimen selalu bercakap dalam Parlimen supaya Kerajaan Pusat mestilah memberikan perhatian yang lebih kepada Kedah. Sementara kita minta supaya diberikan peruntukan khas supaya kita tidak menebang pokok-pokok kita, kita 'maintain'kan hutan kita supaya bukan saja hasil kita hilang tetapi yang penting sekali ialah bagaimana kita menjaga 'environment', ekologi kita, bagaimana kita pastikan bahawa tanah kita tidak terjejas, bagaimana air tidak terjejas, bagaimana hasil pertanian kita tidak terjejas akibat kita tidak menebang hutan-hutan.



Di samping itu, sekarang ini saya mengajak supaya kerajaan negeri mengambil satu 'stand' dan ini harus disebutkan dengan jelas, bukan saja mengharapkan Ahli Parlimen bercakap di Parlimen tetapi juga kerajaan mengatakan bahawa "kami mahu menjadi sebuah negeri pertanian dan kami sebagai sebuah negeri pertanian ialah di antara negeri yang memberikan makan kepada rakyat Malaysia". Jadi, saya rasa 'stand' itu harus jelas. Sebab itu saya rasa melihat kepada belanja yang digunakan sebagai contoh YB. Speaker, pada tahun 2020 saja kita membelanjakan RM55 billion, 'B', bukan 'M', untuk mengimport makanan. Ini suatu yang luar biasa saya rasa jumlahnya dan di antara yang lebih malang lagi ialah kita belanja RM6.2 billion untuk bahan makanan, untuk ternakan dan RM5.1 billion untuk sayuran. Sedangkan kita mempunyai potensi yang luas dalam bidang ini.

Jadi, saya mengajak khususnya Exco Pertanian, YB. Lunas, kena aktif, kena bincang dengan semua agensi, kena menjadi Exco Kanan bukan Exco Kiri lagi, sebab kita ialah negeri pertanian, harus melihat dan berfikir di luar kotak bagaimana menjadikan negeri kita ini negeri yang betul-betul mengeluarkan makanan bukan saja untuk negeri kita, tetapi juga untuk rakyat Malaysia. Seperti sayuran, takkanlah kita nak import sayur saja RM5.1 billion, tak masuk akal, sedangkan kita mempunyai tanah yang luas, kita mempunyai peluang. Saya tengok di kawasan saya di Jeniang, bagaimana tanah-tanah yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan, kita pi mintak nak buat pertanian di kawasan itu, nak buat ladang, dia kenakan syarat yang pelbagai-pelbagai dengan dia punya sewa yang tidak masuk akal. Jadi, ini di antara benda-benda yang akhirnya membuatkan petani-petani kita rasa, Oh! Tak berbaloi kalau kita nak buat, nak tanam hasil atas tanah ini. Di samping itu 'marketing', harus ada perbincangan di samping kita keluarkan hasil pertanian ini harus ada dengan FAMA khususnya, keluar satu hal, nak jual di mana? Ini masalah besar yang selalu kita hadapi, kita keluar, tiba-tiba kita tak boleh jual. Petani-petani mungkin bijak dan pakar tentang pengeluaran, tetapi mereka menghadapi masalah tentang 'marketing'. Jadi, di sinilah saya rasa harus ada kolaborasi di antara petani-petani dan juga pihak yang memasarkan.

YB. Speaker, saya nak sebut juga tentang bagaimana pesawah-pesawah kita seperti yang disebutkan oleh YB. Alor Mengkudu tadi. Saya didatangi oleh NGO pesawah malah YB. Jitra pun ada pada masa itu, NGO pesawah ini yang berpusat di Kedah tetapi mereka mempunyai ahli di seluruh Malaysia yang memikirkan bahawa ada benda-benda yang tidak kena tentang cadangan-cadangan kerajaan untuk pelbagai isu. Di antara isu-isu yang mereka bawa ialah bagaimana projek 'smart' SBB di kawasan yang telah ada itu diusahakan dan diteruskan macam YB. Alor Mengkudu kata diteruskan oleh mereka yang telah dan sedang di kawasan MADA dan sebagainya, teruskan.



Tetapi kalau nak buat baru ni eloklah buat di tempat lain contohnya di Sarawak. Kerajaan telah pun membelanjakan peruntukan yang besar untuk buat sawah di Sarawak dan idea ini harus bukan di Kedah. Di Kedah kita dah 'start' lama dah, biarlah pihak di sana buat. Tetapi kalau pun nak buat SSB ini harus buat di Sarawak contohnya.

Yang keduanya tentang subsidi, mereka mencadangkan supaya subsidi diberikan terus kepada pesawah bukan kepada vendor melalui satu sistem yang dipersetujui bersama. Jadi, apa yang sedang berlaku sekarang ini ialah subsidi-subsidi diberikan kepada vendor tetapi pesawah-pesawah tidak mendapat secara 'direct'.

Yang ketiganya ialah penetapan pemutuan sebenar tidak melebihi 17%. Untuk makluman YB. Speaker, dia punya potongan ni 'fluctuate' kadang-kadang, dia boleh lajak sampai 24% kadang-kadang dan ini seperti YB. Alor Mengkudu kata, di samping harga baja, harga racun dan lain-lain ini melambung naik tetapi pendapatan yang diperolehi oleh petani-petani kalau dilihat tidak berbaloi pun dengan 'investment' yang mereka letakkan untuk tanam padi.

Di samping itu, mereka juga memohon supaya bajet infrastruktur, ini pun satu masalah yang ada. Kita tengok bagaimana tali air kita ni oleh kerana tidak ada bajet akhirnya menerung naik, akhirnya pokok-pokok hutan dah mula naik. Kalau sebaik sahaja bajet ini dipotong, apa yang berlaku ialah terusan ini akan menjadi masalah dan untuk kita meminta petani-petani bekerja dan memberikan secara sukarela untuk 'clear' kan saluran-saluran ini, ini suatu yang boleh di peringkat awal tetapi untuk satu jangka panjang saya ingat susah mereka nak lakukan. Sebab itu mereka minta supaya janganlah dipotong, bajet itu sentiasa ada agar saluran-saluran air itu terus berada dalam bajet dan digunakan untuk 'clear' kan kawasan yang disebut tadi.

Akhir sekali di antara yang mereka sebut juga ialah tentang benih. Benih ni bukan masalah baru, saya ingat dah beberapa tahun dalam Parlimen nak masuk 15 tahun, ini isu yang masih dicakapkan. Apakah kita tidak boleh buka benih ini kepada semua orang. Mereka yang layak ataupun mempunyai kemampuan untuk buat benih, kenapa harus kita berikan kepada syarikat-syarikat tertentu. Sudah tentu jawapan di peringkat kita senang lah, "ini masalah federal bukan masalah state, ini adalah masalah kementerian, bukan masalah state". Tetapi isunya ialah kita negeri 30% yang mengeluarkan beras untuk negara. Kita harus desak, harus ada satu kekuatan untuk bercakap dengan menteri, "look hear, you better listen to me, we are producing rice 30% for the nation, you better listen to us". Maka harus ada kekuatan untuk bercakap dengan mereka bahawa "you got to listen to us".



Sebab apa juga polisi yang kamu buat di Kuala Lumpur, dia kena kesan kepada kita. Ini saya rasa suatu yang kena buat, kedua-dua belah pihak ini 'forget about our differences' kita 'let's stand on need', kita kata 'look here', mai sebelah sana, sebelah sini bersatu untuk mintak supaya isu benih ini kita kena selesaikan. Kalau tidak, macam ni lah, kita akan dipermainkan, ada orang mungkin buat duit, macam-macam, kita tahu benda tu pun, 'nothing new'. Jadi, saya harap sebagai satu kumpulan wakil-wakil rakyat, ADUN-ADUN di Kedah kita kena buat 'step' bahawa kita mendesak supaya isu benih ini diselesaikan dengan serta merta.

YB. Speaker, satu lagi saya nak masuk isu Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah ini. Isu ini isu yang lama tetapi saya nak bawa juga isu ini sebab baru-baru ini saya lihat Lembaga mengambil tindakan-tindakan yang bagi saya agak tidak masuk akal.

Saya saja nak tanya, Lembaga ini di antara Lembaga, tanah sawah dan petani, siapa mai dulu? Adakah Lembaga dulu atau sawah dulu atau petani dulu? Saya duduk di Tikam Batu, Padang Regent dan Permatang Pasir kampung kita saja YB, Dato' Speaker, tempat kita duk main tang tu. Tanah ni dulu dipugar oleh orang kampung, orang kampung yang pugar pakai cangkul, akhirnya dia jadi sawah. Sampai satu masa pada tahun 1955 kemarau teruk dan Kerajaan Pusat menurunkan harga padi pada waktu itu daripada 17 ringgit kepada 12 ringgit satu pikul.

Dan akhirnya Kerajaan Federal memberikan wang, saya ingat 4.5 juta rial pada waktu itu kepada Kerajaan Negeri Kedah dan juga kepada kerajaan-kerajaan negeri yang lain. Kerajaan negeri yang lain memberikan duit ini 'direct' kepada rakyat yang terlibat dengan padi, tapi Sultan Kedah pada ketika itu, Sultan Badlishah kata jangan bagi kat rakyat, kita buat satu Lembaga supaya dengan masuknya 4.5 juta ini kita boleh gunakan duit ini untuk membantu rakyat. Isunya begini, petani-petani yang ada di situ, yang tokwan-tokwan depa dulu ni adalah 'land owner', sekarang ini mereka terpinggir kerana tiba-tiba Lembaga membuat keputusan untuk memberikan bendang yang petani-petani usahakan kepada individu, 1 ataupun 2 individu, yang saya tau 1 atau 2 individu. Dan akhirnya petani-petani yang tokwan depa mempunyai hak atas tanah itu terpinggir dan lebih malang lagi baru-baru ini ada seorang petani secara kebetulan orang kampung saya nama Fadzhil dia masuk kawasan itu mungkin dia tak tau, dia kata, "yang ni bukan tanah Lembaga, yang ni tanah rizab". Dia pun buatlah lebih kurang bercucuk tanam dan dia ditahan, ditangkap dan di 'charge' dalam mahkamah satu hal, tapi Lembaga tak puas hati mungkin dia akan didenda, buat rayuan untuk dia dipenjarakan pula. Haa...ini saya rasa sesuatu yang agak luar biasa, petani-petani kampung yang tidak tahu status akhirnya bukan saja akan didenda, mungkin juga akan dipenjarakan.



Isunya begini, saya lihat semua dokumen semasa YAB. Jeneri menjadi Setiausaha Politik kepada Allahyarham Menteri Besar Ustaz Azizan dahulu, kita tangok. Malah pada pada tahun 1979 Lembaga pernah menulis kepada petani-petani di kawasan yang saya sebutkan tadi, Padang Regent dan juga Permatang Pasir bahawa urusan sukat sedang dibuat dan mungkin petani-petani yang telah mengusahakan tanah tersebut akan diberikan tanah tersebut kepada mereka.

Jadi, saya nak tanya soalnya sekarang, adakah proses itu telah pun diketepikan dan akhirnya tanah yang diusahakan oleh orang kampung ini menjadi tanah Lembaga semutlak, 'no deal, nothing, aptitude, salute hak kami, petani 'get out' dan mereka di 'offer' 1 relung 3,000 ringgit. Jadi, saya rasa ini sesuatu yang saya rasa tidak patut, saya minta supaya Exco Pertanian tengok balik kerana tanah ni cukup sensitif dengan petani-petani.

Walaupun kita anggap "sekangkang kera" tanah itu, 'is verry sensitive' sebab itu hak mereka, mereka yang pugar dan saya masih sedar dan saya masih ingat bagaimana susahnyanya masa jalan tu, waktu itu YB. Speaker masih muda, jalan Tikam Batu ke Kota Kuala Muda sewaktu depa duk pugar dulu jalan tar pun tak dak, pakai jalan tanah merah. Saya masih ingat lagi bagaimana kita duk naik basikal, itulah keadaan di Padang Regent dan juga Permatang Pasir pada waktu itu. Tiba-tiba segalanya dah selesai, petani-petani ini hilang tanah mereka.

YB. Speaker, 'last' sekali, saya melihat sekarang ini orang Kedah, Alhamdulillah kita mempunyai kelebihan makanan YB. Bukit Kayu Hitam, yang luar biasa. Sebut saja orang Kedah, makanan kita luar biasa. Tetapi harus diingat, makan tanpa 'exercise' juga kita ada problem. Jadi, kita tengok pagi nasi lemak, tengahari nasi kandar, malam nasi, selepas tu kita ada 'diabetic problem'. Kedah adalah antara yang sedang mengalami isu ini. Jadi, saya mencadangkan kepada Exco Kerajaan supaya perbanyakkan kompleks-kompleks sukan. Saya tengok sekarang ni orang naik 'gerek', petang-petang orang naik gerak, tapi naik gerak dalam keadaan jalan raya kita yang sempit ini cukup bahaya.

Jadi, harus ada peluang untuk mereka bersenaman, beriadah dan saya rasa kalau kita boleh belanjakan sedikit duit untuk adakan kompleks-kompleks sukan di setiap kawasan. Saya rasa ini akan memberikan peluang. Sekarang ni orang naik gerak bukan orang muda-muda, orang tua-tua pun naik gerak dah, bagus, 'sorry', naik basikal. Jadi, saya rasa ini harus kita diwujudkan satu budaya di mana makan dan bersenam, makan dan bersukan seperti rakyat Australia di mana sukan itu menjadi satu budaya dalam kehidupan mereka.



Saya rasa kalau ini terjadi, ini akan menyelesaikan banyak masalah khususnya masalah diabetic, jantung dan darah tinggi. Ini saya rasa akan memberikan peluang kepada orang Kedah bukan sahaja bersukan tetapi juga boleh menonjolkan. Saya ingat itu saja yang saya nak sebut YB. Speaker, saya dah ambil 2 minit, terima kasih.

Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Gurun di atas syor dan cadangan yang baik kepada pihak kerajaan dan YB. Gurun mengambil masa 21 minit. Terima kasih.

Seterusnya saya persilakan YB. Bandar Baharu!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Bismillahirrahmanirrahim. YB. Speaker, YAB. Jeneri, YB. Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, seterusnya ketua-ketua jabatan, ahli-ahli pentadbiran Negeri Kedah dan juga Persekutuan yang terus menjadi tulang belakang menjayakan perjalanan kerajaan, pihak media seterusnya hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian. Alhamdulillah, terima kasih kepada YB. Speaker kerana memberi ruang kepada Bandar Baharu untuk menggarap beberapa perkara yang menjadi teras dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah yang telah berkenan merasmikan Sidang DUN kita pada kali ini, Alhamdulillah.

Alhamdulillah juga berkatnya musyawarah antara kita semua, kerajaan dan juga pembangkang kita masih boleh tenang dan aman dalam Sidang DUN dalam Dewan Undangan yang mulia ini. Kita juga, Ahli-Ahli Yang Berhormat sahabat-sahabat semua selalu utamakan 'policy contestant' dan kita juga selalu berhujah dengan 'sanat'nya bersumberkan fakta dan kajian ilmiah. Jadi, tak dak satu amalan dan budaya dalam Negeri Kedah ini akibat musyawarah yang baik untuk kita menghentam peribadi, caci maki dan sebagainya kerana ia memang tak 'relevant' lagi dan semoga kita dapat teruskan dalam Sidang Dewan yang mulia ini. YB. Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, hadirin dan hadirat sekalian, saya membawa perbahasan saya dalam tajuk "Kelestarian Tindakan Negeri Berkemajuan", itulah Kedah yang mana kita akan memasuki era endemik setelah 2 tahun lebih kita duk dalam pandemik, rasa tak tau lah kami ADUN-ADUN ni kerusi ni walaupun tak berubah kerajaan dalam 2 taun tapi kerusi berubah dalam Dewan ni.



Mula-mula duk hujung sana pi ke tengah sikit, la ni duk belakang terus, YB. Speaker. Tapi tak pa kan kita sama-sama, ni nak masuk era endemik tak tau dah kerusi nak duk tang mana lepas ni walaupun tak tukar kerusi. Kita tau fasa endemik ni 'virus kobit' ni (oqang Kedah kata la) kalau orang Bandar Baharu dia panggil Covid-19, kalau orang Bukit Lada dia habaq 'kobit' kan, 'natang kobit (sambil ketawa). Dia akan jadi 'virus forever' kepada kita. Oh! Bukit Pinang pun 'sebut kobit' kan? Haa...Bukit Pinang pun sebut 'natang kobit'. Dia akan jadi 'virus forever' kepada kita dan kita 'must be visit' virus tersebut dan tak dak pilihan lain dah, 'no choice' (dengan izin) dan kita pun dah dilatih selama 2 tahun lebih SOP-SOP. Terima kasihlah kepada Pengarah MKN dan juga 'team' dia, duk periiingat kat kita SOP! SOP! SOP! Walaupun SOP tu berubah sampai depa pun pening dengan SOP ini. Ni nak mai 1 haribulan 4 ni saya tanya, "Tuan, macam mana SOP?" "Tak tau lagi...." Haaa... 1 haribulan tu nak kena mengadap MKN pulaklah nak tengok SOP macam mana.

Dan kita tau 1 haribulan 4 nanti, bukan "April fool" lah no agak-agaknya, secara skala besar akan dibuka untuk kita maju dan tingkatkan ekonomi. Pintu sempadan akan buka dan kita antara dua pintu sempadan yang kita terlibat iaitu Bukit Kayu Hitam, yang satu lagi di Perlis. Dua pintu sempadan yang besar akan buka di Malaysia ini dan kita akan terkesan sedikit dan sebanyaknya pada negeri kita. Macam mana kita nak mengawal, macam mana kita nak sama-sama seiring dan sejalan dalam peredaran dan juga pembukaan besar-besarnya skala ekonomi untuk kita lebih maju, kita dapat limpahan yang lebih baik, limpahan yang tak baik pun akan masuk dan keluar daripada Negeri Kedah. Jadi, itu kerajaan kena sangat-sangat teliti bagaimana kerajaan negeri untuk mengambil tindakan sebelum, selepas dan mengawal setiap progress pembukaan skala ekonomi yang besar ini. Dan saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada YAB. Dato' Seri Ismail Sabri selaku Perdana Menteri Malaysia yang memberi peluang antara dua tu satunya pintu sempadan Negeri Kedah. Limpahan ekonomi kita tau akan dapat lebih sikitlah daripada kita. Dan kita juga ingin berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan sebab dah luluskan RM10,000 KWSP untuk dikeluarkan, memang itu duit kita untuk kita keluar dan kita belanja. Sebab esok mana kita nak tau, umuq-umuq ke depan ni takdan lagi nak bawa keluag KWSP dah kena kobit ka apa kan, tak boleh nak belanja.

Jadi, dah boleh belanja ni InsyaAllah kita keluar dan itu akan dapat melimpahkan lebih, agak-agaknya lebih RM60 billion saya rasa daripada kiraan ekonomi itu yang mana pasaran ekonomi setempat ni akan bertukar aliran dia, akan bertukar tangan kepada yang mempunyai, yang mengeluarkan KWSP itu akan melimpah dan terus mengalir kepada ekonomi skala kecil ataupun skala besar. Itu akan menghidupkan dan juga menumbuhkan lagi ekonomi negara dan juga Negeri Kedah khususnya.



Kita tau, dalam pembangunan yang kita duk ligan bagi kilang buat cepat, bagi kilang siap cepat, bagi kilang sedia pekerjaan cepat, semua kita nak cepat tapi kita juga jangan lupa, Kedah mempunyai banyak eset-eset semulajadi dan banyak kelebihannya yang belum dan belum cukup kita 'explore' (dengan izin) seperti contoh kita banyak hutan simpan yang kita memang selalu jaga, kita ada 'catchment area', kita ada tasik dan Bandar Baharu pun ada beberapa tasik dan lombong juga yang elok dan boleh dibangunkan dan potensi untuk menjadi eset dan mewujudkan peluang-peluang ekonomi, kita ada gunung-ganang YB. Bayu, kita ada gua dan banyak eset-eset alam semulajadi yang kita belum upaya dan masih dalam penerokaan. Tetapi penerokaan yang baik yang mana hasil anugerah tuhan ini selain kita jaga keaslian dia, selain kita jaga flora dan faunanya, ekosistemnya, apakah yang boleh dijadikan pendapatan dan hasil baru kepada kerajaan negeri. Saya sangat teruja bila dapat laporan hasil kutipan kerajaan negeri ni, saya tau sebab YAB. Dato' Pegawai Kewangan ni dia memang cekap dengan 'team-team' dia jentera pentadbiran negeri ini khususnya, saya rasa kutipan yang paling tinggi sebanyak RM688.4 juta bagi tempoh kewangan 2021 ini.

Tahniah saya ucapkan. Tetapi kalau boleh kita dapatkan lagi hasil-hasil yang baru contohnya bagi pembangunan sosioekonomi yang kita tau dari dulu lagi no, selain daripada sumber kayu kayan, makanan, menyimpan dan menghasilkan herba perubatan seterusnya ekopelancongan. Kita di Kedah ni rupanya ada 19 buah hutan lipur ataupun dikenali sebagai taman ekorimba yang kita ada di Kedah ni yang mana kita patut ambil 19 ni jadikan pusat atau produk ekopelancongan Kedah yang boleh menjana hasil-hasil baru kepada kerajaan negeri. Kita tau taman ekorimba banyak terjejas pada masa pandemik, ni kita kena bersedia lah nak laju pi ke endemik ni pun kena laju juga bersama dengan sosioekonomi kita yang mana saya nak cadangkan supaya wujudkan kerjasama yang sangat hebat di antara Jabatan Perhutanan Negeri Kedah bersama dengan semua institusi pendidikan tinggi awam, institusi pendidikan swasta dan agensi-agensi yang berkaitan bagi tujuan penyelidikan, pendidikan serta ekopelancongan di semua taman-taman ekorimba tersebut. Memang kita tau banyak pelaburan yang nak kena buat kepada taman ekorimba ini tetapi kita duk dengaq tadi tu, banyak pelaburan seemua daripada industri. Industri teknologi tinggi, industri sederhana, SME dan sebagainya tapi, pelaburan terhadap alam semulajadi, pelaburan pelancongan tak dak pun disebut dan dibangga-banggakan.

Jadi, bukan maksudnya kerajaan negeri bukan nak kena cari pelabur-pelabur industri saja, kita nak Kedah menjadi destinasi pelabur-pelabur ekopelancongan yang hebat. Depa pilih Kedah sebagai tempat pelaburan ekopelancongan depa, kita ada 19 taman ekorimba ni kita ketengahkan untuk mencari pelabur-pelabur.



Itu belum lagi habaq kata pelabur pertanian dan saya juga mencadangkan supaya kerajaan negeri cari pihak swasta dan pelabur ini untuk meningkatkan pembangunan fizikal terhad taman ekorimba ini dan juga wujudkan program-program bersama dengan pelajar-pelajar daripada anak-anak kecil ni kita duk tengok, tadi YB. Gurun mintak kompleks sukan, haa...hat ni pulak saya nak bawa keluar daripada kompleks sukan yang biasa ni kita bawa anak-anak kita selain daripada mengadap tu, gajet-gajet apa semua tu, media sosial lah online lah, tengok tv apa semua, kita kena bawa juga depa ni yang mana depa ni dah hilang tau, pengalaman terhadap alam sekitar ni depa hilang dah. Kita dulu masa kecil-kecil kita duk rajin masuk hutan, mandi 'paqit' (parit). Betul dak YB. Anak Bukit? Tapi la ni anak-anak kita takut, anak-anak kita takut. Haa... Jadi, kita ni dah jadi macam satu konsep 'extinction of experience' haa...(dengan izin) orang Bandar Baharu kata ataupun 'emotional disconnect' dengan alam semulajadi ni, dengan hutan ni. Kalau anak-anak kita bawa pi lah dalam hutan depa kalau kata ish! Takut aaiihh! Sat gi baca mentera macam-macam nak masuk hutan, takut kan dah tak dak 'disconnect' dengan alam semulajadi ni.

Jadi, mohon untuk kerajaan negeri mengadakan dan mewujudkan kerjasama swasta, institusi-institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah dan sebagainya untuk pembangunan fizikal dan juga mengadakan program, saya cadangkan konsep 'forest school' (sekolah hutan). Kita tau dalam universiti-universiti pun ada juga 'course-course' yang ini tapi pendidikan alam sekitar ini boleh kita bawa kepada Kedah seterusnya kita tingkatkan industri ekopelancongan dan juga pelancongan. Kita di Kulim Bandar Baharu ada Sedim, YB. Kulim yang selalu promosikan Sedim, kita ada sangatlah hebatnya hutan di Sedim dan juga kita ada di Bandar Baharu, Taman Rekreasi Batu Hampar, tetapi perlu ada kerjasama dan pembangunan fizikal untuk menjayakan misi ini sebagai hasil dan kutipan baru kepada kerajaan negeri, InsyaAllah.

Saya juga ingin membawa di mana tadi ramai saya rasa yang mengatakan berkenaan dengan pertanian. Kita tau kita menghasilkan 40% bekalan beras negara, kita duk cakap 'rice gold of Malaysia' dan sebagainya, tetapi kita kena tengok juga apakah pencapaian kita yang lain daripada padi ini. Kita ada daripada Pelan Pembangunan Kedah 2035 yang mana kita telah jenamakan setiap daerah. Setiap daerah tu semuanya dengan hat pembangunan-pembangunan besar semua. Pokok Sena pun nak ambik SME, Bukit Lada, padahal ada kilang papan saja hat besaq pun. Lepas tu Kubang Pasu ilmu dan logistik, Langkawi telah lah, pelancongan, Pendang usahawan, Baling eko, Kulim teknologi tinggi. Hanya hat pertanian ni dalam Pelan Pembangunan 2035 Kedah, hat pertanian hanya Bandar Baharu saja durian.



Jadi, saya melihat apakah yang telah dibawa, pelan yang besarnya untuk Bandar Baharu ni nak bawa untuk terus tingkatkan ataupun promosi ataupun hebatkan, raya kasakan durian dekat Bandar Baharu ini. Yang mana kita tau dah dekat Bandar Baharu ni memanglah durian ni kalau nak habaq ada peserta yang buat kebun durian ni 720 orang. Keluasan Bandar Baharu ni saya rasa sekerat Bandar Baharu kut, 1,121 hektar di Bandar Baharu ni semua pakat tanam durian. La ni orang tanam getah pun di Bandar Baharu semua pakat buang getah tu nak tanam durian sebab hasil lagi lebih tinggi, sampai Pejabat Risda Dearah Bandar Baharu pun pindah pi Kulim, tak mau duk kat Bandar Baharu dah sebab tak dak orang sangat buat getah. Dan saya tengok hasil pengeluaran untuk durian di Bandar Baharu sehingga Disember 2021, RM97 juta, durian di Bandar Baharu saja. Kita mintak lah kerajaan bawaklah makmal teknikal pertanian ka, mailah di Bandar Baharu, Pusat Agro Sains ka, mailah di Bandar Baharu. Nak 'support' pertanian di Bandar Baharu ni YB. Speaker dan hadirin sekalian, nak 'support' apa yang dibangunkan dalam agenda Pelan Pembangunan Negeri Kedah 2035 ni minta kerajaan bawa mai kat Bandar Baharu benda-benda tu semua untuk memperkasakan lagi pertumbuhan durian dan juga pertanian durian.

Jadi, hasil akan jadi lebih baik, bukan setakat durian biasa-biasa, durian hat premium semua yang bernilai tinggi yang akan menjadi pembangunan ekonomi kepada rakyat Bandar Baharu, InsyaAllah. Saya mohon yang tu dan kami juga sekarang ini dibantu oleh KBioCorp Kedah BioResources dalam ujikaji tanah. Setiap pertanian ini perlukan base data dia. Kalau kita pakai taaanam apa pun, kita buuubuh baja, kita raaacun macam biasa kita tak akan dapat hasil yang baik dan hasil yang tinggi. Jadi, kena ada lah 'technical survey' seperti ujikaji tanah dan sebagainya untuk lebih cekap lagi pertanian, 'smart farming', 'smart agriculture', saya mohon dan saya mohon juga kerajaan lihat pelabur-pelabur yang berpotensi untuk pertanian yang boleh mai ke Bandar Baharu ni. Sik tak pa, sebab YAB. Jeneri lalu tadi, Sik nak pendidikan agama saja tak pa, tak payah la bawa hat teknikal, agrosains, makmal teknikal apa-apa kat Sik, mai bawa ke Bandar Baharu. Saya mohon sangat kepada kerajaan.

Saya juga dapat data daripada Pertanian lah jugak ni, pengeluaran buah-buah, tanah berapa ekar apa semua ni, keluasan projek dan pencapaian pengeluaran. Tak dak lah banyak sangat, luas tanah ada 683 hektar saja untuk buah. Tapi data yang hat saya nak kongsi ni, hat yang lagi syoq ni. Penanaman ketom di Negeri Kedah, haaa...saya baru dapat tau kata Daerah Sik rupanya ada 3,030 pokok ketum yang telah ditanam. Haaa... tak taulah dia proses banyak mana tak tau, dia jual banyak mana tak tau. Tapi saya dapat tau Mukim Jeneri saja pun duk ada 1,000 pokok, itu yang ada banyak, maksudnya yang bukan ada di belakang-belakang rumah.



Saya kalau pi masuk kampung pun nampak juga, setiap rumah tu ada mesti ada, 'at least' satu pokok, itu depa kata untuk perubatan tradisional, orang lama-lama dan orang sekarang guna. Saya juga dapat data, Langkawi pun ada 670 pokok ketum, Baling 1,000 pokok, tapi yang paling saya terkejut sekali, Pendang ada 30,000 pokok, banyak juga depa tanam. Tapi tak boleh lawan Padang Terap, Padang Terap masih lagi menjadi juara lah, kalau hat ketum ni dia ada 47,550 pokok yang mana tanaman dia satu tempat lebih 5,000, 8,000, 2,000, 500, banyak pokok di Padang Terap ini. Apa kita nak buat dengan tanaman hat banyak-banyak, ketum ni? YAB. Jeneri dia ada bagi satu cadangan, tapi apakah tindakan kita ni. Daerah Kulim pun rupa-rupanya ada juga 1,310 pokok ketum. Ini yang direkodkan, rupa-rupanya lebih daripada keluasan tanaman buah-buahan lagi, ramai orang tanam ketum. Dan kita tau juga ketum ni, haaa.... tu nak cerita ketum ni. Ketum ni dia kalau secara tradisional ni biasa lah kan, kita tau dia ada 2 jenis pokok, dia ada satu tetulang daun warna merah....(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bandar Baharu, masa sebenar habis dah, cuma saya bagi sikit...

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Laaa....ish! Baru cerita ketum.... Jadi, tak payah cerita ketum ni, nak dengaq dak?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Nak dengaq! Saya bagi masa sikit.

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Sambung naih? Sambung, ha ok. Cerita ketum sambung terus, kan YB. Bukit Pinang. Jadi, ketum ni kita tau dia ada sebatian alkaloid yang kita dulu sebenarnya pernah membuat kajian bersama dengan Pusat Racun Negara di Makmal Kedah Bio Resoserch Corp. lah kita pernah buat. Pihak polis sendiri hantar sampel ketum ni yang mana kita dapat tau ada 25 bahan kimia atau sebatian alkaloid daripada ketum ini yang banyak sifat dia, yang kita tau mitragynine tu adalah chemical yang paling hebat lah yang mempunyai bahan kimia yang kuat, kompaun yang paling tinggi yang mana mitragynine disenaraikan dalam jadual ketiga racun, Jadual Ketiga Racun Seksyen 30 Akta Racun 1952. Dan saya minta keputusan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah yang mana sekiranya kita kata ketum ini banyak buruknya daripada baiknya, senaraikan ketum ini atau mitragynine, kompaun di ketum ini di dalam Akta



Dadah Berbahaya 1952, jangan duk bubuh lagi dalam Akta Racun 1952 sebab kita terikat, kita duk tengah-tengah, tanam boleeeehhh....ada berapa puluh ribu tadi tanam boleeeehhh, tak boleh pasar, tak boleh jual, tak boleh eksport, tak boleh apa, aktiviti menjadi satu kesalahan, bila dia duduk di bawah Akta Racun dia tak boleh import, tak boleh eksport, tak boleh kilang, tak boleh jual dan tak boleh memiliki bahan-bahan tu, bahan-bahan tu dalam daun ketum tu lah, bahan kompaun kimia tu. Jadi, satu keputusan kena ambil, katalah di luar bidang Kerajaan Negeri jadi Kerajaan Pusat kena ambil keputusan ni nak bubuh bawah akta apa, Akta Racun ka Akta Dadah, jadi senang pi. Orang tau haa...kita nak tanam ka, nak buat komersial kita nak tanam nak tingkatkan ekonomi kita ka dak, kita nak jual nak pasarkan untuk mendapatkan pendapatan ka dak. Jadi, itu kena buat keputusan. Dan kita tau juga banyak dah, lama dah kajian-kajian yang berkaitan dengan ketum ni kan, kita pun ada kajian yang baik dan kajian penyalahgunaan dan sampai sekarang pun belum selesai dan belum dibuat keputusan sampai kita dah ada anugerah-anugerah dan banyak penyelidikan di peringkat antarabangsa diterima berkenaan dengan ketum ini sampai dibagi geran, dibagi duit oleh Kerajaan German, Universiti Elegend German sebanyak 60,000 Euro untuk pihak USM buat kajian. Jadi, saya mohon kalau katalah betul-betul Kedah ni menjadi destinasi yang terbaik.....(YB. Pengkalan Kundor minta laluan)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Soalan sikit!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Yaa..

YB. DATO'DR. ISMAIL BIN SALLEH

Nak tanya YB. Bandar Baharu, adakah Bandar Baharu Sedar bahawa di peringkat Parlimen sekarang telah dicadang satu pindaan akta daripada Akta Racun Berbahaya 1952 diubah kepada Akta Dadah Berbahaya 1952. Tetapi oleh kerana sifat pindaan itu tidak lengkap, maka telah dihantar balik dan sekarang KKM sedang melihat untuk kalau tak silap saya cadangan sekarang adalah untuk mengekalkan Akta Racun tetapi dengan mengenakan penalti yang lebih berat terutamanya dari segi sekarang ini RM10,000 maksimum dan juga 4 tahun penjara, itu sangat ringan. Jadi, akta sekarang yang dicadangkan adalah Akta Racun ini dalam pindaan yang akan dibentang di Parlimen nanti untuk mengambilkira bermula proses daripada tanam tu. Jadi, adakah YB. Bandar Baharu sedar bahawa proses ini sedang berlaku?



YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Terima kasih YB. Pengkalan Kundor. Tak tau lagi sebab belum menjadi Ahli Parlimen, InsyaAllah. Jadi, kita berharap ada keputusan, bentang, bentang, sembang, sembang, bincang, bincang tapi tak dak keputusan lama dah, duk Akta Racun atau Akta Akta Dadah. Jadi, itu mesti diputuskan supaya banyak lagi ke depan ini perancangan untuk ketum ini boleh dibuat. Ke arah baik dia akan jadi baik, ke arah buruk dia akan jadi buruk, ini semua adalah ke arah penyalahgunaan. Kita boleh kawal penyalahgunaan tetapi kena ada keputusan dulu berkenaan dengan akta ini. Jadi, saya tak dapat nak sembang panjang berkenaan dengan ketum ini, terima kasih YB. Speaker. Sikit lagi berkenaan dengan Bandar Baharu dan juga ICT, boleh na?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Saya bagi 2 minit dah!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

2 minit? Ok. Saya juga menyedari petani-petani banyaknya tidak mempunyai caruman insurans, yang banyaknya tidak ada simpanan yang tetap dan sebagainya yang kita selalu tengok petani-petani kecil ini selalu mempunyai masalah sekiranya mendapat ataupun terkena musibah semasa bertani ataupun bersawah. Dan saya juga suka mengucapkan tahniah kepada pihak MADA kerana telah membuat satu perjanjian secara eksklusif bersama PERKESO ataupun SOCSO yang mana akan mencarum semua petani-petani di bawah MADA dan saya juga ingin war-warkan kepada semua petani-petani, penjaja, usahanya yang kurang upaya dan sebagainya untuk mencarum bersama dengan PERKESO kerana ada skim kerajaan yang membayar 80%, kita bayar 20% untuk kita dapat perlindungan insurans kepada kita walaupun kita petani.

Juga untuk ICT dan digital, saya berharap kerajaan negeri akan meneruskan Pelan Digital Kedah ini yang mana kita tengok antara kutipan hasil kerajaan negeri ini adalah berpuncanya daripada program-program digital ataupun online atas talian dan sebagainya 'cashless' yang mana semua orang senang nak bayar. YB. Speaker, mendasari kesemuanya saya amat yakin segala usaha yang berpandukan pemetaan jelas seperti terkandung dalam Pelan Pembangunan Strategik Kedah 2035 diikuti kerjasama semua pihak. Kesedaran 'political will' (dengan izin) yang mendalam selaku ADUN, dokongan penuh penjawat awam negeri (KCS), agensi pusat, hubungan baik dengan Kerajaan Persekutuan termasuk dengan masyarakat sendiri dapat membuahkan kejayaan bagi segala dasar yang mahu kita laksanakan di dalam Negeri Kedah.



Selaku ADUN atau siapapun kita yang diberi amanah melaksanakan tanggungjawab kita berprinsipkan di mana ada rakyat di situ ada hikmat dijadikan pegangan. Kerana dengan kemampunan tindakan kelestarian tindakan ini kita sahaja selain bersulamkan leluhur hati yang bersungguh membolehkan generasi negeri ini merasai nikmat kemajuan yang berterusan. Kita lakasanakan bukan untuk kita tapi untuk mereka. Jika bukan kita, siapa lagi yang akan buatnya, jika bukan sekarang, bila?

*Sungai Tepus menghala Sungai Kerian,
Udang galah hasil nelayan,
Kedah menuju arah kemajuan,
Bukti capaian Pelan Pembangunan.*

YB. Speaker, Bandar Baharu mohon menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bandar Baharu.

Seterusnya saya beri ruang kepada YAB. Jeneri!

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan di bawah Peraturan 12(1a) Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya Sidang Dewan pada pagi ini disambung semula pada jam 2.30 petang selepas ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan tersebut.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya bersetuju dengan usul yang dibuat oleh YAB. Dato' Seri Menteri Besar tersebut.

Seterusnya saya persilakan di sebelah sini. Dipersilakan YB. Anak Bukit. Saya bagi ruang sampai 12.59, tu ada 'extra time' tu. Terima kasih.



YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera. Mohon buka 'face mask' YB. Speaker. Terima kasih YB. Tuan Speaker di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut membahas usul menjunjung kasih atas Titah Ucapan Istiadat Pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Keempat Belas. Tuanku telah menyentuh tentang perlindungan dan kelestarian alam sekitar. Kerajaan Negeri mengawal dan mengekalkan kawasan hutan menerusi amalan pengurusan hutan secara berkekalan selaras dengan Teras 6 Kemampunan Alam Sekitar di bawah Pelan Pembangunan Kedah 2035.

YB. Dato' Speaker, pada 28 Februari yang lalu satu laporan penting dari Intergovernmental Panel On Climate Change (IPCC) iaitu sebuah badan di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah dikeluarkan mengenai impak, adaptasi dan 'vulnerability' yang berpunca daripada perubahan iklim. Laporan tersebut saya kira adalah sangat penting bagi kita sebagai pembuat dasar sama ada di federal ataupun di negeri untuk difahami serta pripentingnya untuk kita mengambil berat tentang laporan IPCC ini yang menunjukkan bahawa impak perubahan iklim ini sebenarnya adalah lebih teruk masa kini daripada apa yang kita sangkakan oleh para saintis 5 tahun yang dulu. Dulu depa duk kata akan jadi begini, begini, begini dan impak yang kita tengok tu sebenarnya lebih teruk daripada yang mereka jangkakan.

Sejak 2008 berikutan kemarau yang teruk, kepanasan yang melampau dan banjir yang teruk di banyak negara di dunia ini mengakibatkan lebih 20 juta orang berpindah dari rumah kediaman mereka setiap tahun, akibat daripada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Jadi, kita di Malaysia juga terkesan daripada apa yang disebutkan tadi. Kita mengalami keadaan banjir yang lebih kerap di luar musim monsun, banjir dalam musim monsun biasa, tapi ini banjir di luar musim monsun dan lebih kerap dengan 'intensity' hujan yang lebih banyak.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan oleh kerana antara perkara yang selalu dibincangkan tentang 'climax change' ini adalah kesan daripada hutan yang diganggu gugat secara yang tidak lestari, yang tidak mapan. Jadi, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri Kedah juga mengambil langkah yang sama membuat pindaan sepertimana pindaan yang dicadangkan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984, tak lulus lagi, Parlimen pun akan bentangkan benda ni dan kita minta untuk negeri juga 'adopt' benda yang sama iaitu prosedur untuk nyah gazet status hutan simpan kekal mestilah memenuhi 2 kriteria.



Pertama, ianya mestilah dibuat 'public enquiry' dengan memenuhi prosedur yang ditetapkan bagi memastikan terdapat ketelusan dan pertanggungjawaban di pihak kerajaan negeri serta memastikan 'good governance'. Jadi, kalau kita ada cadangan untuk kita nyah gazet ataupun digazetkan daripada hutan simpan kekal menjadi kegunaan yang lain maka ia perlu dibuat dengan proses ada 'public enquiry'. Maksudnya kita bawa keluar notis kata, "ini ada cadangan daripada kerajaan negeri supaya public boleh tengok dan memberi komen serta cadangan".

Kedua, jika nyah gazet itu berlaku, maknanya public pun dah tengok, bagi komen kata ok, tak pa ini boleh dan kerajaan negeri pun bersetuju. Jika ini berlaku nyah gazet itu, pihak kerajaan negeri mestilah mengenal pasti kawasan yang serupa dengan kawasan nyah gazet tersebut dengan keluasan yang sama atau lebih besar sebagai ganti.

Biar dia jadi mandatory, makna dia ada dalam akta ataupun dia ada di dalam enakmen, kalau dalam negeri ni ada dalam enakmen, dia bukan menjadi budi bicara pihak berkuasa negeri, dia rasa nak ganti dia ganti, dia rasa tak mau ganti dia tak ganti. Biar dua benda ini dimasukkan di dalam enakmen yang mungkin Jabatan Perhutanan boleh cadangkan dan di 'go through' oleh YB. Penasihat Undang-undang untuk dibentangkan supaya ini kita tengok dia akan memastikan bahawa hutan-hutan kita itu diuruskan dengan secara penuh bertanggungjawab.

Saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri memberhentikan terus sebarang aktiviti pembalakan di atas tanah milik kerajaan, hat yang 'private'nya tu tidak ada bidang kuasa kita tapi yang tanah di bawah milik kerajaan tanah hutan simpan kekal ataupun hutan-hutan yang lain dan sebagai ganti Kerajaan Pusat memberi pampasan atas kehilangan hasil negeri akibat pembalakan. Saya tengok 'average' hasil hutan kita yang ada ialah pernah RM20 juta, ini premium, kalau kita tengok dalam Buku Bajet kita tu kadang-kadang naik RM40 juta, saya ingat pernah satu ketika dulu naik RM80 juta macam tu. Tapi, 'average' dia tu 20, 30, 40 dan sangat...istilah orang muda la ni "sangat ciput" lah. Kalau nak dikatakan hasil nak diganti balik oleh pihak Persekutuan, apalah sangat dengan kehilangan hasil sebanyak itu, saya ingat Kerajaan Pusat sangat-sangat bersedia lah untuk memberi ganti balik atas kehilangan sebab ia merupakan antara hasil kerajaan negeri. Dan kita tau dulu semasa Tun M menjadi PM yang ke 7 pun pernah diberikan pemberian khas kepada Negeri Kedah sebanyak RM200 juta. Ini pun dah 10 kali ganda lebih daripada premium yang dikutip dan saya ingat ini adalah sangat-sangat diperlukan oleh negeri supaya konservasi hutan-hutan ini dapat kita buat.



Sekiranya ini dapat kita lakukan jadi kita rasa kita tak tengok lagi dah kut, InsyaAllah tapi dia ambil masa lah kan, bukan sekelip mata saja ia boleh berlaku, kita tak nampak lagi lah Sungai Kedah yang saya abadikan dalam foto ni (sambil menunjukkan foto dalam handphon) nak tunjuk pun kamera tak boleh fokus tang ni, gambar Sungai Kedah kelmarin petang, yang ni kita kata "teh tarik kaw-kaw punya". Ini disebabkan berlaku hujan di bahagian hulu dan sudah tentu ini sebabnya ialah 'selting' ataupun enap-enap yang turun sebab berlakunya pembukaan tanah dan sebagainya. Silakan YB. Sungai Limau!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kepada YB. Anak Bukit menyentuh tentang akta baru yang dicadangkan di peringkat Persekutuan. Saya yakin kerajaan negeri pun sentiasa kita nak mintak kepada Kerajaan Persekutuan untuk apa yang kita simpan.

Cuma apa yang ingin saya bangkitkan, adakah YB. Anak Bukit sedar, pertamanya bahawa kelulusan tebang hutan ini diluluskan pada zaman terdahulu, tak dak pun diluluskan semasa YAB. Jeneri mentadbir, pertama. YAB. Jeneri pun pernah sebut ia mengambil masa 18 tahun kalau nak perabih hat yang diluluskan oleh kerajaan-kerajaan sebelum ini termasuklah semasa dipimpin oleh kerajaan sebelum daripada ini.

Keduanya, adakah Yang Berhormat sedar bahawa Pensijilan Pengurusan Hutan (PPH) pernah digantung Mei 2019 semasa Pakatan Harapan memerintah akibat daripada ketidakakuran kepada peraturan yang telah ditetapkan dan diperolehi semula oleh pihak kerajaan pada Oktober 2021 apabila kita penuhi semua syarat. Mungkin cadangan-cadangan itu bagus cuma praktikal yang dilaksanakan oleh kerajaan sebelum ini pun tidak memenuhi peraturan yang sedia ada. Jadi, minta komen Yang Berhormat.

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Terima kasih. Ya, macam disebutkan tadi benda yang telah diluluskan sebelum-sebelum ni termasuk dulu kan saya pun jadi Exco dulu 2008 dan waktu itu kita sangat berbangga kerana dibuat secara tender terbuka, dapat hasil yang cukup tinggi dan sebagainya. 'Effect' itu mengambil masa yang lama, dah bagi lesen, dia pun dah bayar, kemudian dia nak kena tebang lah. Jadi, ini adalah langkah-langkahan yang perlu diambil untuk memastikan bahawa selepas ini walaupun kita punya 'forest cover' kita ni lebih daripada apa yang ditetapkan oleh pihak United Nation tetapi kalau ianya tidak dikawal mungkin ia akan menjadi benda yang lebih teruk.



Jadi, saya ingat ini adalah tanggungjawab semua pihak untuk memastikan bahawa hutan yang kita uruskan itu yang boleh memberikan hasil tapi biarlah ianya tidak memberikan kesan, dapat RM80 juta setahun tapi bila berlaku banjir lah, tanah tuntut lah apa semua tu dia punya kerosakan tu jauh lebih besar daripada hasil sedikit yang kita perolehi. Silakan YB. Jitra.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih YB. Speaker, terima kasih YB. Anak Bukit. Saya ingin bertanya, adakah YB. Anak Bukit sedar bila kita bercakap mengenai hasil kerajaan negeri bahawa ada sebuah syarikat Sukmas Dimensi pada 4hb. Mei 2021 menawarkan kepada Kedah Cement Sdn. Bhd. mengambil alih operasi sebagai operator di sebahagian compartment 11, Hutan Simpan Gunung Raya seluas 40 hektar iaitu untuk mengeluarkan kayu kayan di situ dan bayaran pampasannya RM6 juta daripada Kedah Cement kepada Sukmas Dimensi saya tak tau lagi lah berapa banyak yang mungkin kerajaan negeri boleh kutip.

Walhal sebelum itu, tujuan tapak ini sebenarnya adalah untuk mengeluarkan pasir darat yang tidak mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar. Kita lihat sepucuk surat pula yang dikeluarkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif YiKed (Yayasan Islam Negeri Kedah) bertarikh 22 Oktober 2019 tidak bersetuju dengan pengeluaran pasir darat di kawasan yang sama yang akhirnya Kerajaan Negeri pula mengeluarkan kelulusan bagi YiKed untuk mengeluarkan saki baki kayu di compartment yang sama. Jadi, apa pandangan YB. Anak Bukit mengenai ketidakpatuhan kerajaan negeri memberi kelulusan kepada YiKed walhal Jabatan Alam Sekitar sudah menolak cadangan tersebut?

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Terima kasih YB. Jitra. 'This is news to me' (dengan izin). Tapi apa pun maknanya saya ingat kita harus meletakkan maknanya keselamatan awam hasil daripada mungkin tindakan-tindakan kita sebenarnya yang mungkin niat tu baik kerana nak dapatkan hasil untuk kerajaan negeri dan sebagainya tapi kalau dia dinasihatkan oleh jabatan-jabatan teknikal untuk tidak diberikan kebenaran kerana sudah tentu mereka tahu apakah implikasi yang akan berlaku selepas itu. Cumanya YB. Speaker, tak taulah yang tadi YB. Sungai Limau sebut, saya berpanduan kepada jawapan bertulis yang ditanya oleh YB. Pedu tentang premium balak yang dikeluarkan dalam tempoh nama-nama yang menjadi Menteri Besar ni. Saya pun tak berapa pasti apa maksud jumlah premium balak yang dikeluarkan.



Saya ingat kebenaran untuk membalak kemudian syarikat itu kena bayar premium lah kan. Tapi disebut ni di zaman Dato' Seri Utama Mukhriz Februari 2016 sampai 2018.. sorry one point dengan two point o tu jumlah dia ialah RM94 juta. Kemudian Dato' Seri Diraja Ahmad Bashah yang lebih pendek dia punya pemerintahannya RM164 juta premium dan YAB. Jeneri pun ada, Mei 2020 sehingga kini, kini tu, la lah kut, jumlahnya adalah RM60.1 juta. Saya baca lah ni, ini maklumat rasmi yang diberikan, jadi saya tak taulah sama ada kenyataan YB. Sungai Limau kata tak pernah diberikan dan sebagainya tu adalah tepat ataupun tidak tapi saya baca ini rasmi yang dikeluarkan jawapan oleh pihak kerajaan.

YB. Speaker....(YB. Kuala Nerang minta laluan)

YB. TUAN HAJI MOHAMMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

YB. Speaker, mohon laluan.

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Allah! Tinggal 10 saja YB. Kuala Nerang.

YB. TUAN HAJI MOHAMMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Sikit saja! Sikit saja!

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Boleh! Boleh! Pasal jiran.

YB. TUAN HAJI MOHAMMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Ok, terima kasih. Nak bertanya Yang Berhormat, adakah bersetuju bahawa yang ditanya dalam soalan itu adalah berapa premium dan premium ini dibayar bukan semestinya sekaligus, serentak 100%, kadang dibayar 30%, 40%, 50%. Jadi, maknanya premium ini menggambarkan bahawa bayaran ini bayaran premium kepada kelulusan yang lama bukan kelulusan yang baru, kelulusan yang baru memang tak dak. Jadi, kita harap tidak mengelirukan dan tidak menimbulkan salah faham bahawa sebenarnya bukan kelulusan baru, kelulusan baru tak dak dan premium yang diterima itu ialah premium atas kelulusan sebelum-sebelum ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju? Terima kasih.



YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Yang tu saya ingat saya mintak pihak kerajaan lah tolong jawab. Saya tengok yang disebut tu 'possible' benda hat disebut possible hat kata YB. Jitra semasa menjadi Menteri Besar dua kali pun dapat sekian-sekian banyak pun mungkin hat lulus tu orang sebelum tu kan, hat yang Dato' Seri Ahmad Bashah dapat tu mungkin hat sebelum tu, hat YAB. Jeneri pun mungkin hat sebelum tu. Saya tak tau, saya ingat yang ni bagi pihak kerajaan lah jawab.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Speaker. YB. Anak Bukit mungkin tak sempat nak bahaskan hari ni tapi kena faham lah, memang cukup sukar untuk orang memahami tentang isu balak ini antara kelulusan dengan lesen mengeluarkan balak.

Memang susah orang nak faham dan saya nampak dah lama dah kita duk cerita kan, dia tak faham antara kelulusan boleh bagi bila-bila tetapi lesen hanya akan ditentukan setiap tahun, setiap tahun barulah keluar lesen mengikut kebenaran. Terima kasih.

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Terima kasih YB. Suka Menanti membantu untuk memberi pencerahan. YB. Speaker, Tuanku juga bertitah tentang penyediaan dan naik taraf infrastruktur perkhidmatan jalur lebar dan sekarang ini sibuk diperkatakan tentang 5G roll out, kan. Tapi hakikatnya kita di Kedah tak tau lah, hakikatnya jangan duk cerita 5G, 4G ni berlungguk lagi kawasan Negeri Kedah yang nak cari seketoi pun tak dapat, itu istilah orang Kedah lah, dia bar, istilah dia 'ketoi', nak cari seketoi pun tak dak. Ini saya pernah bangkitkan dalam Dewan ini di KEDA Malau, semasa PKP YB. Speaker, kena belajar di rumah, nak cari peranti pun satu hal dah lah, so dapatlah peranti. Dapat peranti duk di rumah tak dak line, keluarlah pi cari, macam cerita hat duk di Sabah apa semua tu kan, tapi cari tak lah sampai naik atas pokok nyoq apa semua dak, pi nak cari, tengah-tengah duk cari tu polis masuk, berselerak lari takut kena tangkap. Tapi, balik tu tak boleh nak belajar lah. Dan sekarang ni kita tau terkesan satu dua generasi yang dari segi dah naik darjah 2 membaca dan menulis tak boleh, kesan daripada itu. Jadi, tentang perkara ini saya harap, kita dah buat report, dah bawa masuk dalam SKMM punya permohonan apa semua tapi dia habaq la, kita telah membina sekian banyak apa semua. Ya lah, bina boleh kat orang lain, kat kita tak tau lah bila nak sampai.



Jadi, kita harap kerajaan negeri pun boleh membantu untuk meminta supaya liputan ini lebih baik dan dah saya sebut pasal KEDA Malau ni, ada beberapa perkara lain tapi umum lah, tentang pemberimilikan hakmilik tanah dan rumah kepada peserta-peserta KEDA. Saya dapat maklum kata sebahagian daripada mereka-mereka yang duduk di situ dapat 'offer'. Jadi, timbul persoalan pasal apa kawan ni dapat, pasal apa kawan ni tak dapat, satu. Keduanya diminta untuk bayar RM600 kepada peguam yang dikatakan akan menguruskan proses pemberimilikan ini untuk mereka dapat tapi selepas tu senyap sepi. Jadi, saya nak tanya, apakah sebenarnya polisi tentang perkara ini dan biar dia bagi seragamlah kalau boleh diberikan hakmilik pasai apa setengah dapat, setengah tak dapat kan. Dulu saya dengar kata rumah dan tanah tidak akan diberi hakmilik kepada mereka, mereka keluar daripada kepongpong kemiskinan mereka kena keluar daripada situ, dengaq juga macam tu. Jadi, sebenarnya apa polisi yang ada tentang perkara ini.

Kemudian, mereka juga dijanjikan dengan tanah perkuburan 2 ekar, katanya dah dilulus tapi sampai la ni masih tak boleh digunakan lagi jadi bila ada kematian nak kena pi minta ehsan daripada perkuburan yang dekat-dekat tu, depa kata ha, baru berani korek. Saya ingat ini bukan di situ saja, di banyak tempat masalah-masalah ini masih berlaku.

Juga bila dah sebut tentng hakmilik ni saya nak kena bangkit juga lah benda yang dah saya bangkitkan dalam Dewan ini iaitu tentang permohonan tapak kediaman di Kampung Wang Tepus. Depa ni diminta untuk pi buat rumah dan sebagainya tu zaman YAB. Tan Sri Dato' Seri Osman Aroff dulu ni, pertengahan 80-an. Saya pi situ depa selak tikar getah tu tunjuk nombor hat depa garis masa depa buat tu, lepas tu dia sengap serepi. Depa mohon, sengap serepi kemudian mai baru-baru ni depa kenai gamaknya di Parlimen Kubang Pasu tu mintak tolonglah buat semula apa semua dan saya pun duk 'follow up closely' dengan DO Kubang Pasu dan juga Dato' Pengarah Tanah dan Galian dan saya diberi maklum kata la ni tersangkut kerana JPV tak mau nak lepas RC tanah padang ragut tang tu. Padahal kalau kita tengok di keliling tu memang dah tak logik lah nak dikekalkan sebagai RC padang ragut. Jadi saya mohonlah, bukan mereka minta besar 10 ekar ka nak buat ladang dak, tanah sebesar sekangkang kera nak buat rumah saja. Jadi, saya mohonlah YAB. Jeneri untuk tengok perkara ini kalau JPV tak mau nak bagi juga, bagi lah.

Kemudian sikit saya nak sentuh YB. Speaker ialah tentang kenaikan harga benih, tadi sahabat saya YB. Gurun dan YB. Alor Mengkudu juga sebut, petani la ni harga jualan depa duk setakat tu, tapi input semakin naik jadi, margin mereka semakin mengecil dan la ni ditambah pula dengan benih yang menjadi amalan tradisi depa boleh simpan benih sendiri apa semua ni la ni timbul pula (masa pun tak mengizinkan ni) katanya



kita Malaysia nak sign dengan UPOV91 maknanya segala benih yang nak dijual nanti ada orang yang akan paternkan dan kita nak kena beli dengan harga yang dia kawal dan menjadi kawalannya sehingga 20 ke 30 tahun patern tu yang menyebabkan petani kalau sekali dia guna benih tu kemudian dia nak gunakan balik contohnya lah kalau benih padi kita tanam, kita dapat, la ni oleh kerana benih sah pun kadang-kadang ada problem, depa buat sendiri, ambil sebahagian proses kemudian guna sendiri dan kadang-kadang jiran nak beli dan sebagainya. Jadi, kalau kita masuk UPOV91 ni memberi hak monopoli kepada pembiak baka itu selama 20 hingga 25 tahun, jadi petani tidak boleh simpan, tidak boleh berkongsi ataupun menjual benih yang mereka daftarkan sebagai hak pembiak baka ini. Jadi, saya mohon kepada pihak kerajaan negeri untuk turut memberi tekanan, saya pun dah sebut di Parlimen seperti MAFI untuk tengok benda ni supaya jangan akhirnya petani-petani kita terus terkesan dengan perkara ini. Berapa minit lagi YB. Speaker?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Habis dah masa!

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Ok, last dah ini dalam kawasan kena sebut juga. YB. Dato' Speaker, di dalam kawasan saya ada satu jalan, ACLBD9A Kampung Hutan Serdang. Tempat lain boleh dua tiga lapis dah jalan depa turap, ni ban MADA. Nak kata ban MADA tak boleh nak turap dengan tar pun hat lain pun depa turap sama. Hat lain tak boleh, boleh tang ni minta YAB. Jeneri tolong tengok sat di Hutan Serdang jalan tu dan juga depa minta saya bangkitkan juga lah pegawai-pegawai ataupun pekerja di Kem Paya Pahlawan saya ingat duduk di bawah MBI, yang ni ada 18 orang pekerja semuanya, 5 tetap dan 13 kontrak pada tahun 2021, 3 bulan gaji tertunggak dan tahun ni ada 1 bulan tertunggak. Jadi, pakat-pakat ada anak bini dan susu nak beli dan sebagainya, kita harap ini dapat diberikan perhatian oleh YAB. supaya dapat gaji mereka yang tertunggak dan sebagainya. YB. Speaker, oleh itu saya juga mohon agar dalam jawapan nanti semua pakat boleh 20, 40, tau-tau bagi kat Exco kita 25 minit saja nak gulung. Sudah tentu lah depa tak dapat nak gulung lipat kesemuanya. Jadi, yang tak dapat digulung dan dilipat tu mohon saya ingat dalam 5 hari ka, 7 hari bekerja ka tolonglah bagi jawapan bertulis kepada kita sebab saya ingat banyak juga sebelum ini nak bagi jawapan bertulis lup dengan ayaq tu saja. Jadi, saya harap ini dapat diberi perhatian dan dengan ini juga saya turut menyokong usul menjunjung kasih atas titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Anak Bukit.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan dan akan disambung semula pada jam 2.30 petang ini. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari]



[Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang]

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Sidang disambung semula. YB. Ayer Hitam!

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah robbil 'alamin wassola tuwassala muala asyrofil anbiya iwal mursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Robbish rohli sodri wayarsirli amri wahlul uddatan millisani yafkhohu khauli. Subhanakala 'ilmalana ma 'allamtana innakaantal 'ali mulhakim. La haulawala khuwatailla billa hilali yil 'azim. 'Ammabaq.

Terima kasih YB. Dato' Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar, YB. Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, YB. Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Beerusaha, Yang Berbahagia ketua-ketua jabatan, agensi-agensi kerajaan, yang dihormati para pegawai Dewan seterusnya yang dikasihi para pemerhati yang mengikuti persidangan ini sama ada secara fizikal ataupun atas talian.

Alhamdulillah, sama-sama kita panjatkan rasa syukur kepada Allah s.w.t tuhan seteru sekalian alam, telah mengizinkan kita pada hari ini untuk terus hidup untuk kita menunaikan tanggungjawab kita sebagai seorang hambanya dan InsyaAllah menunaikan tanggungjawab kita sebagai khalifah untuk mengatur urusan memakmurkan bumi yang kita diami ini. Terima kasih kepada YB. Dato' Speaker yang memberi laluan kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan ketika Istiadat Pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Mesyuarat Pertama Penggal Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas semalam 20 Mac 2022 bersamaan 17 Sya'ban 1443 Hijrah. Saya berasa sangat gembira kerana YB. Dato' Speaker dapat hadir pada hari ini telah sembuh InsyaAllah daripada Covid-19 bersama-sama dengan kita dan kita mendoakan semoga kita semua InsyaAllah diberikan kesihatan yang baik untuk kita meneruskan usaha kita dalam memakmurkan negeri dan menyantuni rakyat di bawah sana, InsyaAllah.



Mudah-mudahan Covid-19 di Kedah dan Malaysia ini InsyaAllah akan perlahan-lahan meninggalkan kita walaupun kita masih lagi membaca angka yang besar pada setiap hari jumlah mereka yang dijangkiti oleh Covid-19 melebihi 20,000 orang pada setiap hari merupakan satu angka yang kita patut risaukan dan bersama-sama kita menanganinya supaya InsyaAllah penularan-penularan Covid-19 dapat kita tamatkan kerana ancaman ini telah merencatkan perjalanan pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat seluruhnya.

YB. Dato' Speaker, saya menjunjung kasih di atas titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menyentuh beberapa dasar dan asas yang perlu kita beri perhatian selaku Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri dalam Negeri Kedah ini. Saya sekadar untuk membahaskan dua tiga perkara yang disebut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam masa yang terhad ini dan InsyaAllah saya akan meneruskan perkara-perkara yang sebahagiannya disebutkan oleh Ahli Dewan sebelum ini dan InsyaAllah akan menyentuh satu dua perkara yang belum disentuh oleh Ahli Dewan sebelum ini. Tuanku Sultan pada permulaan titah baginda mengajak kita supaya mengamalkan demokrasi bermusyawarah dalam kita menangani pentadbiran negeri kita ini bermaksud baginda berharap kita sentiasa mengadakan perbincangan, mesyuarat, sembang-sembang sama ada secara rasmi ataupun tidak rasmi untuk kita menangani permasalahan yang timbul untuk kita menanganinya lebih-lebih lagi dalam keadaan kita masih lagi berada dalam kurungan Covid-19 ini. Kita perlu melupakan persengketaan sesama kita sama ada dalam kumpulan semasa ataupun kumpulan yang lebih besar dalam politik atau sebagainya untuk sama-sama kita memberikan persetujuan kepada perkara-perkara yang boleh kita persetujuan untuk sama-sama kita makmurkan negara atau negeri kita ini. Kerajaan negeri ini akan tamat InsyaAllah dari keunjurannya pada 20 Mei 2023. Kita ada kurang lebih setahun lagi untuk kita mentadbir, memacu negeri kita ini untuk mencapai kemakmuran dan kesejahteraan.

Kita berharap dalam masa setahun lebih lagi ini kita dapat bermusyawarah sesama kita untuk kita mengekalkan kesejahteraan, keamanan Negeri Kedah ini untuk sama-sama kita menangani permasalahan yang timbul supaya tidak ada rasa gelisah di kalangan rakyat melihat kepada perkembangan semasa. Kalau kita ambil contoh ada kemelut politik yang berlaku yang boleh merisaukan dan meresahkan rakyat cuba kita tenteramkan di negeri kita ini. Kita tak perlu terikut-ikut dengan satu dua negeri yang sebelum ini mengadakan PRN (Pilihanraya Negeri). Walaupun keadaannya tak begitu terdesak, tapi kesannya kepada rakyat di samping membuang masa, membuang wang ringgit juga memberi kesan yang tidak baik kepada pembangunan negeri dan negara kita.



Saya yakin dan percaya Negeri Kedah tidak akan berlaku seperti itu, kita mempunyai seorang Menteri Besar yang sentiasa terbuka pemikirannya, yang boleh bekerjasama dengan semua pihak baik bersama parti dalam kerajaan dan juga bersama pembangkang yang ada di Dewan ini. InsyaAllah kerjasama yang berterusan ini kita berharap dapat memacu lagi pembangunan Negeri Kedah ini, InsyaAllah. Begitu juga kita harapkan di peringkat Persekutuan tidak ada lagi lah bunyi-bunyi supaya diadakan segera pilihanraya umum ini dalam keadaan semasa yang masih lagi tinggi jumlah jangkitan Covid-19 dan masih lagi kita dibimbangi dengan penularan mungkin dengan virus-virus yang baru. Kita ada masa setahun lagi untuk kita bersama-sama semua pihak untuk menjaga kemakmuran negara kita ini. Saya yakin dan percaya perjanjian kerjasama di antara pembangkang dan Kerajaan Keluarga Malaysia pada tahun lepas untuk sama-sama kita menjaga kerajaan masih boleh dipertahankan diteruskan sehingga tamat penggal kita, InsyaAllah. Kita tidak perlu tergesa-gesa untuk mengadakan pilihanraya umum kerana hal itu boleh di samping menggugat serta memperlakan pertumbuhan ekonomi negara dan juga boleh menimbulkan keresahan di kalangan rakyat. Kita yakin dan percaya pembangkang dan kerajaan boleh duduk sekali untuk berbincang dan meneruskan kerja-kerja yang baik yang disarankan oleh mana-mana pihak boleh kita aturkan bersama.

Pada minggu lepas Perdana Menteri ada mengumumkan Pengeluaran Khas RM10,000 duit KWSP yang diputuskan oleh Kabinet dan disokong juga oleh pihak pembangkang. Bermaksud, perkara-perkara yang baik ini tak perlu kita heboh atau kelirukan di luar, kita boleh selesaikan dalaman kita, perbincangan bersama Ahli Kabinet ataupun kerajaan bersama pembangkang untuk menyelesaikannya. Begitu juga 2 hari lepas, YAB. Perdana Menteri mengumumkan tentang kenaikan gaji minima dari RM1,200 kepada RM1,500 yang diputuskan oleh Kabinet diumumkan dalam Persidangan Agong UMNO yang merupakan tempat menjadi medan perbahasan dan Alhamdulillah disambut baik oleh semua pihak bukan saja daripada kalangan ahli UMNO juga semua rakyat biasa yang memerlukan kepada keadaan itu bertambah baik.

YB. Speaker, saya berasa gembira di atas kebanggaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas pencapaian semasa Kerajaan Negeri Kedah ini dengan penambahan pelaburan luar ke Kedah sejumlah RM68.3 billion pada tahun lepas. Satu pencapaian dan merupakan rekod dalam sejarah kerajaan negeri kita cuma kita berada di tangga kedua selepas Pulau Pinang. Sebuah negeri yang berasaskan pertanian seperti Kedah ini merupakan satu pencapaian yang cukup baik, pencapaian yang kita sendiri pun rasa bangga kerana negeri-negeri lain yang berasaskan perindustrian, perkilangan pun tak mampu ataupun belum mencapai tahap yang kita capai setakat ini. Sudah tentulah hal ini berlaku bukan secara sengaja, tentu ada perkara-perkara yang menyokong kepada perolehan ataupun kedatangan pelabur ke negeri kita.



Saya yakin dan percaya antara sebabnya ialah kita mempunyai sebuah kerajaan yang menguruskan negeri dengan telus, penuh integriti dengan sokongan semua pihak, kakitangan kerajaan dan juga pegawai-pegawai kerajaan yang memberikan perkhidmatan yang cekap, telus yang terbuka, yang boleh menarik minat dan menggamit pelabur-pelabur luar untuk datang ke Kedah ini. Kesungguhan YAB. Menteri Besar dan juga barisan Exco serta pegawai kerajaan yang bersungguh-sungguh bekerja seperti yang disebutkan oleh YB. Sungai Limau sehingga larut malam pun bekerja untuk menyelesaikan masalah-masalah dalam negeri merupakan pemangkin yang besar kepada kedatangan pelabur yang besar ke negeri kita. Saya haraplah suasana ini akan berterusan InsyaAllah kita tahun ini akan mendapat pelaburan yang lebih besar dan mencapai InsyaAllah hasrat kita untuk menjayakan Pelan Pembangunan Kedah 2035 yang mensasarkan sekurang-kurangnya RM10 billion pelaburan setahun. Sekiranya kita dapat mencapai lebih daripada RM10 billion setahun, kita mungkin dapat memendekkan Pelan 2035 menjadi 2030 pun mungkin berlaku, InsyaAllah.

YB. Dato' Speaker, walaupun Ayer Hitam ni dia tak dak kawasan perindustrian dan perkilangan, Ayer Hitam ni kawasan pertanian sepenuhnya, hampir semuanya kawasan pertanian melibatkan sawah padi, sedikit getah dan kelapa sawit. Kilang pun kilang padi yang ada pun sebuah dua di beberapa tempat yang lainnya kawasan pertanian. Tetapi kami berdekatan dengan Bukit Kayu Hitam, di situ ada kawasan perindustrian baru yang dibangunkan, bukan baru lah sudah lama tetapi baru-baru ini tahun lepas telah mendapat pelaburan ataupun kerjasama daripada pelbagai pihak untuk membangunkan kawasan itu supaya menjadi hub pilihan pelabur-pelabur untuk melabur di situ. Terima kasih kepada pihak Kerajaan Persekutuan yang telah meluluskan loji rawatan air untuk dibina di Kubang Pasu bagi menampung keperluan di Zon Sempadan Ekonomi Khas (SBEZ) di Kota Perdana Bukit Kayu Hitam. Saya yakin dan percaya jika usaha-usaha ini diadakan peluang pelaburan atau pelabur-pelabur akan datang ke Bukit Kayu Hitam bertambah besar dan akan menyediakan InsyaAllah peluang pekerjaan kepada penduduk setempat yang sebahagiannya InsyaAllah akan berkongsi dengan penduduk Ayer Hitam juga. Difahamkan pada tahun lepas telah ada perjanjian di antara Harta Lega dengan Northern Gateway untuk membangunkan 100 ekar kawasan perkilangan mengeluarkan sarung getah melibatkan kos kurang lebih RM7 billion dalam jangka masa 20 tahun yang akan menyediakan pekerjaan kurang lebih kepada 12,000 orang dalam syarikat ataupun kilang-kilang yang akan dibina nanti, InsyaAllah. Dengan ini ia kan mengangkat SBEZ menjadi hub yang baharu kepada industri di Kedah ini menyaingi hub sedia ada di Kulim Technology Park.



YB. Dato' Speaker, baginda Tuanku juga menyentuh tentang hal kebersihan yang perlu kita beri perhatian dan Negeri Kedah pun telah diangkat Hari Jumaat sebagai "Hari Kebersihan Negeri". Baginda berharap PBT memainkan peranan yang besar untuk mengekalkan atau membentuk budaya menjaga kebersihan di kalangan rakyat dan kita yakin usaha berterusan yang dibuat oleh PBT dan disambut oleh pimpinan-pimpinan masyarakat setempat dan agensi-agensi kerajaan kita percaya hasrat Tuanku untuk menetapkan menjaga kebersihan ini sebagai satu budaya merupakan hasrat yang boleh kita tunaikan, InsyaAllah. Cuma saya nak tarik perhatian kepada pihak yang berkenaan supaya kita tak tumpukan kebersihan ini di bandar-bandar di bawah tanggungjawab PBT sahaja. Di kampung-kampung kadar kemiskinan masih lagi boleh kita katakan rendah daripada segi pengawalan ataupun pengamalannya. Sebagai contoh di kawasan-kawasan saya lah dikawasan pida tu, saya dah bangkit sebelum ini dalam Sidang DUN juga, pembuangan sampah yang tidak menentu, yang tidak diurus dengan baik melibatkan pembuangan sampah di tepi-tepi pida, tepi-tepi sungai, di kawasan-kawasan yang tak sepatutnya menyebabkan keadaan tak cantik dipandang mata dan juga mengundang kepada permasalahan kesihatan. Cuma tidak ada pihak yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengendali masalah ini. Saya mencadangkan supaya satu gabungan usahasama di antara pihak-pihak berkenaan, pihak PBT, pihak MADA, pihak JPS menangani masalah ini dengan menempatkan tempat-tempat pembuangan sampah yang boleh dibuang oleh penduduk dan diangkut serta dibuang ke tempat yang sepatutnya kerana bukan sahaja mencemarkan persekitaran malah memberi kesan kepada sungai, parit dan terusan yang mengalir itu dengan sampah-sampah yang menyekat pengaliran air yang boleh memberi kesan juga kepada penanaman padi di kawasan tersebut.

YB. Dato' Speaker, saya suka nak mengakhiri ucapan saya dengan beberapa masalah yang timbul di kawasan Ayer Hitam dan terima kasih kepada pihak YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri yang telah meluluskan beberapa projek untuk pembaikan jalan di kawasan Ayer Hitam yang selama ini menjadi satu igauan lah yang tak berapa seronok kita dengar. Setiap hari kalau kita buka dalam media massa dan facebook ada saja komen ataupun rintihan rakyat tentang jalan-jalan kampung yang berlaku di tempat kita ni Ayer Hitam khususnya kawasan-kawasan jalan ladang yang masih lagi ada yang belum dinaik taraf, yang rosak, menjadi seperti kolam bela ikan sesetengahnya disebut begitu oleh pihak natizen dalam media sosial yang perlu perhatian daripada kerajaan untuk segera lah menangani masalah ini supaya penduduk di kampung-kampung tersebut dapat menikmati nikmat berjalan raya dengan lebih sempurna lebih-lebih lagi bila musim perayaan yang akan tiba nanti ramai anak Kedah yang berada di luar akan balik ke Kedah melihat keadaan yang kurang memuaskan itu akhirnya menjadi satu perkara yang tidak seronok disembang oleh mereka lah.



Kita InsyaAllah sebuah negeri yang walaupun negeri pertanian tetapi kita harap infrastruktur yang sebegini dapat diberi perhatian oleh pihak kerajaan supaya semua rakyat dapat merasa seronok menggunakan kemudahan dengan lebih baik supaya isu-isu berkaitan dengan kerosakan jalan ini dapat ditangani dengan sebaiknya.

Begitu juga dengan isu yang disebutkan oleh YB. Anak Bukit dan YB. Gurun serta YB. Sungai Limau pun tentang masalah penanaman padi yang masih lagi ada, isu-isu yang boleh kita buat penambahbaikan khususnya isu benih sah, isu harga racun dan baja yang mahal yang boleh kita ambil tindakan sesuatu yang boleh meredakan keresahan rakyat khususnya yang mengusahakan sawah padi. InsyaAllah dalam sedikit masa ini di kawasan Ayer Hitam akan mula mengala, membajak, akan mula musim baru, musim kedua 2/2022 ini. Saya harapkan isu-isu seperti benih, racun, baja ini tidak timbul lagi sebab kita dah lama bincang hal ini dan tindakan-tindakan pun telah diambil perbincangan dan sebagainya, NGO-NGO yang terlibat pun banyak membuat kertas kerja dan sebagainya. InsyaAllah kalau kita beri perhatian dan kerjasama kita boleh ketepikan kepentingan pihak-pihak tertentu yang mengambil kesempatan di atas usaha petani ini kita boleh menangani masalah-masalah yang timbul InsyaAllah pesawah-pesawah padi dapat mengusahakan sawah mereka dengan lebih baik dan menghasilkan hasil yang lebih baik dan InsyaAllah hal-hal yang berkaitan atau bunyi-bunyi yang berkaitan dengan sawah padi akan reda dan kita dapat hidup dengan lebih baik InsyaAllah dan usaha kita untuk memastikan bahawa padi atau beras negara yang cukup dari semasa ke semasa dapat kita penuhi. Tidak timbul lagi lah usaha-usaha pihak tertentu yang boleh menggugat "food security" negara kita InsyaAllah.

YB. Dato' Speaker, saya suka untuk menutup ucapan saya dengan menyokong Usul Menjunjung Kasih ke atas Kebawah Duli yang maha Mulia Tuanku yang telah bertitah dalam Istiadat Pembukaan Dewan pada kelmarin.

Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Waalaikumussalam. Terima kasih kepada YB. Ayer Hitam yang betul-betul menepati 20 minit. Sekarang sampailah giliran kepada "Hero Gunung Bintang" untuk berucap. Hero Gunung Bintang ni saya bagi gelaran Hero Gunung Bintang kerana tiap-tiap kali cerita tentang Gunung Bintang ni di'highlight'kan oleh beliau sehinggakan saya tak senang duduk. Jadi, saya mintaklah YB. Timbalan Speaker tolong urus sat dengan Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Kedah berapa ketinggian sebenar ketinggian Gunung Bintang.



Maka Jabatan Ukur dan Pemetaan keluarkanlah satu senarai ketinggian gunung-gunung yang berada di Negeri Kedah. Gunung yang paling rendah, Gunung Keriang, 218 meter, gunung yang paling tinggi Gunung Bintang, 1,862 meter, nombor 2 tinggi Gunung Inas, 1,454 meter, nombor 3 Gunung Jerai, 1,214 meter. Saya duk ingat Gunung Raya yang paling tinggi, rupanya 881 meter saja. Jadi, kita jemputlah Hero Gunung Bintang untuk berucap, 20 minit. Beliau boleh berucap secara duduk.

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Terima kasih YB. Dato' Speaker. YB. Dato' Speaker, mohon dapat kebenaran untuk saya berucap duduk di atas kerusi. YAB. Menteri Besar, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan, ketua-ketua jabatan, selamat petang, salam sejahtera, demi rakyat kita berkhidmat. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB. Dato' Speaker kerana diberi kesempatan untuk berbahas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Saya ingin memohon maaf atas ketidakhadiran ke Mesyuarat DUN Yang Kedua pada bulan November tahun lepas. Malang tidak berbau, saya dijangkiti penyakit yang mengakibatkan kesusahan berjalan yang secara langsung menyusahkan kehidupan saya. Bersyukur, Alhamdulillah, nasib baik saya masih berada dalam Dewan ini. Walaupun keadaan masih menyusahkan, tetapi saya akan melaksanakan tanggungjawab saya bersuara bagi penduduk Kulim. Suara Kulim, suara keramat.

Pada petang ini saya akan mengutarakan beberapa isu, isu perubatan, sumber air, Gunung Bintang dan ketum. Yang pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pasukan perubatan Hospital Kulim terhadap rawatan yang diberikan sepanjang masa dalam Hospital Kulim terutamanya Pengarah Kesihatan, doktor-doktor, jururawat serta kakitangan Hospital Kulim. Memang mereka komited berkhidmat menjalankan kerja yang terbaik, syabas dan tahniah. Di sini saya nak bangkit beberapa isu perubatan. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, walaupun saya sebagai YB., saya dikehendaki menunggu selama 19 hari hanya untuk menjalankan pemeriksaan MRI, peliknya saya terpaksa menunggu '19 days for my MRI treatment'. Saya perlu dihantar ke Hospital Sungai Petani, tengok macam mana keadaan, tak masuk kandang kambing kita tak tau macam mana kambing itu. Nampaknya Hospital Kulim Hi-Tech nampaknya, wah! Cantek tapi banyak masalah dalam hospital ini. Kenapa sistem perubatan kerajaan sentiasa mengambil masa, adakah ini disebabkan oleh kekuarangan sumber ataupun permasalahan sistematik dalam sistem perubatan kita? Saya difahamkan bahawa terdapat ramai doktor pakar dalam Hospital Kulim tetapi fasiliti-fasiliti, peralatan perubatan Hospital Kulim adalah tidak mencukupi.



Saya amat berharap pihak kerajaan negeri dapat mengambil perhatian di atas masalah ini. Saya menyeru kita menubuhkan satu pasukan penyelidikan menyelidik keadaan hospital-hospital dan klinik-klinik kerajaan dan menyelesaikan masalah dengan secepat mungkin bagi menjamin kualiti perkhidmatan perubatan kepada rakyat jelata. Saya minta kerajaan negeri di bawah Pengarah Kesihatan bersama dengan Pegawai Kewangan, Exco dan NGO-NGO turun ke Hospital Kulim 'hard to hard talk' jangan hanya 'touch & go', pi ambil gambar, balik. Saya mahu 'hard to hard talk' dengan Pengarah Hospital Kulim, apa masalahnya, macam mana kita nak selesai perkara ini, banyak fasiliti untuk dinaiktarafkan. Untuk makluman, dua perkara saya harap pihak kerajaan negeri ambil perhatian, diminta satu 'multipurpose building must be there and second the electricity multi upgraded'. Sekiranya ini diorang tidak boleh selesai, memang banyak masalah.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Kulim, jiran nak bercakap apa tak tau!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Minta pencelahan. Terima kasih YB. Dato' Speaker. Tu lah, jauh sangat tak nampak orang.

YB. DATO' SPEAKER

Tapi nampak dah sekarang.

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Terima kasih. YB. Kulim, adakah YB. bersetuju bahawa segala fasiliti, bangunan, peralatan di Hospital Kulim sedang dinaik taraf dan telah diluluskan beberapa peruntukan kepada Hospital Kulim dan saya percaya kerajaan negeri telah 'hard to hard talk' juga dengan Pengarah Hospital Kulim. Dan adakah YB. Kulim jugak pi tengok Hospital Kulim dan 'hard to hard talk' dengan Pengarah?



YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Ok. Memang saya tak dapat maklumat. Yang saya dimaklumkan sekiranya tukar DG, tukar polisi. Maksudnya tukar kerajaan, ini projek sudah dihentikan atau dipatahkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, isu yang kedua adalah mengenai masalah air. Ahli-Ahli yang Berhormat, pada Sidang DUN yang lepas saya pernah bangkit cadangkan untuk membina satu empangan di kawasan Kulim untuk selesaikan masalah krisis bekalan air yang akan berlaku. Berdasarkan penyelidikan sebelum ini, Hutan Simpan Ulu Muda merupakan kawasan tadahan air kepada Negeri Kedah. Sungai Muda merupakan sumber utama air mentah bagi Negeri Kedah, Pulau Pinang dan juga kawasan selatan Negeri Perlis. Ia membekalkan sekitar 80% daripada keseluruhan bekalan air di Pulau Pinang, 90% di Kedah dan 70% di Perlis. Bekalan air di ketiga-tiga negeri ini akan terancam jikalau ketidakstabilan bekalan air berlaku dari Sungai Muda. Akhbar Sinar bertarikh Disember 2021, "Perak Belum Muktamat Keputusan Jual Air Kepada Pulau Pinang". Akhbar Sinar 3hb. Mac 2022, "Perak Tak mampu Bekalkan Air Ke Pulau Pinang". Bermakna, Kerajaan Negeri Perak telah menolak permintaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi membekalkan air mentah. Hal ini memang beri peluang yang baik bagi pihak Negeri Kedah, kita boleh membekal atau menjual air kepada Negeri Pulau Pinang. Adakah pihak kerajaan bersedia menyelidik bekalan air bagi menjamin keperluan domestik dengan sistem perancangan yang bersistematik dan lengkap. Adakah Kerajaan Negeri Kedah berhasrat membekal atau menjual air ke Negeri Pulau Pinang dengan harga yang berpatutan? Saya amat berharap agar kerajaan negeri dapat membentuk rundingan dengan negeri jiran dan juga pihak Kerajaan Persekutuan di bawah moto kita, "Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua". Berkenaan isu bekalan air ini yang amat penting kepada kehidupan rakyat.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Kulim!

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN GHAZALI

Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih YB. Kulim. Apa yang disebutkan tentang Kerajaan Negeri Perak tolak permintaan Kerajaan Pulau Pinang untuk membeli air mentah daripada Sungai Perak menunjukkan bahawa Pulau Pinang ada kewangan tetapi kenapa apabila Kerajaan Negeri Kedah kita minta bayaran atas keprihatinan kita kerja-kerja yang kita buat untuk menjaga sumber air tidak mendapat perhatian yang baik daripada Kerajaan Pulau Pinang. Bagaimana pandangan YB. Kulim tentang perkara ini?



YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Daripada segi dulu-dulu punya macam mana perjanjian YB. Kulim tak tau. Tapi yang on board sekarang macam mana kita uruskan, itu perkara yang penting.....(YB. Sungai Limau minta laluan)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Kulim, YB. Speaker, adakah YB. Kulim sedar beberapa perbincangan yang kita berlangsung dalam Dewan ini sejak dari penggal tahun lepas dan sebelum itu kita telah membangkitkan Kedah menuntut Pulau Pinang untuk membayar harga ataupun penggunaan air yang dibekalkan oleh Ulu Muda dan perkara itu tidak diendahkan oleh Kerajaan Pulau Pinang. Adakah YB. Kulim sedar perkara ini dan kerajaan negeri masih lagi kita meneruskan agenda untuk minta pembayaran tersebut?

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Ya, ini terserah kepada YAB. Menteri Besar adakah Kerajaan Negeri Kedah sudah buat surat kepada pihak berkenaan?

Seterusnya isu ketum, nak jadi isu hangat dalam masa terdekat ini. Walaupun Kementerian Dalam Negeri sudah tolak cadangan daripada YAB. Menteri Besar Kedah. MB Kedah turut berkata akan bantangkan cadangan eksport ketum ini kepada Kerajaan Persekutuan melalui hasil dapatan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah. Mohon tanya, bilakah kertas kerja hasil dapatan ini akan disediakan? Adakah kertas kerja hasil dapatan ini akan dikemukakan kepada para ADUN di Dewan ini? Saya memang sangat berminat dan ingin tau bagaimanakah penanaman ketum akan memberi sokongan kepada Negeri Kedah dari sudut ekonomi, perubatan dan kesihatan orang awam. AADK sendiri pun pernah mengaku ketum berpotensi dijadikan rawatan alternatif termasuk membabitkan penyalahgunaan dadah.

Jadi, bagi pandangan saya, saya amat berharap pihak kerajaan akan memandang serius dalam perkara ini. Jalankanlah penyelidikan dan fakta informasi data dan saintifik proof Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya percaya sesuatu pertubuhan yang dicipta tuhan pasti mempunyai kegunaan tertentu. Saya juga dimaklum pokok ketum ditanam di Negeri Kedah adalah kualiti yang terbaik sekali. Ahli-Ahli Yang Berhormat, adakah ketum akan memudaratkan atau membawa manfaat kepada manusia? Sila minta Ahli-Ahli Yang Berhormat jangan cakap syok sendiri sahaja, bahaslah dalam Sidang DUN ini dan dapatkan keputusan muktamad.



Ahli-Ahli Yang Berhormat, isu yang terakhir merupakan pengiktirafan Gunung Bintang sebagai gunung tertinggi di Kedah. Saya telah menerima berita baik dari Encik Yus seorang pemandu pelancong di Sedim bahawa bilangan pelancong yang mendaftar untuk mendaki Gunung Bintang sedang meningkat. Tempahan mendaki Gunung Bintang telah penuh hingga bulan Mei. Saya beritahu bahawa keadaan ini tidak pernah dicapai pada beberapa tahun lepas, Gunung Bintang semakin terkenal dan keadaan ini akan menggalakkan. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa pihak kerajaan negeri harus menambah baik industri ini yang berpotensi dan sedang berkembang. Pertama sekali pihak kerajaan boleh mengiktiraf Gunung Bintang sebagai gunung tertinggi di Negeri Kedah untuk mempromosikan gunung tertinggi kita. Dengan pengiktirafan Gunung tertinggi ini akan dapat menarik lagi banyak pelancong, kita dapat kembangkan lagi industri pelancongan di kawasan kaki gunung tertinggi kita. Hal ini secara langsung dapat memberi peluang menambah pendapatan penduduk Sedim.

Yang kedua, kita perlu menambahbaikkan fasiliti trek mendaki Gunung Bintang yang bukan saja tidak akan menyusahkan pendaki dan juga bagi menjamin keselamatan pendaki. Fasiliti-fasiliti yang lengkap dan berkualiti dapat membantu menarik pelancong. Kita kerajaan negeri haruslah mengadakan tindakan untuk mengembangkan industri ini yang berpotensi bukan saja untuk peningkatan pendapatan negeri dari prospek jangka panjang dan secara langsung dapat meningkatkan taraf kehidupan penduduk Sedim dengan pendapatan daripada perkembangan pelancongan di kawasan tersebut.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun.

*Menangkap ikan dengan jala,
Bukit Tinggi jalan berongga,
Semoga kerja kita dapat pahala,
Baik di dunia, di akhirat juga.*

YB. Dato' Speaker, saya ucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan dan saya turut menyokong sepenuhnya Usul Menjunjung Kasih ke atas titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Kedah Ke 14. "Harapan Bersama Memakmurkan Kedah". Sekian, terima kasih.



YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih YB. Kulim. Beliau bercakap 18 minit saja.

Seterusnya kita menjemput YB. Bukit Lada!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah robbil 'alamin wassola tuwassala muala rasulil amin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Subhanakala 'ilmalana ma 'allamtana innaka antal 'ali mulhakim wala haulawala khuwatailla billa hil 'ali yil'azim.

Terima kasih kepada YB. Dato' Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar, YB. Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, seterusnya pegawai-pegawai kerajaan serta pemerhati yang dirahmati Allah s.w.t. sekalian. Saya ingin menjunjung kasih titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah dalam ucapannya yang begitu padat, ringkas yang saya dapati di sana terdapat lebih kurang 11 tajuk penting yang telah dikemukakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Perkara pertama yang dikemukakan oleh Tuanku Sultan ialah berkenaan dengan perpaduan. "*Wa'tasimu bihablillahi jami'an wa-la tafarraqu*". "*Berpegang teguhlah kamu dengan tali Allah dan jangan berpecah*". Apa yang ingin saya sebutkan di sini ialah kejayaan-kejayaan yang kita kecapai yang dibawa oleh kepimpinan kita YAB. Menteri Besar.

Pelbagai kejayaan yang kita dapati dan disebutkan di dalam titah ucapan Tuanku Sultan ini antaranya ialah kejayaan kita menjadi suatu kerajaan yang tidak ada masalah yang berjalan dengan cantik, dengan elok, tidak ada perkara-perkara yang tidak baik bahkan kita berjalan atas dasar persaudaraan. Berkata Ibnu Khaldun, terdapat 5 bentuk model perpaduan yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun antaranya ialah semangat kekitaan. Semangat kekitaan itulah yang dihuraikan oleh Ibnu Khaldun terdapat 4 peringkat, peringkat yang pertama ialah hubungan kenegaraan, yang keduanya ialah hubungan pertalian darah, yang ketiganya ialah hubungan atas bangsa dan yang keempatnya ialah asas hubungan agama dan bangsa. Kalaupun kita dapat mewujudkan semangat kekitaan ini InsyaAllah kita akan dapat meneruskan kejayaan-kejayaan yang kita kecapai pada hari ini dengan kutipan hasil yang begitu banyak RM668.04 juta dan pelaburan RM68.3 billion yang melepasi sasaran kita, setahun hanyalah RM10 billion.



Kalaulah dapat kita wujudkan semua yang ada sebagai hubungan kenegaraan, kita berada dalam satu negeri walaupun kita tidaklah satu bangsa, pelbagai bangsa yang kita ada tetapi kita wujudkan semangat kekitaan ini maka InsyaAllah kita akan dapat meneruskan lagi kejayaan ini. Lebih-lebih lagi hubungan pertalian darah, hubungan di atas bangsa dan hubungan keagamaan. Itulah yang disebutkan sebagai perkara pertama yang dikehendaki dan perkara pertama yang disebutkan oleh Kebawah Duli yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

Sebenarnya kejayaan-kejayaan ini bukan setakat di peringkat negeri, apa yang saya ingin kemukakan ialah sepatutnya kita juga melihat apakah yang kita telah dapat di peringkat kawasan-kawasan kita. Dan kita mengharapkan bahawa semua Ahli Yang Berhormat ini dapat melihat bahawa kerja yang dilakukan oleh kerajaan kita hari ini sangat sampai kepada rakyat di bawah. Apa yang ingin saya sebutkan antaranya ialah berkenaan dengan saya nak ucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri yang memperuntukkan daripada Kerajaan Pusat lebih kurang RM570 juta daripada cabutan undi fasa pertama ini Pokok Sena telah mendapat RM3 juta lebih. Berbanding dengan tahun lepas kita hanya dapat RM1.7 juta sahaja.

Di peringkat JKM setiap bulan lebih daripada 500 ribu bantuan, itu adalah bantuan tetap yang kerajaan berikan kepada mereka-mereka yang memerlukan, kepada mereka yang sakit, kepada mereka yang tidak dapat bekerja dan sebagainya menekuni ribuan penduduk yang berada khususnya kalau di Pokok Sena, Bukit Lada ini lebih daripada setengah juta bantuan dikeluarkan daripada JKM. Begitulah juga saya ucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Zakat, bantuan yang dikeluarkan juga melepasi daripada RM500 ribu setiap bulan bagi Daerah Pokok Sena sahaja. Ini bantuan-bantuan tetap bukan bantuan-bantuan bencana, bantuan-bantuan yang lain yang diberikan dan saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih tidak terhingga kepada kerajaan negeri khususnya YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri yang baru sahaja turun di DUN Bukit Lada baru-baru ini dan mengumumkan suatu peristiwa ataupun mengumumkan suatu yang mengembirakan kami penduduk di Bukit Lada ini iaitu kerajaan telah meluluskan permohonan daripada kami di Bukit Lada ini iaitu pemasangan meter air ataupun meter komunikasi kepada hampir 100 buah rumah di DUN Bukit Lada yang masih belum ada lagi meter air. Terima kasih banyak saya ucapkan dan penduduk kampung sangat menghargai usaha ini dan usaha ini melibatkan kepada 18 JPKK daripada 45 JPKK di DUN Bukit Lada yang difahamkan akan bermula pemasangan meter ini pada bulan Ramadhan ini dan kita doakan semoga 100 keluarga ini akan mendapat air meter pada hari raya nanti, InsyaAllah.



Dan saya ucapkan terima kasih juga kepada pihak SADA, bukan setakat pihak kerajaan negeri tapi pihak SADA juga membekalkan lebih kurang hampir 5,000 meter paip secara percuma kepada 100 buah rumah tersebut dan orang kampung tidak mampu kerana kos yang tinggi. Kos yang dikemukakan ialah lebih kurang RM1,300 satu rumah sehinggalah RM2,300 kerana 'jacking' jalan JKR. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan negeri yang sangat prihatin kepada rakyat. Tak dak dah kalau nak sebut kata, "dapat pelaburan banyak awat tak bagi kat rakyat ka?" Tapi kita harap InsyaAllah pihak pembangkang boleh melihat di setiap daerah berbeza bantuan yang telah diberikan.

Kemudian, saya ingin mengucapkan terima kasih juga kepada pihak kerajaan kerana pada 23 Mei ini akan dijangka siap iaitu Dewan Serbaguna di Pokok Sena yang masih belum ada lagi, nilainya ialah RM4 juta, tahniah. Kemudian, seterusnya ialah tambahan bangunan 2 tingkat Pejabat Daerah Pokok Sena juga akan bermula pada Julai ini, nilainya RM3 juta dan saya mengharapkan cadangan daripada pihak kami untuk naik taraf jalan kampung di Kampung Bukit Lubuk Batu yang kawasan ini setiap hari kalau hujan saja akan banjir dan menyebabkan jalan itu akan rosak, setiap tahun kawasan ini akan melalui jalan yang rosak dan anggaran yang telah dikeluarkan ialah lebih kurang RM40 juta nilainya dan InsyaAllah saya harapkan perkara ini akan mendapat pertimbangan. Kemudian, saya mengharapkan juga supaya pihak kerajaan dapat mempertimbangkan naik taraf Daerah pokok Sena supaya dijadikan sebagai PBT yang berasingan kerana kita sudah melalui masa yang lama, 2009 sehingga kini 13 tahun dah kita berjalan berada di bawah naungan MBAS dan sebagainya. Jadi, saya mengharapkan kalau boleh lah kita jadikan Pokok Sena menjadi PBT yang berasingan yang kemudiannya saya mengharapkan juga dinaik taraf Klinik Kesihatan Pokok Sena ini menjadi PKV Daerah Pokok Sena kerana sampai hari ini ambulan masih tak dak di Pokok Sena, kalau eksiden kena mintak Kuala Nerang atau Alor Setar YB. Dato' Speaker. Jadi, YB. Dato' Speaker boleh cadang juga YB. Dato' Speaker boleh minta kepada pihak kerajaan tengok jugak macam mana gunung tadi, tengok kut Pokok Sena sama.

Seterusnya saya minta kepada JKR dan JPS untuk membuat persiapan awal bagi menghadapi banjir. Baru-baru ini hujan turun sejam dua jam saja, dah pun banjir termasuklah di kawasan-kawasan taman khususnya di Taman Puteri yang 114 buah rumah hari tu tenggelam habis semua dan baru-baru ini hujan turun sejam sudah naik hampir nak tenggelam di rumah mereka. Jadi, saya mengharapkan tindakan cepat yang perlu diambil untuk membantu sahabat-sahabat kita yang terlibat dengan banjir ini. Kemudian, saya juga minta pihak kerajaan pantau melihat bagaimana bantuan NADMA yang sepatutnya diberikan kepada keluarga yang banjir hari tu sampai hari ni masih belum dapat iaitu bantuan RM1,000.



Kemudian saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang berjaya menaikkan bantuan Khairat Kematian daripada RM300 kepada RM500 dan saya telah tanya soalan dalam muka surat 48 soalan bertulis, kerajaan telah menjawab sebanyak RM1.8 juta pada 2021 telah diberikan kepada pemohon dan yang paling tinggi Ayer Hitam no, paling tinggi Ayer Hitam, RM90,000 dan yang keduanya ialah Kupang, RM92,000 dan saya nak maklum kepada pihak kerajaan, saya baru saja dapat maklumat daripada pejabat saya, sehingga kini dari bulan satu sampai sekarang ini kita sudah menerima permohonan 102 kematian dan kita baru dapat sekali saja YB. Pegawai Kewangan Negeri. InsyaAllah kita harap dapat disegerakan kerana kita harap kita dapat membantu rakyat kita, InsyaAllah.

Seterusnya saya nak sebut berkenaan dengan sukan. YB. Dato' Speaker, saya ucapkan tahniah kepada KDA FC dan KFA yang membuat percaturan yang membuatkan semua orang risau sebab seolah-olah merombak keseluruhan kesebelasan utama. Tapi Alhamdulillah, kita melihat semakin nampak sinarnya apabila telah mencapai kejayaan yang pertama, piala pertama 2022 ini iaitu lah Piala Juara Empat Penjuru yang dimenangi oleh Kedah. Saya ucapkan syabas dan tahniah. Kemudian, kita telah berjaya dalam dua perlawanan Liga Super dan Liga Piala FA. Sebenarnya, apa yang ingin saya memuji di sini ialah tindakan kerajaan kita ini yang sebenarnya walaupun kita lihat kejayaan ini nampak hebat tapi sebenarnya mengurangkan kos perbelanjaan kerajaan negeri lebih daripada RM5 juta. Dengan percaturan ini menyebabkan kita dapat mengurangkan kos RM5 juta dan mengetengahkan pemain muda 30-an, masyaAllah. Shafik Ahmad yang MB kata hari tu ni, bawa balik mai ke Kedah, Alhamdulillah walaupun nampak berkelahi MB dengan TMJ, rupanya depa kawan baik jugak kerana Shafik Ahmad ialah pemain Johor yang TMJ bagi pinjam, haa.. ni politik bola ni sangat baik. Jadi, walaupun berkelahi di padang bola, tetapi kita tidak berkelahi di tempat kita ini dalam segi kehidupan yang realiti tapi sukan kita boleh berkelahi, InsyaAllah. Begitulah juga dengan Fayad Zulkifli, Amirul Hisyam dan sebagainya, ini pemain-pemain muda yang kita lihat mereka telah menunjukkan suatu kecemerlangan di dalam permainan ini.

Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Exco Sukan kerana berjaya mengaturkan Liga K (Liga Kedah) yang hari ni pakat sibuk, setiap ADUN kena hantar 2 kumpulan. Hari ni pejabat saya mai mintak sign di dalam Dewan ni kerana nak hantar borang permohonan untuk menyertai pertandingan kejohanan ini. Yang berhenti pada 2017, Alhamdulillah tindakan yang baik untuk melaksanakan 6 kejohanan, masyaAllah yang dicadangkan iaitu KFA Junior Cup, Piala Menteri Besar, Piala KFA, Piala Tuanku Sultan Kedah, KFA Futsal Liga, KFA Beach Socker.



Kesemua ini adalah untuk kita mendekati anak-anak muda, mendekati anak-anak muda bukan setakat liga yang hebat-hebat tetapi ini adalah untuk kita dekati anak-anak muda. Saya ucapkan syabas dan tahniah, saya harapkan ia sebagai tanda kita bagi mendekati anak-anak muda. Dan saya mengharapkan pihak kerajaan dapat memikirkan satu peruntukan khas kepada ADUN-ADUN supaya kita dapat menggerakkan lagi program-program kepemudaan ini bukan setakat yang diberikan kepada kita tidak mampu, tak cukup kalau kita nak dekati program anak-anak muda sebegini. Saya ucapkan syabas dan tahniah di atas pelantikan Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar yang menjadi penaung ataupun 'patron' kepada KDA FC ini yang telah membawa suatu perubahan. Antara perubahan yang saya lihat yang sangat baik ialah penerapan nilai kerohanian dalam sukan iaitu memastikan tempat solat yang baik dan sebagainya dan InsyaAllah kalau lah kita bersukan pun kita ingat kepada Allah s.w.t, InsyaAllah perkara ini akan memberi kekuatan dan kejayaan kepada kita.

Seterusnya yang terakhir YB. Dato' Speaker, boleh no? Iaitu tentang pendidikan. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Exco Agama dan Pendidikan di atas kejayaan memperkasakan Science Technology, Ingeneering dan Math (STEM) dalam bidang pendidikan di Negeri Kedah. Fokus dan matlamat STEM yang sedang berjalan ini ialah bertujuan untuk melahirkan murid berkebolehan merekacipta suatu perkara yang baru, boleh gunakan pelbagai bentuk daripada tumbuh-tumbuhan dan sebagainya untuk mencipta seperti mencipta baja daripada bahan buangan dan sebagainya dan kita telah mendapat taklimat daripada Pengurus STEM ini yang kita melihat bahawa idea-idea yang sangat bernas yang telah dikemukakan oleh anak-anak kecil kita yang melibatkan sebanyak 29,119 murid. Pada tahun ini saja melibatkan 29,119 murid dan melibatkan 88 program. Saya ucapkan syabas dan tahniah dan InsyaAllah saya rasa itu saja yang dapat saya sampaikan dan InsyaAllah kejayaan yang kita kecapai pada hari ini adalah hasil daripada syukurnya kita di atas apa yang Allah s.w.t berikan. Maka saya ucapkan syabas dan tahniah kepada YAB. Dato' Seri Menteri Besar kerana beliau meletakkan satu ketegasan kerana kita mengharapkan keredhoan daripada Allah walaupun kita tidak dapat hasil judi InsyaAllah hasil lain akan kita dapat. Walau ahnal quroa manu wattaqau lafatahna 'alaihim baroka timminassama iwar ard. Terima kasih, saya menyokong Usul Menjunjung Kasih di atas titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Istiadat Pembukaan Persidangan DUN pada kali ini. Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Waalaikumussalam. Seorang lagi YB. yang dapat menepati masa, tepat 20 minit. Saya tak sangka lah hujan yang begitu baik, YAB. MB boleh tengok ni, Exco Sukan pun boleh jadi dah tu. Penggal depan lah jangan lah la...Diminta YB. Suka Menanti!



YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah, terima kasih kepada YB. Dato' Speaker yang telah memberikan saya ruang untuk turut terlibat menjunjung kasih di atas ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena Istiadat Pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Ke 14.

Alhamdulillah, kita mengambil pengajaran dan iktibar di atas beberapa teguran yang diberikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku di antaranya mengajak kita untuk hormati prinsip Demokrasi Raja Berperlembagaan yang menjadi asas kepada pembentukan negara. Tuanku juga dalam beberapa 'statement' menyebut supaya kita jangan leka, jangan cepat leka dan berpuashati dalam beberapa perkara yang sedang kita lalui ketika ini.

YB. Dato' Speaker, saya juga ingin mengucapkan penghargaan kepada 'frontliners' kita, pasukan yang beruniform dan yang tidak beruniform dan juga rakyat seluruh Negeri Kedah yang telah mengharungi Pandemik Covid-19 ini sehingga kita akan memasuki fasa seterusnya iaitu fasa endemik mulai April 2022. Jadi YB. Dato' Speaker, saya ingin mengimbuai kembali keadaan yang ada ketika Mei 2018 yang mana dalam Dewan ini beberapa kali disebut tentang beberapa kenyataan yang saya ingin berkongsi kenyataan-kenyataan yang ada pada ketika itu supaya kita tidaklah terbawa-bawa dengan emosi atau terbawa-bawa dengan satu maklumat yang tidak tepat yang hanya kerana kita tidak suka kepada orang-orang tertentu kita bawa maklumat yang tidak tepat kepada masyarakat kita. Di antara senario yang kita ada pada Mei 2018 yang berlaku adalah perubahan kerajaan bukan mengambil alih syarikat swasta dan sebagainya sepertimana YAB. Jeneri sebut, kita teruskan apa yang ada sepanjang tempoh tersebut. Pada ketika Mei 2018 apa yang kita lihat ketika itu bagi tujuan 5 loji rawatan air di Kedah ini yang ada ialah disebut di situ, Kementerian Kewangan telah meluluskan pembiayaan pinjaman bagi Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Air Negeri Kedah yang melibatkan Pelubang, Bukit Selambau, Jenun Baru, Lubuk Buntar Lama pada 31 Julai 2017 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM545,500,000. Senang ingatnya RM545 juta. Jadi, itu keadaan yang ada pada ketika itu yang mana persiapan sedang dibuat, saya dapat semak dan kita telah menguruskan perbincangan pada ketika itu. Persiapan sedang dibuat untuk kelima-lima loji ini yang mana bila kita minta pembentangan tender 'drawing' yang disediakan masih lagi di peringkat 'preliminary' (peringkat persediaan) dan dokumen tender juga ada sekitar boleh dikatakan 5% pun telah 'ready' dah pada ketika itu.



Jadi, kalau kita kata pada masa itu kita dah lantik kontraktor, ia suatu keadaan yang memang tidak sepatutnya lah dan saya tak payah cerita lah 'series of' perbincangan yang melibatkan saya bersama dengan Dato' SS dan semua orang-orang yang terlibat menyediakan dokumen ini memang letih lah sampai ada ketika mintak cop tapak tangan kedua-dua belah nak pastikan 'drawing' ini betul dan tidak ada penambahan kos yang akan terlibat. Jadi, kelulusan yang saya sebutkan tadi mudah tuan-tuan nak ingat ialah RM545 juta dan kelima-lima loji tersebut yang mengikut persiapan yang dibuat pada ketika itu anggaran kosnya RM936 juta, itu anggaran yang ada pada ketika itu dan tidak termasuk kos untuk pengambilan tanah. Walaupun telah dikenal pasti pada ketika itu ada kos pengambilan tanah, ada anggaran yang dibuat tetapi pelannya belum ada tapi sekurang-kurangnya ada keluasan yang diperlukan dan anggaran pun telah dibuat sebab itu pada ketika itu urusan yang dilakukan oleh kerajaan negeri ialah berhubung balik dengan Kerajaan Persekutuan, dalam pinjaman ini kita minta jika dibenarkan supaya kos yang diletakkan sebagai kos GST sebab tahun 2019 GST telah menjadi kosong.

Jadi, ada amaun di situ kita minta supaya kos GST ini dibenarkan kepada kita untuk digunakan sebagai kos pengambilan tanah, itu pada ketika itu. Kita berurusan mengambil masa beberapa bulan sementara itu kita juga terus berunding secara bersiri dengan pihak kementerian dan juga pihak Putrajaya untuk kita betul-betul berbincang tentang perjalanan bukan saja 5 loji rawatan air malah kita berunding untuk beberapa projek-projek yang lain 8 hingga 12 projek bekalan air di Kedah yang akhirnya Alhamdulillah, berkat kesabaran dan rundingan yang dijalankan kita diberikan satu pengesahan bahawa bukan saja 4 loji rawatan air ini malah beberapa projek yang lain yang bernilai sekitar RM1.2 billion diubah sebagai geran dan tidak lagi menjadi pinjaman kepada Kerajaan Negeri Kedah. Itu hasil perbincangan yang kita buat. Pun begitu, untuk makluman Dewan yang mulia ini, ketika 2018 itu, persiapan yang dibuat untuk projek bukan saja kelima-lima projek ini, persiapan itu sedang dibuat oleh pihak operator air Negeri Kedah iaitu Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. anak syarikat kepada MBI. Itu persiapan yang dibuat dan dalam kes ini bila kita semak untuk melaksanakan kelima-lima projek ini, setakat ketika itu belum pun ada pelantikan mana-mana agensi sebagai pelaksana untuk melaksanakan projek kerajaan negeri melalui pinjaman Federal kepada negeri untuk dilaksanakan di Negeri Kedah.

Jadi, YB. Dato' Speaker, status pinjaman yang kita sebutkan tadi telah pun kita rundingkan dan hasil daripada kita bersetuju dengan migrasi yang ada maka status perubahan tadi telah pun berlaku dan Alhamdulillah akhirnya bila kita percepatkan, menguruskan secara 'detail' supaya tidak menjadi satu projek tender yang akhirnya menyusahkan kerajaan maka bila dokumen-dokumen itu selesai maka kita dapat tender keempat-empat loji ini pada 19 Januari 2020.



Itu di antara proses yang berlaku dan Alhamdulillah dapat dikeluarkan tender melalui agensi pelaksana yang kita melantik JKR Negeri Kedah sebagai agensi pelaksana secara lebih teratur.

YB. Dato' Speaker, untuk makluman juga pada tahun tersebut iaitu akhir 2018 kita telah menerima 'Auditor General' (Ketua Audit Negara) yang telah pun masuk membuat audit ke perjalanan SADA pada akhir 2018 itu dan juga rekod-rekod sebelumnya. Kita telah menerima pelbagai teguran yang diberikan oleh Auditor General oleh pihak Audit Negara yang perlu segera diperbetulkan dan tadbir urus yang baik untuk membina satu 'good governance' dalam SADA pada ketika itu. Jadi, teguran yang kita terima agak banyak akhir tahun 2018, kalau nak kata sejengkal juga lah teguran yang diberikan dalam 17 aspek utama yang diberikan teguran itu jadi kita perbetulkan sepanjang 2019. Antara yang ditegurkan di situ ialah tentang audited account SADA. Audited account SADA sebelum 2018 itu didapati tandatangan palsu untuk sekurang-kurangnya 1 tahun atau 2 tahun sebelumnya, itu adalah penemuan pihak Auditor General ke atas akaun SADA.

Jadi, kes ini bukan kes rahsia lah, sudah menjadi kes polis dan SPRM dan sudah berjalan seterusnya lah, itu salah satu teguran. Kemudian teguran yang berikutnya ialah tentang tiadanya had kuasa dalam menguruskan urusan SADA ini di antara Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan seterusnya yang tidak jelas had kuasanya. Ini juga telah pun mendapat teguran dan kita mengambil rujukan daripada MKD (Menteri Kewangan Diperbadankan) tentang perkara-perkara yang perlu diuruskan sebagai 'good governance' ini telah pun dibawa masuk untuk perbetulkan keadaan yang ada dan Alhamdulillah pihak Auditor General sangat bergembira menerima perubahan yang kita buat. Jadi, daripada 17 aspek yang ditegur itu dan wajib diperbetulkan segera telah diambil tindakan sepanjang 2019 hinggalah selesai menjadikan 17 – 0 kepada apa yang perlu diuruskan di SADA pada ketika itu dan pihak Auditor General meletakkan sangat jelas bahawa tugas hakiki operator air adalah merawat air dan membekalkan air kepada seluruh kawasan yang terlibat di Negeri Kedah. Alhamdulillah YB. Dato' Speaker, hasil daripada urusan tadi bila kita dah selesai maka kita pun buka tender pada 19 Januari 2020 secepat mungkin untuk diberikan tender terbuka menggunakan dokumen-dokumen yang lengkap, InsyaAllah dokumen-dokumen ini akan protect ataupun mengawal kerajaan negeri daripada tuntutan-tuntutan yang tidak munasabah yang boleh berlaku dalam banyak projek-projek yang lain.



Jadi, saya tak mau bandingkan projek ini dengan projek yang lain, yang saya nak sebut ialah supaya kita mengambil iktibar dan pengajaran teguran daripada pihak yang berpengalaman seperti Auditor General maka kita harus perbetulkan keadaan maka kita buka tender secepat mungkin dan seterusnya ialah kita berikan peluang untuk kita bina loji ini. Walaupun dalam masa yang sama cerita kita tentang kita menangali NRW dan sebagainya, tak pa lah itu cerita kalau masuk di sini tak cukup 20 minit, jadi saya perbetulkan keadaan itu. Yang saya nak sebutkan di sini juga ialah kos pengambilan tanah tadi yang terlibat secara langsung di kelima-lima loji ini pada ketika itu juga menjadi masalah kepada kita sebab ia satu dana yang besar bukan kecil, satu dana yang besar yang kita nak 'convert' daripada GST tidak dibenarkan, nak kena cari kaedah lain. Tapi apa pun, secepat mungkin kita arahkan konsultan itu menyediakan pelan pengambilan tanah untuk ditandatangani oleh Dato' Paduka SS secepat mungkin kita masukkan ke PTG sebagai Seksyen 4 untuk diuruskan proses pengambilan tanah ini supaya bila tender kita 'award' kepada kontraktor nanti tidaklah berlaku kelewatan dalam urusan pembinaan nanti.

YB. Dato' Speaker, dalam hal ini saya nak bawa perhatian kita juga dalam Sidang pada kali ini, saya lihat dalam Sidang DUN pada kali ini kita menerima dokumen memohon peruntukan untuk tambahan pembangunan Kumpulan Wang Bekalan Air Negeri Kedah kali pertama sebanyak RM15 juta. Saya tidak ada masalah untuk menyokong yang ini nanti YB. Dato' Speaker sebab bukan sekadar RM15 juta tapi saya rasa lebih, sebab untuk Bukit Selambau pun saya rasa kosnya lebih daripada ini. Tapi apa pun, yang saya nak tegurkan di sini adalah kenyataan yang dibuat dalam 'preliminary' kepada permohonan bekalan ini pada fasa yang ketiga itu, fasa pertama "preliminary" biasa, fasa kedua, tapi fasa ketiga agak mengelirukan Dewan. Fasa ketiga yang disebut dalam ini mengelirukan Dewan kerana dokumen ini menyebut seolah-olah mulai Jun 2021 baru Kerajaan Kedah tahu kata kita perlukan peruntukan untuk pengambilan tanah, baru kita tahu. Seolah-olah, saya sebut di sini ni kalau tuan-tuan semua Ahli Dewan 36 baca kenyataan ini, baca bil yang disediakan ini khususnya di para yang ketiga, apa yang tuan-tuan 36 orang ini faham? Kalau faham macam lain tak pa lah, takut faham kata, Oh! Peruntukan ini sekarang timbul RM15 juta kerana sejak Jun 2021 baru tahu kata Kerajaan Kedah perlu buat pengambilan ke atas 4 tapak loji ini. Itu satu kenyataan yang tak betul, jadi saya harap kita ada masa lagi sebelum lusa. Mudah saja ayat ini, kalau saya tolong tulis pun boleh tapi kalau sebegini pihak yang terlibat ini dia tolong perbetulkanlah para yang ketiga itu supaya betul, hanya memohon peruntukan sebab kita sekarang ini dah semakin jelas sebab sebelum ini kita dah pun tahu bahawa kita perlukan dana untuk pengambilan tanah.



Cuma masalahnya apadia? Masalahnya Seksyen 4 baru saja kita laksanakan mungkin tak dapat kos yang lebih tepat sebab PTG dia tak main dengan anggaran-anggaran ni dia nak tengok berapa tepat, kaki persegi berapa tepat meter square kali dengan kos terkini baru dia boleh advice berapa amoun. Mungkin lah itu baru dah tahu berbanding dengan sebenarnya anggaran dah ada lama, kita dah tau dah jadi kita ubah sikit para 3 tu kalau tidak seolah-olah kita mengelirukan Dewan. Dewan ni mengelirukan satu benda yang seriuslah, ia bukan benda main-main dalam kes ini. Jadi, saya minta diperbetulkan kerana keadaan ini adalah keadaan yang telah pun diketahui lebih awal.

Jadi YB. Dato' Speaker, seterusnya ialah saya ingin bawa pengetahuan kita juga kepada isu Pandemik Covid-19 yang pada ketika ini kita semua percaya vaksinasi ini adalah lindung diri, lindung keluarga, lindung semua. Kita percaya vaksinasi ini akan menjaga kita sebagai pagar untuk tidak lagi mudarat Pandemik Covid-19. Sebab itu sekarang ini saya tengok status vaksinasi nasional untuk dewasa 18 tahun ke atas tersekat kepada 98% untuk nasional. Kerana apa? Kerana disebabkan Kedah hanya mencapai 89.3% vaksinasi untuk dewasa 18 tahun ke atas tersekat pada ketika ini dan jumlah orang Kedah 18 tahun ke atas yang telah menerima sekurang-kurangnya 1 dos adalah 1,388,958 orang. Kita sebut nombor dengan tepat, dengan spesifik sebab semua orang ini adalah warga Kedah yang ada nama, ada alamat, ada tempat, dia bukan pendatang asing dan sebagainya. Kita tau yang mendapat 2 dos pun kita tau jumlahnya 1,375,840 orang telah mendapat 2 dos pada ketika ini. Jadi, yang menjadi kerisauan saya ialah dengan kes aktif yang ada 21,621 di Kedah pada ketika ini walaupun Alhamdulillah daripada segi ICU penggunaan yang agak minima, ICU yang tak perlu bantuan alat pernafasan hanya 24, yang perlu alat bantuan pernafasan hanya 13 pada ketika ini Alhamdulillah, tapi yang kita bimbangkan ialah korban kematian yang sangat tinggi. Kelmarin saja 14 orang yang menjadikan komulatif di Kedah 2,496 orang yang mana kadar kematian per 1 juta populasi meletakkan Kedah nombor 1, kemudian barulah diikuti oleh Perlis, Perak dan Johor.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih YB. Suka Menanti, terima kasih YB. Dato' Speaker. Tadi YB. Suka Menanti membangkitkan tentang jumlah rakyat kita yang telah pun divaksin mencapai 89% lebih dan adakah perlu untuk kita nak capai heart emunity kelompok keseluruhan rakyat ni perlu 100% yang menerima vaksin sepertimana sebelum ni kalau kerajaan hanya mensasarkan kalau tak silap 80%, maknanya kalau 89% tu dah lebih lah. Adakah kita perlu untuk keseluruhan baru boleh mencapai kelompok itu?



YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Sungai Limau bagi peluang minum air. Jadi, Alhamdulillah memang kalau untuk mencapai emuniti kelompok memang kita ligan habis-habisan untuk capai 80%. Cuma sekarang ni bila kita sampai 89% dan bila kita capai pula satu jumlah yang...sebab ini bukan satu yang rahsia atau ilmu qhaib, ini orang yang kita tau duduk di mana, alamat dan sebagainya pun kita tau siapa mereka ini yang kalau kita jumlahkan sekarang ini 155,000 orang dewasa Kedah yang belum dapat sebarang dos walaupun 1 dos. Kita jangan cerita pasal dos penggalak lagi, hat orang ambil dos penggalak tu kalau suruh ambil dos keempat pun dia ambik. Tapi yang ni 155,000 lagi warga Kedah dewasa yang belum mendapat sebarang dos. Kita tak kisah juga, secara umum kita dapat capai emuniti kelompok tapi yang kita sedihnya sebab kematian bila kita duduk nombor 1, juara bola tak palah nombor 1, kematian per populasi pun dapat nombor 1 jadi saya rasa kita sebagai pihak kerajaan yang peduli kita rasa bimbang lah. Kita tak boleh kata umum sudahlah kita dapat 89%, yang 155,000 tu ikut suka dia lah, dia nak ambik dia ambik, tak mau ambik sudah. Jadi, apa yang saya nak tanya ialah sikap kita ni, apakah sikap Kerajaan Negeri Kedah, apakah sikap YAB. Jenerilah senang, sebab YAB. Jeneri ni dia rajin ligan orang, dia kata, "hampa tunggu, sampai lubang cacing aku cari", kalau dia nak ligan. Jadi, saya nak tengok sikap Kerajaan Negeri Kedah ini, apakah sikap kita ke atas 155,000 warga Kedah dewasa yang belum mengambil sebarang dos ini adakah kita nak bialq pi kat depa, ikut suka hati depa ataupun kita nak ambil sikap peduli kita nak dampingi mereka, kita nak ajak mailah sebab kami tau hampa duk di mana, kami boleh cari hampa di mana, hampa bukan pendatang asing, kami tau duk tang mana, rumah di mana dan setiap daerah kita tau bilangan yang ada. YB. Speaker, macam mana, ada seminit dua lagi?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Sebelum tu saya nak ingatkan YB. Suka Menanti masa dah habis. Sila!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Pencelahan boeh dak?

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Ok, pendek! Pendek sikit, saya nak gulung dah!



YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Apa pandangan YB. Suka Menanti, apakah kes tinggi di Kedah. Kedah ni daripada segi kes sekarang saya ingat "Top 3". Adakah pada pandangan YB. Suka Menanti ianya berkait dengan Kedah juga di antara yang masih ramai tak ambil vaksin? Apa pandangan YB. Suka Menanti?

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Ok. Saya rasa yang tu nanti pihak Exco Kesihatan boleh ulas. Tidaklah setepat itu, tidak se'direct' itu tapi sebab imuniti kelompok menceritakan kepada kita ia boleh menjadi satu risiko kalau tidak habis orang yang mengambil vaksin. Dia tak pa, cuma sebagai kerajaan yang prihatin ni kena ada satu sikap lah sama ada kita nak lindungi mereka, nak pi cari mereka, setiap kali mai cucuk hat pertama bagi 2 kaput beras ka, mai cucuk kali kedua 3 kaput beras, baru dia ligan mai kut kan? Kalau lah, tapi sebenarnya kita tau nak cari mereka di mana. Jadi, saya tanya tu tentang apakah sikap kita sebab bila saya melihat keadaan yang ada ini dengan kematian dan kes yang besar ini menjadikan keadaan yang cukup unik dan saya bimbang inilah kesempatan diambil untuk mengadakan PRN di Negeri Kedah ni. Mungkin bukan dengan niat hati untuk mengadakan PRN tapi kalau PRN terjadi, inilah keadaan yang membahayakan keadaan sepertimana di tempat yang lain.

Jadi, sebagai kesimpulan di hujung ni, saya ingin percepatkan YB. Speaker ialah saya mengajak supaya kita mengambil iktibarlah daripada teguran Auditor Gneral seperti yang berlaku ke atas SADA kemudian Auditor General juga telah pun menegur beberapa hal tentang penggunaan duit MARRIS dan sebagainya, ini panjang kalau nak cerita, saya ringkaskan nanti boleh bincang dalam PAC dan sebagainya sebab kita rundingkan dan saya nak minta khususnya pihak dalam urusan berkaitan dengan SADA ni, saya ingin mengucapkan tahniah di atas pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif yang baru. Saya nak ingatkan bahawa anda punya masa depan yang jauh lagi dalam kerjaya, jadi tolonglah laksanakan program atau laksanakanlah tugas ini dengan baik, semaklah teguran-teguran yang cukup serius, yang sangat asas yang ditegur oleh pihak Auditor General itu 17 aspek sejengkal tebalnya supaya kita perbetulkan keadaan supaya kita boleh laksanakan, jangan sampai 17 – 0 ni kembali kepada beberapa merah kembali selepas ini. Jadi, saya harap itu saja sebagai ringkasan untuk bersama dengan ucapan kita pada kali ini YB. Speaker, sekali lagi di akhirnya saya ingin menjunjung kasih di atas peringatan, teguran dan juga titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam Istiadat Pembukaan ini dengan doa dan harapan supaya Kedah terus menjadi Kedah Darul Aman untuk semua rakyat kita. Sekian, terima kasih.



YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Suka Menanti. Seterusnya saya persilakan YB. Pedu.

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah robbil 'alamin wassola tuwassala mua'ala asyrofil anbiya iwal mursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Terima kasih kepada YB. Speaker, yang dihormati YAB. Jeneri, yang dikasih barisan Exco-Exco, yang dimuliakan ADUN-ADUN, tak dilupakan ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kerajaan dan semua ahli yang ada di dalam Dewan ini. Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah s.w.t pada hari ini sama-sama kita dapat berada di dalam Dewan yang mulia ini dan Allah memberi kesihatan yang baik kepada kita dan ada di kalangan sahabat-sahabat kita yang tak dapat hadir di Dewan ini kerana ada yang ditimpa musibah positif Covid-19. Kita doakan kepada mereka semua supaya cepat sembuh daripada penyakit yang diterima.

YB. Tuan Speaker, di sini saya ingin mengambil bahagian dalam titah ucapan Tuanku pada kelmarin. Jadi, dalam titah ucapan Tuanku baginda ada sebut masalah "membudayakan gaya hidup dan kelestarian persekitaran bagi rakyat Malaysia amnya dan Negeri Kedah khususnya" dan kerajaan negeri telah mengisytiharkan hari Jumaat sebagai hari kebersihan di Negeri Kedah. Jadi, apabila Tuanku titah macam ni teringat saya di DUN Pedu. Jadi, kita melihat bukan setakat kawasan PBT, kawasan MBAS dan kawasan di mana-mana, tapi kebanyakan kawasan di kampung-kampung, di rumah-rumah, kalau musim hujan macam ni ia akan menjadi satu lagi penyakit iaitu penyakit pembiakan nyamuk aedes. Di DUN Pedu sebelum-sebelum ini lah sebelum kena Covid-19 kita buat program gotong royong bersama dengan Jabatan Kesihatan Daerah dan rakyat tempatan. Pada masa itu kita ada buat hadiah, rumah siapa bersih ada hadiah, rumah siapa ada besi kita panggil "keling botoi" yang ada di situ. Jadi, semua perkakas-perkakas yang ada di rumah itu yang boleh jual kita jual, dengan secara tak langsung rumah tu kawasannya jadi bersih. Setiap bulan satu JPKK kita buat satu gotong royong, itulah rutin bulanan. Jadi, saya mencadangkan supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar perturunkanlah bajet sebelum-sebelum ini kepada JPKK supaya program ini boleh dibuat di setiap DUN, "Program Gotong Royong Cuci Kawasan Rumah Setiap Bulan". Di situ banyak manfaat yang kita dapat. Kalau dulu rasanya JPKK dia dapat setahun RM10,000 untuk program, rasanya tahun lepas tak dak, tahun ini belum ada lagi.



Jadi, di sini saya mengharapkanlah Kementerian Luar Bandar supaya turunkan peruntukan dan boleh berikan kepada setiap JPKK ini. Bukan setakat majlis gotong royong untuk mencuci kawasan-kawasan rumah dan pelbagai bentuk lagi yang dapat dilaksanakan oleh JKPKK. Itulah sedikit sebanyak masalah tentang kebersihan.

YB. Tuan Speaker, saya nak menyokong cadangan daripada YAB. Menteri Besar tentang masalah ketum, banyak orang duk sebut ketum. Tadi apabila YB. Bandar Baharu sebut Padang Terap jadi terasa juga lah, apabila sebut Padang Terap ni Pedu duduk dalam Daerah Padang Terap. Di Padang Terap ketum paling banyak, dia tak sebut tadi berapa hektar, berapa relung tapi dia sebut pokok. Di Padang Terap ni kalau 2019 yang AADK ada maklumat duk ada 100 ekar lebih. Itu yang dapat maklumat daripada AADK, kalau duk dalam bukit, duk dalam rimba mungkin melebihi itu. Jadi, saya menyokonglah cadangan daripada YAB. Menteri Besar supaya ketum dieksport ke luar negara, ke Thailand. Kalau kita duk tunggu daripada dulu akta dari tahun 1952 Akta Racun, yang geng penyeludup ni qeja dia seludup saja, qeja dia. Kalau dia tak boleh masuk kut simpang 3 dia masuk kut simpang 4, kalau tak boleh simpang 4 dia masuk kut lorong kebun getah. Jadi, kerugian dana kerajaan akan menjadi lagi banyak, AADK nak kena kepung, polis nak kena kepung, imigresen nak kena jaga, tentera nak kena jaga. Jadi, setiap agensi yang nak kena kepung daun ketum ni peruntukan dia habis lagu tu, dia tak jadi kerja lain, duk kerja kepung penyeludup-penyeludup, taukeh-taukeh daun ketum ni.

Kalau kita ada Kerajaan Pusat meluluskan untuk eksport daun ketum ni jadi kerja-kerja empat lima agensi ini dia tak kena dah duk kepung, dia boleh buat kerja lain, banyak lagi. Kesianlah kepada jabatan-jabatan yang nak mengendalikan penyeludup-penyeludup ini. Kalau kita hat duk makan, hat duk makan ni buat macam mana pun dia duk makan teqa tu la, dia tak boleh tanam di rumah dia tanam dalam bukit, dia makan jugak, sampai ke muka tu naik hitam, biru, duk makan situ, qebah tak boleh bangkit buat kerja, bangkit minum jugak pasal dia penagih, macam penagih dadah jugak lah. Takat kurung 3 bulan, balik kena dadah jugaklah, kita kurung 8 bulan, balik duk kena jugak. Sebab itu ia perlu ada tindakan yang lain, dua perkara yang berbeza antara penagih dengan penyeludup dan eksport. Jadi, saya menyokonglah supaya benda ni Kerajaan Pusat dapat mengkaji.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Speaker, terima kasih YB. Pedu. Adakah YB. Pedu bersetuju sebab cadangan daripada YAB. Menteri Besar Negeri Kedah adalah untuk kita mengeksport ke negara yang bukan untuk salah guna tetapi dibenarkan dalam negara tersebut untuk ia diproses untuk perubatan dan kesihatan.



Maksudnya dalam negara kita telah pun ada akta dan perlu kepada penguatkuasaan untuk kita nak mencegah perkara ini daripada penduduk kita cuma yang bermasalah di peringkat kita adalah penyeludupan dan apabila ia di'legal'kan kita buat kepada negara yang telah pun 'legal' proses dalam negara tersebut dan kita harap bila edar keluar ia akan berkurangan digunakan di peringkat domestik. Jadi, adakah YB. Pedu perasan perkara ini?

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Terima kasih kepada YB. Sungai Limau. Jadi, saya bersetuju lah cadangan daripada YB. Sungai Limau.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sikit. Boleh minta laluan YB. Pedu?

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Boleh! Boleh!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Speaker, isu utama ketum adalah penyalahgunaan dan penagihan yang menular, semakin banyak dan semakin teruk. Ia bukan saja melibatkan orang tua tetapi telah mula ada di sekolah-sekolah. Ada setengah sekolah sampai 20%, ramai yang terlibat, sampai ke peringkat sekarang anak-anak darjah 6 dah terlibat dengan ketum. Jadi, apakah hasrat apabila dilonggarkan, sudah tentu kalau nak eksport kena dilonggarkan, akta yang ada sekarang kena longgarkan. Jadi, apa jadi nanti kepada masyarakat generasi yang akan datang dalam konteks Negeri Kedah. Sekarang pun yang terlibat budak-budak sekolah yang memang akan tercicir daripada pendidikan dan seumpamanya. Pada pandangan YB. Pedu, apabila nak eksport satunya akta itu mesti dilonggarkan. Apabila dilonggarkan, ia akan mendedah kepada faktor-faktor penularan penagihan tadi, itu satu. Yang keduanya saya kira hampir semua negeri telah membuat fatwa termasuk Negeri Kedah seawal 2005 dan diulangi pada beberapa tahun yang lepas termasuk Majlis Fatwa Kebangsaan, termasuk Negeri Perlis telah menfatwakan bahawa penagihan ketum ini akan menyebabkan otaknya rosak. Maqasid Syariah yang dasar ketiga menjaga akal itu kita lampau, jadi sebab itu pandangan agama Majlis Fatwa termasuk Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengharamkan ketum.



Jadi, apakah benda yang telah haram ini, apakah keseriusan daripada segi penagihan ini yang semakin menular? Apakah ini kita tidak ambil kira dengan mengambil kira untuk kita mendapat keuntungan? Apa pandangan YB. Pedu?

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Terima kasih kepada YB. Pengkalan Kundor. Hat bab haram halal semua tu kena tanya tok guru lah, saya tak boleh jawab hat tu. Cumanya kalau yang kita nak eksport ni untuk perubatan bukan untuk penagihan. Kalau penagihan tu sampai hari ni pun kita tak boleh sekat berapa puluh tahun dah, jadi kalau kita buat perubatan tu cerita lain. Habis dah bab ketum, sat gi tak cukup masa pulak.

Seterusnya YB. Tuan Speaker, masuk masalah anak tak sah taraf. Anak tak sah taraf ni tak kiralah dia menikah di Thailand ka, menikah sendiket ka, menikah di mana pun. Jadi, Jabatan Pendaftaran Negara kadang-kadang tu dia ada surat beranak ada nombor IC hat la ni, kalau hat dulu tak dak. Keduanya tak dak langsung orang Pedu panggil Surat Beranak, kalau orang Alor Setar ni panggil Sijil Kelahiran. Masalahnya apabila tak ada surat beranak, tak dak IC, jadi saya berpandangan bukan setakat di DUN Pedu mungkin keseluruhan Negeri Kedah mahupun di Malaysia ini, benda ni mesti ada, pasal kebanyakan apabila tak dak surat beranak, tak dak sijil nikah apa semua tu, Pejabat Pendaftaran tak akan buat IC ataupun Kad Pengenalan. Jadi, masalahnya kita kesianlah kepada anak-anak ni, tak kiralah semua bangsa ada yang berlaku macam ni. Dia tak dak IC, dia boleh mengaji setakat darjah 6, sampai tingkatan 1 dia tak boleh masuk dah, pasal dia tak dak IC. Jadi, apakah tindakan yang kita ambil untuk memberi keceriaan kepada mereka ini, bukan setakat tak boleh mengaji YB. Tuan Speaker, menikah pun tak boleh pasal IC tak dak. Selepas tu dia pula bersambung tak dak IC, cari pasangannya menikah guna sendiket guna macam-macam kaedah lah, kalau dia bernikah dengan cara bersyarat IC dia tak dak dia nak daftar macam mana. Jadi, di sini saya mengharap kepada jabatan yang berkenaan supaya melihat perkara ini supaya masyarakat kita yang ada di luar sana boleh mempercepatkan proses mendapatkan IC. Kalau di DUN Pedu ramai ada, saya nak bagi contoh seorang yang tak dak IC ni 2 beradik, ayah dia orang Malaysia, ibu dia orang Indonesia tapi menikah ni saya tak taulah sendiket ka apa semua tapi tak dak dokumen untuk dibentangkan kepada JPN, maka JPN tak boleh terima untuk membuat IC. Sampai ke la ni anak tu seorang 15 tahun, seorang 17 tahun, mengaji sampai darjah 6, tak boleh mengaji dah la. La ni dia nak mintak keja tak boleh, nak apa pun tak boleh, duduk pula pak dia celah-celah tu masuk "rumah batu", kena hukum 6 tahun ka berapa tahun. Jadi, terpaksa duduk dengan orang bela, orang bela ni nak kena bela orang yang tak dak IC. Jadi, dia pun nak bawa anak bela ni ke luar dari Pedu tak berani pasal IC pun tak dak, sat gi kena tangkap dia nak jawab masalah.



Jadi, di sini saya mengharapkan kepada jabatan berkenaan supaya ambil perhatianlah benda-benda ni, ramai anak-anak cucu cicit di seluruh Negeri Kedah ni supaya mereka ini mendapat IC yang sepatutnya. Buatlah kaedah macam mana pun, siasatan lah macam mana pun supaya mereka ini dapat IC untuk kesenangan pada masa depan mereka-mereka yang.... (YB. Pengkalan Kundor mencelah)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sedikit, mencelah boleh YB. Padu?

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Mencelah lagi?

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Ya, mencelah lagi. Suka dengan Pedu. YB. Tuan Speaker, masalah anak-anak yang tidak IC ini adalah bermula dengan masalah dokumen. Masalah dokumen bermula kadang-kadang dengan berkahwin tu, kahwin secara yang tak di'legal'kan daripada segi undang-undang dunia ni, lalu tak ada dokumen. Jadi, kalau mak ayah perkahwinan tak dak dokumen maka dapat anak nak daftar masa lahir pun tak dak dokumen. Saya bersetuju dengan YB. Pedu, perkara ini sangat serius dan banyak, di DUN saya pun ramai, apatah lagi apabila kita dekat dengan Siam maka, ialah dulu pi sana lah kan, sekarang tak boleh pi la tapi masih ada dalam negara kita. Saya cadang sungguh-sungguh pihak kerajaan negeri melalui Jabatan Agama Islam ka, atau mana-mana untuk kempen betul-betul, kalau nak kahwin buatlah betul-betul kan, nak kahwin dua, ada dokumen. Dokumen tu sangat penting untuk akhir nanti bukan saja apa-apa yang berlaku suami isteri tetapi juga anak yang akan lahir nanti. Jadi, saya cadang supaya satu kempen oleh terutamanya Jabatan Agama Islam lah untuk memastikan bahawa benda ni dibuat supaya akan datang ni jangan lagi yang tak dak dokumen tadi. Terima kasih YB. Speaker.

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Terima kasih YB. Pengkalan Kundor. Itulah tadi saya sebutkan semua ada. Yang tadi sebut pasal YB. Pengkalan Kundor sebut tadi apabila duk dekat-dekat dengan Thailand, itu cerita di Thailand, yang keduanya apa kahwin yang tak sah ni dia akan jadi berpanjangan, apabila tak sah daripada mula mai pula wali tak sah, jadi berpanjangan sampai ke bila-bila duk tak sah situ. Itu satu perkara walaupun kita nampak kecil tapi sampai ke hujung nu dia nampak besar, lebih daripada Gunung Bintang lagi.



Yang keduanya bersangkutan dengan perkahwinan ini juga macam YB. Pengkalan Kundor sebutkan tadi kahwin dua apa semua tu, apabila dia kahwin dua dia abaikan anak-anak dan isteri yang lama, jadi pada masa tu dia duk tuju Pusat Khidmat lah tak dak benda makan apa semu. Jadi, ini saya mengharapkanlah kepada jabatan untuk memainkan peranan supaya yang nak kahwin dua tiga empat tu jagalah anak-anak kita yang rumah nombor satu tadi tu. Ni bini pun tak jaga, anak pun tak jaga, lepas tu bini tu nak mintak fasakh ka apa nak pi ke mahkamah, nak pi mahkamah nak kena cari peguam, nak peguam nak kena ada duit, pi kat peguam mintak RM2,000 dia tak dak duit, jadi Pusat Khidmat jugaaakkk.... (sambil ketawa). Duk merayu, last-last kahwin dengan YB. pulak....kacau hat tu. Dia setakat 4 saja, 5 nak buat lagu mana pulak? Hat tu pun banyak pengurusan yang telah diabaikan oleh suami-suami yang meninggalkan, bukan setakat tinggalkan tapi mengabaikan. Hat tinggal tu cerita lain, hat abai cerita lain. Di sana ada satu contoh, dia belah kampung DUN Ayer Hitam, kahwin dengan orang di sana, dia duduk rumah tanah pak mentua, Zakat bagi rumah pasal anak dia cacat 2 orang, lepas tu dia boleh bini muda dia abaikan bini tua. Jadi, mak pak ni tak berapa nak bersetuju dengan menantu ni, harap duk makan duit Zakat tu lah. Tu pun nasiblah habuan anak dia cacat 2 orang, boleh juga ada duit zakat tu, kalau tidak dia nak buat macam mana, dia nak balik sana harta dia tak dak dah, asalnya di sana. Tu cerita pengabaian ni maknanya jabatan yang berkenaan supaya ambillah satu langkah untuk menilai balik macam mana nak menjaga rakyat-rakyat yang macam ni. Benda ni ia akan berpanjangan dan menjadi satu benda yang akan tak dak berfaedah untuk masyarakat yang diabaikan. Tapi kalau anak hat mak muda ni mungkin ada orang nak bela, hat mak tua tu, jenuh bela anak kecik-kecik la ni.

Yang seterusnya....(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Pedu, masa sebenar dah habis!

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Habis dah? Bukan 4.30....? Dah habis dah kita masuk sebelah DUN Pedu lah sikit.

YB. TIMBALAN SPEAKER

2 minit boleh na?



YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Untuk perhatian YB. Speaker, di DUN Pedu ni satu lagi duk tunggu, titi yang hanyut semasa banjir pada tahun 2010. Sampai ke hari ini kita duk mohon kepada PKLB pun dah turun tengok, Pejabat Daerah pun dah turun tengok, banyak jabatan yang dah turun tengok, YB. Kupang pun dah turun tengok dah. Titi tu hanyut tahun 2010 padahal dari sebelah sini nak ke sebelah sana tu tiga empat ratus saja daripada perkampungan orang nak ke kebun tapi sekarang nak kena lengkung 9 kilometer untuk ke kebun. Jadi, saya mengharapkan sungguh-sungguhlah supaya dapat dilihat pada tahun ini untuk membina titi yang memang diperlukan di kawasan itu.

Yang keduanya apabila Tuanku sebut tentang pelancongan. Jadi, saya merasakan di Tasik Pedu yang begitu indah dengan flora dan fauna supaya orang di luar sana walaupun tidak dimajukan macam dulu-dulu bolehlah turun ke Tasik Pedu, kalau para pemancing sekarang ini musim memancing ikan baung, ikan toman, seekor tiga empat kilo ikan toman la ni ada lah pengusaha-pengusah bot menyewa bot untuk pemancing-pemancing. Sewanya ada yang RM60, ada RM80, ada yang RM100, tengok masa dan ketika, jauh dan dekat. Ikan puyu pun ada, ikan puyu kena di Pok Ka nu, baru ada ikan puyu, kalau tang lain tak dak ikan puyu.

Keduanya, YB. Sungai Tiang rajin pi duk 'hiking'. Orang Sungai Tiang dia sebut 'hiking', orang Pedu dia panggil 'qagaih', di sana ada Bukit Tok Pake, tinggi dia 574 meter, kalau naik di situ nampak seluruh Tasik Pedu. Jadi, kalau naik waktu selepas subuh baru dia nampak 'clear', kalau naik waktu maghrib sat lagi turun tak berani lah, gelap. Itulah tempat-tempat yang menarik di Tasik Pedu. Jadi, jika ada sesiapa yang teringin bolehlah ke Tasik Pedu sebelum projek Agro Pelancongan akan membina di Tasik Pedu, InsyaAllah. Kita mendoakan supaya Tasik Padu akan disemarakkan semula supaya rakyat-rakyat daripada Thailand, Kelantan, Baling sebut pasal dia laluan dia highway pakej, tak macam dulu, dulu jalan dia line coner, kalau naik Gunung Kerengga tu naik motor gear 1, turun motor pun gear 1 pasal tinggi, la tak pa pakai auto pun tak pa boleh naik dah pasal dia jadi highway pakej, rendah dah.

Jadi, rasanya setakat tu lah ucapan yang dapat saya sampaikan pada petang ini. Dengan ini saya menyokong penuh titah ucapan Tuanku Sultan.

Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Pedu di atas isu yang saya rasa menarik dan perlu diberi perhatian yang bersungguh-sungguhlah oleh pihak yang berwajib. Seterusnya saya persilakan YB. Bakar Arang.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Terima kasih YB. Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Bakar Arang untuk membahas usul menjunjung kasih atas titah ucapan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Tuanku Sultan Kedah kerana sudi menyampaikan titah ucapan sempena Perasmian Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah pada kali ini. YB. Tuan Speaker, sudah 2 tahun Pandemik Covid-19 di Malaysia dan sekarang kita telah pun nak memasuki peringkat endemik lah. Jadi, saya rasa bukan saja negara kita berhadapan dengan krisis kesihatan malah ekonomi dan banyak sektor lain juga turut terjejas dan di sini saya ingin menyampaikan sedikit maklum balas daripada rakyat dan masalah yang dihadapi oleh rakyat yang di bawah dan mengharapkan pihak kerajaan boleh membuat sesuatu untuk memperbaiki keadaan. Yang pertama ialah tentang isu Covid. Isu Covid kita tengok wase omicron ini kes positif masih sangat tinggi dan meningkat walaupun kebanyakan simptomnya small symptom ataupun tidak teruk namun kita perlu memberi perhatian kepada kes kematian khususnya di Negeri Kedah menjadi nombor 1 di seluruh Malaysia untuk kematian per 1 juta rakyat dalam 2 minggu yang lepas berturut-turut beberapa minggu kita dalam 'rank number one'. Ini adalah penting dan saya juga baca kenyataan media daripada YB. Tokai bahawa kebanyakan mereka yang meninggal dunia mereka tidak tahu mereka sendiri telah dijangkiti Covid-19, mungkin mereka sakit tapi tunggu di rumah saja dan akhirnya mereka meninggal dunia sebelum masuk hospital dan mereka tidak tahu. Saya rasa ini adalah penting apakah kerajaan telah melakukan sesuatu untuk memberi bantuan kepada rakyat yang sekarang kebanyakan sudah kena lah, kalau tak kena itu jadi pelik lah. Kalau dulu kena pelik, kalau sekarang tak kena pelik pulak, sini kena, sana kena. Orang tanya, "you tak kena lagi ka?" Maka, banyak yang kena perlu kuarantin dan bersama seluruh ahli keluarga dan yang tidak tahu mungkin mereka adakan bantuan seperti membekalkan alat oksimeter, alat test kit ataupun alat-alat perubatan yang basic adakah memeberi kepada mereka yang khususnya dalam golongan B40. Juga mereka yang B40 kerana mereka perlu kuarantin dan mereka bukan bergaji bulanan dan mereka hanya buka perniagaan kecil, penjaja, mereka kehilangan pendapatan, pendapatan mereka terjejas, apakah bantuan yang diberi kepada mereka daripada kerajaan negeri. Saya rasa ini perlu kita memberi perhatian dan khususnya sekarang banyak sangat orang yang kena dan mereka dalam keadaan yang psychologically mereka rasa bimbang lah.



Yang kedua ialah berkenaan dengan ekonomi juga dalam pandemik ini semua orang terjejas dan semua orang mahukan ekonomi kita diberangsangkan. Tetapi sekarang ramai yang menghadapi pelbagai masalah bukan saja kenaikan harga bahan mentah untuk barang-barang mentah naik harga, petrol, diesel pun mungkin naik harga dan juga kebanyakan mereka yang membuat perniagaan juga menghadapi masalah kekurangan pekerja. Baru-baru ini kita dengar kerajaan telah pun mengumumkan mulai 1 Mei akan melaksanakan gaji minima RM1,500. Tapi sebenarnya di luar sana jika kerajaan tak tetap sebenarnya sekarang di pasaran dengan kekurangan pekerja kebanyakan 'offer' ataupun syarikat yang mengambil pekerja telah pun memberi gaji sekurang-kurangnya RM1,500 tetapi walaupun gaji tinggi tetapi tak dapat pekerja. Adalah banyak isu mungkin termasuk sudah kurang pekerja asing sudah balik. Saya harap kerajaan perlu melakukan sesuatu supaya ekosistem perniagaan ini dapat berjalan dengan baik, dengan mempunyai pekerja-pekerja yang mencukupi sebab kesemua ini ada satu ekosistem yang akhirnya pengguna akan dibebankan dengan kenaikan harga sebab bila barang mentah naik harga, pekerja naik harga, tak cukup pekerja perlu naikan lagi harga untuk mencari pekerja dan akhirnya harga-harga barang akan naik harga lah. Akhirnya rakyat yang akan jadi susah.

Seterusnya saya rasa satu lagi isu yang perlu diberi perhatian ialah isu air. Saya rasa mungkin tak cukup kut untuk 5 minit saja saya nak habiskan semua...(YB. Sungai Limau mencelah)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Sikit saja YB. Bakar Arang. YB. Speaker, kita hairan bila YB. Bakar Arang sebut ada peluang pekerjaan tetapi tak dak pekerja sedangkan kita duk bincang orang yang kata duk berenti kerja, duk cari kerja tapi sektor yang macam mana cari pekerjaan tapi pekerja tak dak. Mungkin YB. Bakar Arang boleh cerita.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Boleh! Boleh! Ini soalan yang baik dan saya rasa mungkin Yang Berhormat tidak turun ke padang, bukan padang yang biasa tapi turun untuk mendekati peniaga-peniaga. Mungkin setengah tahun yang lepas banyak orang tak dapat kerja, bila kita post jawatan kosong saja, wah! Ramai datang tanya kerja, tapi kalau untuk 3 bulan kebelakangan ini kalau kamu post jawatan kosong di facebook ka, di jobstreet ka, di mana ka, tidak ada permintaan, kamu boleh tanya kawan-kawan yang berniaga tidak kira apa sektor lah, kilang ka, pertanian ka, sektor 'retail' ka, pembinaan, semua sektor tak dak pekerja.



Dan sekarang gaji pekerja asing satu hari boleh sampai RM120 sehari punya gaji harian. Bila tak cukup, semua orang pakat naikan gaji lah untuk tarik dan sekarang pekerja asing pun dia nak cari lah kerja yang senang dan harga tinggi. Itu realitilah di mana-mana saja kalau mereka yang menceburi dalam perniagaan mereka akan tahu.

Seterusnya saya nak masuk ke isu air juga walaupun banyak orang telah pun bangkitkan sebab sekarang 'feedback' yang saya dapat bukan sahaja tempat-tempat yang sering berlaku terputus bekalan air ataupun tekanan rendah seperti kalau di Daerah Kuala Muda seperti di Merbok sana. Tapi banyak tempat lain telah pun mula bagitau air tak dak, tekanan air rendah di kawasan saya Taman Keladi, Taman Intan, Taman Mewah dan kawasan Bukit Selambau macam Taman Ria, banyak tamanlah, semua kawasan Sidam pun ada dan Taman Angsana. Semua bagitau air tak dak, tekanan air tak dak. Saya rasa ini apa masalah, adakah tiba-tiba populasi kita bertambah banyak menyebabkan penggunaan air yang banyak sampai air tak cukup ataupun pembangunan kita, taman perumahan baru semakin banyak, kilang-kilang baru semakin banyak sehingga kita tidak cukup air dan kalaulah ini sebabnya, kenapa tidak ada perancangan yang lebih tersusun supaya kita mempunyai air yang cukup. Saya rasa ini satu benda yang sangat serius dan saya harap tidak tertangguh terlalu lama sebab rakyat tak boleh tahan dengan selalunya tidak ada air dan air tekanan rendah.

Bukan saja isu air tetapi satu lagi ialah isu komunikasi, jaringan komunikasi, bukan saja internet macam YB. Anak Bukit kata tadi, nak telefon, line telefon pun sangat-sangat teruk bukan sahaja di luar bandar tetapi di dalam bandar, di Sungai Petani di rumah saya sendiri, yang peliknya ia berlaku dalam satu tahun dua tahun ini. Dulu ada line di rumah saya, tiba-tiba dalam satu dua tahun ini, tidak ada line, tinggal 1 bar kadangkala tidak ada, kena keluar ke 'car park', saya pakai Celcom. Saya pun buat aduan kepada Celcom, saya buat aduan kepada SKMM. Celcom bagitau, Oh! Tempat kamu 'congested', maksud dia pengguna Celcom bertambah banyak dalam satu dua tahun ini, bila ramai, telco dia tak tambah, maka tak cukup, line tak dak. I kata, "bila nak selesaikan, nak tambah telco?" Dia kata, "tak tau". Saya tanya jiran saya, "eh! Maxis boleh pakai ya?" Mungkin saya nak tukar kepada Maxis lah.....(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bakar Arang, saya rasa boleh menggunakan 2 ayat terakhir untuk kita tangguh.



YB. ENCIK OOI TZE MIN

Ok! Ok! Saya sikit saja. Akhirnya Maxis pun tak daklah, jiran saya kata, “Maxis pun kena keluar ke ‘car posh’ baru ada line”.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bakar Arang, esok diberi ruang 10 minit lagi!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Ok! Ok, Baik! Terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bakar Arang. Besok kita akan berikan 10 minit lagi masa.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan Dewan, suka saya ingatkan sikitlah peraturan Dewan ini iaitu jangan membiasakan menggunakan nama lah, sebut Haji Sanusi, contoh sebaliknya sebutkan nama DUN yang diwakili, yang kedua, saya perhatikan ada yang menggunakan perkataan kamu, jadi sebolehnya elakkan.

Sebagai rumusan, perbincangan pada petang ini sangat baik lah dengan usul-usul dan syor yang begitu banyak daripada kedua-dua belah pihak. Saya mengharapkan supaya sesi perbincangan persidangan sebegini dapat diteruskan untuk kita mewujudkan budaya perbincangan persidangan yang baik untuk kepentingan semua rakyat.

Jadi, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan sehingga jam 9.00 pagi esok. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang]



***[Sidang Dewan disambung semula pada jam 9.00 pagi]
Hari Ketiga Persidangan – 22 Mac 2022***

YB. DATO' SPEAKER

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-ahli berhormat sekalian dewan disambung semula. Kita mulakan dengan bacaan doa.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - DOA

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-ahli YB. pagi ini, YB. Bukit Kayu Hitam dia datang seperti biasa tapi pihak KKM dapati beliau Nampak bergejala jadi tidak dibenarkan masuk dan beliau di minta untuk membuat test RTK kalau negative baru akan dibenarkan masuk. Itu adalah prosedur kita kalau siapa-siapa pun bergejala maklumlah di kaunter KKM. Kalau KKM mintak kita pergi buat test, pergi buat test dulu jangan dok buat tak tau ja. Ia boleh menyebarkan penyakit itu kepada orang lain. Urusan seterusnya Setiausaha.

I. PERTANYAAN – PERTANYAAN MULUT

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sesi pertanyaan mulut

YB. DATO' SPEAKER

Silakan nombor 6!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Assalamualaikum apakah jawapan soalan no.6?



**6. YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD
[ADUN BUKIT LADA]**

Pohon dinyatakan :-

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan pelan strategik Pembangunan Insan Negeri Kedah?
- b) Bagaimakah bentuk dan sasarannya sekiranya ada?

YB. DATO' USTAZAH SITI AISHAH BINTI GHAZALI

Terima kasih Datuk Speaker, untuk jawapn soalan no.6 (A) adalah YA ada (B) Pihak kerajaan negeri sentiasa meletakkan keutamaan kepada pembangunan insan bagi rakyat Negeri Kedah. Selaras dengan Pelan Kedah2035 yang dilancarkan oleh YAB. Dato Seri Menteri Besar Kedah, pelbagai strategi dan inisiatif yang telah dirancang dalam Teras 4: Keseimbangan Modal Insan & Bakat bagi membangunkan insan secara holistik. Memandangkan perancangan pembangunan insan telah menjadi salah satu teras keutamaan, kerajaan negeri melihat kepada wujudnya keperluan untuk menyediakan satu pelan strategik yang memberi fokus kepada pembangunan insan di Negeri Kedah.

Cadangan pelan yang bertemakan Insan Sejahtera ini bakal merangkumi sekurang-kurangnya 9 teras utama yang melihat pelbagai aspek kehidupan masyarakat yang boleh dibimbing secara holistik merentasi sempadan sempit ideologi, agama, politik & bangsa. Bakal berpandukan misi: Memperkukuh agenda pembangunan insan melalui penyediaan strategi pemerkasaan kepimpinan & modal insan setiap peringkat komuniti berteraskan pendekatan Kedah sejahtera nikmat untuk semua, cadangan pelan ini dilihat mampu meletakkan haluan yang tepat untuk pembangunan insan kepada rakyat Kedah.

Pelbagai cadangan teras telah dirangka yang bakal memberi penekanan khusus kepada golongan sasaran. Antaranya adalah cadangan Teras 1: Kesiagaan Tadbir Urus yang meletakkan sasaran untuk memperkasa urus tadbir pembangunan modal insan dengan kualiti perkhidmatan terbaik bagi pelbagai agensi/jabatan penggerak. Selain itu, cadangan Teras 4: Kewibawaan Pendidik & Pendakwah bakal memberi penekanan untuk memperkasa pendidik & pendakwah sebagai qudwah & ikon masyarakat yang menyasarkan golongan sasaran guru kafa, guru takmir & para pengkuliah di seluruh Negeri Kedah. Sekian terima kasih.



YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Terima kasih kepada EXCO yang menjawab. Gemar saya ada sedikit soalan tambahan iaitu kita melihat bahawa terdapat 9 teras utama yang dibentuk untuk mewujudkan pelan strategik modal insan ini. Jadi, saya nak tanya kunci ataupun asas utama yang sebenar dalam pelan dalam pembentukan pembangunan modal insan ini, apa yang menjadi kunci utama itu?

YB. DATO' USTAZAH SITI AISHAH BINTI GHAZALI

Terima kasih YB. Bukit Lada. Untuk menjawab soalan tambahan ini asas kepada kunci untuk pelan strategik pembangunan modal insan ini kita menggunakan ayat Al-quran Surah At-Tin "Laqodqo'laq nal'insa nafi' ah sani'taqwiim" "Sungguh, Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya". Kita gunakan perkataan "ahsani taqwiim" diinspirasikan dari firman Allah ayat Surah 4 tadi, konsepnya sebaik-baik kemenjadian ini mengangkat makna "taqwiim" dengan kemenjadian fitrah potensi dan fungsi modal insan yang dicipta oleh maha pencipta.

Syeikh Syed Al-Tantawi menghuraikan kemuliaan kemenjadian insan ini dalam tafsirnya Al-Wased sebagai suatu anugerah ter-istimewa daripada Allah kepada manusia dengan upaya kefasihan bicara, minda yang rajih, ilmu yang luas serta keinginan dan kemampuan merealisasikan keperluan manusiawi menuju kebitaraan duniawi ukhrawi. Konsep Qur'an ni serba indah dan sempurna inilah yang cuba digarap dan dirumus bersama kearah modal insan Kedah "Ahsaani Taqwiim" yang bermanfaat dan berprestasi dan lestari. Berupaya mencurahkan khidmat bakti buat bumi pertiwi menjunjung madhat rabbani insani.

Seterusnya kita namakan insan di kedah ini insan sejahtera. Kita gunakan insan sejahtera ini perkataan "sejahtera". Sejahtera ni adalah selamat, emosi seimbang, jasmani sihat, amal akal cerdas, harmoni, tekun, empati tinggi, rohani mantap, akhlak mulia dan kita rangkumkan sekali nama pada insan sejahtera. Apa pun atas modal insan, ataupun modal insan di Kedah kita letak tagline kita "insan sejahtera", terima kasih.



YB. DR. SALMEE BT SAID

Terima Kasih YB. Dato' Speaker. Soalan tambahan saya, apakah fokus sebenar pembangunan insan sebab kita tengok sebab golongan yang apa berhadapan dengan pelbagai masalah di negeri Kedah ini berbagai masalah sosial dan sebagainya, bermula daripada kanak-kanak sehingga orang dewasa. Apakah fokus sebenar pembangunan insan negeri Kedah? Tadi diberitahu kepada apa agensi-agensi, pendidik, Guru Kafa Guru-Guru. Itu soalan pertamalah, dan adakah peruntukan diberikan juga kepada pelbagai NGO untuk membantu pembangunan insan Negeri Kedah sebab saya rasa apa nama perlu pelbagai agensi, pelbagai NGO yang turut serta untuk membantu, sebab masalah sosial ni banyak di negeri kedah ni, dan apakah ukuran kejayaan yang telah dan akan dicapai oleh pembangunan insan Negeri kedah? Sekian terima kasih.

YB. DATO' USTAZAH SITI AISHAH BINTI GHAZALI

Terima kasih YB. Dato' Speaker dan YB. Kota Siputeh, sebenarnya teras yang kita ada 9 teras saya cuma sebut dua teras sahaja. Untuk golongan yang seterusnya adalah golongan sasar ini kita teras ketiga saya sebut ketrampilan kepimpinan masyarakat. Golongan sasar kita penjawat awam, penghulu, JPKK dan imam dan teras seterusnya adalah teras guru kafa saya dah sebut tadi. Keberhasilan inidividu berpengaruh iaitu "influnecer" golongan sasar kita untuk menjadikan ikon kepada masyarakat. Kemenjadian pelajar dan mahasiswa dan golongan sasar kita teras 6, dan teras 7 kemenarian golongan rentan ini juga golongan OKU, LGBTQ. B40 dan warga emas. Kita ada teras dan kita ada pelan strategik kita dan seterusnya kebitaraan minda barakah golongan sasar kita di sini adalah usahawan, peniaga, petani, peladang, nelayan dan buruh dan seterusnya teras 9 keutuhan jati diri anak muda, golongan anak muda, kanak-kanak remaja semua ni dah ada pelan strategik yang kita akan gunalah sampaikan kepada masyarakat dan jugak pihak unit pengguna insan Negeri Kedah sedang peringkat akhir untuk mencetak buku 40 hadis pembangunan insan peringkat akhir dah untuk kita cetak buku 40 hadis pembangunan insan yang kita akan edarkan di jabatan-jabatan kepada pihak kepada teras-teras sasaran yang telah kita sebutkan nanti.

Soalan yang kedua iaitu, ada ke peruntukan? Ya ada peruntukan untuk NGO dan kebetulan pulak kita ada kan program nak masuk ramadhan ini, pihak unit pembangunan insan mengadakan Program Semarak Ar-Rayyan Dua, kalau tahun lepas ada Semarak Ar-Rayyan Satu iaitu dengan kita huraikan surah Al-Hujurat sekurang-kurang kita dapat bawa balik dalam Semarak Ar-Rayyan ini masyarakat dapat ambik intipati dari perakuan itu dari surah Al-Hujurat.



Pada tahun ini ada suruh lain yang kita sajikan untuk bagai panduan untuk kita hadam tadabbur surah ini untuk masyarakat dapat mengaplikasikan apa yang kita baca dalam Al-Quran itu. Untuk sumbangan pada OKU, NGO semua ada dah, saya juga berbincang denga pihak agensi agensi yang terlibat dengan modal insan untuk kita sama-sama menggunakan modul yang telah di buat oleh Unit Pembangunan Insan di Kedah kepada semua agensi dan juga yang ada di Negeri Kedah ini. Mengenai ukuran, kita kena melihat ke hadapan, ukuran tidak boleh hari ini kita bagi sekadar kita berusaha untuk melahirkan insan sejahtera di Negeri Kedah. Wallahualam.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan no.7

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Salam sejahtera, selamat pagi dato speaker, mohon jawapan untuk soalan no.7.

**7. YB. ENCIK OOI TZE MIN
[ADUN BAKAR ARANG]**

Pohon dinyatakan :-

- a) Kawasan yang sentiasa mengalami bekalan air terputus dan tekanan air rendah di Negeri Kedah.
- b) Nyatakan langkah penyelesaian jangka pendek dan panjang untuk selesaikan masalah ini bagi setiap kawasan.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih Dato Speaker, terima kasih Bakar Arang, untuk jawapan no.7 kita perlu definisikan dulu bekalan air putus dan tekanan air rendah di Negeri kedah. Terdapat beberapa faktor yang bekalan air putus dan tekanan air rendah di Negeri Kedah. Terdapat beberapa faktor air putus dan tekanan air rendah. Pertama, gangguan operasi loji disebabkan oleh kekeruhan air mentah yang tinggi dan kekurangan air mentah. Yang kedua, masalah bekalan elektrik. Yang ketiga, masalah mekanikal dan elektrikal loji. Keempat, reserve margin yang rendah iaitu kapasiti loji tidak dapat menampung keperluan semasa bekalan air.



Kelima, kebocoran pada sistem paip pengepam utama dan gangguan sistem agihan disebabkan oleh kejadian paip pecah, masalah gangguan bekalan elektrik di rumah pengepam, masalah sistem elektrikal di rumah pam, kapasiti sistem agihan sediada tidak mampu menampung keperluan semasa dan kawasan bekalan penghujung sistem agihan di kawasan tinggi dan kawasan-kawasan yang mengalami ataupun menerima bantuan bekalan air daripada lori tangki secara tahunan ini dianggarkan 3,800 akaun yang terdiri dari 0.59% daripada keseluruhan 630,569 akaun dan kawasan utama yang terjejas ataupun dipanggil hotspot disebabkan oleh musim kering terutamanya di kawasan Merbok, Tanjung Dawai, Semeling, Singkir, dan sekitarnya serta di kawasan Gurun dimana berlakunya penyusutan sumber air mentah yang ketara telah menjejaskan pengoperasian loji rawatan air Headwork Merbok, Gurun dan Tupah.

Walaubagaimanapun, sekiranya keadaan cuaca panas kering berpanjangan dijangka bertambah kawasan terjejas seperti Ayer Hitam, Kodiang, Padang Terap, Daerah Pendang, Daerah Sik, dan bahagian utara Baling dimana buat masa ini kawasan-kawasan ini masih dalam kawalan dan stabil kerana hujan masih ada. Untuk projek ataupun cara untuk mengatasi masalah dalam jangka masa pendek dan sederhana SADA telah mengadakan projek dalaman kerja-kerja berbentuk bypass ataupun pengagihan semula dan juga memeriksa kembali kawasan-kawasan yang terkesan keminugkinan ada air blockages di tempat-tempat penduduk mereka terkesan dan mengadakan aduan.

Selain pada itu, KPLB telah membantu KPLB bekalan air luar Bandar dengan membantu sistem alternatif untuk tahun 2020 peruntukkan sebanyak RM2.3 juta diberikan untuk sistem alternatif dan kemudiannya untuk sistem retikulasi BALB RM5.37 juta, untuk tahun 2021 sistem alternatif peruntukan sebanyak RM3.9 juta kemudiannya retikulasi oleh BALB RM2.53 juta dan untuk tahun ini Kementerian Luar Bandar telah memberikan indikasi untuk sistem alternatif BALB 2.5 juta di Kedah dan retikulasi sebanyak RM3.372 juta dan selain dari itu projek-projek penyelesaian jangka panjang termasuklah LRA yang telah dicadangkan dan termasuk juga Loji Tupah yang telah diberikan kebenaran ataupun untuk dilaksanakan oleh Kementerian Luar Bandar. Selain dari itu juga, menaik taraf loji Jeniang baru di daerah Kuala Muda akan dilaksanakan oleh KPLB juga itu sahaja.



YB. ENCIK OOI TZE MIN

YB. Dato Speaker terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Sungai Tiang, soalan saya kenapa bukan sahaja kawasan-kawasan yang disebut oleh Sungai Tiang sering berlaku terputus bekalan air atau tekanan air rendah tetapi dalam tahun ini atau 3-4 bulan lepas saya juga telah menirama banyak aduan daripada kawasan-kawasan di Sungai Petani di taman-taman perumahan khususnya seperti Taman Keladi, Taman Ria, Taman Intan dan Taman Angsana Sari dan beberapa tempat lagi di mana kawasan perumahan mereka juga mengalami putus air dan juga sering berlaku tekanan air rendah, kenapa berlaku dan juga apakah populasi ataupun penduduk di Kedah sudah bertambah ka dan sekarang berapa NLD yang diperlukan untuk seluruh di Negeri Kedah dan berapa yang kita bekalkan sekarang dan juga masalah-masalah yang diberitahu tadi khususnya benda-benda seperti kebocoran ataupun paip rosak sebab bila kita membuat aduan kepada SADA kadangkala jawapan yang diberi adalah peruntukan tidak cukup. So adakah peruntukkan untuk maintainance dan sebagainya mencukupi untuk daripada kerajaan negeri ataupun SADA untuk mengambil tindakan dengan segera dan bukannya kita kena selalu tunggu dengan sangat lama. Terima kasih.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih atas soalan Bakar Arang, kebanyakan soalan mengenai berapa kita keluarkan dan proses permintaan, saya akan buat dalam sesi pergulungan nanti dan tetapi untuk masalah di Sungai Petani yang seperti saya katakan gangguan operasi telah menyebabkan bekalan air agak kritikal pada tahun ini di Sungai Petani lah dan kita berharap kita telah melakukan intervensi yang sepatutnya dan sepatutnya tidak berlaku lagi InsyaAllah dan untuk jawapan seperti kita tidak ada peruntukan adalah saya rasa yang dimaksudkan oleh pegawai SADA adalah pada masa itu maksudnya ia tidak boleh dilakukan sebegitu segera dan ia memerlukan kelulusan oleh pentadbiran untuk melakukan projek-projek yang besar tetapi untuk mengatasi masalah paip pecah, masalah gangguan operasi loji ia dilakukan seberapa segera oleh pentadbiran SADA, saya rasa itu sahaja.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN GHAZALI

Terima kasih Dato' Speaker dan terima kasih YB. Sungai Tiang, berkaitan dengan air dan saya nak tanya soalan berkaitan dengan aktiviti korek telaga tiub dikawasan saya pun banyak yang dibuat dan saya pun ada buat. Bagaimana pandangan pihak kerajaan berkaitan dengan projek-projek telaga tiub ini dan adakah dari segi kualiti air itu dijamin dan adakah bumi Kedah ini mengandungi air yang banyak dan boleh dimanfaatkan untuk rakyat. Terima kasih.



YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOF BIN ZAKARIA

YB. Dato' Speaker sikit sahaja....

YB. DATO' SPEAKER

Ok, silakan!

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOF BIN ZAKARIA

Sambungan dari soalan, adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan telaga tiub sebagai suatu alternatif secara mungkin besar-besaran bagi kawasan-kawasan yang menghadapi masalah air ini, di Padang Terap pun sama tempat-tempat yang tekanan rendah, tempat-tempat yang mungkin agak tinggi. Jadi adakah ini akan menjadi dasar baharu kerajaan bahawa telaga boring ini akan diperbanyakkan lagi di seluruh Negeri Kedah. Sekian terima kasih.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih soalan-soalan dari Yb. Tanjung Dawai dan juga Yb. Kuala Nerang. Sungguh air bawah tanah merupakan alternatif yang terbaik untuk Negeri Kedah dan Jabatan Mineral dan Geo Sains Malaysia (JMG) mengesyorkan sumber air bawah tanah sebagai sumber alternatif yang terbaik untuk Negeri Kedah dan JMG mempunyai tiga projek pembangunan yang berjalan sesuai dengan fungsi jabatan dan antara yang sedang dibuat ialah pembangunan penilaian Result Air Tanah Negara ataupun RAT pembangunan sumber air tanah di kawasan-kawasan yang bermasalah bekalan air bersih water stress dan projek penggunaan air bawah tanah sebagai sumber air di loji-loji lawatan air yang menghadapi kekurangan sumber air LRA dan penyelesaian jangka pendek beberapa telaga tiub telah dibuat pada tahun 2020 seperti di Jerlun, Baling, Sik dan paling penting di Loji Rawatan Air Merbok, Loji Rawatan Air Tupah dan Loji Rawatan Air Gurun bagi memastikan tube well tersebut dapat menampung kekurangan air di loji-loji headwork ini dan selain daripada itu, 21 telaga telah dibina antara dan 9 dari projek itu, 21 telaga antara 2011 hingga 2020 dan 9 telaga di bawah projek resort air tanah tahun 2017 hingga 2020 dan untuk jangka panjang projek yang telah diluluskan pada tahun ini adalah Projek Pemetaan Dan Pembangunan Sumber Air Tanah Negara Negeri Kedah 2021/2025 dan antara objektifnya adalah pemetaan hidrologi di Negeri Kedah secara komprehensif bagi menilai menentusah fungsi sumber air bawah tanah untuk diusaha hasilkan sebagai kawasan medan telaga ataupun well fee yang perlu diberi keutamaan untuk pembangunan sumber air bawah tanah dan



antara output projek adalah penerbitan peta hidrologi, mengemaskinikan pengkalan data dan model 4D simulasi sumber air penilaian impak pembangunan sumber air bawah tanah, analisis unjuran permintaan bagi tempoh 2020 hingga tahun 2030, pembinaan telaga eksplorarasi telaga pantau dan telaga pengeluaran pembinaan kerangka pelan induk pembangunan sumber air bawah tanah dan tadbir urus pembinaan kerangka cadangan penubuhan pusat sumber air bawah tanah. Diharapkan dengan adanya projek ini ia dapat memberikan harapan bahawa sumber air bawah tanah akan memberikan air di Negeri Kedah terutamanya di Langkawi telah dicadangkan satu empangan bawah tanah yang menggunakan air bawah tanah sebagai sumbernya. Itu sahaja Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan no. 8

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Terima kasih YB. Dato' Speaker, saya mohon jawapan bagi soalan no. 8.

**8. YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT
[ADUN SUNGAI LIMAU]**

Pohon dinyatakan bagaimanakah sambutan rakyat terhadap Karnival Jualan Keluarga Malaysia yang dianjurkan kerajaan dan apakah manfaat yang mereka terima?

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Dari Sungai Limau ke Bukit Pinang, laluan dari Wisma Darul Aman Sungai Limau seorang YB. yang tenang itulah tanda seorang yang beriman.

YB. Dato' Speaker, bagi jawapan no.8. Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama erat Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah mendapat sambutan yang menggalakkan, apabila seramai lebih 1,181,376 pengguna di seluruh Malaysia telah menerima manfaat daripada program yang dilaksanakan sejak awal Disember 2021 yang lalu.



Sebanyak RM22.85 juta nilai jualan juga telah direkodkan daripada Disember 2021 sehingga 14 Februari 2022. Bagi Negeri Kedah, PJKM telah dilaksanakan secara mingguan di 58 buah lokasi (data sehingga 13 Februari 2022) yang melibatkan 15 buah Parlimen di seluruh Negeri Kedah. Berdasarkan statistik yang direkodkan, seramai 40,789 orang pengunjung telah hadir ke Program Jualan Keluarga Malaysia dan jumlah jualan yang terkumpul adalah sebanyak RM1,212,581.68. Melalui penganjuran Program Jualan Keluarga Malaysia, barang keperluan harian seperti ayam, ikan, telur, sayur-sayuran, minyak masak, gula, tepung, beras serta barangan proses ditawarkan pada harga yang lebih rendah sehingga 30% daripada harga pasaran semasa.

Seterusnya, maklum balas positif telah diterima berkenaan penganjuran program jualan ini terutama dalam meringankan bebanan kos sara hidup rakyat terutama golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) mendepani situasi harga barangan yang tidak stabil mutakhir ini. Program Jualan Keluarga Malaysia juga menjadi pemangkin kepada pengguna untuk merancang pembelian dan membantu mereka untuk membuat pilihan bijak serta berbelanja secara berhemah. Sekian, terima kasih.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Terima kasih YB. Exco atas jawapan yang diberikan tentang Karnival Jualan Keluarga Malaysia dan memang kita nampak pelaksanaan program ini boleh untuk meringankan bebanan khususnya bagi B40. Soalan saya, adakah program ini akan terus dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk 2021 ini sekarang ini kita telah memasuki bulan mac. Berapakah yang telah dilaksanakan dan apakah cadangan pelaksanaan keseluruhan bagi tahun 2022 ini.

Keduanya, sasaaran tempat kadang-kadang kita nak buat tu sudah pasti yang banyak B40 ni banyaknya dikawasan-kawasan luar Bandar. Jadi, dimanakah sasaran tempat akan dilaksanakan program ini. Terima kasih.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

YB. Dato' Speaker, terima kasih Sungai Limau, bagi Negeri Kedah Program Jualan Keluarga Malaysia telah dilaksanakan secara mingguan iaitu 78 lokasi datanya sehingga 13 Mac 2022 yang melibatkan 15 parlimen di seluruh Negeri Kedah. Berdasarkan statistik yang direkodkan 49,511 orang pengunjung yang telah hadir Program Jualan Keluarga Malaysia, jumlah jualan terkumpul adalah RM1,648,000 itu jualan di seluruh Kedah yang kita buat di 78 lokasi dan InsyaAllah program ini akan diteruskan.



Buat masa terdekat, iaitu di 3 parlimen iaitu di Parlimen Jerlun, Kubang Pasu dan Padang Terap yang diadakan pada 25 hingga 26 Mac kita bermula dari 8 pagi hingga tengah hari kecuali di supermarket contohnya Lotus di Kubang pasu kita ada Sk Press Supermarket dia lajak sampai 9 malam. Itulah pilihan-pilihan yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Perdagangan di seluruh parlimen seminggu 2 kali. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Silakan Suka Menanti.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih Yb. Dato' Speaker dan Bukit Pinang yang cukup tenang, jadi saya ingin bertanya tentang jualan ini kalau kita bahagi balik maksudnya dalam setiap orang itu berbelanja RM20 sekali dia pi ke program ini. Itu menandakan bahawa kos kemampuan agak rendah la maknanya menepati sasaran. Jadi, saya nak tanya lagi tentang selebihnya 78 lokasi yang diadakan program mingguan ini kalaulah kementerian atau kerajaan negeri rasa program ini berjaya, kalaulah rasa berjaya bagi 5 bintang dan sebagainya sepatutnya lebih dirancang rancak lagi oleh Sungai Limau untu pra Ramadhan dan Ramadhan kerana keperluan itu sangat mendesak ketika ini.

Kalaulah dirasakan berjaya 78 lokasi migguan itu bergerak tapi sepatutnya di semua tempat itu. Yang kedua, saya juga nak mencadangkan fikirkan balik sebab program itu dari 8 pagi hingga 12 tengah hari memang sasaran untuk suri rumah time beli sayur la tapi barang yang dijual itu kebanyakannya barang macam-macam kecuali sedikitlah ayam, bahan-bahan mentah sedikit sangat. Kalaulah dibuat pada waktu petang contohnya dari 12 tengah hari sehingga 7 petang saya rasa akan mendapat lebih sambutan dan manfaat untuk orang ramai. Minta untuk dipikirkan.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Terima kasih Yb. Dato' Speaker dan Suka Menanti, dia sebab jualan ini dia ada berbagai-bagai kaedah lah ikut situasi setempat dan parlimen masing-masing saya boleh katakana 90% tempat saya turun juga untuk membuat pemantauan. Contohnya, parlimen Alor Setar di 2-3 tempat sepatutnya lah di kawasan perumahan awam di Taman mergong sepatutnya Berjaya tapi mungkin kerana kekangan-kekangan yang dihadapi sebab itu kita buat di Lotus Mergong.



Sambutan itu pada peringkat awalnya di luar tapi kadang-kadang pengunjung dia masuk ke Supermarket tapi last sekali kita bekerjasama dengan supermarket buat di dalam supermarket jadi depa bagi subsidi ayam pun memang murahla ada RM8-RM9 dan saya turun di Kuala Ketil contohnya, Kuala Ketil buat di dewan adalah kelebihan terbaik kerana dekat dengan padang awam dia buat dari 8 pagi hingga 6 petang sebab ia di dewan dan berbumbung jadi salah satu tempat yang terbaiklah tapi InsyaAllah pihak kementerian akan teruskan mengikut lokasi-lokasi yang tidak sesuai kita akan berpindah contohnya kita buat bahagian Pendang pada peringkat awal dapat sambutan yang kurang berjaya tapi kita telah ubah ke lokasi yang lain kita dapat sambutan yang menggalakkan dan akhirnya sampai pukul 12 barang dah habis sebab ada kekangan-kekangan yang didorong ini satu pemborong di Kuala Ketil ni dia salah satu pemborong Hypermarket dia bawak semua barang-barang dia dan ia dapat.

Saya tanya dia macam mana dapat cabai murah dapat RM13 dia dapat jual saya dapat cabai di peringkat awal RM19 jadi dia kata dia ambik direct daripada ladang dan contohnya macam telur ayam dan minyak masak saya tanya dia, dia kata dia ada pembekal pemborong-pemborong kerjasama dengan kementerian itulah keadaan situasi sekarang tapi InsyaAllah sebelum kita laksanakan program ini sebelum ada hari itu promosi akan dilaksanakan perluaskan di masjid-masjid melalui melalui RTM dipromosi dengan sebaik mungkin. Sekian terima Kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Kota Darulaman soalan nombor 9

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih Dato' Speaker, saya mohon jawapan untuk nombor 9!

9. YB. ENCIK TEH SWEE LEONG [ADUN KOTA DARUL AMAN]

Isu rumah kediaman tidak berpenghuni dan tanah kosong terbiar yang menjadi semak dan pokok liar masih tiada kaedah penyelesaian yang berkesan.

Pohon dinyatakan:-

Apakah kaedah penyelesaian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi terlibat dalam menangani isu ini supaya tidak menimbulkan ketidakselesaian kepada jiran sebelah?



YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih Kota Darul Aman diatas soalan yang dikemukakan jawapan kepada soalan tersebut(YB. Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

YB. Tokai, address dekat Dato' Speaker dulu!.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Dato' Speaker ini adalah jawapan yang akan saya kemukakan. Kaedah penyelesaian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi terlibat dalam menangani isu ini ialah mengambil tindakan berdasarkan peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Seksyen 80 dan Seksyen 74) dan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Seksyen 37) di mana notis perlu dikeluarkan dalam tempoh yang munasabah dan sekiranya arahan notis tidak dipatuhi, PBT boleh melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan membuat tuntutan kos pembersihan kepada pemilik premis.

Selain itu, antara kaedah lain yang dibuat ialah sebagai contoh, oleh kerana Kota Darulaman duduk di MBAS. MBAS mewujudkan unit lot kosong bagi menangani masalah berkaitan rumah kosong yang menjadi semak dan menimbulkan kacau ganggu kepada orang awam. Setiap aduan yang diterima akan disiasat dan pemilik akan dikenalpasti. Notis akan dikeluarkan kepada pemilik premis untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan. Walaubagaimanapun, bagi rumah kosong, PBT perlu berkerjasama dengan pihak Polis untuk masuk ke premis berkenaan, namun tiada kuasa untuk memecah buka premis. Kalau premis berkunci kita tiada kuasalah! Di bawah Seksyen 110, akta yang sama tidak memperuntukan kuasa pecah masuk yang bermaksud jika premis berkunci, undang-undang tidak membenarkan PBT untuk pecah masuk premis tersebut. Sekian jawapan Dato' Speaker. Terima kasih.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih Dato' Speaker, soalan tambahan saya sebab semalam masa kita di dalam dewan telah berlaku pokok runtuh di Jalan Langgar yang melibatkan bangunan lama sebab di Jalan Langgar ni ada pekan melayu dan pekan cina disana ada banyak bangunan yang lama dan telah ditumbuh pokok-pokok yang besar dan bila tidak diuruskan maka macam semalam dia tumbang nasib baik tidak kena orang jadi boleh tak mintak MBAS untuk ambil tindakan supaya pokok-pokok yang besar dibuang dari sana supaya bila pelancong mai mereka akan rasa selamat. Terima kasih.



YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih Kota Darul Aman, Dato Speaker. Terima kasih atas maklumat yang diberikan oleh Kota Darul Aman InshaAllah saya akan panjangkan isu ini kepada MBAS begitu juga dengan bangunan lama di jalan Tunku Ibrahim banyak bangunan lama. Jadi, kita kena ambil perintah mahkamah untuk masuk ke dalam premis tersebut. Terima kasih Kota Darul Aman, Dato Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Silakan YB. Sungai Limau!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

YB. Dato' Speaker, YB. Tokai. Berkaitan dengan ini kita bincang rumah-rumah yang ditinggalkan tiada penghuni. Keduanya, antara isu yang juga pernah kita bincangkan pula sebelum ini tentang kuarter-kuarter hak kerajaan sama ada di peringkat persekutuan yang kadang-kadang tidak diurus dengan tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Jadi, adakah ada mekanisma yang boleh di peringkat negeri untuk dengan agensi-agensi tersebut supaya kalaulah kuarter-kuarter itu tidak digunakan di peringkat persekutuan boleh diserahkan untuk kerajaan negeri untuk kita olah dan boleh kita berikan kepada rakyat sebagai contoh kuarter guru dan ada juga kuarter agensi-agensi lain mungkin MADA ataupun JKR dan sebagainya. Jadi, mungkin ada perancangan dari peringkat negeri.

YB. DR. SALMEE BT SAID

Boleh saya tambah sedikit, terima kasih YB. Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Silakan YB. Kota Siputeh!

YB. DR. SALMEE BT SAID

Soalan tambahan mengenai pekan-pekan atau bandar-bandar contohnya pekan Jitra, saya dapati sangat kotor tidak dijaga kebersihan dengan ada bangkai kucing dan saya dapati hari-hari. Kalau sebelum ini semasa kerajaan Pakatan Harapan, sentiasa bersih tapi dalam hal-hal ini apa masalahnya sebenarnya?



YB. DATO' SPEAKER

Silakan jawab Tokai, jawab bagi keras sikit Tokai.

YB. DR. SALMEE BT SAID

YB. Dato' Speaker terima kasih Sungai Limau dan Kota Siputeh, doktor ni dia tak boleh keras jarum ja dia boleh keras. Terima kasih kepada soalan tambahan yang ditimbulkan. Berkenaan dengan Sungai Limau tadi, dia memang kalau bangunan-bangunan tersebut berada dalam kementerian-kementerian tertentu kita boleh berbincang dengan kementerian tersebut cumanya samada dipersetujui kementerian tersebut ataupun tidak itu isu yang lain. Contohnya, isu kuarter guru memang banyak nampak kuarter guru, kita dah banyak kali berhubung dengan kementerian pelajaran dan pendidikan tetapi tidak mendapat respon yang positif contohnya, tengok di tempat saya sendiri di Kubur Panjang kemudiannya di jalannya di Tajar, jadi pokok sampai boleh jadi balak dah dalam kawasan tu, itu di pihak Sungai Limau.

Untuk Kota Siputeh, saya rasa isu ini akan sentiasa kendalikan oleh pihak kosensi yang terlibatlah Idaman. Apabila berlaku perubahan pembersihan di jalan protokol, jalan persekutuan kepada JKR ini yang menjadi masalah dari segi kebersihan, dari segi wang potong rumput. Kalau kita tengok di Alor Setar sekalipun ada masalah yang timbul berapa kali kita dah bawak masuk dalam mesyuarat Negara kerajaan tempatan isu ini akan diselesaikan oleh pihak kemeterian KPKT dengan JKR bersabarlah sedikit Kota Siputeh sat no kalau nampak ada bangkai tu mintak depa suruh pi buang la noh. Terima kasih Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan no. 10, Belantek

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Assalamualaikum wbt. Dato' Speaker saya pohon soalan nombor 10.



10. YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE
[ADUN BELANTEK]

Bagi penoreh getah musim hujan, kemarau dan monsun yang tidak menentu menjadikan situasi sekarang kerap berlaku daun hijau pokok getah akan luruh dan mengakibatkan pokok tidak sihat dan susu amat berkurangan. Adakah kerajaan sedar ini berlaku dan apakah tindakan yang di ambil oleh kerajaan?

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Assalamualaikum YB. Dato Speaker, terima kasih Belantek atas soalan yang dikemukakan, bagi penoreh getah musim kemarau dan monsun tidak menentu menjadikan situasi kerap berlaku daun hijau pokok getah akan luruh dan mengakibatkan pokok tidak sihat dan susu amat berkurangan yang digambarkan dalam soalan di atas kemungkinan besar merupakan simptom serangan kulat dikenali kulat *Pestalotiopsis sp* yang menyerang daun-daun tanaman getah terlibat dan menyebabkan penyakit dikenali Penyakit Luruhan Daun *Pestalotiopsis* (singkatannya, LDP).

Penyakit ini pertama kali dilaporkan di Labis dan Kluang Johor pada tahun 2017 dan mengalami luruhan daun yang teruk (50 – 90% daun gugur) dan menyebabkan pengeluaran hasil menurun dengan mendadak.

Di Kedah pada tahun 2020 seluas 329.69 hektar direkodkan telah diserang penyakit LDP ini. Untuk mengurangkan risiko dan kesan serangan adalah amat digalakkan peladang dan pekebun kecil getah memastikan tanaman getah mereka sentiasa dalam keadaan subur dan sihat dengan mengamalkan amalan pertanian baik (GAP) – pembajaan, kawalan rumpai, kawalan penyakit dan makhluk perosak mengikut pengesyoran LGM.

Bagi tanaman getah yang telah terkena serangan, keamatan serangan boleh dikawal dan kesan serangan boleh diminimumkan dengan melakukan semburan racun kulat seperti *propiconazole* dan *propineb* dengan kekerapan antara 3 hingga 6 kali pusingan semburan dengan sela masa seminggu antara pusingan semburan.

Lembaga Getah Malaysia telah menyediakan satu dokumen monograf menerangkan simptom dan langkah pencegahan penyakit ini untuk rujukan dan tindakan estet dan pekebun kecil getah. Edaran telah dibuat kepada semua ketua agensi. Pembelian online juga boleh dibuat melalui laman web dengan harga RM20.00 senaskah. Latihan kepada agensi juga telah dijalankan untuk usaha kenalpasti dan kawalan serangan.



Dimaklumkan bahawa satu jawatankuasa peringkat kebangsaan dipanggil Jawatankuasa Pestalotiopsis Kebangsaan telah ditubuhkan pada tahun 2020 bagi menangani masalah ini. Agensi dan badan terlibat termasuklah semua agensi kerajaan (yang terlibat dengan pembangunan tanaman getah) dan syarikat perladangan, agensi penyelidikan kerajaan dan swasta. Jabatan Pertanian juga terlibat selaku agensi yang mengawal selia racun makluk perosak.

Bancian kewujudan, perebakan, kesan serangan dan sebagainya telah dimulakan dalam tahun 2020 dan masih berjalan sehingga kini. Aktiviti ini melibatkan semua agensi, badan, organisasi estet dan syarikat swasta yang menjadi ahli Jawatankuasa Pestalotiopsis Kebangsaan. LGM terlibat menjalankan bancian ke atas tanaman getah milik kebun pekebun kecil individu yang bukan di bawah naungan mana-mana agensi seperti RISDA dan FELDA. Tinjauan dengan kaedah *remote sensing* juga dibuat. Terima kasih Dato' Speaker.

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

YB. Dato' Speaker, saya ada soalan tambahan harini isu yang disebut daun getah hijau tu dia kalau musim kemarau baru daun dia tukar warna kuning dan merah tetapi kalini dia warna hijau, daun hijau tu bukan turun sehelai-sehelai dia turun setangkai-setangkai. Masalahnya hari ini, apakah rawatan yang perlu dibuat oleh penoreh-penoreh khususnya penoreh kecil. 3 tahun dah berlaku tapi hasil rawatan atau rawatan untuk ditunjukkan oleh penoreh-penoreh saya rasa yang tula masalahnya tak sampai kaedah cara bagaimana hendak menyelesaikan masalah-masalah dan penyakit apa puncanya dan tindakan yang perlu dibuat kepada pokok-pokok terlibat. Ia melibatkan banyak dalam kebun tu kadang-kadang 3 pokok ja yang boleh ditoreh yang lain daun hijau semua luruh.

Jadi, saya nak tengok kalau boleh rawatan mesti sampai kepada penoreh-penoreh supaya depa faham apa yang perlu dilakukan oleh EXCO tadi supaya kita dapat menampakan kerja buat kita terhadap rakyat. Persoalannya, adakah kalian bersedia untuk menyampaikan apa-apa bentuk yang boleh menyelesaikan masalah kepada rakyat kerana jawapan tadi untuk saya tapi tindakan itu mungkin tidak sampai ke peringkat penoreh. Kalau boleh saya ingin percepatkanlah rawatan bagi setiap penoreh-penoreh di kampung. Sekian terima kasih.



YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Terima kasih YB. Belantek atas soalan tambahan, memang kita sedari daun luruh selalunya musim luruh kalini bukan musim luruh pun dia luruh daun-daun warna hijau. Jadi, saya menjangkakan ini mungkin akibat perubahan iklim kita sekarang ni dan kaedah rawatan yang dicadangkan oleh LGM ialah saya nak sebut disini adalah kaedah rawatan bagi serangan penyakit luruhan daun hijau adalah dengan penyemburan racun kulat semburan canopy daun getah, pokok getah dengan menyembur semburan kabus dengan kekerapan 3-6 pusingan bagi daun yang telah gugur di atas tanah pula semburan dengan 1 pusingan dengan penyembur galas. Berdasarkan kajian yang dilakukan di makmal pengurusan Unit Perosak Dan Bersepadu UPPBLGM racun kulat yang boleh digunakan untuk menghalang pertumbuhan dan membunuh dalam racun kulit jenis sistemik serta racun kulat jenis sentuh. Kadar dan kekerapan semburan racun-racun tersebut di nyatakan dalam jadual 1 pihak pengurusan boleh untuk memilih salah satu racun yang disenaraikan di bawah. Saya akan bagi kepada Belantek nanti. InshaAllah saya akan mintak LGM dengan kerjasama agensi-agensi khususnya RISDA yang menjaga perkebun-perkebun kecil ini untuk memberikan maklumat kaedah rawatan yang sepatutnya dan membuat penerangan detail kepada pekebun-pekebun kecil getah ini. Terima kasih Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Suka menanti !

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih Dato' Speaker kerana bagi peluang untuk soalan tambahan ini, jadi saya ingin bertanya tentang bancian atau serangan akan mengambi masa yang panjang saya boleh faham apa yang disebutkan Belantek tadi. Anak pekebun kecil ini kita faham bancian dan serangan ini mengambil masa khususnya penyakit yang disebut ini sama dengan penyakit tahunan biasa yang daun luruh masa disember-januari tumbuh balik febuari-mac jadi penyakit itu lebih kurang akhirnya seperti yang disebutkan Belantek tadi kajian punya kajian orang kampung tidak Nampak kesan lagi. Jadi, mintak tolong dalam kes ini RISDA ada segala data lengkap yang mana pekebun kecil yang sedang beroperasi bukan sahaja geran tanah getah tetapi yang sedang lagi beroperasi pekebun dan juga orang-orang yang menoreh kebun kawan-kawan ni sebab depa ni perlu diberi bantuan segera racun ataupun bantuan sewajarnya.



Yang kedua soalan saya adalah, mungkin pendapatan penoreh getah akan juga bekurangan akhir-akhir ini kerana kita melihat kesan positif covid-19 yang telah kena 280,000 di Kedah ini sebahagiannya dari penoreh getah. Rata-rata saya semak balik dengan orang-orang yang positif ini mereka rasa dia semakin kurang 'energy' kesungguhan komitmen ataupun kata mudahnya peratus mala itu meningkat jadi dia mencari alasan untuk kurangkan kerja tidak kira kerja di pejabat ka kebun getah ka menyebabkan pendapat berkurangan mungkin dalam kes ini kerajaan dapat membantu macam bagi beras tadi Jeneri bagi beras tu kepada yang positif dan dia telah ambik vaksin bagi lebih sikit yang positif tak mau ambik vaksin tu kena pi bincang lain di belakang. Mohon dipertimbangkan. Terima kasih.

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Terima kasih Suka Menanti, seperti yang Suka Menanti sebut RISDA telah pun ada data-data tersebut kajian telah di buat oleh LGM seperti yang saya sebut tadi. Saya akan berusaha supaya agensi-agensi yang terlibat ini akan melibat gandakan usaha membantu pekebun-pekebun getah kecil yang terkesan dan yang kedua pendapatan sumber kekurangan memang kalau kena covid-19 ni akan jadi urat malas situ berlebihan saya pun ambil masa 3 bulan untuk pulih ni barulah okay InsyaAllah kita akan bincang dengan kerajaan negeri supaya bantuan-bantuan ini boleh kita salurkan kepada yang memerlukan khususnya yang positive covid sebab kesannya agak lama dan kesan-kesan yang kena covid tu menyebabkan dia 'slow' malas dan sebagainya dan inshaAllah kita akan teruskan. Terima kasih Sukan Menanti.

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat saya ni bukanlah seronok sangat orang duk hormat Dato' Speaker ka apa ka tapi kita ni rakaman ni di tengok oleh seluruh Malaysia. Sabah Sarawak pun tengah tengok kita bersidang. Di Kedah mereka cakap tak gaduh address kat Speaker noh. Jadi, nak mengelakkan dari tomanan macamtua la yang saya dok mintak tu address la sikit.

Silakan nombor 11 oh tak ada. Saya pun tidak dimaklumkan yang tak ada. Dia bukanlah suruh buat surat sekajang tu nak habaq tak hadir, mesej saja noh. Orang lain pun kalaulah tak hadir just mesej saya terima ni kadang-kadang kita panggung eh tak ada. Jadi nombor 12.



YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Terima kasih Dato' Speaker, pecah kaca pecah gelas, mohon jawapan no.12.

**12. YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR
[ADUN BANDAR BAHARU]**

Pohon dinyatakan :-

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri Kedah bercadang bagi meningkatkan pelaburan hijau dan ekonomi hijau?
- b) Apakah langkah yang telah dijayakan di Pulau Langkawi?

YB. DATO' SPEAKER

Silakan wakil kepada Guar Cempedak.

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

YB. Dato Speaker, assalamualaikum wbt ada 2 soalan (a) dan (b). a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri Kedah bercadang bagi meningkatkan pelaburan hijau dan ekonomi hijau? b) Apakah langkah yang telah dijayakan di Pulau Langkawi? Saya faham yang minat orang kepada hijau ini sedang meningkat dan saya berhasratlah untuk menjawab dengan tenang Kerana Negeri melalui Pelan Pembangunan Kedah 2035 (KEDAH2035) merancang untuk membangunkan Negeri Kedah secara holistik dan mampan khususnya melalui Teras 1: Kemakmuran Ekonomi dan Teras 6: Kemampanan Alam Sekitar.

Antara strategi yang digariskan di bawah Teras 1: Kemakmuran Ekonomi adalah untuk menarik masuk pelaburan dalam industri teknologi tinggi, ekonomi digital, penyelidikan & pembangunan (R&D) serta memacu revolusi industri 4.0. Kluster teknologi tinggi, R&D, ekonomi digital dan IR4.0 adalah kluster ekonomi yang bercirikan ekonomi hijau serta mesra alam memandangkan kluster tersebut menggalakkan penggunaan tenaga yang cekap serta penggunaan sumber yang efisien. Bagi menjayakan strategi ini agensi kerajaan negeri seperti BPEN dan Invest Kedah serta agensi di peringkat persekutuan seperti MIDA sedang dalam tindakan mempromosikan kawasan-kawasan pelaburan baharu yang menerapkan dan menyokong pembangunan mesra alam dan bersifat hijau.



Antaranya adalah Projek Impak Tinggi Negeri Kedah yang sedang dalam pelaksanaan seperti Kedah Rubber City (KRC), Kedah Science & Technology Park (KSTP) dan Bukit Kayu Hitam Special Border Economic Zone (BKH SBEZ).

Selain itu, bagi mengukuhkan lagi pelaburan hijau dan ekonomi hijau di dalam industri pelancongan, Kerajaan Negeri sedang dalam tindakan menjayakan satu projek rintis untuk menjadikan Pulau Langkawi yang menjadi produk pelancongan utama negeri bertaraf antarabangsa sebagai sebuah Pulau Rendah Karbon. Tindakan ini adalah bertetapan dengan Pelan KEDAH2035 melalui Teras 6: Kemampanan Alam Sekitar yang menetapkan Pulau Langkawi sebagai Pulau Rendah Karbon menjelang tahun 2035. Antara usaha yang dilakukan pada masa kini oleh Majlis Perbandaran Langkawi Bandar Pelancongan (MPLBP) adalah dengan memastikan pembebasan gas rumah hijau yang rendah serta usaha memastikan alternatif aktiviti bersifat mesra alam didokong.

Untuk masa kini, Kerajaan Negeri menggalakkan penggunaan kenderaan bersifat mesra alam di Pulau Langkawi khususnya kenderaan hybrid dan elektrik. Port Pengecasan Kenderaan Elektrik telah dipasang di beberapa tempat untuk kegunaan awam dan kenderaan MPLBP. Bagi merintis dan mendidik masyarakat setempat kearah penggunaan kenderaan elektrik, MPLBP turut mengambil langkah dengan menggunakan kenderaan elektrik dalam melakukan rondaan di kawasan MPLBP. Pihak MPLBP telah menyediakan kenderaan elektrik kepada beberapa jabatannya iaitu Jabatan Penguatkuasaan, Unit Tempat Letak Kereta dan Jabatan Perlesenan. MPLBP juga telah menggunakan lampu jalan '*smart system*' di Jalan Persiaran Putra ke jeti Kuah.

Melalui Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) dan Kedah Economic Council (KEC), dasar menarik pelaburan bersifat mesra alam ke Pulau Langkawi telahpun diterapkan di dalam prosedur permohonan Kelulusan Dasar bagi permohonan membangunkan tanah kerajaan oleh pihak swasta.

Kini, pelaburan dan cadangan pembangunan yang bakal diluluskan di Pulau Langkawi haruslah selain menepati syarat-syarat teknikal daripada Jabatan Teknikal seperti JPS, JAS, JKR dll mestilah menerapkan elemen mesra alam dan konsep hijau yang bertepatan dengan hasrat kerajaan negeri untuk menjayakan Pulau Langkawi sebagai Pulau Rendah Karbon. Terima kasih Yb. Dato' Speaker.



YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Terima kasih Yb. Dato' Speaker, memang warna hijau memang warna kegemaran tetapi warna biru menjadi pilihan. Negeri Kedah sejak 2015 telah melancarkan 14 agenda hijau Kedah ataupun dengan izin Kedah Green Agenda tetapi selepas bertukar kerajaan tinggal 4 sahaja amalan hijau iaitu tiada straw, tiada polistrene, tiada plastik yang telah dibuat jadi sebab itulah saya suka dengan jawapan kerajaan tadi dan saya mohon apakah statistik secara based line datanya kalau kata Langkawi dah jadi Langkawi Low Carbon Island apa measurementnya dengan izin apakah kayu pengukurnya dicapai oleh kerajaan negeri dan apakah perancangan selepas ini? Berapakah agenda adakah diteruskan 14 agenda yang terdahulu itu di mana selepas kerajaan selepas itu diubah menjadi 4 sahaja dan apakah perancangan selepas ini untuk menjayakan agenda hijau Negeri Kedah ini? Terima kasih.

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Yb. Speaker oleh kerana jawapan ini memerlukan statistik hari ini saya tiada la jawapan itu saya pun pak sanggup nak jawab soalan ini yang patut jawab soalan tu dia sakit kuarantin. Jadi, saya harap Bandar baharu dapat menerima jawapan secara bertulis. Secara umumnya untuk mngkekalkan kehijauan dan konsep hijau ini diterapkan dalam semua aktiviti agensi kerajaan dan swasta di peringkat antarabangsa telah diperkenalkan SDG 'Sustainable Development Gold' yang menggariskan 17 langkah-langkah yang perlu dipatuhi oleh agensi kerajaan dan swasta dan agensi-agensi pembangunan untuk mencapai SDG yang akan menjadi praktis bagi semua kerajaan di dunia bagi kita menghadapi cabaran-cabaran semakin hari semakin mencabar khususnya menghadapi perubahan iklim untuk statistic yang diminta oleh Bandar Baharu tadi saya harap saya dapat membekalkan beliau dengan jawapan bertulis terima kasih Dato' Speaker.

YB. DATO SPEAKER

Silakan Yb. Gurun.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Terima kasih Dato' Speaker, dilihat sekarang ini solar penggunaan solar ini bukan lagi suatu yang aneh di Kedah kita ada investment dan didapati temperature di Kedah ini diantara yang terbaik untuk Solar.



Adakah kerajaan berhasrat untuk memperkenalkan penggunaan solar secara skala besar di Langkawi dan sekaligus bukan sahaja menyelesaikan masalah environment tetapi juga menyelesaikan masalah kos yang ditanggung oleh agensi-agensi khususnya yang melibatkan peruntukan kerajaan, adakah kerajaan mempunyai hasrat itu? Terima Kasih Dato Speaker.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Terima kasih Dato' Speaker, saya nak tanya ialah dato Speaker ialah kita bincang tentang pelaburan hijau ataupun ekonmomi hijau so tadi yang jawapan Jeneri ialah lebih kepada benda besar. Saya nak tanya apakah platform ataupun peluang untuk peniaga-peniaga di Kedah terlibat dalam peluang peniagaan dalam ekonomi hijau ini seperti yang dikatakan oleh Gurun tadi. Adakah peniaga daripada Kedah mereka dapat menyertai?

Soalan kedua ialah setakat ini berapa lampu-lampu jalan di seluruh Negeri Kedah telah pun kita bertukar kepada LED light ataupun solar light yang lebih energy efficiency konsep hijau dan juga bagaimana bangunan-bangunan kerajaan telah pun bertukar kepada sistem yang lebih jimat tenaga. Terima kasih.

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Terima kasih Gurun dan Bakar Arang, untuk Bakar Arang jumlah lampu yang kita telah pun tukar kepada LED untuk kita gunakan green energy itu sedang dalam perancangan pihak kerajaan akan dilaksanakan. Detail jumlah lampu tu saya akan bekalkan nak kena pi kira dulu berapa yang telah ditukar kepada LED kalau dah siap kira nanti saya maklum kat Bakar Arang.

Untuk peluang kepada peniaga-peniaga terlibat dalam industri hijau, Bakar Arang kena lebih spesifik perniagaan business jenis apa depa jual apa terlibat dalam perniagaan jenis apa, perniagaan ini banyak. Jual burger pun berniaga juga.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Maksud saya, kerajaan membekalkan apakah jenis perniagaan, tenaga kerja boleh terlibat dalam ekonomi hijau example ada pembangunan di mana? Dan bukan sahaja peniaga di KL, China boleh terlibat tetapi peniaga ada projek-projek kerajaan kedah yang berkaitan dengan ekonomi hijau.



YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Saya kurang faham dengan soalan nanti tolong bagi spesifik sedikit. Untuk Gurun mintak terima kasih keatas keperihatinan Gurun kepada Kedah memang suatu ketika dikatakan cahaya matahari yang boleh di haverst untuk green energy khususnya melalui solar memang Kedah terbaik tetapi apabila model business solar berubah. Dulu depa buat melalui solar farm maka jual tenaga itu dengan agreement selama 21 tahun kepada TNB dengan harga yang agak menarik dan ROI nya cepat dan pelaburannya juga agak tinggi tetapi apabila model business telah berubah melakukannya melalui tender, bila tender syarikat-syarikat yang masuk tawar harga yang jauh sangat rendah. Apabila dah dapat tender Kementerian KETSA di Kuala Lumpur, mereka balik ke Kedah baru nak mencari tanah bila diukur dengan modal yang terpaksa dikeluarkan untuk membangunkan solar farm dan kos yang terpaksa dibayar untuk penggunaan sewa tanah walaupun kerajaan negeri telah meringankan beban supaya industri ini dapat berjalan iaitu tanah-tanah tidak perlu ditukar kepada industry, cukup dibayar, cukai kerana langgar syarat. Itupun dengan proses bidaan harganya tinggal 24 sen, 22 sen memang ROI pulangan pelaburan itu dan menyukarkan para pelabur, banyak sekali kebenaran-kebenaran kelulusan yang diberikan oleh kerajaan khususnya tanah PKNK di Sungai Petani, kita pernah melalui PKNK meluluskan permohonan 300 hektar untuk solar farm tetapi apabila pelabur memerlukan proses dengan syarat-syarat yang ditentukan oleh PBT, cukai tanah yang perlu diabayar walaupun bukan cukai indsutri dengan jumlah pelaburan yang perlu untuk dibangunkan solar farm akhirnya mereka mengundurkan diri. Demikian juga di Bukit Kayu Hitam, ada syarikat memohon 1000 ekar tanah untuk dibangunkan solar farm tetapi oleh kerana bidaan yang dibuat itu terlalu rendah kerana berlaku pesaingan maka projek itu pun tertangguh sampai ke hari ini. Kemudian, oleh kerana model juga berubah sekarang ini TNB tidak membeli secara langsung tetapi pelabur mesti mengadakan perjanjian jual beli dengan syarikat yang lain, yang nak beli tenaga itu tetapi dia punya 'transmission power' itu melalui gred TNB dan greed itu mesti perlu dibayar. Jadi, walaupun syarikat itu mendapat persetujuan ada pembeli di Kuala Lumpur dan kos untuk lalu sistem ataupun greed Tnb ini adalah kosnya 10sen beberapa sen yang ditentukan TNB mensyaratkan untuk lalu di greed itu mesti di stabilkan dahulu oleh kerana solar ini ada fluctuate, kadang-kadang matahari panas solar dia banyak hari redup dia turun jadi power dia bekurangan dan tidak stabil.

Untuk menstabilkan elektrik melalui greed TNB itu kena buat bateri, bateri itu pula memerlukan size tanah transmission line TNB, ia memerlukan 500 ekar tanah untuk buat bateri, untuk menstabilkan. Dia macam absorber kereta supaya dia tidak melambung-lambung, dia kena da absorber supaya power itu stable.



Jadi, dia terpaksa cari lagi tanah kita da tanah yang begitu terhad juga kerana tanah itu akan bertemu dengan rancangan kita untuk membangunkan Kedah Sains Technology Park. Jadi dia sedang mencari alternatif lain untuk menyediakan stabilizer untuk power yang dihasilkan di solar farm mereka itu. Saya rasa ini cabaran-cabaran yang kita kena hadapi oleh pemain-pemain industri green energy di Kedah dan di seluruh Negara dan kita harapkan dengan kemajuan teknologi yang sedang membangun di seluruh dunia terutamanya di Kedah telah menjadi hub pengeluar besar solar terbesar dunia dan akan membantu kita dalam membangun green energy di Negara kita. Terima kasih Gurun dan YB. Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Urusan seterusnya Setiausaha!

SETIAUSAHA DEWAN

Sambungan Usul Ucapan Menjunjung Kasih Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah.

II. SAMBUNGAN USUL UCAPAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH.

YB. DATO' SPEAKER

Kelmarin kita terhutang dengan YB. Bakar Arang, 5 minit ka 10 tak tau? Hutang 5 minit tapi bunga 5 minit jadi 10 minit.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Ok, terima kasih YB. Dato' Speaker. Salam sejahatera kepada semua rakan-rakan dalam Sidang Dewan. Ya, dua kali berturut-turut dalam Sidang DUN saya diberi peluang untuk berbahas 2 hari, mungkin YB. Dato' Speaker boleh masuk dalam rekod Sidang DUN, sejarah lah, ialah satu perbahasan dipecahkan 2 hari. Saya menyambung kepada perbahasan saya semalam, setiap kali ada Sidang DUN sebenarnya saya juga melibaturuskan penduduk dan pengundi saya dengan bertanya apakah masalah mereka yang ingin saya bawakan ke dalam Sidang DUN, dalam facebook juga kita menerima 'feedback-feedback' dan antara 'feedback-feedback' yang paling banyak dalam komen-komen ialah berkenaan dengan air lah, semalam saya sudah bangkitkan



dan pagi tadi juga kita bangkitkan. Ini harap kerajaan memberi perhatian yang serius sebab tidak ada air ini satu keperluan yang sangat-sangat asas sampai mereka kena sambung paip dari depan sampi ke belakang untuk simpan air, tidak ada air khususnya mereka yang ada bayi, dalam rumah, ini sangat susah kepada mereka, tambahan lagi mereka kadangkala bekerja. Waktu tengah malam, awal pagi kena bangun buka air untuk simpan dalam tong baru boleh ada air untuk guna, jadi saya harap ini perlu diberi perhatian.

Isu kedua ialah...(YB. Derga minta laluan)

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Dato' Speaker, boleh? Tumpang sat isu air ni.

YB. DATO' SPEAKER

Ya!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Tadi ada nak mintak soalan tambahan tapi tak sempat. Saya rasa apa yang berlaku di Bakar Arang tu sama juga di Alor Setar. Dalam beberapa bulan ni memang masalah bekalan air tu selalu terganggu, jiran saya mengadu, isteri saya mengadu, kawasan-kawasan DUN Derga lagi banyaklah sebab mungkin banyak taman lama, taman tua-tua, paip pun tua lah, kena bypass kut, semua tersumbat. Sebelum Sidang kali ini saya maklumkan kepada YB. Exco dan aduan dibuat kepada SADA tapi pegawai SADA kata yang ni mereka tiada bajet seperti jawapan tadi dari YB. Sungai Tiang dan minta penduduk buat sendiri paip yang di luar meter yang tersumbat dan list kontraktor itu kena dapatkan daripada list kontraktor SADA, beribu terlibat. Tapi masalahnya semua paip itu tersumbat, nak buat macam mana, pasang pam pun tak keluar air. Contohnya di Taman Nakisyah, Taman Datuk Kumbang dan baru-baru ini Taman Derga Jaya. Ini mungkin berlaku juga lah di Bakar Arang, saya difahamkan Taman Intan pun berlaku sebab itu taman lama. Jadi mohon YB. Bakar Arang boleh tak minta YB. Dato' Speaker masukkan dalam perbahasan supaya pihak SADA ataupun pihak berkaitan kelaurkan bajet untuk pertukaran paip ini kena buat 'bypass', tak buat 'bypass' matilah. Satu lagi, tangki air pun rosak, tangki air yang tak terurus, rosak, pump rosak, yang tu pun salah satu yang dikatakan tak dak bajet. YB. Bakar Arang bersetujukah masalah ini sama sahaja walau di mana.



YB. ENCIK OOI TZE MIN

Terima kasih masuk dalam ucapan tetapi masa saya tolong 'adjust' balik (sambil ketawa). Seterusnya saya nak bangkitkan berkenaan dengan isu 'congest' telekomunikasi lah, jalur telekomunikasi. Dalam titah ucapan pun ada sebut dan saya nak katakan bukan saja di luar bandar 'panitration' itu perlu ditambah baik tapi dalam bandar juga kita mengalami masalah komunikasi yang semalam saya cakap bukan sahaja internet tetapi sampai basic internet punya line yang sangat basic iaitu telefon punya line pun sangat-sangat lemah macam saya kata semalam di rumah saya sampai tidak ada 'coverage', dulu ada dan dalam satu tahun ini menjadi tidak ada.

Saya rasa kerajaan juga patut mengkaji adakah selepas pandemik ini lebih ramai anak-anak Kedah yang mungkin tinggal di Kuala Lumpur atau di tempat lain telah pun dan mungkin telah hilang kerja di sana dan balik ke Kedah untuk menetap di Kedah dan menjadikan populasi kita di tempat ini semakin bertambah sehingga line komunikasi juga menjadi 'congested' sebab kalau 'congested' saya rasa SKMM patut mengarahkan telco-telco ini untuk menambah baik, tambah telco tower ka sebab hidup sekarang ini sangat bergantung kepada telekomunikasi maka tidak boleh tunggu lama sangat lah.

Seterusnya satu isu lagi ialah saya rasa kuatir mungkin juga berkaitan dengan populasi kita adakah bertambah ataupun efisiensi. Satu lagi isu yang berlaku serius di Sungai Petani ialah traffic jam, kesesakan jalan raya di banyak tempat selepas PKP, semasa PKP tak dak masalah, tak dak traffic jam kerana kereta tak dak, tetapi selepas pembukaan semula, tidak ada PKP dan sekarang di mana-mana saja, bukan saja hari kerja, hari minggu lagi traffic jam di kawasan Amanjaya Mall dan kalau hari kerja, hari sekolah di banyak tempat, di Lencongan Timur Bandar Puteri Jaya ke Sejati, di Taman Kempas dari Pinang Tunggal nak ke Taman Kempas nak pergi ke Lencongan Timur dan banyak tempat lagi lah di sekitar Bandar Sungai Petani mengalami kesesakan jalan yang sangat-sangat teruk di mana tempat yang hanya 5 minit boleh sampai sekarang perlukan 30 minit baru sampai.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Dato' Speaker, minta pencelahan. Adakah YB. Bakar Arang bersetuju dengan saya di mana sekarang kesesakan lalu lintas disebabkan pemilikan kenderaan persendirian yang tidak terkawal dan kemudiannya pengangkutan awam yang tidak baik? Terima kasih.



YB. DATO' SPEAKER

Lain kali kalau nak celah tu buat soalan 'simple-simple' macam tu lah padat, kalau duk ambik masa orang lama-lama orang marah jugak.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Betu! Betul! 'Good example, short and nice'. Saya rasa itu salah satu sebab tetapi saya rasa mungkin yang lagi simple kadang kala ialah 'timing' traffic light sahaja, banyak kereta yang panjang bagilah hijau lama sikit, ini sat saja sudah merah orang dah nak stop dan mula panjang.

Saya rasa itu perlu segera dikaji dan segera di'tuning' balik supaya lebih cepat tapi yang lain mungkin nak lebarkan jalan yang tu ambil masa tetapi untuk traffic light ataupun ada 'smart system' bila kereta banyak boleh bagi lampu hijau lama sikit dan saya rasa boleh selesai banyak masalah. Saya rasa saya tak dak masa yang banyak kecuali YB. Dato' Speaker nak bagi masa 'extent'....,,(YB. Sungai Limau mencelah)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Dato' Speaker, kita setuju "hijau" tu bagi lama sampai PRU 15 ni, InsyaAllah!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Tak dengar, sorry. Tak pa saya teruskan, itu satu bab kesesakan jalan. Saya harap kerajaan boleh mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah kehidupan rakyat biasa.

Seterusnya isu alam sekitar, masih lagi kita terima banyak aduan tentang pembakaran terbuka jerebu, bau kebakaran di sekitar Sungai Petani. Saya nak tanya kerajaan berapa kekerapan untuk menjalankan tindakan penguatkuasaan ataupun berapa kompaun yang telah pun dikeluarkan atas pembakaran terbuka pada tahun 2021(tahun lepas) dan juga tahun ini untuk 3 bulan yang pertama. Adakah apa-apa tangkapan yang dibuat untuk mereka yang membuat pembakaran terbuka ataupun kompaun yang dikenakan kepada mereka.

Juga seterusnya nak 'follow up' juga isu kilang-kilang haram, kilang-kilang tidak berlesen yang berkaitan dengan kitar semula. Kita tau ada satu kilang yang tidak berlesen di Kedah Halal Park di Taman Ria Jaya mungkin 300 ke 500 meter sahaja dari



rumah YB. Sidam yang dulunya telah dibuat penguatkuasaan dan nak tutup tetapi sehingga hari ini selepas beberapa tahun masih lagi beroperasi, masih lagi banyak sisa-sisa plastik berada dalam kilang itu walaupun kilang itu tidak ada signboard, macam sudah tutup tetapi di dalamnya banyak lagi bekalan material sisa pepejal dan masih berjalan. Saya rasa kerajaan perlu memberi satu jawapan apakah status yang dikatakan nak pindah ke Bukit Selambau dan apakah status kilang-kilang yang berada di Sungai Petani yang dikatakan nak tutup dan nak pindah.

Seterusnya yang akhir sekali juga alam sekitar di mana dalam titah ucapan Tuanku Sultan juga mengatakan perlindungan terhadap kawasan hutan dan juga kita degar sebelah sana (kerajaan) juga kata banyak polisi-polisi, kalau boleh jangan ada polisi 'scrape off', ada kesinambungan.

Saya nak tanya, semasa zaman Pakatan Harapan kita telah berusaha untuk nak mengadakan pindaan ataupun akta baru untuk Akta Perlindungan Hutan ataupun Akta Taman Negeri khususnya untuk Hutan Simpan Ulu Muda, semasa itu kita bekerjasama dengan UMDP untuk draf satu akta baru supaya kita boleh dalam penggal ini juga kita boleh luluskan satu akta untuk perlindungan kawasan hutan ini. Tapi, sehingga sekarang sudah hampir 2 tahun kita sudah pun tukar pemerintahan kita tidak dengar apa-apa perkembangan terbaru untuk Akta Taman Negeri Ulu Muda ataupun Akta Perlindungan Hutan ini. Saya minta nanti dalam penggulangan ada satu 'update' kepada kita supaya kita boleh sama-sama lindungi khazanah hutan di Negeri Kedah.

Saya rasa lebih kurang itu sahaja sebab bila kita punya penduduk bagi 'feedback' kita kena sampaikanlah. Yang akhirnya ialah ada aduan bahawa banyak jalan raya di Kedah ini iaitu line putih sudah pudar, mintaklah bagi cat semula. Walaupun saya rasa ini isu yang bukan besar tetapi apabila orang mintak saya sampaikan dalam Sidang DUN saya tetap perlu melaksanakan tugas saya maka harap kerajaan boleh jaga keselamatan pengguna jalan raya kita, mana lubang-lubang jalan tampal dan turap dengan lebih segera. Itu saja ucapan perbahasan saya, saya menyokong titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih. YB. Bayu!



YB. TUAN HAJI ABD. NASIR BIN IDRIS

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera, dan selamat pagi. Alhamdulillah Robbil 'Alamin, Wassola Tuwassala Mu'ala Asyrofil Anbiya Iwal Mursalin Wa'ala Alihi Wasohbihi Ajma'in.

YB. Dato' Speaker, YAB. ADUN Jeneri, teman-teman ADUN, ketua-ketua jabatan dan saudara saudari yang sedang mengikuti Persidangan kita pada hari ini sama ada secara fizikal mahupun atas talian. Mudah-mudahan kita semua diberkati Allah s.w.t. YB. Dato' Speaker, terima kasih kerana diberikan peluang untuk sama-sama membahaskan titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dalam Istiadat Pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman, Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Ke-14 pada hari Ahad yang lalu.

YB. Dato' Speaker, saya meneliti, menghayati titah ucapan Tuanku ianya sarat dengan pengharapan dan nasihat kepada kita bersama sebagai panduan untuk kita sama-sama melaksanakan dan memikul amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kita untuk sama-sama membangunkan Negeri Kedah di atas tapak demokrasi bermusyawarah. Mudah-mudahan berkat bermusyawarah ini mampu menjadikan Kedah sebuah negeri sejahtera dan nikmat kesejahteraan ini dapat kita kongsi, dapat kita manfaatkan kepada seluruh rakyat Negeri Kedah khususnya dan Malaysia amnya.

YB. Dato' Speaker, usia tempoh kerajaan yang ada pada hari ini di bawah pimpinan YAB. Dato' Seri Menteri Besar, ADUN Jeneri masih muda, masih baru, sekitar usia 1 tahun 10 bulan 6 hari, maknanya masih bayi. Tetapi jika dinilai, diukur, pencapaian prestasi, kejayaan-kejayaan yang ditunjukkan adalah sangat membanggakan kita semua. Hasil negeri meningkat sehingga RM688.04 juta pada tahun 2021. Ia melepasi unjuran yang telah dibuat sebelum ini. Semua ini merupakan hasil komitmen, ketegasan, kecekapan, ketelusan dan proaktif semua pihak Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ADUN-ADUN, juga Pegawai-pegawai Tadbir KCS di semua peringkat sama ada di peringkat negeri mahupun di peringkat daerah yang bekerja bersungguh-sungguh tanpa mengira masa dan waktu, tanpa mengira siang dan malam. Tahniah diucapkan. YB. Dato' Speaker, tidak dapat dinafikan kestabilan politik adalah rumus kepada kemajuan dan kemakmuran sesebuah negara ataupun negeri. Justeru, kita sangat mengharapkan kestabilan yang ada pada hari ini dapat dikekalkan sehingga tamat tempoh pada Julai 2023. Masa yang masih berbaki setahun lebih ini dapatlah kita sama-sama menyelesaikan, melaksanakan agenda rakyat yang masih belum selesai ada di man-mana di sekeliling kita yang perlu kita berikan perhatian, perlu kita berikan pembelaan.



YB. Dato' Speaker, kita masih bergelut berkaitan dengan infrastruktur seperti jalan-jalan kampung, perparitan, titi, jambatan, jalan putus, banyak lagi kemudahan-kemudahan infrastruktur yang belum dapat kita selesaikan. Di sana masih ada rumah-rumah rakyat yang terlalu uzur, yang perlu kita lihat, perlu kita perbaiki. Kerosakan infrastrur akibat bencana masih belum dapat kita pulihkan sepenuhnya.

Masalah bekalan air masih belum dapat kita selesaikan, kita belum lagi dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang kita sebut dalam pelaburan kita belum jelas, peluang-peluang pekerjaan untuk kita berikan kepada rakyat dan program-program yang boleh kita laksana dan kita rancang dalam tempoh ini ke arah untuk kita nak memakmurkan, mensejahterakan kehidupan rakyat Negeri Kedah. Alhamdulillah, berteras kerajaan yang stabil ini, ianya telah mampu membina iklim pelaburan yang kondusif, yang mampu menarik pelabur-pelabur luar dari seluruh dunia dalam usaha untuk memajukan negara kita, negeri kita bagi merancakkan putaran ekonomi di negeri kita.

YB. Dato' Speaker, pelaburan sebanyak ini sudah pasti membuka peluang-peluang pekerjaan untuk rakyat dan InsyaAllah ia dapat memberikan pulangan hasil kepada kerajaan negeri melalui cukai-cukai yang kita kenakan, yang kita kutip. Semua kejayaan-kejayaan ini adalah atas kebijaksanaan, atas kecekapan memimpin dan mengurus negeri yang mengamalkan tadbir urus yang cekap, transparens, berintegriti, tiada karenah birokrasi, dasar kerajaan negeri memperkenalkan e-Tend, permit pembinaan ekspres sesuatu yang baik yang boleh merancakkan, yang boleh menyegerakan sesuatu projek yang kita rancangkan.

YB. Dato' Speaker, dalam mengisi kemajuan ini, penyediaan sumber manusia, tenaga pakar, tenaga mahir, separuh mahir, adalah sangat penting dan sangat perlu bagi mengisi permintaan tenaga kerja. Di samping itu, ia menjadi keperluan kepada institusi-institusi tertentu di universiti umpamanya, sekolah-sekolah vokasional, pusat-pusat latihan perindustrian seumpamanya bagi merancang untuk memenuhi permintaan tenaga kerja yang bakal tercipta untuk diisi, untuk sama-sama kita bangunkan Kerajaan Negeri Kedah yang kita kasihi.

Alhamdulillah, seperti yang dimaklumkan, sehingga September 2021, 11,030 pekerjaan baru berjaya diwujudkan melalui 7 projek melibatkan kawasan perindustrian yang baru-baru ini diluluskan oleh kerajaan negeri. YB. Dato' Speaker, seperti yang diunjurkan, pelaburan besar di Kulim Industry Corridor, Kedah Rubber City, Sidam Logistics Aerospace and Manufacturing hub (SLAM), Kedah Sciens and Technology Park (KSTP) dan Pusat Ekonomi dan Komuniti Bersepadu (iCON) mampu menjana



peluang pekerjaan hampir 1 suku juta, 214,185 tenaga kerja, InsyaAllah. InsyaAllah ia mampu direalisasikan, InsyaAllah ia mampu dijayakan sekiranya kerajaan di bawah pimpinan YAB. ADUN Jeneri yang ada pada hari ini kita beri mandat dan kita beri kepercayaan pada PRU Ke-15, InsyaAllah.

YB. Dato' Speaker, perancangan terbaik, tersusun dengan limpahan rahmat dan manfaat yang diperolehi oleh rakyat Kedah seharusnya diseimbangkan tidak hanya tertumpu di kawasan-kawasan tertentu sahaja, konsep "Kedah Serata-rata" yang kita lafazkan janji kita dalam lagu negeri kita. Diharapkan tiada kawasan di dalam negeri ini, tiada rakyat dalam negeri ini terpinggir, tidak diberikan peluang untuk menikmati kemakmuran, kejayaan yang kita sedang usahakan, sedang kita laksanakan. YB. Dato' Speaker, saya tak nampak jam, sebab tu saya duk jenguk ke situ. Tolong peringat saya, nak tengok jam kena sengetkan sikit badan saya.

YB. Dato' Speaker, dalam titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, sektor pelancongan menjadi muram dek Pandemik Covid-19. Ianya perlu dipulihkan segera, usaha memajukan perlu segera dilaksanakan. Saya mengharapkan agensi-agensi yang berkaitan seperti Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya, Tourism Malaysia, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Kedah Tourism, perlu membantu pemain-pemain industri pelancongan ataupun penggiat-penggiat industri pelancongan untuk memajukan produk mereka melalui pemberian geran, pinjaman mudah dan apa yang sepatutnya boleh kita bantu pengusaha-pengusaha industri pelancongan di sana.

Kebetulan DUN Bayu beridentitikan ekopelancongan dalam Pelan Pembangunan Kedah 2035 dan kelebihan DUN Bayu yang Allah kurniakan seperti gunung ganang yang tersergam indah, gua-gua cantik dan menarik, keindahan dan kedamaian alam semulajadi di sepanjang jajaran sungai-sungai, flora dan fauna, air terjun yang indah dan semua ini InsyaAllah mampu menggamit pelancong-pelancong daripada luar. Dan hutan-hutan yang luas berpotensi untuk dijadikan produk pelancongan melalui aktiviti-aktiviti riadah, rekreasi, perkhemahan, penyelidikan dan seumpamanya dan ianya menepati hasrat usaha kita untuk pemeliharaan alam, mengekalkan kelestarian alam seperti yang digariskan dalam Teras 6, Kemampanan Alam Sekitar dalam Pelan Pembangunan Kedah 2035.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Bayu, ada 5 minit lagi!



YB. TUAN HAJI ABD. NASIR BIN IDRIS

Ada 5 minit lagi? YB. Dato' Speaker, di Bayu juga terdapat tempat-tempat yang menarik dan juga mempunyai nilai sejarah yang boleh kita berikan perhatian umpamanya Terowong Komunis di Weng. Nampaknya Terowong Komunis sekarang ini, memang wujud tapi tidak dapat dibangunkan, salah perancangan di mana-mana pihak wallahua'alam. Tapi hakikatnya sudah ada peruntukan sebelum ini untuk majukan Terowong Komunis, tapi nampaknya barangkali tidak cukup peruntukan atau salah di mana jadi kedudukan Gua Komunis tadi masih perlu diberikan perhatian, perlu dibangunkan semula.

Begitu juga Pusat Perundingan Baling yang terletak di Sekolah Kebangsaan Tunku Putera yang semuanya menceritakan sejarah perjuangan Komunis di negara kita, Tanah Melayu untuk satu tempoh pada tahun 1944, 1940-an dulu. Tempat-tempat ini boleh dimajukan sebagai salah satu tarikan pelancongan sama ada pelancongan luar ataupun domestik.

Di kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB. ADUN Jeneri atas kunjungan ke Daerah Baling pada 27 Februari yang lalu bagi merasmikan Majlis Pelancaran Buku Liku-liku Pertemuan Baling yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan kita merasakan bahawa ianya merupakan titik mula, permulaan kita ke arah untuk kita merealisasikan cita-cita kita untuk meletakkan tempat Pertemuan Baling itu sebagai suatu tempat yang boleh kita lawati.

YB. Dato' Speaker, kalau kita merujuk kepada titah Tuanku pada muka surat 4, para yang ke 4, saya petik ya, "gangguan manusia secara keterlaluan terhadap sifat-sifat semulajadi alam serta aktiviti manusia yang menggunakan sumber alam untuk kepentingan perniagaan secara rakus menyebabkan dunia pada hari ini menghadapi pelbagai bencana yang kian meningkat. Perlindungan dan kelestarian alam sekitar mestilah diutamakan bagi menjaga ekosistem untuk pelbagai spesis dan fauna". Kesempatan ini saya ingin mengingatkan semua pihak supaya sama-sama kita memelihara kelestarian alam, projek-projek tertentu seperti kuari umpamanya, penebangan hutan yang tidak terkawal walaupun kerajaan hari ini belum meluluskan walau sebatang pokok satu hektar tanah untuk penebangan balak tetapi penebangan hutan terpaksa dilakukan untuk memenuhi apa yang telah diluluskan sebelum ini. Jadi, kita minta pengawalan penebangan harus diberikan perhatian, boleh memberikan musibah kepada rakyat di kawasan berdekatan.



Kejadian banjir yang teruk pada bulan September 2021 baru-baru ini amat-amat memeritkan kita. Sejumlah 136 infrastruktur seperti jalan, jambatan rosak dan runtuh, tebing sungai yang runtuh, rumah rakyat yang rosak dan ianya memberikan impak yang besar untuk pemulihan seperti yang disenaraikan daripada 136 infra yang rosak ini kita memerlukan hampir lebih RM21 juta untuk kita proses pembaikan.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Bayu, masa sebenar sudah tamat. Bolehlah 'landing' pulak!

YB. TUAN HAJI ABD. NASIR BIN IDRIS

Ha, 'landing'. Begitu juga dengan 1,500 keluarga Daerah Baling yang terjejas teruk dengan banjir baru-baru ini. Saya menyokong penuh usaha kerajaan negeri yang diumumkan oleh YAB. Menteri Besar untuk mengawal lesen-lesen perjudian dan menghadkan penjualan arak di negeri ini. Saya merasakan semua kita dalam Dewan ini bersetuju bahawa penjualan arak merupakan impak yang tidak baik kepada pengamalnya. Kes-kes penjeriaan, pergaduhan dan keruntuhan institusi keluarga dan masyarakat akibat perjudian dan arak. Ianya merosakkan kita semua.

YB. Dato' Speaker, di akhir perbahasan saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak kerajaan yang sentiasa prihatin dengan masalah-masalah rakyat di bawah dan memberikan perhatian khusus kepada golongan miskin. Program membantu golongan miskin diteruskan pada tahun 2022 dengan ada sikit penambahan. Program seperti Anakku Sejahtera, pinjaman dan bantuan kepada peniaga-peniaga kecil, bantuan pembaikan pembinaan rumah asnaf, bantuan IPT dan sebagainya telah memberi manfaat kepada rakyat Negeri Kedah.

Saya juga melahirkan penghargaan kepada 'frontliners' kita dan pelbagai agensi yang memberikan komitmen kerajaan membantu mengekang penularan Covid-19. Juga kepada seluruh rakyat yang sentiasa bersama-sama berjuang untuk mengekang penularan Covid-19 dengan sama-sama kita mematuhi SOP yang ditetapkan oleh kementerian. Mudah-mudahan usaha kita ini Allah berkati. Akhirnya YB. Dato' Speaker,

*Bayu hijau nan indah,
Ayuh sama-sama kita berkunjung,
Kata sudah, bahas pun sudah,
Titah Tuanku saya menyokong.*

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



YB. DATO' SPEAKER

Walaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Bayu.

Sekarang saya menjemput YB. Kota Siputeh! Oh! YB. Derga belum bercakap lagi? Silakan YB. Derga.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Semalam tak sempat berucap.

YB. Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, hadirin dan hadirat sekalian. Pertamanya izinkan saya menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di atas titah Perasmian sempena Pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri Bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Ke-14. Terima kasih juga kepada YB. Dato' Speaker atas peluang diberikan kepada saya untuk turut berbahas titah Tuanku dalam Sidang Dewan ini.

Tema untuk perbahasan saya ialah "Keluarga Malaysia Sihat, Rakyat Kedah Sejahtera", itu satu agenda rakyat atau satu cerita politik? Tema ini merupakan tajuk utama antaranya ialah satu ancaman Covid-19 dan ancaman endemik. Apa yang YB. Bayu cakap tadi memang kerajaan baru ini baru setahun lebih mungkin bayi lagi dan perlukan masa. Saya percaya sekiranya Kerajaan Pakatan Harapan (PH) diteruskan di Negeri Kedah kita akan mencapai pencapaian yang lebih baik. Kita tengok balik tahun 2019 sebenarnya hasil kutipan sebenar oleh Kerajaan PH adalah RM778.26 juta iaitu melebihi anggran hasil. Ini sebenarnya lebih baik daripada apa yang dikutip pada tahun 2021. Tapi apa-apa pun saya ucapkan tahniahlah di atas hasil kutipan yang tinggi dan hasil kutipan yang tinggi patut digunakan sebaiknya untuk kesejahteraan rakyat. Pada awal tahun 2020, tanpa disedari wabak Covid-19 telah memasuki Malaysia. Pada masa yang sama juga pintu belakang Kerajaan PH telah dipecah dan berlakunya peristiwa "Langkah Sheraton".

Ini merupakan tirai tragedi kepada rakyat Malaysia akibat daripada pergolakan politik yang tidak stabil sehingga membawa kepada krisis kesihatan, masalah ekonomi dan juga sosial di negara ini. Pertukaran pimpinan politik kerajaan dan gabungan kerajaan rojak yang tidak sehaluan bagi agenda rakyat dan negara telah menyebabkan tidak tentu haluan pembangunan negara dan ternyata kerajaan gagal untuk menangani masalah Covid-19 yang telah membawa banyak malang kepada rakyat Malaysia.



Ada di kalangan mereka yang kehilangan pekerjaan, ada yang kehilangan sumber pendapatan harian, ada juga yang kehilangan insan yang tersayang. Jadi, ada yang telah menjadi anak yatim, anak yatim piatu, ada juga ibu bapa tua yang kehilangan tempat bergantung sebab anaknya telah meninggal, kehilangan pasangan suami atau isteri akibat Covid-19. Saya pohon tanya kepada pihak kerajaan, adakah kerajaan ada maklumat berkaitan supaya kita mulakan inisiatif yang bersesuaian untuk membantu rakyat yang memang terkesan dengan Covid-19 ini dan kita bolehlah gunakan duit hasil kutipan yang tinggi ini untuk mereka.

YB. Dato' Speaker, kalau mengikut jawapan kepada soalan bertulis soalan nombor 59, muka surat 205, untuk maklumat, jumlah kematian individu yang berumur dari 40 hingga 45 tahun adalah 749 orang pada tahun 2019, 739 orang pada tahun 2020, tapi pada tahun 2021 meningkat 1,074 orang iaitu lebih kurang 29.38% berbanding dengan tahun-tahun sebelum lebih kurang 16% atau 17%. Jadi, antara penyebab yang diberikan oleh jabatan tersebut, ini soalan daripada YB. Pengkalan Kundor, adalah 'diseases of despiroidiaris system Covid-19' yang ini penyakit tersebut (dengan izin). Kita nampak memang Covid ini membawa kesan dan peningkatan umur 40 hingga 45 biasanya adalah ketua isi rumah yang ada ibu bapa yang jaga anak, sekarang mereka sudah meninggal siapa yang akan membantu keluarga mereka. Jadi, saya pohon tanya kerajaan sekiranya krisis ini bertambah, apakah yang kerajaan akan buat dan adakah tindakan proaktif ataupun inisiatif kerajaan untuk mereka yang kurang bernasib baik ini, yang kurang sejahtera ini.

Sebenarnya rakyat sudah hidup merana selama 2 tahun dengan tekanan jiwa dan tekanan mental dan sebagainya, menaikkan bendera putih atau tidak, kita jaga kita, keperitan hidup ini dan memori hitam memang tidak dapat dilupai tetapi kehidupan kita masih perlu diteruskan YB. Dato' Speaker, susah, kaya pun perlu diteruskan. Tapi, saya nampak kerajaan ini gagal dan ketandusan idea. Jadi, saya pohon supaya kita ada hasil kutipan yang tinggi RM688.04 juta ini tolonglah, pohon keluarkan sikit untuk bantu rakyat-rakyat yang terkesan.

YB. Dato' Speaker, kes yang kedua ini kes BID. Kes BID di Kedah membimbangkan. Yang ni 'headline' dalam Akhbar Free Malaysia Today. Apa itu BID? Brought In Death, maksud secara hafiahnya ialah bila dibawa ke hospital dan sebelum sampai ke hospital sudah meninggal, jadi kesan tu tak tau. Dalam liputan tersebut, kenyataan Exco berkaitan mengatakan bahawa 82% daripada jumlah BID ni kerana tiada dos penggalak. Jadi, bila kita rujuk balik, setakat CovidNow punya portal 20 haribulan Mac 2022 peratusan yang menerima dos penggalak hanya 32.3% dengan 708,000 orang sahaja di Kedah yang terima dos.



Di sini saya minta YAB. Jeneri ambil tindakan tegas untuk membantu dan menggesa orang ramai menerima suntikan dos penggalak ini demi menyahut titah Tuanku, Agenda Nasional Malaysia Sihat. Janganlah pula sekali-sekali pergi hutan berjoli beriadah di hutan ataupun menangkap puyu sebagai hobi YAB. Jeneri. Sekali lagi saya cadangkan YB. Dato' Speaker supaya jentera kerajaan negeri ini, semua pemimpin masyarakat seperti dalam Agenda Nasional Malaysia Sihat ini ketua-ketua kampung, tok imam kita, ketua-ketua NGO dan sebagainya bersama-sama merealisasikan niat sebenar agenda Malaysia sihat ini supaya kita boleh pastikan rakyat kita betul-betul sihat dan sejahtera.

YB. Dato' Speaker, topik yang ketiga kemudahan asas yang tidak sejahterakan rakyat. Tadi sudah banyak kita berhujah tentang tekanan air, saya nak ambil sikit masa YB. Sungai Tiang, paip yang saya hantar gambar tu sebenarnya berlaku di banyak taman, Taman Datuk Kumbang, Taman Nakisyah dan Taman Derga Jaya, semua banyak berlaku yang itu, bukan satu rumah sahaja. Tapi jawapan yang kita terima dari SADA memang isu itu. Jika boleh adakan satu rancangan jangka pendek atau 'immediate plan' untuk bantu tukar paip tersebut dan apa yang dijawab tadi bahawa tukar paip contoh Taman Tiong dan Taman PKNK, bila paip salur ke Taman Tiong, Taman PKNK tak dak air, seolah-olah catuan yang berlaku. Memang SADA nak usaha selesaikan masalah ini tapi ia soal catuan. Yang ni boleh tak kerajaan ambil tindakan yang lebih baik untuk pastikan air itu boleh dibekalkan dengan 'more stable' lah. Kadang-kadang malam ada air, siang, petang memang tak ada air di Taman Tiong. Saya rasa rakyat pun merujuk kepada YB. Sungai Tiang. Di satu rumah di Lorong Sharif, 5 tahun tak dak air masuk rumah, tekanan tendah. Permohonan masih tak dak jawapan, terpaksa guna air rumah jiran, ia banyak menyusahkan. Kita tau air ni kegunaan seharian juga untuk beribadat pun kita perlukan air dan sebagainya. YB. Dato' Speaker, pohonlah air ni tak tau, Langkawi mungkin banyak air tapi kita memang ada masalah. Banyak tamanlah, Taman Nuri, Taman Derga Jaya, Taman Setia Jaya, Taman Nakisyah, Taman Datuk Kumbang, Taman Intan dan sebagainya.

Yang kedua isu lampu. Banyak kali kita minta sehingga Penyelaras DUN pun minta dan saya bagitau pihak TNB, tiang lampu di Jalan Langgar, Batu 1 selalu rosak dan gelap. Beberapa persimpangan di Lorong Keriang, Taman PKNK, Kompleks Alor Malai pun perlukan tiang lampu supaya ceriakan tempat itu dan bagilah rasa selamat di tempat tersebut. Saya nampak ada jawapan tentang soalan pusat digital ekonomi keluarga Malaysia. Di Derga kita tak dak maka saya nak pohonlah jika boleh tengok apa yang boleh dibuat supaya bagilah rakyat sejahtera di Derga juga bukan hanya sejahtera di Jeneri sahaja.



Yang keempat, kegagalan pengurusan kelestarian persekitaran. Yang ini saya ingat Tuanku sudah bertitah bukan saja pada kali ini, sebelum ni dalam Sidang DUN pun pernah bertitah. Bila kita turun ke kawasan Derga, kawasan Alor Setar, kita nampak di tepi Jalan Datuk Kumbar, Jalan Teluk Wanjah, Jalan Langgar dan juga dalam padang-padang banyak rumput tumbuh melata dan tidak dipotong. Pokok-pokok ada yang sudah kering dan luruh juga tidak dipangkas dan ditebang sehingga ada kes di mana insiden berlaku pokok tumbang rosakkan kereta dan rosakkan bumbung rumah. Jadi, saya minta pihak kerajaan atau PBT, Majlis Bandaraya Alor Setar supaya bergerak untuk pastikan masalah ini ataupun penyelesaian kawasan ini dipercepatkan. Selain itu berkenaan dengan jalan. Ada jalan memang turapan baru dibuat tapi bila siap turapan saja jalan sudah ditakungi air bila hujan.

Jadi, saya tidak tahu piawaian jalan ini, adakah memang disiasat ataupun hanya dibuat begitu saja di taman-taman, di lorong-lorong kadang-kadang dibuat separuh ataupun dibuat secara pilih kasih, ke rumah Speaker ada jalan, rumah Derga tak dak jalan, buat jalan ke situ, masuk ke rumah sini, situ tak pergi. Adakah ini secara pilih kasih. Sebenarnya rumah di Lorong Haji Baharom, jalan sebelah sini dia buat tapi separuh, jalan ni tak buat nak masuk ke masjid. Adakah ini pilih kasih yang tau masjid ini masjid siapa punya, mungkin sampai separuh tak sampai masjid. Ini contoh-contoh bajet tak cukup ka atau macam mana? Saya tau yang ni ada kiraannya. Ada beberapa jalan lagi lah, Lorong Haji Baharom, Lorong Seri, banyak lopak-lopak, minta dipertingkatkan lagi demi kesejahteraan rakyat. Juga parit-parit yang sudah rosak sekian lama seperti Taman Nuri, Taman Derga Jaya, Taman Muhibbah yang runtuh dan menyukarkan air dan tidak terurus, ini masalahnya.

Satu lagi saya nak mohon tanya, bilakah projek sistem pembentungan berpusat akan siap? Tengok di tepi-tepi jalan, mungkin YB. Dato' Speaker kurang berjalan di Alor Setar, semua kerja-kerja menyekat jalan. Ini yang berlaku dan saya ingat titah Tuanku kita kena junjung dan perlulah minta pihak PBT supaya pastikan perkara ini berlaku.

Yang keempat, MBAS selalu mengeluarkan surat untuk langgar syarat kepada bangunan lama yang menjalankan perniagaan. Sebenarnya mereka minta untuk jumpa dan berbincang sebab masalah ini YB. Dato' Speaker. Ini rumah kenangan penyewa yang sewa rumah tu buat perniagaan, memang ada permohonan dibuat. Tetapi disebabkan rumah ini telah lama dibina dan tiada piawaian perancangan baru jadi kadang-kadang tak dapat ikuti sepenuhnya. Jadi, pohon adakah kerajaan ada dasar pemutihan supaya membantu, rakyat memang nak mematuhi syarat tersebut tapi apakah dasar pemutihan tersebut yang boleh membantu mereka.



Saya berterima kasih kepada Majlis Perbandaran Kubang Pasu yang bersedia berjumpa dengan kilang-kilang beras untuk mendengar masalah mereka sebab mereka pun nak mohon tapi ialah kilang beras dibina di tepi bendang jadi banyak syarat yang mungkin kena dilonggarkan supaya diluluskan dan juga memohon supaya cukai taksiran mereka dikurangkan untuk memapar kesesuaian penggunaan tapak mereka. Jadi, saya percaya YAB. Jeneri ni dia pun seorang penilai, dia tau semua masalah ini patutlah dia berjuang untuk pastikan supaya kita mendapat menang-menang, 'win-win situation' (dengan izin) YB. Dato' Speaker untuk isu seperti ini. Saya ingat ini kena lebih bermesyuarat, saya tak faham adakah tekanan daripada pihak kerajaan bahawa jangan berjumpa dengan pihak pembangkang dan sebagai sebab banyak kali kita nak minta jumpa pegawai ada pegawai takut untuk berjumpa dengan kita.

Bila nak bincang termasuk kes yang saya sebutkan tadi di mana MBAS keluarkan surat langgar syarat kepada penduduk di Jalan Langgar dan beberapa kawasan di Alor Setar, saya memang menulis surat untuk berjumpa dengan Datuk Bandar untuk berbincang tentang hal ini tetapi 'of course' dia kata dengan SOP, itu saya faham SOP tapi SOP pun kita kena 'move on' juga hidup kita (dengan izin). Saya tak pasti, kadang-kadang ada ramai pegawai yang respond, yang itu saya nak ucapkan terima kasih dan tahniah tapi ada juga satu dua orang mungkin tak tau, terkesan ka tertekan ka dan sebagainya. Jadi, saya berharap ini tak dak 'back hand' ya (dengan izin).

Satu lagi, saya nak ucapkan tahniah dengan e-Tend tu untuk pelabur asing tapi pelaksanaan e-Tend tu bagaimana pula untuk kita punya pemaaju, penduduk, rakyat kita di sini. Adakah proses juga lambat? Yang ini pun saya rasa kita kena jaga supaya orang-orang tempatan dapat proses yang cepat supaya mereka pun boleh menikmati kecekapan tersebut.

Di sini, kami difahamkan juga pihak yang tertentu mengatakan mereka kena melantik konsultan untuk buat kerja perancangan tapi konsultan tersebut bukan orang di sini, alamat di Kuantan atau di Shah Alam yang tu lebih kuat lagi, lebih cepat prosesnya di MBAS. Jadi saya pohon mungkin YB. Tokai adakah ini dasar baru supaya kita tak galakkan ataupun tak beri keutamaan kepada anak Kedah untuk jadi konsultan dan berikan kepada orang luar. Adakah YB. Speaker bersetuju orang luar yang buat dan bukannya anak Kedah? Saya rasa kena jaga rakyat Kedah dulu dan beri keutamaan kepada rakyat Kedah seperti kita kurangkan pekerja asing dan utamakan anak Kedah.



Bab yang kelima perumahan rakyat. Kita nampak ada beberapa isu di sini, ya kita tahu kes di Pulau Tiga, kes setinggan dan sebagainya kena halau keluar, memang kita tak boleh campur tangan sebab ini swasta dan juga antara kes mahkamah. Saya pernah bertanya di sini proses kita untuk siasat sebab kita ada rumah-rumah PPR yang kosong contohnya PPR Paya Nahu yang tak diduduki. Apakah progress tersebut untuk kita dapatkan rumah ini balik untuk diberikan kepada rakyat yang memerlukan? Ketiganya yang ni rakyat dipindah ke sini dan di sini mereka nak pergi ke mana, mereka juga akan jadi setinggan di tempat yang lain.

Yang 'last', ini tentang pengeksporan ketum. Pada....(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

Time sebenarnya telah habis.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Ya, saya tau, bagi sikit. Pada 19 Mac 2022 YAB. Menteri Besar membuat kenyataan untuk memohon kebenaran daripada Kerajaan Persekutuan untuk membenarkan kerajaan negeri mengeksport daun ketum ke Thailand. Saya ucapkan syabaslah atas betapa geliganya pemikiran YAB. Menteri Besar kita. Saya percaya "geliga akal" YAB. Menteri Besar ini berdasarkan data yang sahih dan setelah mendapat taklimat daripada semua agensi berkaitan kerana YAB. Menteri Besar menyebutkan, "sekiranya permohonan eksport ketum dibenarkan, ianya boleh membanteras kegiatan penyeludupan haram ketum ke Thailand". Saya nak petik laporan The Star (dengn izin) YB. Dato' Speaker, "the issue of migring ketum leaf can be old come if there are special but nice to unable the community to be exported legally. The wise migring activities along the border of the state with the Thailand was because of live of hiring demanded in the neighbouring country"

Apa yang saya hairankan kenapa Yang Amat Berhormat boleh menggunakan kaedah ini untuk membendung dan membanteras penyeludupan daun ketum tetapi dalam isu lain Yang Amat Berhormat gunakan pendekatan berlainan. Rakan Muafakat YAB. Jeneri dari PN (Pakatan Nasional) yang merupakan Menteri Dalam Negeri dalam responnya jelas bahawa permintaan daripada Yang Amat Berhormat jika ada, 'is a big no' (dengan izin) kerana ianya jelas bertentangan dengan Akta Racun. Setakat hari ini jelas jika sebarang pindaan Akta Racun, daun ketum atas apa alasannya adalah salah. Ini fakta, tapi YAB. Jeneri boleh dan bergeliga mencadangkan untuk membenarkan undang-undang melalui peraturan khas dan sebagainya.



Saya bagi contoh begini, judi adalah haram bagi semua orang Islam, ini adalah fakta dan tiada siapa yang boleh mempersoalkannya. Kami dari Parti DAP juga faham dan pertahankan bahawa judi adalah haram bagi orang Islam. Tetapi bagi bukan Islam, malah dalam negara kita Malaysia, judi bagi orang bukan Islam bukan satu kesalahan melainkan ianya judi haram ataupun judi tanpa lesen. Untuk mengawal judi haram, maka dilesenkan judi dan dihadkan sesiapa yang boleh masuk ke premis judi di samping itu kita menyediakan pendidikan supaya menjauhkan anak-anak kita untuk pergi berjudi.

Dalam isu judi di Kedah, Yang Amat Berhormat menghentikan lesen judi atas alasan judi bukan sesuatu yang baik dan untuk mengawal rakyat dari budaya judi sedangkan asalnya semua premis judi di negeri ini berlesen. Sekarang bertambah pula judi tak berlesen kerana judi berlesen akan dihentikan. Tahniah Yang Amat Berhormat. Mengikut undang-undang, nombor lesen dihentikan tetapi yang bertentangan dengan undang-undang YAB. Jeneri mohon dibenarkan. Akal geliga Yang Amat Berhormat memang hebat, 'salute' YAB. Jeneri.

Saya pohon penjelasan Yang Amat Berhormat jika sekiranya dibenarkan atas peraturan khusus seperti YAB. Jeneri cadangkan untuk mengeksport daun ketum. Apakah jaminan tidak salah guna daun ketum di kalangan masyarakat? Apakah jaminan penyeludupan boleh dibanteras? Saya faham, Yang Amat Berhormat memikirkan untuk ekonomi negeri tetapi tidakkah lebih baik beri tumpuan kepada apa yang telah Yang Amat Berhormat umumkan sebelum ini. Pada tahun 2020, sudah hampir 2 tahun YAB. Jeneri umumkan kerajaan telah meluluskan permit meneroka mineral baru Rare Earth *Mineral* (REE) di Sik, kawasan Yang Amat Berhormat sendiri yang Yang Amat Berhormat sebutkan dianggarkan bernilai RM62 billion. Sudah berapa kupang kerajaan negeri dapat?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Bagi ruang tak YB. Derga?

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Nak bagi?

YB. DATO' SPEAKER

YB. Derga sudah makan masa 3 minit dah!



YB. ENCIK TAN KOK YEW

Ok, I just nak landed dah, tak perlu lah. Jadi, apa beza geliga dengan yang ini walaupun Yang Amat Berhormat bukan dari parti kami tapi YAB. Jeneri adalah Menteri Besar kami, janganlah buat malu Negeri Kedah dengan kelaku YAB. ini. Last i rasa....(YB. Sungai Limau minta laluan)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Derga!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Tak pa, nanti kita bincang kat luar, YB. Dato' Speaker tak bagi. Saya hanya nak 'landed' bahawa PRN ini... tak pa lah nanti kita bincang di luar.

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Saya nak sentuh sikit...ada yang tak betul tu.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Dato' Speaker tak bagi, kecuali YB. Belantik mintak YB. Speaker bagi i masa 2 minit lagi tambahan, 'injured time'. Boleh?

YB. DATO' SPEAKER

Tak boleh!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Ha, tak boleh! Ok. PRN akan menjelang, secepat mungkin. Satu lagi kita nampak ialah apa yang berlaku di PRN Melaka, PRN Johor, keluar mengundi kurang khasnya di Johor, undi secara automatik mendaftar pun kurang keluar dan tak disedari. Apakah kerajaan akan buat untuk pastikan PRN yang akan datang pada bila-bila masa akan pastikan majoriti pengundi keluar supaya kerajaan yang dapat dibentuk secara demokrasi mempunyai majoriti yang betul-betul mewakili rakyat dan bukan majoriti yang hanya suku peratusan yang menjadi kerajaan negeri.



Akhirnya,

*Dari Bandar Baharu ke Langkawi,
Singgah sebentar di Derga,
Rakyat mengeluh di bawah pentadbiran Jeneri,
PRU depan ubahlah ke Harapan pula.*

Sekian, terima kasih. Saya turut menyokong usul titah Tuanku Sultan. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih. Kalau kita buka panjang, dia jadi panjang lagi. Jadi, minta maaf lah. Saya menjemput YB. Kota Siputeh!

YB. DR. SALLEE BINTI SAID

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera. Terima kasih YB. Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian. Terima kasih kerana telah memberi peluang untuk Kota Siputeh berbahas pada persidangan kali ini. Pada persidangan kali ini saya ada beberapa isu yang berkaitan dengan masalah rakyat marhain di bawah. Kita tahu bahawa masalah rakyat di bawah ini sangat terkesan dengan kehidupan mereka yang sangat susah. Saya rasa kita semua wakil rakyat tahu di kawasan masing-masing rakyat di bawah sana sangat terkesan dengan kehidupan sekarang ini sebagaimana yang disebut juga oleh YB. Jitra, ada penduduk pergi mengail untuk makan ikan tersebut, bukan sekadar hobi. Maksudnya rakyat di bawah sana sangat susah dan mereka memerlukan bantuan terutama daripada kerajaan sendiri dan saya percaya setiap wakil rakyat akan dihubungi oleh penduduk masing-masing.

Saya sendiri pun dihubungi oleh pelbagai kawasanlah bukan DUN saya sahaja, Parlimen lain pun malah DUN berdekatan dengan saya pun mohon sumbangan. Saya kata, "minta maaf lah, saya jaga DUN Kota Siputeh, saya tak jaga kawasan lain, carilah wakil rakyat di kawasan masing-masing". Ada juga penduduk yang 'whatsapp' kat saya, "saya nak YB. jadi Menteri Besar". Bagus juga no kalau wanita jadi Menteri Besar. Kan, YB. Merbau Pulas, YB. Bandar Baharu no? Bagi wanita pula jadi Menteri Besar, kita bantu wanita-wanita terutama ibu-ibu tunggal di Kedah ni kan? Melawak saja...



Saya nak bangkitkan isu pertamanya mengenai isu pesawah. Bayaran pampasan yang dijanjikan kepada petani yang padi rebah yang berlaku pada Ogos 2021 masih belum dibayar dan padi benih akibat banjir, tenggelam beberapa kali dan saya ada bangkitkan isu ini di Persidangan yang lalu pada November 2021 dijanjikan untuk dibayar 1 hektar RM800 kepada para pesawah tetapi sampai sekarang pesawah-pesawah ini belum mendapat pembayaran yang dijanjikan. Jadi, mohon pencerahan daripada Exco yang berkaitan. Kita tahu bahawa banjir sering berlaku terutama di Kodiang, ada kawasan-kawasan yang terlibat dan mengharapkan pihak kerajaan mengambil tindakan berbuat sesuatu untuk memastikan bahawa padi tenggelam ini tidak berlaku lagi. PPK mohon supaya padi benih diberi semula kepada NAFAS, bukan diswastakan kerana harga yang tidak boleh dikawal dan harga tinggi dan PPK tidak boleh berperanan untuk membantu petani.

Jadi, petani mohon supaya subsidi padi benih ini diberi kepada petani bukan saja kepada kilang-kilang sebab ada petani yang buat sendiri padi benih dan ada yang beli di tempat lain. Jadi mereka syorkan supaya subsidi padi benih ini diberikan kepada pesawah. Ini di antara rungutan-rungutan yang telah saya dapat di kawasan saya. Kemudian duit subsidi mengala traktor yang serelung RM28.30 NAFAS bagi lambat, dah masuk musim kedua baru nak bagi. Ini adalah hak petani, kenapa dilambatkan. Kemudian mereka juga menyebut tentang ladang berskala besar, sawah yang berskala besar ini yang dicadangkan hanyalah memberi keuntungan kepada syarikat-syarikat yang tertentu sahaja, bukan kepada pesawah. Harga-harga barang makanan lain semua naik harga tapi harga padi tak naik-naik sedangkan harga baja, racun naik dan ini membebankan para pesawah kita, potongan pula sampai 20%. Kerajaan perlu dengar cadangan-cadangan daripada PPK kerana mereka ini adalah wakil petani yang lebih rapat dengan petani di bawah dan masalah-masalah yang dihadapi oleh para pesawah ini. Jadi, ini saya mohon pencerahan lah daripada Exco yang berkaitan.

Seterusnya saya masuk kepada isu jalan tar di Pida 4 Baru. Terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah beri jalan tar baru kepada Pida 4 Baru ini setelah 25 tahun penduduk menunggu akhirnya dapat jalan ini. Tetapi yang menyedihkan, selepas 2 bulan sahaja jalan tar ini siap ada berlaku jalan berlopak, retak di sana sini sedangkan kerajaan telah membelanjakan hampir RM800 ribu untuk buat jalan yang berkepanjangan lebih kurang 4.7 kilometer dan kita dapati ketebalan tar itu hanyalah 1 inci, tidak mengikut spek yang sepatutnya 2 inci. Kerajaan dah belanja banyak duit, nak buatnya bukan senang tetapi masalahnya tak sampai 2 bulan dah rosak. Itu adalah jalan utama sebenarnya, jalan laluan penduduk dari Sanglang ke Alor Setar, ke Jitra dari Alor Setar - Jitra – Sanglang, memang kenderaan cukup banyak di jalan tersebut dan saya mohon jalan ini dijadikan jalan utama untuk pergerakan penduduk.



Alhamdulillah, penduduk berusaha untuk buat pula jalan baru di sebelah perparitan MADA itu, jalan kampung, tebang pokok-pokok sekelilingnya supaya jentera-jentera berat boleh lalu. Jentera mesin yang berat-berat ini boleh lalu di jalan tersebut supaya tidak merosakkan jalan tar ini.

Ini usaha penduduk untuk memastikan jalan tar itu masih elok setelah 25 tahun penduduk menunggu, jadi mereka sayang jalan itu maka mereka usahakan jalan di sebelah itu untuk dibuat laluan jentera berat. Itu usaha penduduk. Jadi, saya mohon pencerahan kenapa jadi macam tu kan, ini sebagai peringatanlah kepada kita supaya bila dibuat jalan-jalan tar yang baru di kawasan-kawasan yang lain janganlah sambil lewa, tidak bersungguh-sungguh untuk memastikan jalan itu bertahan sampai bertahun-tahun. Setelah kita berbelanja duit yang banyak dan berlaku kerosakan di sana sini, baru 2 bulan sahaja.

Saya dimaklumkan penduduk bahawa tidak dibuat dengan baik, 'steamroll yang keluarkan air semasa letak tar tu tidak digunakan, di parkir saja dekat tepi tu, jalan pula tidak diratakan betul-betul, saya dah lalu jalan tu terasa macam naik kuda. Saya bangkitkan isu ini supaya perkara ini tidak berlaku di kawasan-kawasan yang lain. Apabila kita buat jalan tar baru ini buatlah dengan sebaiknya kerana kita membelanjakan duit kerajaan, duit kerajaan yang kita gunakan ini hasil cukai kepada rakyat, kita tidak buat dengan sebaik-baiknya, seperti hanya "melepaskan batuk di tangga" saja.

YB. Dato' Speaker, saya masuk kepada isu air. Di kawasan saya ni masalah daripada Kodiang sampai ke Kuala Sanglang dan Pida-Pida semua ada masalah air. Boleh kata setiap hari ada aduan berkenaan dengan air ni. Ada yang sampai terpaksa ambil air ban tuntut mandi, terpaksa beli air, terpaksa angkut air terutama di kawasan-kawasan Guar Batu Hitam, kawasan yang lebih tinggi walaupun ada juga telaga tiub tetapi tidak mencukupi.

Ada juga SADA letak tangki air yang hitam tu tapi juga tidak mencukupi, aduan-aduan yang dibuat kepada SADA lambat diambil tindakan, lambat hantar air, ini masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk dan saya percaya masalah ini dihadapi oleh kebanyakan kawasan di Negeri Kedah ini. Jadi, kerajaan kena ambil berat tentang perkara ini, kena usahakan bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini. Nak tunggu loji yang nak siap 2024, dikatakan 2024, bayangkan berapa tahun lagi rakyat terpaksa menanggung masalah ini. Carilah pakar-pakar yang boleh untuk membantu menyelesaikan masalah ini. Saya percaya boleh selesai tapi mungkin kita kena berfikir di luar kotak bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini.



Penduduk juga menyebut bahawa air kotor, berkarat, saya rasa mesti berlaku kebocoran di paip-paip yang lama ini. Paip-paip ini mesti ditukar, kalau buat loji baru pun tapi paip tak ditukar, tak sampai juga kepada penduduk. Loji yang ada sekarang ini mungkin cukup air yang ada, tapi masalahnya sebab NRW ni banyak di mana-mana kan.

Mungkin berlaku kebocoran di sana sini dan air yang sampai kepada penduduk air yang kotor, air seperti teh susu, berkarat. Jadi, mesti berlaku kebocoran dan perlu dicari di mana kebocoran tersebut. Ada juga SADA kata suruh penduduk cari sendiri, takkan penduduk nak cari kat mana kebocoran itu, takkan tak dak teknikal SADA buat kerja-kerja ini yang lebih tahu bagaimana nak menyelesaikan masalah ini. Saya mengharapkan sangatlah pihak kerajaan untuk melihat perkara ini, masalah rakyat sebenarnya rakyat bukan nak dengar sangat pelaburan yang billion-billion kan tapi masalah mereka mesti diselesaikan. Apa peranan kerajaan untuk membantu menyelesaikan masalah-masalah rakyat ini.

Masalah macam ni ah, masalah air, masalah jalan, jalan yang berlubang sana sini, banyak yang menyebabkan kecederaan, jalan-jalan di Pida, kampung, ada yang kemalangan berlaku, ada kematian disebabkan kecederaan sebab lubang jalan-jalan ini. Perkara-perkara macam ni perlu diambil berat oleh kerajaan.

YB. Timbalan Speaker, saya masuk pula mengenai UniSHAMS. Saya ada soalan tapi saya takut tak sampai esok ni berkaitan dengan UniSHAMS. Berkenaan dengan asrama UniSHAMS, rasanya dah 4 tahun yang lalu dah ada cadangan untuk buat asrama baru kerana pelajar-pelajar kita memerlukan asrama baru ini sebab ramai yang duduk di luar. Waris nak hantar anak ke UniSHAMS pun duk pikiaq sebab anak ni terpaksa tinggal di luar, sewa di luar, ada yang tak mau hantar ke UniSHAM jadi perkara ini perlu diselesaikan. Saya mendapat maklumat kata ada syarikat yang nak membina asrama ni cukup modal apa semua, tetapi masalahnya kerana pengurusan UniSHAMS melantik konsultan yang mintak sampai RM3 hingga RM4 juta kepada syarikat ini untuk dibayar kepada mereka.

Ini yang menyebabkan syarikat ini tidak mahu membina asrama ini sedangkan mereka dah cukup dah, mereka dah ada plan semua, cukup modal semua, dah propose dah pun kertas kerja mereka dan bayaran asrama tersebut sehingga 23 tahun selesai, yuran pelajar boleh membayar hutang pembinaan asrama tersebut tetapi masalahnya sekarang ini konsultan mintak sampai RM3 hingga RM4 juta daripada syarikat-syarikat ini. Jadi, mohon penjelasan tentang perkara ini.



YB. Timbalan Speaker, saya masuk kepada isu pendidikan. Pendidikan sangat penting untuk masa depan sesebuah negara dan saya sangat mengharapkan pihak kerajaan mengambil berat dan mengambil tanggungjawab untuk menjaga institusi pendidikan di Kedah ini sama ada sekolah tersebut di bawah Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri ataupun swasta. Bertanyalah tentang permasalahan yang dihadapi oleh pihak sekolah untuk membantu mereka meningkatkan mutu pendidikan di Negeri Kedah begitu juga institusi pendidikan tinggi kerajaan dan swasta serta institusi berkemahiran. Perkara ini penting untuk memastikan pelajar-pelajar di Negeri Kedah ini mendapat pendidikan yang terbaik. Mohon diberi penjelasan, apakah perancangan kerajaan negeri untuk membantu sektor pendidikan Negeri Kedah ini mencapai tahap kemajuan yang membanggakan bermula dari sekolah rendah hinggalah ke institusi pengajian tinggi. Begitu juga institusi kemahiran pada tahun ini apakah skala yang diguna pakai untuk melihat pencapaian pendidikan di Negeri Kedah ini. Ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian seperti peruntukan daripada kerajaan negeri, adakah untuk membantu pelajar-pelajar SPM kita mendapat tuisyen dan lain-lain untuk meningkatkan prestasi kecemerlangan peperiksaan mereka.

Yang keduanya keciciran pelajar dalam penguasaan 3M, membaca, menulis dan mengira disebabkan oleh PKP bagi para pelajar tahun 1 dan 2 ini perlu dilakukan fasa pemulihan kepada pelajar-pelajar ini. JPN perlu melakukan sesuatu untuk membolehkan pelajar-pelajar ini menguasai semula kebolehan membaca, menulis dan mengira.

Kemudian, kebolehan membaca Al-Quran juga di kalangan pelajar-pelajar ini merosot. Ini juga perlu dilihat, diambil tindakan bagaimana untuk memperbaiki kelemahan ini dan saya juga mendapat tahu tentang apabila berlakunya Covid-19 baru-baru ini sekolah-sekolah disuruh buka tirai di sekolah semua sebab takut jangkitan Covid. Sebenarnya tak dak tirai pun jangkit juga Covid kan sehingga 700 buah sekolah ini semua tirai-tirai dia suruh buka, dah belanja banyak mana dah buat tirai sekolah ni disuruh buka, ini sangat merugikanlah sebab tidak dibuat kajian dulu adakah sebab tirai ni yang menyebabkan jangkitan Covid. Dalam keadaan sekolah yang panas, yang tidak selesa untuk guru kita, pelajar kita ini sepatutnya perlu difikirkanlah kerana ia akan merugikan. Sebelum membuat sesuatu perkara itu perlu dibuat kajian terlebih dahulu.

Saya juga mohon penjelasan adakah peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada sekolah-sekolah berkurangan sehingga guru terpaksa cari duit untuk cat bangunan sekolah, perbaiki bangunan sekolah sebab perkara ini penting untuk memberi keselesaan kepada pelajar-pelajar kita, keceriaan kepada pelajar-pelajar kita sebagai tempat untuk mereka menimba ilmu.



Saya mengharapkan juga ada silibus kepada pelajar-pelajar kita ni pendidikan kewarganegaraan perlu ditekankan, bab yang berkaitan politik supaya pelajar-pelajar dididik untuk memahami maksud hidup dalam sebuah negara yang berbilang bangsa dan agama dan ditanamkan sifat kasih sayang anantara satu sama lain bukan kebencian kepada pelbagai kaum dan bangsa yang ada di negeri kita ini dan memahami pentingnya peranan politik dalam sesebuah negara kerana setiap perkara dalam ini ditentukan oleh politik. Jadi, anak-anak ini perlu dididik untuk memahami perkara-perkara sebegini seperti kewarganegaraan dan juga sistem politik. Sebab anak-anak kita setelah berumur 18 tahun mereka akan mengundi, jadi mereka perlu diberi kefahaman dan perkara-perkara ini perlu dididik dari peringkat persekolahan lagi. Pendidikan yang berterusan boleh juga.....(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kota Siputeh, saya nak ingatkan masa tinggal 2 minit lagi.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Ok, baik! Penjelasan tentang bahayanya dadah, judi, ketum, pornografi sangat perlu kepada pelajar-pelajar kita supaya mereka ini tidak terlibat dengan penagihan ini.

Ok, baik. Saya masuk kepada isu kawasan saya iaitu Kota Siputeh. Masalah di kawasan saya ni ramai di antara penduduk yang belum ada rumah, masih duduk rumah sewa, tanah tak dak, tumpang duduk rumah orang, memang ramai. Saya mengharapkan ada lah perumahan yang mampu milik bagi penduduk-penduduk di sini untuk mereka membeli rumah yang bersesuaian untuk mereka tinggal. Ada tanah, saya dimaklumkan tanah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) di Kuala Sanglang, tanah KBS ini dirancang untuk dibina Kompleks Sukan Jerlun tapi kompleks tersebut telah dibina di Kampung Sanglang jadi tanah ini sekarang dibuat bendang, saya tak pasti berapa hektar. Kalau kerajaan boleh ambil tanah ini dibuat perumahan kos rendah terutamanya untuk nelayan-nelayan di Kuala Sanglang yang banyak tak dak rumah, mereka duduk di tanah-tanah 'reserve', mungkin mereka boleh membeli sebagai rumah sendiri untuk mereka duduki. Sekarang mereka duduk di tanah 'reserve', masalah rumah yang bocor dan sebagainya kerajaan tak boleh membaiki rumah tersebut sebab mereka duduk di tanah 'reserve' kerajaan.



Rasanya itu saja yang ingin saya sampaikan. Akhir sekali patik menjunjung kasih ucapan Tuanku Sultan sempena persidangan pada kali ini. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kota Siputeh dengan cadangan yang baik dan menepati masa yang diperuntukkan.

Seterusnya saya persilakan YB. Tanjung Dawai.

YB. USTAZ HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah wassola tuwassala muala rasulillah wa'ala alihi wasohbihi waman walah.

Yang dihormati YAB. Menteri Besar, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan yang dikasihi sekalian. Alhamdulillah, hari ketiga kita bersidang dan hari ni kita masih dalam Dewan untuk menunaikan kewajipan kita dan moga-moga apa yang kita bicarakan dan apa yang kita luahkan membawa kesan dan impak yang baik kepada rakyat di luar sana, InsyaAllah. Saya juga ingin menjunjung kasih ke atas titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah sempena Persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini. Titah ucapan Tunku Sultan ada menyebut Pelan Pembangunan Kedah 2035 sebanyak 3 kali, membuktikan keprihatinan Tuanku Sultan dan baginda mengikuti secara dekat.

Sekalung tahniah juga turut dititahkan oleh Tuanku Sultan atas kejayaan merealisasikan tema Belanjawan 2021 iaitu "Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua". Perkara pertama yang ingin saya sentuh sepertimana yang termaktub dalam titah Tuanku ialah nasihat supaya kita sentiasa bermusyawarah, bermesyuarat. Dalam kitab Al-Quran ada surah yang bernama surah Asy-Syura, surah mesyuarat dan saya yakin Pelan Pembangunan Kedah 2035 dan sebelum tu Pelan Transformasi Kedah adalah hasil daripada gembelingan tenaga, idea yang dibuat oleh pihak kerajaan dan Pegawai-Pegawai Tadbir Kedah bagi melihat kegemilangan Kedah pada suatu ketika nanti dan hidup kita ini dengan mesyuarat saja.



Tak mesyuarat di Dewan ini, mesyuarat di dewan makan, kedai kopi pun kita mesyuarat, nak kenduri mesyuarat, semua mesyuarat. Bahkan untuk memastikan kerajaan ini berjalan dengan baik dan dapat melaksanakan tanggungjawab, mesyuarat mingguan Exco bahkan YAB. Menteri Besar juga bermesyuarat terlebih dahulu dengan Tuanku Sultan. Moga-moga, Dewan kita ini yang rekodnya Alhamdulillah tidak pernah tercemar sepertimana yang berlaku di dewan-dewan negeri lain moga-moga dapat untuk dipertahankan. Mungkin lah berlaku semasa perbahasan panas sikit tapi di luar Dewan kita selesai seperti tidak ada apa-apa yang berlaku.

Yang kedua ialah berkaitan dengan apa yang diisytiharkan oleh kerajaan, hari Jumaat sebagai Hari Kebersihan Negeri Kedah. Saya ingin untuk mengambil apa yang telah digagaskan oleh kerajaan melalui Cordoba Of Kedah. Bukan sekadar pembangunan dan ilmunya tetapi bila kita melihat dan membaca sejarah Cordoba kita akan melihat bagaimana Cordoba terkenal sebagai satu kota yang sifar ataupun bebas sampah dengan satu bandar yang bersih sehingga disebutkan Kota Cordoba ini mempunyai 900 bilik mandi awam. Orang Cordoba bersih, sampah tidak ada. Eropah bilamana nak hantar orang mengaji di Cordoba, mereka perlu dikuarantin terlebih dahulu di sempadan kerana ketika itu penganut agama di Eropah berpegang bahawa adalah suatu dosa besar bila mandi dalam seharian, tak boleh mandi.

Disebutkan Ratu Isabella mandi dalam sejarah hidupnya mandi 2 kali sahaja tetapi bilamana orang-orang datang nak menuntut ilmu dan melihat kehebatan yang ada di Kota Cordoba mereka perlu dikuarantin terlebih dahulu maka semangat itu perlu diambil untuk Negeri Kedah. Kalau hari Jumaat adalah Hari Ilmu juga, hari Sabtu adalah Hari Keluarga, moga-moga ilmu yang dikutip dapat diamalkan. Cuma saya minta supaya pihak e-Idaman, kalau hari cuti nampak sampah menimbun, mungkin lah ada satu sistem untuk angkut sampah, ambil sampah walaupun pada hari cuti supaya tak kelihatan longgokan sampah yang tak sepatutnya.

Yang ketiga berkaitan dengan hasil kutipan yang berjaya dikutip bagi tahun 2021 sebanyak RM688.04 juta. Dan Tuanku telah memberi peringatan supaya berbelanja dengan cara betul dan berhemah sepertimana peribahasa sebut "sempit bertelempu, lega berlunjur" iaitu belanja ikut pendapatan. Saya ingin untuk memohon kepada pihak kerajaan, dengan peruntukan yang diberikan kepada ADUN melalui Pejabat Daerah berilah peluang dan juga ruang untuk ADUN bersama-sama mengemukakan pandangan, cadangan untuk pembangunan di DUN masing-masing supaya pembangunan yang dibuat tu benar-benar sampai kepada rakyat kerana ADUN tentunya dekat dan mengetahui apa yang dikehendaki dan dimahukan oleh penduduk di kawasan masing-masing.



Seterusnya iaitu Kedah Aerotropolis. Saya ingin untuk berkongsi dengan apa yang pernah disebutkan oleh seorang alim yang terkenal iaitu Tok Kenali. Ketika Tok Kenali sedang menyampaikan kuliah kepada anak muridnya, dia menyebut “sesiapa yang panjang umur dia akan tengok bumi akan menjadi rata, pasir akan terkampus, rumah akan teruntuh, manusia berjalan dengan terbang, manusia makan dekat jamban taik, manusia tidur dekat dengan tandas, ilmu tersebar di merata kedai kopi”. Sidang hadirin sekalian, firasat Tok Kenali menyebut bahawa manusia akan berjalan dengan terbang, kita maklum tiket kapal terbang murah lagi daripada bas kalau nak pi Kuala Lumpur, murah lagi. Dan apa yang dihasratkan oleh kerajaan sebelum ini untuk ada lapangan terbang penumpang di Sidam itu.

Walaupun hasrat itu tidak tercapai dan dibuat bahagian MRO dahulu, tapi yakinlah Pulau Pinang tidak akan dapat menampung keperluan yang ada di kawasan ini. Suatu ketika nanti mungkin ketika kita sudah tidak ada di dalam Dewan ini, ketika itu keperluan untuk menyediakan apa yang patut di tempat tersebut projek itu perlu untuk dilaksanakan juga maka kita perlu untuk bersabar dan yakin bahawa itu akan menjadi milik kita suatu ketika nanti. Hasil pelaburan 2021 sebanyak RM68.3 billion YB. Tuan Speaker, saya ingin juga menyebut juga peribahasa “bukan menguningkan kunyit sendiri”, bukan nak puji sendiri, tapi apa yang telah dicapai ini adalah hasil daripada kerjasama semua pihak dan kita bersyukur kerana Allah s.w.t memberikan kita merasakan sesuatu yang luar biasa dan moga-moga tidak hilang sifat syukur kita dengan apa yang dikurniakan oleh Allah. Cuma saya ingin untuk menyebut seperti apa yang disebutkan oleh YB. Bayu bahawa pihak kerajaan melalui IPT dan juga pusat-pusat latihan perlu untuk bertindak bagi memenuhi keperluan yang dikehendaki oleh pihak pelabur supaya nikmat yang disediakan ini yang ada, yang boleh diambil yang ada di Kedah hasil daripada kemasukan pelabur itu dinikmati semaksimumnya oleh rakyat Negeri Kedah sendiri. Kita tak mau jadi “bagai si kudung mendapat cincin”, tak ada nikmat, tapi tak dapat untuk dimanfaatkan.

Seterusnya berkaitan isu air. Saya mendengar banyak DUN-DUN yang memperkatakan tentang isu air, ingatkan DUN Tanjung Dawai saja teruk, rupanya DUN lain pun teruk. Tapi, sepertimana yang disebutkan oleh YB. Sungai Tiang dalam sesi Sidang yang lalu, kalaulah suatu tindakan yang tegas dibuat oleh kerajaan yang terdahulu dalam tempoh 23 bulan tentunya permasalahan yang berlaku di beberapa DUN terutama di Tanjung Dawai yang melibatkan 5 loji rawatan air telah pun selesai pada tahun lepas, tapi perkara itu tidak berlaku. Saya juga ingin menarik perhatian bahawa projek loji rawatan air yang nak dinaik taraf itu dan sudah bermula sejak bulan Jun yang lalu. Mohon supaya diberikan perhatian agar projek itu berjalan dengan sewajarnya mengikut sepertimana yang diharapkan.



Jangan diberikan peluang sehinggakan kita tak boleh nak jawab kepada rakyat atas kelewatan. Signboard dah naik dah, kalau di Pekan Tanjung Dawai tarikh siap Loji Rawatan Air Bukit Selambau untuk menyelesaikan masalah air di DUN Tanjung Dawai adalah pada 2 Disember tahun 2023. Moga-moga sebelum 2 Disember tu air memancut keluar daripada paip orang-orang di DUN Tanjung Dawai, InsyaAllah. Saya juga ingin memohon sepertimana yang pernah saya luahkan sebelum siap Loji Rawatan Air di Bukit Selambau yang nak dinaiktarafkan itu proses seperti pemasangan paip baru dan juga pembinaan tangki baru perlulah juga dijalankan sekali dan saya mengucapkan tahniah kepada pihak SADA dan kerajaan negeri kerana telah pun selesai berkaitan dengan pengambilan tanah, satu tanah sahabat saya, tanah yang duduk jalan nak ke Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Tuan tanah ni cerita kepada saya sendiri dengan tawaran daripada pihak kerajaan 1 kaki dengan harga sekian-sekian dan dia boleh untuk menuntut ataupun minta lebih daripada harga yang ditawarkan oleh pihak kerajaan tetapi dia sebut kepada saya, dia kata, "saya tak mau nak mintak lebih ustaz kerana kalau saya minta lebih daripada apa yang ditawarkan, prosesnya akan jadi lambat dan orang Mebok, orang Tanjung Dawai akan lama lagi hadapi masalah air, saya tak mau jadi macam tu".

Jadi, persoalan ini bukan persoalan yang kecil dan semua pihak sebenarnya mengambil tahu dan berusaha untuk menyelesaikan dengan segera. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Luar Bandar yang telah pun meluluskan peruntukan untuk pembinaan projek loji air di Tupah sebanyak RM35 juta dan dijangkakan akan siap nanti pada 2024. Kalau lah Loji Rawatan Air di Bukit Selambau siap, yang di Tupah pun siap nanti, maknanya di Tanjung Dawai ini makmur air lah. Kalau la ni orang yang duduk di perumahan dalam DUN Tanjung Dawai ni ada jual rumah pasal masalah air, mungkin lepas ni perumahan naik berlambak pula di DUN Tanjung Dawai bilamana siap loji rawatan air tu. Saya ingin berkongsi, bila masalah air berlaku, kita bekerjasama dengan masyarakat. Alhamdulillah, dalam tempoh dari 2018 hingga ke hari ini Pusat Khidmat Wakil Rakyat DUN Tanjung Dawai bekerjasama dengan masyarakat, dengan pihak masjid, ada yang surau dan juga sekolah, kita telah pun membuat, menggali telaga tiub sebanyak 27 telaga dengan kita menampung kos itu sendiri dan ada kerjasama daripada pihak tertentu membantu sehinggakan kita boleh mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh rakyat di DUN Tanjung Dawai berkaitan dengan air. Saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan hak kita berkaitan air dengan Pulau Pinang. Apa yang disebutkan kelmarin berkaitan dengan penolakan Kerajaan Perak yang beberapa hari lalu, awal bulan ni juga dengan rasminya menolak permintaan Kerajaan Pulau Pinang untuk mereka beli air dari Perak.



Menteri Besar Perak telah secara rasmi menyatakan bahawa mereka tak dapat memenuhi permintaan tersebut dengan alasan mereka pun tak cukup air. Kalau kita Negeri Kedah saya sebut kelmarin, kalau Kerajaan Pulau Pinang sanggup nak beli air dari Kerajaan Perak maka mereka sepatutnya menjaga apa yang mereka ada sekarang. Menteri Alam Sekitar dan Air telah menyatakan bahawa Pulau Pinang adalah negeri yang paling banyak ada simpanan air di Malaysia, 30% berbanding dengan kita 2.3% kalau tak silap, kalau salah tolong perbetulkan YB. Sungai Tiang. 2.3% saja simpanan air Negeri Kedah. Kalaulah 5 loji rawatan air itu siap akan naik jadi 10% saja, Pulau Pinang ada 30% simpanan air tapi dia tak pernah rasa kesusahan kita, tidak membantu kita untuk memastikan bekalan air itu terjamin pada masa hadapan. Dan berkaitan dengan Pulau Pinang juga sepertimana disebutkan dalam Persidangan sebelum ini tuntutan kita yang berkaitan dengan air RM50 juta saja setahun dan tuntutan pajakan sebanyak RM100 juta ke atas Pulau Pinang itu bahkan yang menuntut bukan dalam Dewan ini semata bahkan telah dikemukakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dalam Mesyuarat Raja-Raja Melayu dengan penyerahan dokumen bukti kepada Kerajaan Persekutuan bahawa Pulau Pinang adalah milik Negeri Kedah maka perlu untuk dibayar pajakan yang sepatutnya dan sekitar RM400 atau RM500 ribu. Jadi, saya harap Pulau Pinang jangan bermuka papan dalam isu ini. Seterusnya.....(YB. Sungai Limau minta laluan).

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Mintak laluan YB . Tanjung Dawai. YB. Tuan Speaker dan YB. Tanjung Dawai, kerajaan negeri telah pun membuat tawaran kepada Pulau Pinang untuk penjualan air itu pada nilai RM50 juta setahun dengan keperluan Pulau Pinang kepada air dia terpaksa nak beli di Perak. Adakah untuk kita mendesak Pulau Pinang bagi tempoh tawaran kita RM50 juta ni setakat hujung tahun, lebih daripada tu kita akan tuntutan RM100 juta sama dengan kita minta pajakan Pulau Pinang. Mungkin dia akan pikiaq 2 kali, dia nak ambik hat RM50 juta ataupun tuntutan kita pada RM100 juta yang memang itulah nilai air yang kita alirkan ke Pulau Pinang dari Ulu Muda. Apa pandangan YB. Tanjung Dawai?

YB. USTAZ HANIF BIN HAJI GHAZALI

Saya setuju, semua setuju demi Kedah YB. Tuan Speaker, saya setuju. PasaI kita lama dah kita buat baik tapi orang tak hargai. Kita korban tenaga pegawai-pegawai kita pegah otak, rakyat Kedah bantu untuk mereka boleh hidup senang, pelaburan mereka masuk banyak tapi apa yang mereka bagi kepada Kedah, perkara ini perlu untuk dipertegaskan kepada mereka.



YB. Tuan Speaker dan Ahli Sidang sekalian, berkaitan dengan Projek Sawah Smart, Smart Sawah Berskala Besar (ASB) dan berkaitan dengan estet padi juga yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah. Saya secara peribadi mengucapkan tahniah kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah yang dipengerusikan oleh Dato' Paduka SS dan juga CEO yang saya tak taulah dalam kepala Dato' CEO Zakat ni ada apa lagi tak tau. Tapi apa yang dibuat itu memberikan pengaruh besar kepada orang-orang yang bergelar sebagai asnaf. Saya rasa projek estet padi ataupun Smart Sawah ini yang baru melibatkan 100 relung daripada 700 relung tanah milik Zakat, saya yakin antaranya akan menyebabkan orang yang selalu mengambil untung atas angin iaitu golongan orang tengah akan terhapus, InsyaAllah dan saya yakin kalaulah projek ini dikembangkan di luar dari kawasan MADA dengan puluhan juta tiap-tiap bulan Zakat memberikan bantuan kepada golongan asnaf antaranya kena bagi beras melalui Amil masjid yang duk ada di Kedah ini, lebih kurang 500 buah masjid.

Pihak Zakat suatu ketika nanti saya yakin mereka boleh membina kilang beras mereka sendiri untuk menampung keperluan mereka, untuk membantu golongan asnaf dan asnaf yang ditargetkan ini saya yakin mereka letakkan target dalam beberapa tahun golongan itu mesti keluar dari kepompong golongan asnaf dan membantu pihak lain pula.

Maka, projek-projek sebegini perlu untuk diberikan perhatian dan dokongan yang besar dan pihak Zakat juga telah pun membuka satu skim bantuan perumahan untuk rakyat yang bergaji antara RM1,200 ke RM1,500. Tak cukup syarat untuk buat permohonan di bank yang isi pendapatan rumahnya tak lebih daripada RM3,000 dengan rumah yang akan dibiayai separuh oleh pihak zakat dan separuh lagi pinjaman daripada Bank Islam yang akan membantu orang-orang yang kurang berkemampuan untuk memiliki rumah dan ini antara kerja-kerja yang dibuat oleh pihak Zakat. Saya sokong dan saya ucapkan tahniah kepada pihak Lembaga Zakat atas keprihatinan mereka untuk membantu rakyat yang dalam kesusahan.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada YB. Kupang yang bertanggungjawab bahagian agama atas pelaksanaan Program Khariah Ramadhan yang akan berlangsung pada bulan Ramadhan nanti di Dataran Zero, Sungai Petani. Satu program yang terhenti akibat daripada Covid-19 yang InsyaAllah moga-moga akan menceriakan kembali dan akan mengembirakan kembali perniagaan-perniagaan dan orang ramai yang hadir ke Khariah Ramadhan nanti. Tentulah ada program sembahyang terawih di situ, tadarus Quran, tazkirah, ada amil zakat dan sebagainya. Yang pentingnya orang yang berniaga, orang yang jadi pengunjung, yang ada di kawasan tu pun boleh untuk merasai suasana Ramadhan, mereka tak akan melepaskan kewajipan mereka di bulan Ramadhan walaupun berada di Dataran Zero pada ketika itu di waktu malam.



YB. Tuan Speaker, saya juga ingin untuk menyebut tentang caruman PERKESO. Caruman PERKESO yang saya maksudkan ini ialah bagaimana PERKESO melalui hubungan mereka dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Peserta ataupun nelayan yang ada kad, mereka dipotong bantuan bulanan yang mereka dapat secara automatik dipotong oleh LKIM untuk bantuan caruman PERKESO daripada bantuan yang mereka dapat sepatutnya. Tapi ramai lagi orang yang tak dak kad nelayan maknanya yang tak dak bantuan tetap tersebut tapi mereka susah. Maka saya mencadangkan kepada pihak Zakat contohnya golongan asnaf yang duk dapat bantuan daripada Zakat tiap-tiap bulan bentuk kewangan, bantuan daripada JKM yang ada peruntukan tiap-tiap bulan kepada orang-orang yang memerlukan, mungkin-mungkin boleh untuk dipotong untuk dijadikan caruman PERKESO kepada golongan ini. Caruman PERKESO paling rendah untuk pekerjaan sendiri ni ialah RM13.10 sebulan. RM13.10 sebulan kalau dipotong tak terasa mana pun mereka yang dapat bantuan JKM ataupun Zakat. Kalau mereka tu dah terkeluar daripada orang yang layak dapat bantuan Zakat, JKM dan sebagainya, mungkinlah, kalau mereka nak sambung, mereka boleh sambung sendiri.

YB. Tuan Speaker, saya ingin mengesyorkan kepada Jabatan Agama berkaitan dengan masjid lah, pasai saya dengar daripada YB. ADUN Sungai Limau, masjid di Bukit Besar Tok Imam dia cukup egresif, petang-petang kayuh 'gerek' pi tengok anak khariah, yang perlukan bantuan dia akan bagi. Rumah dia pun macam store pusat bantuan. Haa...dia pun mengai ikan jugak. Bagaimana Tuan Imam, Bukit Besar ni dia bekerjasama dengan ADUN yang ada di Parlimen Jerai. Kalau ada khariah dia rumah yang daif, rumah yang perlu dibaiki, dia akan bekerjasama dengan ADUN antaranya YB. Sungai Limau berkongsi bantuan modal untuk membaiki rumah anak khariah.

Saya suka mencadangkan agar perkara ini disampaikan kepada masjid-masjid yang ada di Kedah supaya pihak masjid, tok imam, mereka juga ada usaha sebegitu untuk bantu anak khariah supaya anak khariah ni tak nampak muka ADUN dia semata-mata. Kalau muka YB. Tuan Speaker tak palah segak, nampak muka Tok Imam sama. Kalau nak berjaya ni saya rasa Tok Imam muda-muda boleh buat kerja, kalau Tok Imam hat lama –lama ni dia tunggu masa saja, kalau di DUN Tanjung Dawai ni satu masjid yang menjadi sebutan orang, orang luar Kedah pun duk mai melawat, hat mesjid dalam Kedah pun pi buat lawatan dan masjid ni buat konsep Masjid R&R, Masjid Al-Bushra Pekan Merbok. Tok imam dia, setelah dia berjaya mengubah keadaan fizikal masjid, orang puji semua, dia juga mengubah fizikal diri dia, dulu sebelum ni bulat, la ni slim elok saja, dia berjaya. Tok Imam ni berTikTok, saya yang kagumnya AJK hat orang lama sampai umur 72 tapi boleh berTikTok sekali dengan dia, boleh sekali. Mereka bersatu tenaga, bersatu fikiran sampai masjid tu jadi sebutan sungguh-sungguh.



Saya tau susah nak dapat tok imam muda ni, payah, tok imam muda rasa tak bebaslah kalau jadi tok imam, dia nak main stok harga pun berasa tak berapa nak kena, tambah nak pi mengai ikan puyu, eh! Payah jugak la. Tuan-tuan, usahakan moga-moga dapat hat muda-muda dan membantu untuk mengaktifkan masjid dan bagi elok. Saya juga ingin mengulangi masalah hakisan di pantai Kampung Huma yang sudah pun terlalu dekat dengan rumah orang, dengan jalan raya ni tak sampai 100 meter dah, terlalu dekat. Jadi, saya rasa lapang bila Dato' SFO kelmarin bagitau Ramadhan nak pi tengok. Cuma saya bagitau kalau mai Ramadhan tak boleh jamu apa lah. Tu pun besaq rahmatlah bila Dato' bagi tau akan pi turun tengok dan dalam jawapan bertulis YB. Sungai Tiang pun ada menyebut bahawa pihak beliau pun telah memohon kepada pihak Kerajaan Pusat untuk buat tembok untuk halang ombak yang semakin mengganas.

Akhir sekali saya ingin untuk menyampaikan....(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Tanjung Dawai, masa sebenar dah habis...

YB. USTAZ HANIF BIN HAJI GHAZALI

Saya nak tambah hat DUN Pantai Merdeka, boleh tambah masa sikit?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Saya bagi 2 minit!

YB. USTAZ HANIF BIN HAJI GHAZALI

Saya ingin berkongsi lah YB. Tuan Speaker apa yang diluahkan oleh ADUN Pantai Merdeka, sebagai mewakili dia dan perkara ini pihak kami sendirilah di Tanjung Dawai dengan Pantai Merdeka ni macam 2 beradik, selang dengan laut saja tapi masalah yang sama iaitu antaranya berkaitan dengan jambatan Tanjung Dawai – Pantai Merdeka, Pantai Merdeka – Tanjung Dawai. Kalau tanya kat peniaga Tanjung Dawai, mereka tak setuju YB. Tuan Speaker, mereka tak setuju. Pasal apa? Kalaupun buat jambatan tu depa kata, Tanjung Dawai sebagai pusat produk laut ni terjejaslah, tah-tah jadi macam Pekan Bedong, bila Jambatan Semeling buat, pekan Bedong pun jadi macam "Pekan Kobo".



Tapi, masa kedepan kita tak tau, keperluan la ni pun terasa dah dan kita yakin bilamana jambatan itu dibuat ia akan memberikan kebaikan kepada banyak pihak, bukan kepada peniaga saja dan membantu untuk mendekatkan perjalanan. Berkaitan dengan jeti penambang ataupun jeti bot penambang yang ADUN Pantai Merdeka sering sebut, bila penumpang nak naik ke bot daripada Pantai Merdeka ataupun nak turun di Pantai Merdeka daripada bot, jadi dia terpaksa terjun dalam air, kena selak, hat tu yang masalahnya tu kena selak pasal tak dak jeti. Jadi, mohon supaya diberikan perhatian dan saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kerana Alhamdulillah, mini-mini tar di Tanjung Dawai la ni 'meqelit' banyak, Alhamdulillah. Diturap baru, dibuat baru dan permohonan yang sering saya sebut dari 2018 berkaitan dengan titi depan Masjid Pengkalan Kakap, Alhamdulillah baru-baru ni telah mendapat jawapan, baru-baru ini dilulus oleh pihak JKR untuk menyelesaikan masalah yang sering menyebabkan banjir di kawasan tersebut.

Jadi, terima kasih dan saya ingin menyebut bahawa kerajaan ini bukan kerajaan yang gagal YB. Derga, kalau dulu semasa kami duduk di sebelah sana (pembangkang), Wang Khairat tak dak kedengaran, bila dengar, katanya 80 orang untuk 1 DUN, lepas tu dengar tak dapat kat orang, orang tertentu saja mati katanya. Sekarang ni daripada RM300 naik ke RM500, saya pun bila kita umumkan perkara itu di DUN Tanjung Dawai, kalau rasa-rasa yang nak meninggal akhir tahun 2021 tu tangguh sat, 2022 jadi RM500. Tahniah di atas keprihatinan kerajaan dengan apa yang dibuat dan juga saya rasa apa yang diusahakan ini dalam tempoh yang singkat kita sedang melaksanakan kewajipan kita dan saya yakin bahawa kewajipan tak kiralah di pihak sahabat-sahabat di sana ataupun di sebelah sini menjadi kerajaan, peluang untuk kita untuk mendapat pahala, pahala yang cukup banyak lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan air, setiap titisan air itu adalah pahala untuk kita, tak kiralah dia Exco ka, dia Menteri Besar ka, dia pegawai SADA ka, pekerja SADA ka, tak kira, bila dibuat penuh kejujuran ia adalah titisan pahala untuk kita. Tapi kalau dicemar dengan perkara-perkara yang tak sepatutnya maka dosa itu akan membakar semua pahala-pahala yang sepatutnya kita dapat. Terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan ini dan sekali lagi saya menjunjung kasih di atas titah ucapan Tuanku. Wallahu'alam, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Tanjung Dawai, mengambil masa 28 minit. Saya lebihkan masa kerana sedikit isu melibatkan Pantai Merdeka.

Seterusnya saya persilakan YB. Kota Darulaman.



YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Salam muhibbah kepada YB. Tuan Speaker, YAB. Menteri Besar, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, pegawai dan kakitangan kerajaan serta sidang hadirin sekalian. Terima kasih YB. Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas titah ucapan Tuanku Sultan sempena Istiadat Pembukaan Persidangan DUN Kedah. Berpanduan kepada titah ucapan Tuanku Sultan, ingin saya menarik tumpuan kepada beberapa perkara berikut. Yang pertama fasa peralihan ke endemik, sempena Malaysia akan di buka semula kepada dunia pada 1 April 2022 bagi merencanakan pembangunan dan pemulihan ekonomi negara, adakah kita semua bersedia, apa yang akan berlaku selepas pembukaan sempadan ini, kita semua masih tidak tahu.

Data terkini dari Kedah mencatatkan sebanyak 65 kematian di luar fasiliti hospital (BID) bagi tempoh 1 Januari hingga 12 Mac lalu adalah pada tahap yang menakutkan kerana kes BID (Broad In Death) tidak patut berlaku setelah 2 tahun kita lawan Covid-19. Ini bermakna kita masih gagal menyampaikan mesej yang tepat kepada rakyat jelata kerana hampir 90% daripada yang meninggal tidak tahu mereka dijangkiti Covid-19.

Justeru, saya ingin menyeru kerajaan untuk membuat segala yang boleh dalam menyampaikan maklumat dan kesedaran tentang kepentingan membuat ujian saringan kesihatan selepas individu tersebut mengalami simptom seperti demam, selsema dan sakit tekak. Kita tidak boleh ambil ringan sehingga ramai terkorban dengan Varian Omicron selepas pembukaan sempadan negara. Setahu kita sekarang ini test kit RTK sangat murah tetapi bila dibandingkan dengan RTPCR yang mencecah ratusan ringgit untuk sekali test, keupayaan untuk menentukan sama ada seseorang terjejak dengan Covid adalah kurang tepat di mana kita mungkin boleh beli banyak brand RTK tapi bila kita buat ujian tak semestinya bila dia positif tapi dalam keputusan RTK itu masih negatif. Jadi, adalah penting supaya kos ujian saringan untuk RTPCR diturunkan dari sekarang ini lebih kurang RM200 ataupun RM160 diturunkan kepada harga siling yang lebih rendah agar dapat meringankan beban rakyat untuk menjalani ujian saringan yang lebih tepat.

YB. Tuan Speaker, seterusnya kami sering menerima pertanyaan daripada ramai waris simati yang meninggal akibat Covid-19 pada tahun 2021 bahawa pihak NADMA masih belum menyalurkan bantuan khas kematian Covid-19 NADMA yang berjumlah RM5,000 one/off dan juga bantuan khas Covid-19.



Saya mohon bantuan YB. Bukit Kayu Hitam untuk meneliti isu dan memberi tekanan kepada Kerajaan Persekutuan untuk segerakan bayaran ini kerana ramai yang hidup sengsara selepas kehilangan ahli keluarga. Kita tahu untuk tahun 2021 hampir 2,000 orang yang terkorban akibat Covid dan bayaran ini tidak patut lagi ditangguh dan perlu disegerakan.

Yang kedua, saya ingin menyentuh tentang kemudahan infrastruktur dan utiliti kepada rakyat seperti titah ucapan Tuanku. YB. Tuan Speaker, berdasarkan tinjauan baru-baru ini, saya mendapati ada beberapa kerja-kerja penurapan jalan-jalan raya di Bandaraya Alor Setar seperti tadi yang dikatakan oleh YB. ADUN Derga mendatangkan kesan sampingan di mana penurapan tar jalan yang terlalu kerap dan semakin tebal telah menyebabkan penyingkiran air hujan dari jalanan tersekat dan air hujan bertakung di atas permukaan jalan terutamanya di persimpangan Pekan Simpang Kuala dan Kuala Kedah.

Saya ingin memohon pihak MBAS dan JKR untuk menyemak perkara ini dan melaksanakan penambahbaikan bagi memastikan sistem penyingkiran air hujan berfungsi selepas penurapan jalan demi keselamatan pengguna jalan raya dan piawaian perlu ditetapkan kerana mudah untuk kita turap jalan tapi berapa tebalnya yang boleh kita turap supaya lubang-lubang untuk menyingkirkan air hujan tidak ditutup.

Menyentuh tentang utiliti, saya ingin menyentuh tentang lanjutan tempoh masa untuk kerja-kerja pemasangan meter SIV dan injap bersaiz besar SADA yang telah dilaksanakan pada 22 hingga 25 Februari yang lalu. Pengalaman untuk kerja naik taraf ini telah menyebabkan lanjutan tempoh selama 2 hari, di luar jangkaan dan ini telah menyebabkan penduduk-penduduk di sekitar Rumah Pangsa Simpang Kuala dan Taman BB Park berada dalam keadaan yang stress kerana tidak dimaklumkan terlebih awal untuk menyimpan air dan pada masa itu juga saya menerima banyak aduan yang mengatakan talian aduan SADA tidak dapat disambung dan bila kita minta lori untuk hantar bekalan air sangat susah, saya minta 3 hari, 3 hari pun tak hantar. Untuk dapatkan maklum balas daripada SADA bila rakyat telefon, whatsapp semua tidak ada maklumbalas.

Jadi, pada pendapat saya, dengan CEO yang baru ini saya rasa pihak SADA patut membuat perancangan awal dan membuat persediaan yang terbaik dalam sistem aduan dan memberi maklum balas atau notis awal sebelum melaksanakan kerja-kerja naik taraf bagi menangani isu teknikal di luar jangkaan.



Selain itu, segala portal atau talian aduan SADA perlu diperbanyakkan bagi menerima aduan ataupun permohonan daripada rakyat. Selain itu, pihak SADA juga perlu mamastikan apabila ataupun sebelum melaksanakan kerja naik taraf, pastikan SADA telah beli lori yang cukup ataupun sewa lori yang cukup untuk hantar bekalan air. Kalau tidak kita pergi Lotus kita tengok semua air mineral habis sebab rakyat beli mineral water untuk balik mandi ataupun minum sebab tempoh 3 hari tu sangat panjang. Dan bila saya tanya pegawai SADA dia kata sebab sumber terhad dan mereka dalam usaha untuk beli lori. Tapi yang saya tau sekarang ini nak beli lori pun susah, boleh dapatkan sebut harga tapi lori tak dak stok. Jadi, itu yang saya minta supaya diperhalusi.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Kota Darul Aman, boleh celah?

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Ya... Boleh, silakan! Nanti minta YB. Tuan Speaker tambah masa.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih YB. Kota Darul Aman, Terima kasih YB. Tuan Speaker. Memang banyak kita bincang isu air, cuma hat tu hat yang terkeluar dari mulut, mungkin hat tak terkeluar dari mulut YB. kota Darul Aman, ni Suka Menanti, Jitra, masa hampalah 2017 dulu kelulusan dah ada tapi tak mau teruskan. Sepatutnya siap 2021, kalau siap tu satu tak dak masalah. Jadi, mungkin hat tu hat tak terkeluar dari Kota Darul Aman jadi boleh luahkan. Terima kasih.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Tak betul tu, tak betul!

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Saya rasa saya perlu perbetulkan yang YB. Sungai Limau. Kita tidak boleh tuju menuju sebab mungkin hari ini kamu kat sana, tahun depan kita berada kat sana. Jadi, sekarang ini perubahan kerajaan singkat, jadi kita kalau ada macam tadi YB. Tanjung Dawai kata, "sekadar kita ada kat sini sebagai kerajaan ada cara untuk buat pahala". Jadi, saya rasa kalau sekarang ni berkuasa, buatlah kerja anda.



Kemudian pulangan wang cagaran. Bila kita nak buka akaun SADA, SADA akan minta wang cagaran mungkin RM300 untuk buka satu akaun. Tapi apabila kita tutup akaun, mula-mula saya pergi tanya SADA berapa lama untuk pulangan wang cagaran tersebut. SADA jawab mungkin dalam tempoh 1 minggu, 2 minggu bayaran itu akan dipulangkan. Selepas 1 atau 2 minggu pergi SADA dia kata kena tunggu lagi mungkin 2, 3 bulan. Jadi saya rasa ini merupakan satu prestasi yang tidak baik bagi SADA sebab bila nak buka akaun nak minta cepat-cepat, bila nak bayar balik dia lambat.

Kenapa ini berlaku? Ini tidak patut berlaku kepada rakyat bawahan walaupun wang cagaran RM300 tu tak banyak dan penutupan akaun boleh dilakukan bila-bila masa tapi kenapa bayaran wang cagaran tu lambat dan saya minta supaya perkara ini perlu ditambah baik.

YB. Tuan Speaker, menyentuh topik kemudahan infrastruktur dan utiliti, saya ingin menyuarakan keresahan rakyat berhubung isu naik taraf infrastruktur bahagian perumahan. Pelbagai aduan telah dihantar ke Bahagian Perumahan namun tiada tindakan yang diambil.

Saya mengambil contoh pada Sidang DUN yang lepas saya telah mengadu tentang lampu koridor yang menyala 24 jam untuk satu blok bukan untuk satu rumah dan telah hampir 6 bulan sampai sekarang. Simple saja cuma nak tukar satu sensor yang kosnya tidak sampai RM100 tapi perumahan juga tak buat dan lampu sehingga sekarang masih menyala lagi. Saya minta yang ni siapa yang akan mengambil tindakan, siapa nak tanggung bayaran bil elektrik tersebut.

Di Blok D pula 4 tingkat kita maklumkan kepada Perumahan bahawa ada paip pecah dekat bawah tanah disebabkan lori e-Idaman yang mengumpul sampah menyebabkan paip bocor bawah tanah dan pihak Perumahan telah baiki tapi selepas dibaiki paip masih tetap bocor. Pada akhir tahun lepas penurapan jalan walaupun dalam keadaan paip bocor, Perumahan juga pergi turap jalan dan sekarang ini kebocoran itu telah menyebabkan takungan air dan kini menjadi kolam renang burung sebab cuaca panas, burung tiap-tiap hari pergi singgah sana berenang, minum air. Jadi, kenapa kita perlu bazirkan duit yang beratus ribu untuk buat jalan tapi kita tak buat kajian teknikal ataupun perbaiki apa yang patut dulu sebelum kita turap jalan. Saya harap perkara di atas dapat diambil perhatian oleh YB. Exco Perumahan dan turun untuk bantu menyelesaikan masalah yang berbangkit ini.



Kemudiannya tentang bangunan, struktur bangunan perumahan. Kita tau Flat Simpang Kuala khasnya lah dan Flat Tongkang Yard, kebanyakan bangunan tersebut telah mencecah hampir 40 tahun dan kita nampak sekarang ini telah berlaku rekahan dalam bangunan tersebut. Bila konkrit jatuh dalam tu kita nampak besinya telah karat dan saya minta kerajaan supaya sediakan satu bajet untuk kajian teknikal sama ada bangunan-bangunan ini masih sesuai untuk dihuni atau tidak. Ya, YB. Bandar Baharu, silakan!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Terima kasih YB. Speaker dan YB. Kota Darul Aman. Saya nak tanya satu saja, semua masalah-masalah yang dibawa daripada YB. Kota Darul Aman ni nak menunjukkan Yang Berhormat gagal menyelesaikan masalah rakyat atau apa? Itu saja saya nak tanya, terima kasih.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya rasa yang ni bukan saya gagal menyelesaikan masalah sebab saya rasa kerajaan yang besar ini patut ada cara untuk menyelesaikannya. Bila kami buat aduan perkara remeh ini patut telah diambil tindakan, yang tu saja.

Saya ingin teruskan dengan isu tong sampah kitar semula yang telah diletakkan di sekitar kawasan perumahan atau taman. Sejak kebelakangan ini kita dapat tahu bahawa kebanyakan bahan 'recycle' ataupun sampah-sampah dibuang ke dalam tong-tong sampah recycle ini dan tidak diselenggarakan ataupun dikutip oleh pihak pengurusan dan aduan ini telah dimajukan kepada pihak e-Idaman tetapi masih tiada tindakan diambil. Saya mohon keterangan lanjut berhubung perkara ini.

Untuk tahun ni sebenarnya saya ingin minta Pegawai Kewangan ataupun YAB. Jeneri untuk kurniakan mungkin satu buah 'sky lift' kepada pihak Majlis Bandaraya Alor Setar kerana bila kita buat aduan tentang pokok contohnya pokok tinggi yang sangat lebat kita minta untuk pangkas. Kebanyakan masa dia akan tolak mai, tolak pi, seperti baru-baru ini satu pokok di di hadapan ABC kita minta untuk pangkas tapi MBAS kata, "ini bukan milik saya, dia kata milik JKR" sebab di bawah tu ada lektrik JKR yang dibuat kabel. Bila kita buat aduan kepada JKR, JKR pula kata, "yang ni bukan di bawah tanggungan JKR, ini di bawah MBAS".



Saya rasa dengan sistem yang sedia ada dengan ICT, kita patut tau dengan senang yang itu di bawah seliaan siapa, bawah selenggaraan siapa dan tidak patut saling menolak kepada mana-mana pihak, tindakan perlu diambil dan saya minta YAB. Jeneri untuk kurniakan 'sky lift' sebab setiap kali aduan dia akan kata, sky lift rosak, tak cukup kakitangan, nak kos 'maintenance' untuk sekali tu sangat mahal. Jadi, saya minta supaya permohonan ini dapat diluluskan.

YB. Tuan Speaker, golongan belia adalah antara yang kurang diberi perhatian oleh semua pihak dalam Sidang DUN ini. Pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik jelas menunjukkan bahawa golongan belia memainkan peranan penting untuk membawa agenda transformasi negara. Namun, apabila saya turun ke Johor saya dapati pada pilihanraya di Johor kita nampak dengan jelas bahawa penglibatan golongan ini untuk keluar mengundi adalah rendah dan perlu diberi perhatian sebelum Pilihanraya Umum ataupun PRN Negeri Kedah sekiranya berlaku. Pihak kerajaan dan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) serta pihak bertanggungjawab perlu melaksanakan langkah proaktif untuk meningkatkan kefahaman politik dan mencari jalan keluar untuk menarik golongan ini untuk keluar mengundi pada PRU akan datang. Selain itu, saya berharap pihak kerajaan dapat menyediakan peruntukan khas dalam melaksanakan program-program dengan jalinan SPR dan parti politik, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pelbagai agensi dalam meningkatkan kesedaran demokrasi bagi membina satu momentum dan memahami aspirasi tanggungjawab untuk turun mengundi di negeri ini sebab generasi muda penentu masa depan negara.

Kita berharap pihak YB. Exco Kuah dapat berusaha untuk meningkatkan kesedaran sebab semasa di Johor memang kita nampak anak muda kita yang berjumpa umur 18 hingga 20 bila kata, "hang boleh keluar mengundi tak"? Dia kata, Oh! Tak maulah, segan, ikut ibu bapa. Jadi, kita kena tingkatkan kefahaman dan kepentingan mengundi.

Dalam Sidang DUN ini saya mendengar ramai yang teruja dengan pengeluaran wang KWSP seperti yang saya bahas pada Sidang Bajet 2022 rakyat telah membuat pengeluaran khas KWSP Negeri Kedah berjumlah RM7.1 billion melalui Skim i-Lestari, i-Sinar dan i-Citra bagi yang berumur 55 tahun ke bawah. Tindakan pengeluaran terdesak simpanan KWSP tidk mampu merangsangkan ekonomi sebab yang kita tau memang sebahagian besar yang dikeluarkan tu hanya untuk kecemasan ataupun bayaran pinjaman.



Dengan pengeluaran skim-skim ini, sebanyak 492 ataupun 91.7% bilangan ahli KWSP tiada simpanan asas yang kurang daripada RM10,000. Ini menunjukkan jumlah ahli yang layak membuat pengeluaran untuk kali ini yang telah diumumkan akan tidak layak. Maknanya, bila kita simpan KWSP, gaji minimum RM1,200 kita simpan setiap bulan cuma RM100 kita simpan, simpan dan ia akan ambil untuk kumpulkan RM10,000 dengan pembahagian akaun 1 dan akaun 2 yang akan mengambil masa 12 tahun untuk tampung balik. Jadi, soalan saya ialah kenapa rakyat perlu mengorek duit persaraan sendiri dan bukannya kerajaan bantu salurkan peruntukan untuk bantu rakyat?

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kota Darul Aman, masa sudah melebihi 1 minit!

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Saya nak 'landing' dah, ok. YB. Tuan Speaker, saya memang menyambut baik kenaikan gaji minimum daripada RM1,200 kepada RM1,500 yang diumumkan oleh Perdana Menteri tetapi bukannya pada fasa pemulihan ekonomi. Peningkatan semata-mata sebanyak 25% ke atas gaji pokok akan memberi kesan ke atas kos keseluruhan gaji dan memberi kesan kepada kos perniagaan dan berpotensi menjejaskan perniagaan dan pemulihan ekonomi khususnya dalam konteks Negeri Kedah. Pendamik Covid-19 yang berlarutan sepanjang 2 tahun ini telah menyebabkan peningkatan kos perniagaan dan memberi kesan yang mendalam terhadap setiap aspek perniagaan. Risiko berterusan ini akan menyebabkan keupayaan syarikat pulih daripada pandemik terjejas tambahan pula dengan rakaian bekalan global dan logistik yang tidak menentu.

Dengan keadaan ini, syarikat-syarikat mikro yang kurang pusingan modal perniagaan akan menghadapi tekanan besar dan memilih untuk menutup perniagaan atau pindah ke luar negara yang lebih murah kos pekerjaanya. Saya merayu kerajaan negeri untuk mengambil langkah proaktif mengkaji kesesuaian pelaksanaan kenaikan serta merta gaji minimum kepada RM1,500 pada bulan Mei ini. Adakah wajar pendekatan kenaikan progresif secara berfasa dilaksanakan dan bukan serta merta naik 25% ataupun kenaikan RM300.

Akhir sekali itulah yang ingin saya sampaikan dan saya menjunjung kasih titah ucapan Tuanku Sultan. Sekian, terima kasih.



YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kota Darul Aman. Seterusnya saya persilakan YB. Jitra.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera. Jitra turut membahaskan usul menjunjung kasih ke atas titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah tempohari dengan bermula berkait dengan tajuk kos sara hidup yang semakin meningkat. Kita lihat bahawa di serata negara kita ini termasuk di Negeri Kedah harga barang yang meningkat naik, harga barang pembinaan pun meningkat naik yang tentunya membebankan masyarakat kita dalam keadaan pendapatan tidak berubah ataupun menurun akibat daripada kesan Pandemik Covid-19 baru-baru ini dan ini tentunya mencemaskan rakyat dan mereka mengharapkan bantuan daripada kerajaan dan saya harap bahawa kerajaan negeri boleh memberi perhatian dalam hal ini lebih-lebih lagi dalam soal bagaimana kita boleh meletakkan siling kepada harga barang-barang asas.

Sudahnya ada cara untuk kita lakukan termasuklah di peringkat kerajaan negeri sekalipun. Saya tahu bahawa KPDNKK saya tak pasti namanya sekarang mungkin KPDNHEP yang mengawal harga barang ini biasanya akan melakukan tindakan-tindakan tertentu untuk memastikan harga barang itu tidak melambung terlalu tinggi. Walaupun begitu, saya kira masih ada ruang untuk kerajaan negeri juga menyumbang ke arah ini supaya rakyat Negeri Kedah ini dapat mengurus hal kehidupan mereka itu tanpa dikekang dengan macam-macam masalah kekurangan wang dan pendapatan.

Berkait dengan perkara itu saya juga mendengar apa yang telah disebut oleh YB. Kota Darul Aman berkenaan dengan gaji minima. Ini telah diumumkan oleh YAB. Perdana Menteri baru-baru ini RM1,500 sebulan. Ianya akan memberi impak yang sangat besar tentunya kepada pekerja tetapi ianya akan memberi kesan kepada pengusaha-pengusaha yang tidak mampu untuk membayar gaji minima tersebut bagi pekerja-pekerja mereka. Saya tahu bahawa asas sebenar yang kita perlu beri perhatian ialah kemampuan seseorang itu untuk menyara hidup. Kalaupun kadar gajinya meningkat tetapi inflasi naik secara mendadak dan kita dapat lihat kadar inflasi yang diumumkan oleh kerajaan kita nampak macam berbeza dengan apa yang kita hadapi setiap hari apabila kita membeli barang-barang makanan. Jadi, tekanan yang dihadapi oleh warga kita ini walaupun dengan gaji minima masih tidak menyelesaikan masalah. Jadi, saya harap kedua-dua ini dapat diimbangi iaitu walaupun nak dinaikkan kadar gaji tapi pada waktu yang sama harga barang pun perlu dikawal.



Antara yang paling terkesan akibat daripada gaji minima ini ialah sekolah-sekolah agama rakyat di Negeri Kedah. Mereka sekarang ini dalam keadaan yang sangat-sangat tertekan akibat daripada PKP selama 2 tahun ini, banyak bulan jugaklah tak bukak, kalau tak silap tahun 2020, 3 bulan dan 2021 ada sebulan saja. Maka tunggakan yuran yang tidak berbayar oleh ibu bapa ada di kalangan mereka yang sampai RM70,000, ada yang sampai RM100,000. Bantuan yang mereka terima daripada kerajaan yang dianggap sangat-sangat tidak cukup. Kini kita lihat bahawa ada sumbangan RM10 per kapita setahun yang dianggap terlalu sedikit dan tak semua sekolah-sekolah agama rakyat ini dapat sebenarnya. Walhal survival sekolah-sekolah ini bergantung kepada batuan per kapita. Daripada 900 guru-guru sekolah agama rakyat di Kedah, dulu Majlis Agama Islam Kedah pernah membiayai 450 iaitu separuh daripada jumlah mereka itu tetapi kini dah turun sehingga 200 orang sahaja. Mereka juga saya kira perlu disahkan dalam jawatan kerana pada waktu ini walaupun dibiayai oleh Majlis Agama Islam yang 200 yang saya sebutkan tadi, mereka ini diletakkan di bawah status guru sementara. Kalau guru sementara ni faham-faham sajalah, dia nak buat pinjaman bank pun payah.

Jadi, saya ingin mengesyorkan kalau boleh seramai mungkin lah di antara guru-guru sekolah agama rakyat ini diletakkan di bawah Majlis dan disahkan dalam jawatan ataupun sekurang-kurangnya diletakkan di bawah status guru-guru kontrak sepertimana yang telah kami lakukan sebelum ini. Jadi, kalau guru kontrak ni sekurang-kurangnya mereka bolehlah membuat pinjaman bank dan sebagainya. Saya tahu pada 9 Oktober tahun lepas kerajaan negeri telah mengumumkan mengenai... Ya...sila!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Alhamdulillah, terima kasih kepada YB. Jitra, YB. Tuan Speaker. Tadi YB. Jitra ada sebut tentang guru-guru Majlis, pengurangan daripada 400 kepada 200 lebih kurang sekarang ini dan untuk makluman itulah yang kami pernah bangkitkan dulu semasa kami duduk sebelah sana (pembangkang). Pengurangan ini berlaku apabila penarikan per kapita sekolah-sekolah agama mulai 2003 lagi dan kita rayu supaya ditambah tetapi ia kekal, 200 tu sudah lama bukan baru dan kita juga sedang mohon kepada pihak kerajaan untuk pertimbangkan pertambahan jumlah ini paling kurang kembali kepada asal dan cadangan YB. Jitra itu kita pun telah kemukakan kepada YB. Exco dan InsyaAllah kita harap kita pakat sama-samalah membela nasib sekolah-sekolah agama, InsyaAllah. Terima kasih YB. Jitra.



YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Jitra, saya bagi laluan kepada YAB. Menteri Besar. Silakan!

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Speaker, saya pohon mencadangkan di bawah Peraturan 12(1a) Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya Sidang Dewan pada pagi ini disambung semula pada jam 2.30 petang selepas ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari.

Sekian, terima kasih.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Speaker, saya pohon menyokong cadangan tersebut.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya bersetuju dengan usul yang dibuat oleh YAB. Dato' Seri Menteri Besar. Silakan YB. Jitra!

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya ucapkan terima kasih di atas pencelahan daripada YB. Sungai Limau tadi bersetuju dengan cadangan saya supaya lebih ramai lagilah di kalangan guru-guru sekolah agama rakyat kita ini boleh diletak di bawah Majlis.

Soal keduanya ialah mengenai bajet baik pulih Sekolah Agama Rakyat. Saya tahu bahawa pada bulan Oktober tahun lepas kerajaan negeri telah mengumumkan bahawa sudah membelanjakan RM12.3 juta bukan hanya untuk baik pulih tapi untuk pelbagai bagi membantu sekolah-sekolah agama rakyat, maahad tahfiz dan pondok-pondok, tapi saya kira kalau boleh lah diminta daripada pihak JAKIM. Saya tahu bahawa JAKIM ada peruntukan, maksimumnya RM70,000 bagi setiap sekolah tapi untuk tujuan baik pulih. Tapi kalau boleh lah diminta daripada pihak JAKIM pertimbangan mereka untuk membenarkan peruntukan itu dibelanjakan untuk pengurusan sekolah termasuklah membayar gaji yang dah lama tertunggak ini.



Tadi saya sebut mengenai gaji minima. Gaji guru sekolah agama ni antara RM700, RM800 ada juga yang mencecah RM1,100, itu pun tak ramailah, guru lantikan jabatan ada yang sampai RM1,100, itu pun lagi tak ramai dan ianya bukanlah di bawah pembiayaan sekolah. Tapi kalaulah gaji minima ini dilaksanakan pada kadar RM1,500 saya bimbang kebanyakan ataupun kesemua daripada sekolah agama rakyat kita ini terpaksa gulung tikar. Jadi, ini satu keadaan yang sangat-sangat menyukarkan kita, ini pun berkait dengan 'survival' sekolah agama kita yang sudah menjadi institusi bagi Negeri Kedah kita yang mana Kedah menjadi tersohor di serata negara kita ini kerana sekolah-sekolah agama kita.

Jadi, saya kira perkara ini perlu diberi perhatian yang serius. Apa agaknya yang boleh dilakukan oleh kerajaan negeri supaya institusi sekolah agama rakyat ini tidak terkubur kerana kekangan kewangan. Salah satu perkara yang saya ingin cadangkan agar semua pengetua-pengetua sekolah agama rakyat ini diletakkan di bawah Majlis supaya gaji mereka itu tidak menjadi satu masalah kerana saya bimbang ada pula di kalangan pengetua sekolah agama yang dah boleh dianggap sebagai asnaf kerana sedikit yang mereka terima itu dia belanja untuk bayar gaji guru-guru yang lain dan sebagainya.

Saya telah menerima jawapan secara bertulis untuk Sidang Dewan kali ini berkait dengan pertanian. Jadi, saya nak ubah topik kepada pertanian pula. Saya nak bangkitkan mengenai harga benih padi sah, itu pun telah dijawab.

Walaupun begitu, jawapan yang telah diberikan itu yang sebenarnya secara keseluruhannya berkait dengan jaminan bekalan makanan yang menjadi salah satu tanggungjawab berat yang dipikul oleh Kedah. Dalam soal benih padi, mungkin kerana penguatkuasaan agak lemah, kawalan harga maksima iaitu RM31.00 di pintu kilang bagi pengeluar dan pemborong maksima RM32.00 kepada peruncit termasuk pengangkutan dan RM32.00 hingga RM35.00 kepada pesawah. Saya lihat tidak dipatuhi sebenarnya di mana kesemua pihak-pihak ini terpaksa beli pada kadar harga lebih daripada RM35.00. Mungkin juga kerana pengeluar benih ini diberi kuota yang telah disahkan akan dapat 'claim' subsidi maka mereka tak bersungguh-sungguh untuk mengeluarkan benih padi ini pada kualiti yang sepatutnya yang menepati piawaian dan mereka juga mengenakan harga yang begitu tinggi. Jadi, kadang-kadang mereka beri kata putus kepada pembeli ini terima atau tinggal iaitu 'take it or leave it' (dengan izin). Jadi, mengapa tiada tindakan diambil terhadap pengeluar-pengeluar benih ini yang tidak langsung menepati kadar harga maksima.



Mengenai racun pula, tambahan RM100 untuk SIPP itu hanya untuk tahun 2022, jadi bagaimana dengan tahun depan dan tahun-tahun seterusnya. Nampaknya pilihan racun pun agak terhad, kenapa tidak diberi kupon atau baucer supaya petani boleh pilih input pertanian mereka sendiri mengikut kesesuaian tanah dan lebih jimat dan juga berkualiti. Pasaran yang lebih terbuka akan wujudkan saingan yang sihat yang mana dengan sendirinya akan mengawal harga. Saya juga lihat kerana saya di antara orang yang merasakan bahawa estet padi adalah satu pendekatan yang perlu kita buat tetapi saya agak tertarik dengan penolakan oleh banyak pihak termasuk daripada NAFAS, persatuan-persatuan seperti pesawah terhadap 'SMART SBB' yang mana mereka menyatakan hujah-hujah yang saya nampak agak perlu kita ambil kira betul-betul dan cadangannya ialah untuk dibenarkan koperasi tertubuh untuk menguruskan Jelapang Padi ataupun satu estet yang lebih luas untuk diusahakan bersama dan daripada situ mungkin boleh mencapai skala ekonomi. Jadi, saya lihat mungkin sistem itu masih belum lagi terurus dengan baik yang akan memberi manfaat kepada semua pihak termasuk petani-petani mereka sendiri.

Seterusnya YB. Tuan Speaker, saya ada berapa minit lagi tak tau? Oh! 5 minit lagi? Saya kena sampaikan permintaan, hari tu bersama dengan YB. Anak Bukit saya pergi KEDA Malau, KEDA saya taulah satu agensi Persekutuan tetapi ada permintaan-permintaan mereka saya ingat kerajaan negeri pun boleh beri perhatian. Antara lain ialah 'signal' telekomunikasi yang terlampau rendah. Hari tu pun YB. Anak Bukit dah sebut perkara ini dia kata, "seketoi saja yang dia nampak dalam telefon dia". Kita harap boleh naiklah sampai dua tiga ketoi. Minta supaya syarikat-syarikat telekomunikasi ini menggunakan dana USP untuk tujuan tersebut. Dana tu dah ada boleh kita pakai di bawah SKMM dan kalau boleh dipohon bagi pihak KEDA Malau supaya signal tu ditingkatkan kerana pelajar-pelajar semasa PDPR hari tu masalah dia tak dapat signal.

Yang keduanya ialah geran tanah, ada 56 pintu di situ. Saya tahu ini di bawah skim KEDA, tetapi sejak sekian lama penghuni-penghuni di situ dah minta geran tanah tapi selalu disebut bahawa ia sedang diuruskan, sedang diuruskan tapi dah 30 tahun saya ingat, tak dapat- dapat juga. Jika boleh, gunakan azam politik daripada YAB. Jeneri saya ingat boleh lulus dengan serta merta benda ni. Takkan nak ambil dah tanah tu, memang dia dah duduk dah pun. Kemudian, tanah perkuburan. Tanah itu ialah tanah Veterinar sebenarnya yang tak digunakan. Maklumlah, kalau ada kematian di kalangan warga di KEDA Malau tu dia terpaksa minta izin daripada masjid di Malau untuk mengkebumikan di situ, tapi kalau boleh disediakan tanah perkuburan mereka sendiri dalam kawasan sebelah itu saja iaitu kepunyaan pihak Veterinar maka selesailah masalah mereka. Dan yang terakhir sekali berkait dengan KEDA Malau ini..... (YB. Sungai Limau mencelah)



YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Jitra, saya nak celah sikit!

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Ya... Sila!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Bersesuaian dengan tajuk YB. Jitra, tanah perkuburan tu mungkin untuk perhatian kepada Jabatan Agama Islam dan mungkin YB. Jitra boleh bersetuju supaya tanah-tanah yang orang nak wakaf tu disegerakan pengurusannya oleh Jabatan Agama, tidak tertangguh begitu lama sebab kalau tertangguh begitu lama orang hat nak wakaf tu meninggal, dia akan jadi lebih bermasalah. Jadi, kita harap perkara itu mungkin termasuk dalam tanah perkuburan, tanah masjid apa semua supaya di peringkat Jabatan Agama kalau untuk perindustrian kita ada e-Tend mungkin boleh proses mempercepatkan tanah-tanah yang ingin diwakafkan oleh pewakaf supaya dapat disegerakan. Terima kasih YB. Jitra.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Saya pohon supaya ucapan YB. Sungai Limau dimasukkan dalam ucapan saya. Akhir sekali ialah mengenai tiang lampu sepanjang jalan masuk, 600 meter saja dan saya harap tiang lampu boleh dipasang dan jalan tersebut boleh dilebarkan.

Akhir sekali YB. Tuan Speaker, ialah mengenai Akta Anti Lompat Parti. Saya tahu perkara ini dah dibincangkan di peringkat Parlimen tapi tak diusulkan pun, tak dibentangkan dalam Parlimen. Tapi saya kira di peringkat negeri pun boleh kita pertimbangkan kalau kita serius mengenai gejala lompat parti ini. Kalau kita anggap ianya suatu perkara yang memudaratkan dan saya kira mungkin kerajaan sekarang pun sangat-sangat bimbang kalaulah berlaku sebelah-sebelah sana nak lompat ke sebelah sini (sambil ketawa) tumbang kerajaan dan kita rasa itu akan tidak menstabilkan keadaan. Kita harap sudah-sudahlah dengan lompat-lompat parti ini dan kita ok saja kalau nak biarkan kerajaan sedia ada ni terus saja rapat hingga habis penggal. Tadi pernah dicadangkan, saya tak ingat YB. Sungai Limau ka tadi yang mencadangkan supaya kerajaan ni dibiarkan mentadbir.



Sorry, YB. Bayu yang bangkitkan perkara ini dan saya bersetuju dengan perkara itu, tak payah kacau-kacau lagi. Kami yang ada di sini 13 ka, kami lompat pun takkan jadi apa, (samabil ketawa) pasal kalau kami jatuh pun kami bukan kerajaan jadi yang bimbang lompat ni adalah sebelah sana lah. Jadi saya rasa tak salah kalau di peringkat negeri pun kita mengusulkan satu akta baru "Anti Lompat Parti" tapi nak kena fikir betul-betullah apa impaknya tapi tujuan dan niatnya itu jelas untuk menstabilkan politik negeri dan menghormati mandat rakyat sewaktu pilihanraya.

Dengan itu saya ingin menyokong usul menjunjung kasih titah Tuanku Sultan baru-baru ini. Terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Jitra yang sarat dengan saranan yang baik kepada pihak kerajaan dan juga menepati masa yang diperuntukkan. Secara sedar dan tidak sedar, itulah keunikan DUN Kedah kerana 'consensus' juga boleh berlaku dalam Dewan melalui perbahasan-perbahasan secara langsung dan tak langsung.

Seterusnya saya persilakan YB. Belantek! YB. Belantek diberi masa sehingga jam 1.00 dan yang kurang tu kita akan tambah selepas jam 2.30. Jadi, tepat jam 1.00 minta 'landing'. Silakan!

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Auzubillahiminassyaitonirrojim. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah robbil 'alamin wassola tuwassala muala asyrofil anbiya iwal mursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Robbish rohli sodri wayarsirli amri wahlul 'uddatan millisani yafkhohu khauli. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. Speaker, yang dihormati dan dikasihi YAB. Dato' Seri Menteri Besar Kedah, Tuan Haji Mohammad Sanusi bin Mohd Nor dan keseluruhan Ahli-ahli Dewan, juga pengurusan pihak pentadbiran, ketua-ketua jabatan yang ada dalam Dewan hari ini, Alhamdulillah. Saya bila masa untuk membahaskan titah ucapan KebawahDuli Yang Maha Mulia Tuanku Tuanku yang pertama sekali dalam pengalaman saya masuk Penggal Ketiga ini, titah ucapan Tuanku dia ada berlapis asas sebagai satu asas dalam menentukan gerak kerja dia, gerak kerja yang diamanahkan yang ditentukan kepada kita untuk melaksanakan yang mana di dalam peringkat awal lagi dalam titah ucapan Tuanku disebut, "melangkah ke hadapan, beta ingin menasihatkan kepada semua pihak untuk mengamalkan demokrasi masyarakat". "Menasihatkan", bila kita faham



pengertian menasihati, menandakan satu tautan yang perlu kita faham bahawa baginda Tuanku begitu prihatin di dalam menilai apa saja perkembangan pentadbiran kerajaan negeri lebih-lebih lagi mereka yang diletakkan oleh Allah s.w.t sebagai pimpinan pentadbiran kerajaan negeri dan keseluruhan kita ada tanggungjawab dan peranannya. Peranan dan tanggungjawab inilah yang menghasilkan kejayaan dalam pentadbiran.

Maka mesyuarat dalam bentuk untuk meletakkan Negeri Kedah sebagai negeri yang berjaya yang kita sandarkan sebagai “Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua” merupakan suatu benda yang cukup hebat. Kewarasan kita untuk menerima agenda ini, peranan dan tanggungjawab yang kita ketahui bahawa kita dilantik oleh Allah s.w.t ditakdirkan oleh Allah s.w.t berada di dalam Dewan ini. Saya nak sambung sikit apa yang telah saya sebut dalam ucapan saya yang lepas kerana ada kaitan dengan tanggungjawab dan peranan. Kita ditakdirkan oleh Allah s.w.t bekerja dalam Negeri Kedah sebagai Kerajaan Negeri Kedah maka di sini kita diberikan gaji, dibayar untuk kita bertugas untuk memajukan Kedah yang dibayar gaji ini bukan sekadar pihak yang menang atau pihak yang mentadbir termasuk pembangkang pun sama diberi gaji. Dengan gaji inilah kita mencari rezeki untuk membela keluarga, untuk jaga anak bini, untuk jaga cucu cicit kita, darah daging kita disalurkan dengan duit kita bekerja sebagai pentadbiran ataupun apa sekalipun di dalam Kerajaan Negeri Kedah. Kerajaan negeri yang membayar duit tetapi takdir Allah yang menentukan kita keadaan yang macam tu, ini harus kita faham.

Kalau habis kerja pun kita dapat pencen, diberi oleh kerajaan negeri, kita nak beli kereta, kita nak beli tanah, kita nak beli rumah, apa pun hari ini ada duit yang disalurkan oleh Allah melalui pentadbiran kerja kita hari ini. Seheingakan kalau kita mati pun diberi lagi, pencen diberikan kepada kita diserahkan kepada isteri, menandakan peranan dan tanggungjawab itu selama hayat. Sebab itu apabila kita meletakkan diri kita sebagai pentadbir dan pengurusan untuk menentukan kejayaan di Kedah ini, kesedaran inilah yang mewujudkan mesyuarat-mesyuarat hari ini untuk menentukan kejayaan pentadbiran negeri. Kita tidak boleh masuk ke Dewan hanya sekadar untuk membahaskan tentang kedudukan suara atau membincangkan tentang kesilapan dan sebagainya. Tetapi kita masuk ke dalam Dewan adalah untuk menentukan kejayaan tidak kira siapa bersama dalam arus untuk mentadbirkan Kerajaan Negeri Kedah. Ini yang dikehendaki oleh baginda Tuanku sama ada kerajaan dan pembangkang kita bersedia untuk membantu membangunkan Negeri Kedah.



Alhamdulillah, itu peranan yang ada kaitan kita dengan Allah s.w.t. Sebab itulah apa yang kita fahamkan hari ini dalam amanat awal baginda menasihati dalam masyarakat makna terima titah Tuanku ini, baru kita faham bahawa ada peranan dan bebanan yang perlu ditanggung untuk melunaskan tanggungjawab kita sebagai pentadbir sama ada peringkat tinggi ataupun peringkat rendah, YB-YB. dan sebagainya, ketua-ketua kerajaan dan sebagainya, Allah telah menentukan kedudukan kita hari ini. Bila kita faham begitu, maka apabila disarankan dan dinasihati bagi kita sebagai seorang pentadbir atau keseluruhan kita ini dalam menentukan pentadbiran maka di sini kita dapati ia membentuk apa saja yang wujud hari ini dalam melaksanakan tanggungjawab dan peranan kita terhadap negeri disebut dalam titah ucapan ini menandakan keprihatinan baginda Tuanku terhadap pengurusan dan pentadbiran. Ia meletakkan pengurusan dan pentadbiran ini untuk menentukan bahawa yang di bawah pentadbiran dan pengurusan ini ialah rakyat mendapat infak apa yang akan kita laksana ataupun yang telah terlaksana. Ini benda yang sebenar yang diberikan contoh di dalam mesej ini disebut, "tahniah diucapkan kepada kerajaan negeri kerana berjaya memperoleh kutipan hasil terbanyak RM688.04 juta".

Jadi, maknanya, di dalam menentukan ia menilai apa yang kita buat. Kalau dinampakkan bahawa ini satu benda yang telah berjaya yang boleh sampai ke tahap "Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua". Tahniah!! Baginda mengucapkan tahniah kepada pengurusan dan pentadbiran. Di dalam ini juga disebut, "baginda amat menghargai kepada segala usaha oleh pihak kerajaan negeri, keprihatinan dan pemerhatian baginda. baginda bangga dengan apa yang telah dilakukan oleh pentadbiran, baginda bangga dengan keseluruhan ketua-ketua jabatan dan semua Ahli-Ahli Dewan. Ini yang ada dalam jiwa Tuanku yang melafazkan hari perasmian, maknanya kita harus faham. Yang telah kita dapat hari ini, apa yang telah dilaksanakan hari ini bukan saya nak kata pujian, maksud saya Tuanku telah nampak apa yang telah dilaksanakan. Sebab itu diulang ayat dalam buku ini lebih 18 kes ataupun isu, "Ahli-Ahli Yang Berhormat, beta menyambut baik komitmen Kerajaan Negeri memacu pertumbuhan ekonomi negeri dan sebagainya" dan disebut lagi, "kejayaan-kejayaan ini adalah hasil jalinan kerjasama erat antara kerajaan negeri dan lain-lain agensi". Walaupun banyak saya baca petikan, tapi bila disebut macam tu saya mengharapkan hari ini pada kita semua yang punyai tanggungjawab sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri ataupun ketua kerajaan dan sebagainya, yang melaksanakan pentadbiran Negeri Kedah, ingatlah bahawa kita ini dalam perhatian untuk mencari keredaan Allah s.w.t. Sebab itu saya sebut kita ini tak boleh lari daripada keikhlasan, tak boleh lari daripada amanah, tanggungjawab dan upahan yang diberikan kepada kita. Bila kita faham macam tu, kita minta bahawa satu mesyuarat yang ada perpaduan boleh meletakkan kejayaan.



Tapi Alhamdulillah bila saya nilai tengok antara dua tiga hari ataupun dalam mesyuarat yang lepas-lepas, sama ada ahli-ahli daripada pembangkang dengan kita ini dia nampak ada satu rumpunan kasih ataupun mesra dengan memberikan respon-respon yang baik. Ada respon yang baik yang diberikan oleh pembangkang, dia bersetuju dengan apa yang telah dijalankan, ada respon yang baik disebut dengan pembangunan yang ada, dengan pelaburan yang ada ini boleh Kedah diletakkan sampai hasrat ataupun kejayaan untuk "Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua". Jadi bila saya tengok macam ni Alhamdulillah, sebab itu saya berani cakap bahawa kita mesti letakkan matlamat itu sebagai panduan dan hala tuju kita dalam musyawarah. Nak perang macam mana peranglah dalam Dewan ini tapi bila keluar tugas dan peranan kita untuk mentadbir Kedah walaupun terpaksa berhadapan dengan keadaan dan sebagainya. Tapi jiwa kita hari ini ialah meletakkan matlamat lebih-lebih lagi kita orang Islam bersangkut dengan Allah s.w.t dalam kerja buat kita, itu yang pertama.

Yang kedua, saya nak sebutkan di sini kalau baca pun banyak sangat lah, saya nak sebut di sini keprihatinan kita ini. Apabila kita telah membuat suatu keputusan di dalam Dewan, contohnya kita telah buat satu keputusan, "judi". Judi telah diletakkan satu keputusan dalam perbincangan Dewan yang lepas iaitu satu masa yang baik, ketika yang baik, ruang yang ada, peluang yang wujud, orang Belantek kata 'excellence'. Ini yang berlaku dan telah pun dilakukan kita lihat mungkin dalam Dewan sahaja kita berperang dan bertikam lidah dengan isu ini tetapi bila keluar Dewan, tidak ada manusia yang mai jumpa YB. "kami tak setuju gitu-gitu", Alhamddulillah. Di Sik, tempat saya Belantek ada orang Cina sendiri pun kemari dia kata, "baguslah, kalau tidak saya punya depan rumah hari-hari mari".

Bukan dia jual pun, sebelah dia. Maknanya, saya nak sentuh sedikit kepada YB. Derga tadi, waktu saya bangkit tadi tidak diberi ruang, YB. Derga sebut, "haram bagi orang Islam dengan minum arak atau berjudi", itu baguslah tetapi yang bukan Islam maknanya tak betul. Bagi orang Islam tak bolehlah buat macam tu, saya nak jelaskan di sini kita tidak mengharamkan orang bukan Islam minum arak atau berjudi tetapi kita mengharamkan tu supaya premis perjudian kita tidak keluarkan lesen. Bukan kita nak haramkan dia main judi, nak larang dia, dia nak pergi di Penang ada, Genting Highland ada, di mana pun ada. Harus faham bahawa kita berperanan apabila ruang ada hari untuk menentukan pentadbiran kita itu bersih dan diredai oleh Allah, kita telah berjaya. Kita tak larang kalau nak main judi, tak larang minum arak. Kalau nak balas balik hat tadi tak bagi saya pun tak bagi tapi saya kesian tengok...



YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih! Terima kasih! Terima kasih YB. Speaker. Tadi YB. Belantek kata di Sik ada judi ya, ada premis judi kalau tak salah saya lah. Yang tu satu nak tanya. Yang kedua, saya hanya nak bandingkan ketum tu haram sekarang tapi nak minta pula dikeluarkan untuk dieksport. Sebenarnya kita tau ketum tu ia lebih merbahaya dan juga merosakkan sebab kawalan terhadap ketum lagi susah untuk dikawal, itu maksud saya berbanding dengan premis judi yang jelas, yang ni sesuatu tempat untuk sesiapa yang nak saja, itu perbandingan. Memang kita tau apa yang dimaksudkan itu YB. Belantek, saya nak perelaskan yang itu. Saya hanya nak minta YB. Belantek tarik balik jiran yang Cina tu...(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Derga. Saya rasa YB. Belantek dah faham.

YB. Belantek, saya hentikan setakat ini dulu, kita akan sambung jam 2.30 petang.

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Naik keta buruk petang ni nak buh gear payah ooo...

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Belantek. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan dan akan disambung pada jam 2.30 petang ini. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari]



[Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang]

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan disambung semula.

Urusan seterusnya. Setiausaha.

Oh! YB. Belantek, sila 'landing'!

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Dato' Speaker, terima kasih di atas pemberian sambungan ucapan perbahasan. Saya ingin menjelaskan kembali apa yang telah disebut, ketika terputus tadi saya pun tak sedar tang mana. Tapi apa yang kita membicarakan tentang masalah keputusan bahawa kita tidak melarang sesiapa lebih-lebih lagi orang yang bukan Islam kerana kita tahu. Jadi, isu yang kita buat ini adalah keputusan yang diambil iaitu tidak membenarkan premis perjudian dilaksanakan dalam Negeri Kedah. Kalau dia nak berjudi apa boleh keluar dari Kedah ni pergi Penang ka pergi mana, itu kita tak larang kerana kita bertanggungjawab, pentadbiran atau kerajaan negeri bertanggungjawab di atas premis tadi. Kita menjadikan Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua semoga kerja baik kita ini akan diberi Allah s.w.t nikmat yang berganda. Sebab itu YB. Dato' Speaker, saya terangkan perbezaan antara benar tak benar tu bukan tak benar, hanya premis sahaja yang berkaitan bukan orang, itu yang kita perelaskan dalam masalah judi.

Saya ingin menyambung sedikit lagi dalam bentuk pentadbiran kerajaan yang ada pada hari ini. Saya nampak satu peningkatan pelaburan yang cukup hebat. Jadi, apabila berlaku begini, bagi saya satu tambahan rezeki oleh Allah kepada rakyat Negeri Kedah. Walaupun kita tidak nampak lagi hasil daripada apa yang dibangunkan, tetapi pelaburan yang masuk ke dalam Negeri Kedah ini satu benda yang jika dibandingkan dengan sebelum ini kita rasa pelik lah. Kita letak satu keberkatan daripada Allah s.w.t terhadap pentadbiran kita. Jadi, tak kiralah pada tahun ni ka 15 tahun akan datang ka, maknanya kita mendapat peruntukan pelaburan itu, itu yang sebenarnya. Jadi, kita harapkan bahawa dalam masa terdekat ini dilaksanakan kalau dalam masa 15 tahun lagi pun tak pa, kita rasa kebahagiaan akan memberi ruang kepada kita hari ini dapat membantu mengagihkan sedikit sebanyak tentang kedudukan pentadbiran kita ini terhadap rakyat.



Masalah perumahan yang disebut oleh keseluruhan YB., masalah pekerjaan, pelbagai masalah yang kita hadapi ini InsyaAllah ada ruang ke depan. Apabila kita perhatikan pelaburan yang masuk dan pendapatan kerajaan negeri sendiri yang ditahniahkan oleh baginda Sultan pada 2 hari lepas dan kita bersyukurlah. Jadi kita semua ini sama ada daripada kalangan Ahli Dewan ataupun ketua jabatan bertanggungjawab penuh dalam melaksanakan kewajipan atau tugas terhadap pentabiran ini kita dapat infak dengan keikhlasan inilah yang meletakkan kejayaan, InsyaAllah. Pasai ini bukan kerja murah, kerja mahal, bukan semua orang boleh buat, bukan semua boleh menutup keburukan. Saya kalau masuk-masuk dulu, kalau kata nak mari RM65 billion saya rasa macam tak masuk akal dalam kepala, tetapi kerja Allah. Sebab itu keikhlasan dalam menentukan kerja buat hari ini biarlah kita berperang dalam ni, tapi dalam keadaan suasana yang lain kita menjadi suara pembina di dalam kejayaan Negeri Kedah. Ini yang disebut baginda Tuanku bahawa dalam memberi peggormatan dan ucapan tahniah di atas kejayaan, 2 kali. Jadi, kita pun mengharapkan begitulah urusan dalam keadaan berterusan lagi mungkin perkara-perkara yang bersangkutan dengan benda yang akan dibuat dalam tempoh terdekat.

Yang kedua saya ingin sebutkan sedikit, kalau dia sampai boleh cakap kut. Apabila dibangkitkan oleh YB. Jitra tentang kedudukan KXP... tak dak juga. Memanglah keadaan di lapangan terbang ini ia bukan bersangkutan dengan agensi Penerbangan Awam di Malaysia sahaja bahkan ia melibatkan dengan ICAO (International Civil Aviation Organization). Jadi, masalah tu akan datang lagi dalam apa yang kita usahakan ini. Jadi, saya nak sarankan kita ada jaguh atau pakar (specialist) dalam bidang lapangan terbang. Anak Kedah terima Dato' daripada Kedah, Dato' Azmi Murad. Dulu dia mulakan kerja sebagai Pusat Kawalan Trafik Udara (controller) di Alor Setar, kemudian jadi Airport Manager, selepas itu bertukar ke Penang menjadi Airport Manager Penang, saya berkhidmat di bawah beliau. Lama di Penang kemudian bertukar bila MAB mengambil beliau dalam KLIA, pembinaan KLIA sebelum tu. Dia pakar, dia buat lapangan terbang di India ada satu lapangan terbang, di Vietnam termasuk Lapangan Terbang Dubai, yang terbaru dan terbesar airport yang dibuat ialah di Turki, baru habis dalam 3 bulan siap dan dia pun balik sekarang ni dia tak kerja dah, umur 70 lebih tak pencek lagi dan sekarang dah tak bekerja, berehat sekarang. Dalam menentukan pembinaan lapangan terbang orang dah panggil beliau dalam tempoh 3 tahun sebelum pembinaan, begini, begini, begini kaedah dia, sampailah siap dia pergi lagi duk bertugas iaitu nak cari kapal masuk ke lapangan terbang itu pun dia buat. Berlaku juga keadaan sepertimana yang berlaku di Sinai Airport bilamana nak buat dulu, dia bertelagah dengan Changi Airport, dilihat sepertimana disebut tadi iaitu kargo boleh bawak sekian-sekian, Changi Airport lebih kurang macam tu menghadkan kepada Sinai Airport.



Jadi di situ timbul masalah kerana kita pun nak tarik juga dalam segala bentuk kedua-dua belah selatan kita, maka semasa itulah peranan Dato' Azmi Murad ni sampai ke peringkat ICAO dapat semula kebenaran bukan sahaja sekadar kargo bahkan penumpang dan sebagainya. Maknanya ada channel yang boleh kita berjumpa. Anak Kedah dan duduk di Kedah, saya bercakap dengan dia pada suatu malam tu dia kata, "InsyaAllah Ustaz, Kedah punya kita turun". Saya rasa kita dalam keadaan yang tak dak pengalaman dalam pembinaan tersebut kita akan tempuh liku-liku yang cukup berat dalam pembinaannya dan saya rasa kalau ada orang yang berpengalaman boleh tunjuk ajar dan beri pandangan dan sebagainya, itulah yang kita hendak. Kita bukan tunggu konsultan, tak semua konsultan tahu undang-undang kapala terbang, maknanya dia hanya pembinaan saja tapi pelaksanaan kerja buat tu kena teliti. Saya 26 tahun pengalaman bekerja dengan airport saya rasa, ehh! Orang yang pakar sekali ialah dia lah, dalam menentukan kerja buat sampai ke Turkey.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Belantek, sila 'landing'.

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Tunggu sat, saya nak tutup sikit lagi saja.

YB. DATO' SPEAKER

Dah lebih!

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Saya nak mintak sikit saja kalau dalam tu iaitu nak cakap hal DUN Belantek sikit lah. Saya nak minta satu jalan raya. Jalan raya ni dari Pekan Sik sampai dekat IPD tu memang hebat luasnya, selepas IPD sampai ke Telaga Batu jalan sempit, banyak kemalangan berlaku di situ, lebih kurang 5 kilometer. Bila habis Beris dia mai jalan besar nak sampai Gulau tu jalan semakin kecil lebih kurang 5 kilometer juga. Jalan tu ada titi kecil satu, yang besar ada satu. Jadi kalau boleh minta selesaikan kerana kalau dari Durian Burung orang keluar masuk jalan tersebut daripada melalui jalan lain. Itu satu.



Yang kedua, saya mintalah sumbangan penoreh getah tu kalau kajian dibuat bahawa keperluan hari ini kerana mereka tidak menoreh, kalau menoreh pun tiada hasil yang mencukupi untuk mereka kita minta sedikitlah. Kalau ada perbincangan dengan orang-orang tertentu supaya keperluan sumbangan, sekarang hujan hari-hari.

Dan yang ketiganya saya menhasratkan bahawa apabila kita dalam Persidangan hari ini belum tentu akan berakhir ataupun tidak. Tetapi apa yang kita berteraskan kepada titah ucapan baginda Tuanku iaitu kita berpolitik ialah berteraskan kepada perlembagaan, satu. Yang keduanya disebutkan juga di sini yang panjang lebar untuk kita iaitu, "hormatilah prinsip demokrasi raja berperlembagaan". Saya nak hurai pun pakat cerdas belaka. Tapi apa yang disebutkan itu ialah satu nasihat supaya kita dapat kaji benda ni ada kebenarannya disebut supaya kita tidak terganggu dengan keadaan-keadaan yang akan menjejaskan.

Dengan itu saya menyokong penuh dan menjunjung kasih di atas nasihat beliau dalam titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Dan sebagai penutupnya YB. Dato' Speaker, depa pakat duk pantun belaka, hari ni saya tak mau pantun saya nak buh satu tafsiran ayat. Ni cerita saja, saya nak sebut judi, ekor. Ekor ni kalau dia tulis jawi, alif ya kaf wau ro, kalau kena taik judi, alif tu apadia, alif tu sebenarnya angan-angan, bangkit tidur semalam dia mimpi gajah cakap Melayu (cerita YB. Bayu), duk reyuh di Parlimen gajah cakap Tamil. Mai hari ni saya tak mau buh dah Melayu, gajah cakap Siam. Bila dia bangkit pagi dia angan-angan nombor apa duk panggil, rupanya dia mimpi gajah dia buka kitab dia. Kitab ekor ni kala merah depa cerita, buka-buka tengok ada nombor, ada nombor dia kata angan-angan, yakin, kena, alif ya kaf. Hat nak labur 30, 40 jadi 100. Bila dia labur-labur 100 hat angan-angan, yakin, kena tadi dekat maghrib mai wau, was-was. Bila dia mai was-was tu, tadi yakin, bila mai maghrib keluar keputusan, ro, ro, rugi. Wabillahirraufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Waalaikumussalam. Sekarang saya menjemput YB. Bukit Selambau.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Terima kasih YB. Dato' Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar, YB. Ahli Exco Kerajaan Negeri Kedah, Ahli-Ahli Yang Berhormat, semua ketua-ketua jabatan dan semua jemputan khas ke majlis yang mulia ini. Salah sejahtera, da jia hao, vanakkam, sawadikhap.



Tajuk perbahasan saya hari ini merangkumi 4 perkara yang penting yang melibatkan isu-isu liputan jalur lebar, isu krisis air khususnya di kawasan DUN Bukit Selambau, Projek Estet Padi oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah dan lain-lain rojek infra di kawasan DUN Bukit Selambau.

YB. Dato' Speaker, pada 9 haribulan Mac lalu saya menziarahi kawan saya, beliau adalah Cikgu Khalizan iaitu pesara guru besar dari kawasan Merbok. Nama kampung beliau adalah Kampung Pengkalan Langgar, Mukim Bujang dan saya dapat bersemuka dengan kebanyakan penduduk di sana, rata-rata mereka kata liputan telekomunikasi di kawasan itu yang merangkumi 6 kampung iaitu Kampung Bujang, Kampung Pengkalan Langgar, Kampung Langgar, Kampung Sungai Batu Besi, Kampung Tebuk Cik Lela, Kampung Sungai Gelang. Kira-kira 7,000 isi rumah keluarga terlibat dalam masalah ketiadaan liputan telekomunikasi. Ini bukan di DUN Bukit Selambau, ini adalah di kawasan Tanjung Dawai. Mereka maklumkan masalah ini kepada saya dan saya terus bagitau mereka agar menghubungi YB. Tanjung Dawai, kawan saya supaya perkara ini dapat diselesaikan dalam masa yang singkat. Masalah jalur lebar liputan komunikasi yang kurang memuaskan ini sudah lama berada di sana.

Pada Sidang DUN yang lalu saya pernah mengutarakan soalan berkenaan dengan liputan yang kurang di kawasan saya iaitu di Kampung Kongsis 5 di mana kira-kira 92 buah rumah mereka tidak mendapat liputan Celcom, DiGi dan Maxis. Begitu juga pada penghujung tahun 2020 saya pernah 'highlight'kan soalan yang serupa dalam Dewan yang mulia ini iaitu masalah liputan komunikasi yang kurang di Kampung Kongsis 16 iaitu masalah liputan komunikasi yang kurang iaitu di Selambau Vission, nama lain bagi Kampung Kongsis 16 dan juga di Kampung Batu Belacan. Untuk Kampung Kongsis 16 iaitu di Selambau Vission pihak Kerajaan Negeri dengan pihak swasta berkenaan dapat menaikkan satu menara dan mereka mendapat liputan yang agak memuaskan walaupun menara itu bukan menara 'permanance' tetapi mereka bersyukur dan berterima kasih kepada kita.

YB. Dato' Speaker, saya pohon kepada kerajaan negeri kita sekarang ada cadangan dan rancangan untuk implementasikan 5G dan sebagainya tetapi kita harus menyelesaikan masalah liputan telekomunikasi yang kurang khususnya di kawasan-kawasan yang saya sebutkan dalam masa yang singkat. Ini penting kerana pada masa covid ini ia melibatkan pembelajaran dari rumah, kerja dari rumah yang melibatkan pelajar-pelajar dan pekerja-pekerja kilang, pekerja bank dan sebagainya. Ini adalah satu isu yang penting yang harus kita tangani dalam masa yang singkat. Saya pohon kepada kerajaan negeri khususnya kepada YAB. Jeneri, ambil kira perkara ini.



Perkara yang berikutnya adalah dalam tempoh 2 hari ini yang kita bincang iaitu berkenaan krisis air yang berterusan khususnya di kawasan Bukit Selambau. Kampung-kampung yang sering mendapat panggilan kepada saya pada sepanjang masa jam 1.00 pagi, 2.00 pagi dan sebagainya mereka terus jemput saya ke tempat mereka untuk tengok apa masalah air yang sebenarnya. Kampung-kampung yang sering tidak mendapat bekalan air SADA yang berterusan adalah dari Kampung Tanah Licin, Kampung Kuala Sin, Kampung Jerung, Kampung Sungai Parau, Taman Bandar Baharu, Taman Lembah Permai, Sungai Lalang, Ambangan Heights, Kawasan Rusa, Kawasan Taman Ria, Taman Ria Jaya, Kawasan Kelisa dan kawasan Kelisa Ria. Kebanyakan tempat itu mereka kata ada tekanan, ada masa terus bekalan air terputus, 'water supply disconnected'. Jadi, ini menyebabkan mereka susah untuk bertugas, sukar untuk mereka membasuh, memasak dan sebagainya.

Jadi, saya pohon kepada pihak SADA dan kerajaan negeri mengkaji semula apa masalahnya yang menyebabkan masalah air ini makin lama makin serius di negeri kita walaupun negeri kita dikurniakan dengan hujan yang mencukupi malah banjir merata-rata tapi masalah air ini menjadi masalah yang serius, masalah yang nombor satu. Walaupun kita tak ada elektrik (api) tetapi jika tidak ada air, kehidupan kita akan sengsara, susah. Jadi saya pohon, dalam soalan saya pun saya bertanya soalan berkenaan apakah tindakan ataupun rancangan jangka pendek dan panjang untuk menyelesaikan masalah ini. Jangka pendek saya mencadangkan pihak SADA bekerjasama dengan kerajaan negeri harus menyediakan lori-lori kecil untuk hantar air ke tempat-tempat yang betul-betul perlukan bekalan air. Kadang-kadang di Sungai Para dia kata jam dua tiga pagi air datang sikit saja mereka kena tunggu, kena simpan air dan sebagainya. Ini adalah satu perkara yang harus diberi perhatian yang serius sebab air adalah satu barangan asas yang diperlukan, kalau tidak ada air macam mana kita nak menyelesaikan masalah-masalah yang lain.

Pada tahun 80-an, saya ada banyak pengalaman tinggal di Papua New Guinea dan Sarawak, saya kongsi sedikit saja pengalaman saya, di sana pihak Kerajaan Negeri Sarawak mereka tidak mempunyai bekalan air JKR ataupun SADA dan sebagainya. Mereka kebanyakannya mengharap air sungai dan air hujan. Jadi kawasan perkampungan Negeri Sarawak Bumi Kenyalang mereka hantar tangki air yang besar pakai helikopter hantar dekat kampung-kampung. Satu tangki air muat lebih kurang 250 gelen dengan 500 gelen, jadi air itu mencukupi untuk lebih kurang 2 minggu dan sebagainya. Air ini khasnya untuk mencuci pakaian, membersih rumah, mencuci dan lain-lain.



Air minuman akan dapat air yang dirawat, itu adalah satu kaedah yang kita boleh gunapakai, kita pun boleh cuba sebab air itu kita panggil 'rain ours' maksudnya kita gunakan air hujan itu untuk kerja-kerja yang lain macam cuci baju, pakaian dan sebagainya, untuk makan minum kita gunakan air yang 'tratted' punya. Itu adalah satu cadangan, saya pohon kepada kerajaan negeri cuba di kawasan-kawasan pedalaman. Lagi satu, cadangan yang saya ingin berikan adalah tiub telaga, Kampung Kuala Sin sampai Kampung Jerung adalah kampung yang berdekatan dengan Sungai Muda, lebih kurang 500 meter hingga 1 kilometer sahaja. Jadi, saya pohon kerajaan negeri selesai satu kampung contohnya Kampung Jerai, Kampung Kuala Sin, Kampung Pokok Machang, Kampung Sungkup dan sebagainya, buatkan satu projek di sana, projek itu projek tube well dan telaga boring di kawasan berkenaan. Orang-orang kampung yang saya bincang terutamanya Kampung Kuala Sin, Kampung Jerai, Kampung Sungkup dan sebagainya bersetuju kalau pihak kerajaan untuk mengadakan boring di kawasan-kawasan berkenaan. Saya ada pernah jumpa seorang yang pakar dalam....Silakan!

YB. USTAZ HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih YB. Dato' Speaker dan YB. Bukit Selambau. Dikemukakan cadangan untuk telaga tiub di Bukit Selambau. Apa yang dibuat oleh YB. Bukit Selambau sebelum ada tindakan daripada kerajaan negeri? Mungkin kut dah korek dah berapa lubang yang dibuat.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

YB. Tanjung Dawai, rata-rata masyarakat di kampung sana mereka bersetuju untuk memberikan premis untuk kita buat 'drilling' dan solusinya saya beritahu mereka air hujan simpan dalam tangki-tangki kecil untuk menyelesaikan masalah sementara menunggu dari kerajaan. Itu cadangan saya kepada mereka sebab saya sendiri mengalami pengalaman semasa saya tinggal di Limbang, Sarawak. Kita gunakan air hujan saja, sana tak dak air JKR, tak ada air SADA, air sungai jauh dari penempatan, saya duduk di Sungai Lalang, Limbang tahun 80-an.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

YB. Bukit Selambau, boleh?

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Silakan!



YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Ok, minta sikit laluan YB. Bukit Selambau. YB. Dato' Speaker, mohon sedikit laluan. YB. Bukit Selambau bangkitkan isu-isu tak cukup air, tekanan air, seolah-olah YB. nak bagitau kata kapasiti pengeluaran air di Kedah ini tak cukup, tak sampai ke kawasan tu sampai kena cari macam-macam cara. Untuk makluman, mungkin boleh dapat komen daripada YB. Bukit Selambau nanti ialah mengikut statistik Jabatan Perangkaan Kedah, penduduk Kedah dah 5 tahun dah lebih kurang statik antara 2.1 hingga 2.2 juta tolak mati campur lahir, migrasi keluar, migrasi masuk lebih kurang 2.2 juta. Jadi, kita kata lah 2.2 juta penduduk Kedah ni dengan penggunaan air memang statistik adalah 200 liter perpeson perday, itu penggunaan. Kalau 2.5 juta penduduk Kedah, 200 liter perperson perday adalah keperluan kita 500 juta liter sehari, 500 million liter perday itu penggunaan domestik. Kata lah di Kedah ni pun industrinya sibuk macam Penang yang memerlukan 40% supply maka industri dan komersial juga memerlukan 200 million liter perday. Maksudnya total keperluan Kedah ini adalah 700 juta liter sehari. Jadi, adakah YB. Bukit Selambau tahu berapakah kapasiti pengeluaran loji-loji yang ada di Kedah ni dan adakah cukup dengan keperluan 700 million liter perday? Adakah tak cukup ataupun kita kena buat loji lima enam lagi sekarang ni untuk kapasiti bagi cukup?

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Saya kurang pasti berapa yang SADA 'produse' untuk setiap hari. Itu kena dapat jawapan daripada Exco yang bertanggungjawab lah sebab saya tidak pasti berapa banyak yang keluar dan kehilangan air melalui paip bocor pun itu saya kurang pasti, saya kena dapat respond daripada YB. Exco yang bertanggungjawab.

Untuk pengetahuan semua, saya ada berjumpa dengan seorang kawan saya semasa saya menghadiri majlis perkahwinan pada bulan lalu namanya Dr. Yong Uzir Samad. Beliau adalah Project Director, companynya adalah Water Camelong Holdings Sdn. Bhd. Beliau adalah pakar dalam kerja-kerja 'drilling' air untuk kawasan perkampungan di sini. Beliau dan teamnya pernah ke Tanjung Dawai untuk kerja-kerja 'sampling', kerja-kerja drilling dan sebagainya. Kepakaran ini boleh digunakan atau kita boleh buat beberapa percubaan di kawasan Bukit Selambau dan ini boleh memanfaatkan rakyat. Itu perancangan jangka pendek untuk kita memastikan sekurang-kurangnya mereka mendapat sedikit air, Kampung Sungai Para, Kampung Bukit Selambau, Kampung Jerai, kampung Jerung dan banyak kampung di sana sebenarnya.



Jadi, kita boleh cuba, usaha ini mungkin akan berjaya dan rakyat akan tengok kita buat sesuatu untuk mereka bukan sekadar bagitau air SADA bocorlah, tekanan kurang lah, penggunaan lebih dan sebagainya tapi yang penting kita buat sesuatu, tangki air satu dan drill satu, kita harus usahakan benda-benda ini untuk memastikan rakyat hidup dalam keadaan lega, sekarang bila tak dak air rakyat dalam keadaan stress tambahan pula dengan Covid, kenaikan harga barangan dan sebagainya, banyak masalah yang dihadapi oleh rakyat Negeri Kedah ini. Jadi, itu adalah cadangan saya.

Perkara berikutnya adalah Lembaga Zakat Negeri Kedah telah membuat satu estet padi yang berkonsepkan dari asnaf kepada asnaf. Ini lebih kurang macam satu koperasi punya program di mana 100 relung lebih kurang 28 hektar sawah padi telah dibuat projek penanaman padi di Daerah Yan. Ini adalah satu projek yang sangat bagus, satu perancangan yang baik dan harus ditambah di lain-lain tempat dan saya mempunyai banyak kepakaran dalam perladangan, sebelum saya masuk ke dalam Dewan ini saya pernah bertugas dalam sektor perladangan. Saya cadangkan kalau boleh oleh kerana Lembaga Zakat Negeri akan usahakan lebih banyak tanah, saya cadangkan alangkah baiknya kita tanam pokok kelapa jenis matag, mawar dan pandan. Sebab kalau kita tengok sekarang hasil untuk 1 hektar kelapa sawit berbanding kelapa muda adalah 4 kali ganda. Keuntungan untuk 1 hektar yang kita tanam kelapa sawit adalah lebih kurang lingkungan RM3,000 1 tahun berbanding dengan tanam kelapa muda dekat RM12,000 1 tahun. Ini statistik yang saya ambil dari satu syarikat koperasi yang saya pernah bekerja dulu. Saya pergi ke Ambangan Height dekat SP Saujana dekat pejabat saya, saya tengok ada makcik dan pakcik yang jual air kelapa muda, saya tanya, "kelapa ni dari mana"? "YB., kelapa ini dapat dari Bagan Datoh", dia kata. Berapa jauh Bagan datoh sampai sini? Beli berapa harga saya tanya. 1 biji RM2.80 dan jual dekat saya RM5.00, 1 biji kelapa muda. Kelapa muda lebih mahal dari kelapa tua, jadi saya cadangkan kepada pihak Lembaga Zakat Negeri cuba usahakan projek ini sekali sebab permintaan lebih-lebih lagi dalam tempoh 10 hari lagi kita akan berpuasa dan bulan Ramadhan permintaan untuk kelapa muda adalah sangat tinggi dan ada yang mengatakan mereka minum air kelapa muda kadar jangkitan Covid akan berkurangan. Ini boleh kita usahakan untuk buat projek penanaman kelapa muda dan seperti yang selalu diberitahu oleh YB. Gurun penanaman pokok nangka, itu pun sepanjang masa kita boleh dapat hasil. Padi mungkin 3 kali atau 4 kali hasil tapi kelapa muda ini sepanjang tahun dan sepanjang hari. Sepokok kelapa boleh dapat hasil dekat 100 biji kelapa muda dalam setahun, berbanding kalau RM2.00, dekat RM2,000 sepokok saja, 1 hektar kita boleh tanam dekat 150 hingga 160 pokok.



Saya cadangkan kepada pihak Zakat juga supaya memperbanyakkan projek-projek baik pulih rumah di kawasan Bukit Selambau. Baru-baru ini dalam 2 bulan yang lalu di Kampung Tengkerap Batu ada seorang makcik dia ada sebidang tanah tapi rumahnya usang dan sebagainya dan kami telah pun hantar surat untuk mereka membaiki. Setakat ini saya pun tidak tahu apakah perkembangan, saya sendiri ada buat surat kepada pihak Zakat supaya tengok rumah-rumah yang usang perlu dibaik pulih, 'repair' dan sebagainya. Ini macam kita beri bantuan kepada fakir-fakir miskin yang rumah mereka berada dalam keadaan agak baik.

Selanjutnya perbahasan saya....(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

YB. Bukit Selambau, ada 2 minit lagi!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Ada satu perkara lagi yang ingin saya beritahu. Saya pohon kepada pihak JKR khasnya kepada YAB. Jeneri, ambil tindakan segera. Di simpang tiga selepas Balai Polis Bukit Selambau, simpang ke Teluk Keri, simpang ke Baling dan satu jalan ke Bukit Selambau sering berlaku kemalangan maut terutamanya pada waktu pagi, waktu senja dan semasa hujan lebat disebabkan oleh jalan dari Baling turun ke Bukit Selambau dia tidak ada signboard, tidak ada lampu amaran, zebra crossing langsung tidak ada. Tiap-tiap minggu ada seorang meninggal di sana terutamanya orang yang pergi menoreh pada waktu pagi. Saya telah menghantar surat kepada JKR dan Pegawai Daerah di Daerah Kuala Muda. Ini adalah penting, bila saya pergi kampung di daerah sana mereka beritahu, "YB., apa sudah jadi ni, sudah 3 bulan dekat lima enam orang sudah meninggal". Walaupun jalan raya itu bagus tapi tidak ada lampu jalan, atau traffic light, signboard-signboard yang berkaitan dekat sana. Saya kepada pohon YAB. Jeneri, tolong lihat perkara ini sebab mereka beritahu, "ini hal mesti bincang dalam Dewan, kalau tak ada, jangan jumpa saya". Ayat itu mereka bagitau saya dari Bukit Selambau. Jadi saya pohon untuk lihat perkara ini.

Ada juga saya buat permohonan dekat satu kampung dalam bandar, Kampung Pinang Dalam iaitu terletak di belakang perumahan Laguna Merbok perlukan turap jalan semula, ada satu surau kena 'upgrade' dan juga tiang-tiang lampu. Kami dah buat surat kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, pihak-pihak berkenaan tolong ambil perhatian dan kalau boleh perbaiki. Kampung dalam bandar, iaitu Kampung Pinang Dalam.



Saya juga pohon Exco Masyarakat India, YB. Lunas berikanlah sedikit sumbangan kepada sekolah-sekolah Tamil walaupun jawapan yang saya terima ada peruntukan daripada Kerajaan Pusat, itu memang dapat lah, tahun lepas RM2 juta juga, tahun 2019 kita dapat RM4.9 juta. Jadi, selaku Exco Masyarakat India, 'please consider give some contribution' kepada sekolah-sekolah Tamil untuk kerja-kerja baik pulih, aktiviti, program dan sebagainya.

Sebelum saya mengakhiri, bulan depan 2 haribulan bulan Ramadhan, jadi kita sama-sama berpuasa, saya pun berpuasa Ramadhan. Bulan Ramadhan bulan yang mulia dalam kalender Takwim Islam dan bulan yang penuh dengan berkat, bulan itu adalah bulan kita memberi sedekah kepada orang-orang yang memerlukan, fakir miskin, asnaf, OKU, warga emas dan keluarga miskin. Saya pohon kepada YAB. Jeneri berilah sedikit sumbangan ataupun peruntukan khas kepada semua ADUN-ADUN supaya dana itu disalurkan, kita akan memberikan buah kurma, kita akan berikan bubur lambuk, kita akan berikan barangan dapur kepada mereka yang memerlukan khasnya tempat saya pengundi yang paling tinggi dalam Negeri Kedah adalah DUN Bukit Selambau, 87,000 orang termasuk yang berumur 18 tahun. Paling tinggi, paling luas, paling besar dan paling banyak populasi. Jadi saya pohon kerjasama ataupun pertimbangan dan keprihatinan YAB. Menteri Besar kita 'consider' dan mungkin ini Sidang DUN yang terakhir untuk kita, kita tidak tahu perkembangan politik tanahair, boleh jadi macam-macam. Sebelum pilihanraya mungkin Parlimen akan bubar serentak, kemungkinan akan berlaku. Saya pohon eratkan silaturrahim perpaduan antara kita untuk kepentingan rakyat, mungkin kita akan bentuk satu kerajaan campuran, sana dengan sini boleh campur, boleh terjadi untuk kepentingan rakyat, untuk masa depan rakyat negeri kita, ini boleh jadi.

Saya ucapkan terima kasih YB. Dato' Speaker kerana memberikan ruang yang lebih dan kepada semua yang ada di sini supaya kita bersama-sama berganding bahu untuk memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat terjaga sepanjang masa. Sekian, terima kasih. Dengan ini, saya menyokong titah ucapan Tuanku Sultan. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih YB. Bukit Selambau. Tadi dia nak cerita pasai Mr. Kalam Presiden India, tak sempat masa.

Sekarang saya menjemput YB. Pengkalan Kundor untuk 20 minit.



YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih YB. Dato' Speaker kerana mengizinkan saya untuk sama-sama berbahas usul titah ucapan Tuanku beberapa hari yang lalu. Beberapa hari yang lepas saya menziarahi satu keluarga dalam DUN saya, saya diminta oleh orang-orang tertentu untuk melihat keluarga tersebut kerana berlaku kematian kepada ahli keluarga tersebut, umurnya 43 tahun, duda anak 3. Beliau meninggal dirempuh oleh sebuah kereta depan Pejabat Pas Teluk Bagan, di selekoh itu dirempuh di situ dan meninggal di situ pada 12 haribulan lalu, 12.3.2022. Pada sebelah pagi, pemandu yang sama juga telah merempuh orang lain di DUN Sungai Limau dan patah. Siapa beliau, yang merempuh tu siapa? Beliau adalah penagih tegar ketum. Haa... ini tajuk pertama saya yang saya nak bicarakan. Saya kira semua orang tahu dan YB. Bandar Baharu semalam juga menyebut komponen apa yang ada dalam ketum. Banyak alkaloid dalam tu, bahan kimia dan bahan kimia utama dalam ketum adalah mitragynine dan kualiti daun ketum ini bergantung kepada jumlah berapa peratus mitragynine yang ada dalam tu. Jadi, sebab itu YB. Pedu mitragynine ketum di Pedu yang paling tinggi dalam dunia, ia mempunyai kualiti yang paling tinggi dalam dunia. Tetapi apakah mitragynine? Mitragynine ini adalah bahan kimia yang mempengaruhi otak kita, yang disebut 'psychotropic'.

Jadi, bila masuk dalam badan kita dia pergi kemana? Dia pergi ke saraf tunjuang, pergi ke otak kita dan pergi juga ke salur makan kita dan ia akan mempengaruhi 'opioid receptor', orang perubatan YB. Tokai tahu. Maknanya receptor yang sama kepada morfin, heroin, mitragynine dan juga sintetik-sintetik daripada group yang sama, fentanyl dan sintetik lain yang apabila dia masuk ke dalam badan kita ia mengikat receptor ini dan akhirnya terdapat tindak balas. Ini berlaku dalam otak kita dan dalam otak kita ni ada trillion, bukan billion, trillion saraf-saraf tadi yang bersambung antara satu sama lain dan ia dikawal oleh receptor ini. Dalam konteks mitragynine, apabila dalam dos yang rendah masuk ke dalam otak kita, masuk dalam badan kita pergi ke otak, ia mempunyai kuasa merangsang (estimulen), kita rasa bertenaga, rasa ceria, rasa mesra, rasa seronok, nak pi kerja dengan lebih bertenaga dan masa rehat pun kita tak berhenti. Pasal apa? Pasal kita dapat estimulen itu daripada mitragynine dalam ketum tadi. Tapi dalam dos yang tinggi dia mempunyai fungsi yang berbeza ataupun peranan yang berbeza, ia akan memberi perasaan lali, mengantuk ataupun ia khayal yang disebut sedative.



Jadi, dalam dos yang tinggi inilah yang selalu diambil oleh mereka-mereka yang melakukan salah guna dan juga ketagihan ketum. Pasal apa? Pasal mereka nak 'kick' tadi tu, depa nak perasaan seronok tadi tu. Ini yang berlaku dalam masyarakat kita. Jadi, isu utama dalam kes mitragynine atau ketum ini adalah penyalahgunaan dan juga menagihan ataupun ketagihan. Dan dalam satu study disebutkan bahawa mitragynine mempunyai 13 kali lebih potten daripada morfin. Morfin ni popi, sintetik daripada itu adalah heroin. Dalam satu study menyebut bahawa 13 kali lebih potten daripada morfin. Mempunyai effect yang sama, opioid receptor tadi, jadi apa yang saya nak sebut adalah heroin sintetik daripada morfin dan juga mitragynine ini adalah daripada kumpulan yang sama, group yang sama saja. Dan kalaulah popi diharamkan di bawah Akta Dadah Merbahaya, cannabis juga termasuk di bawah akta yang sama, tetapi mitragynine ini diletak dalam akta yang berbeza daripada segi pengawalannya, diletak di bawah Akta Seksyen 30(3) Akta Racun Berbahaya 1952. Jadi, kalau popi boleh kita control, pasal apa? Pasal salah bermula daripada menanam dan seterusnya. Cannabis juga macam tu, salah bermula daripada tanam dan seterusnya. Tapi dalam konteks akta racun ini, dia tanam tak salah, haaa... salah bila import, eksport, proses, bekal, salah di situ. Jadi, apabila ini berlaku maka penanaman ketum ini berleluasa dan tidak ada satu akta yang bertujuan untuk mengawal tanaman ini. Lalu apabila perkara ini berlaku dalam konteks negara kita, kita faham bahawa penagihan ini bukan perkara yang baru, saya ingat lebih daripada 40 tahun ataupun hampir 40 tahun, 1983 negara meletakkan penagihan sebagai musuh nombor 1. Musuh nombor 1, 40 tahun dan musuh nombor 1 kalau dulu-dulu ni itulah morfin, heroin, cannabis, tapi sekarang banyak sintetik baru, dadah-dadah baru dan dalam konteks mitragynine juga masuk dalam golongan yang sama, masuk dalam group yang sama.

Ya.. sila!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih YB. Pengkalan Kundor. Saya nak tanya, adakah YB. Pengkalan Kundor bersetuju bahawa morfin telah menjadi satu ubat tahan sakit kepada kanser yang baik dan potensi mitragynine menjadi ubat tahan sakit kepada sakit saraf dan sebagainya dan kita tahu antara 25 sebatian alkaloid iaitu aktif kompaun dalam ketum hanya 3 yang bersifat psychotropic. Jadi, kalau kita bangunkan ataupun kita buat secara baik, maksudnya kalau Akta Racun, Akta Racun, Akta Dadah, Akta Dadah, tetapi kita ada satu agensi yang mengawal untuk penanaman, proses, penyalahgunaan dan sebagainya ia akan menjadi potensi yang baik, kalau kita bawa ke arah baik ia akan menjadi baik dan kalau ke arah tidak baik dan memudaratkan ia akan menjadi mudarat.



YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Akta Dadah Berbahaya membenarkan YB. Tokai untuk menggunakan morfin, membenarkan YB. Sidam untuk menggunakan morfin. Pasal apa? Pasal pengamal perubatan dibenarkan, lalu kepada pesakit-pesakit untuk menahan sakit contohnya, untuk penyakit kanser, pesakit-pesakit yang berada di fasa-fasa akhir, maka digunakan morfin. Jadi, akta tadi membenarkan digunakan oleh orang-orang tertentu, begitu juga dengan mitragynine. Tapi benda tu sekarang ini mitragynine dalam konteks sekarang ini daripada segi penggunaannya masih belum ada. Jadi, ia berleluasa dalam bentuk daun macam tu dan penyalahgunaan berlaku dalam bentuk daun yang sedemikian rupa. Jadi, saya nak sebut satu, bagaimana kita melihat mitragynine (ketum) ini daripada segi perubatan daripada segi akta yang mengawal tadi. Jadi sebab itu saya menyebut, saya tanya juga kelmarin YB. Bandar Baharu bahawa dalam proses di Parlimen telah ada cadangan untuk menukar akta ini daripada Akta Racun kepada Akta Dadah Berbahaya tetapi ditolak disebabkan oleh beberapa faktor tertentu dan dikembalikan semula kepada KKM untuk dibuat perubahan, pindaan semula, saya rasa dikekalkan masih dalam Akta Racun tetapi dengan penalty yang berbeza, satu.

Yang kedua, kalau kita lihat daripada aspek agama, pasal apa agama, hampir semua Majlis Fatwa yang saya baca meletakkan akan ketum ini sebagai haram kerana ia merosakkan otak. Penagihan adalah disebabkan oleh receptor opioid tadi ni rosak di situ dan ianya kekal, craving ataupun perasaan nak kepada dadah itu kekal sampai mati. Jadi sebab itu, Islam melarang apa juga bentuk yang saya sebut kelmarin ni, menjaga agama, menjaga nyawa dan akal ni di tempat yang ketiga daripada segi maqasid agama itu sendiri, Islam itu sendiri. Jadi, atas dasar ini saya baca lagi sekali Jawatan Kuasa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam yang bersidang Kali Ke 76 pada 21 – 22 November 2006 menyebut bahawa "Syabu dan rakan-rakan sebaya termasuk mitragynine hukumnya haram dan siapa-siapa yang bersubahat juga hukumnya haram". Bersubahat ni maksud mula daripada tanamlah. Jawatankuasa Fatwa Kedah 2005 juga menfatwakan mitragynine ni haram dan diperbaharui saya ingat beberapa tahun yang lepas juga meletakkan mitragynine ini sebagai hukumnya haram. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis 2013 juga sama menjadikan mitragynine ni haram. Kesan yang sangat ketara ketara kita tengok sekarang ni, di akhir-akhir ini apabila morfin semakin susah, heroin semakin susah dan harganya semakin mahal, dadah sintetik juga semakin mahal maka penagihan yang semakin membesar adalah penagihan daun ketum. Sangat berleluasa, berlaku juga di kalangan murid-murid sekolah, tanyalah mana-mana PPD terutamanya di Kubang Pasu, Padang Terap, di sebelah Jerlun, anak-anak sekolah seawal darjah 6, ada satu kes berlaku di Pulau Tuba bagaimana anak sekolah digunakan oleh datuk dia untuk tiap-tiap minggu turun ambik daun ketum bawa balik.



Jadi saya nak sebut, kalau di peringkat sekolah ini anak-anak kita terlibat, apa nak jadi masyarakat generasi yang akan datang Negeri Kedah kita. Terlibat dengan ketum, terlibat dengan masalah penagihan dan pada saya sebab itu kita kena controle, kena ada satu akta, saya sangat bersetuju dengan Akta Racun diperketatkan untuk mengawal apa juga bentuk penagihan kerana tanpa akta ini kita tidak mampu untuk nak mengawal. Macam Akta Dadah Berbahaya tu morfin, heroin, masih dijual, masih berlaku penagihan di kala akta tetap begitu pun apatah lagi akta yang ringan sebegini rupa. Sebab tu saya rasa cadangan daripada YAB. Dato' Seri Menteri Besar untuk mengkomersial ketum ini saya rasa boleh, tetapi bermula dengan ketatkan akta tadi, tebang semua dulu, Jawatankuasa di bawah KKM bagaimana cadangan untuk kita nak buat ladang hemp hari tu, KKM melantik orang-orang tertentu sebagaimana KKM melantik doktor-doktor, pengamal-pengamal perubatan mereka diberi kuasa untuk 'risk cut' morfin, agensi-agensi tertentu contohnya lantik MBI, KKM melantik MBI untuk menguruskan bukan saja ladang ketum tapi juga hemp contohnya secara besar-besaran dan ianya dikawal 100%, tidak siapa pun boleh masuk dalam tu dengan pagar elektriknya. Inilah yang boleh kita ambil untuk buat bahan-bahan perubatan tadi, ekstrak. Banyak agensi kata yang kata dia mampu ekstrak mitragynine dan semua tadi termasuk ubat batuk, ubat cirit, ekstrak bahan-bahan tadi, bahan ini dijadikan bahan perubatan. Haa... kalau nak jadi macam tu tak payah eksport ke Thailand pun, kita mampu buat sendiri dan ini menjadi bahan perubatan kepada negara kita kepada negeri kita. Kalau buat macam tu saya setuju tapi dalam keadaan sekarang saya rasa untuk kita longgarkan saya tak setuju sebab ia kita membuka pintu kefasadan, kerosakan kita buka pintu, buka pintu, apabila kita nak eksport ke Thailand sudah tentu ia akan menjadi penanam-penanam tu berasa seronok, dia pakat tanam, tanam, tanam lagi dan menjadi ruang pintu untuk berlaku penagihan yang lebih teruk di kalangan anak-anak sekolah kita lah dan di kalangan orang ramai.

Ahli-Ahli Dewan yang dirahmati Allah sekalian,...(YB. Sg. Limau minta laluan)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Pengkalan Kundor, nak tanya soalan sikit. Adakah apabila kita mengadakan kawalan, contohnya ada akta membenarkan untuk mengeksport.... Minta maaf YB. Dato' Speaker. Apabila penanam sedia ada dibenarkan untuk eksport, kita kawal eksport, penggunaan domestik berkurangan kerana harga di luar itu lebih tinggi. Adakah andaian sebegini boleh kita andaikan?



YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Tak setuju 100%. Sebab apabila kita membenarkan eksport, akan lebih ramai, padi pun tak buat dah, pasal petak untuk ketum ni adalah petak padi juga, dia sesuai tanah yang macam tu. Saya ingat di Padang Terap nu tak dak lah padi-padi wangi apa tak dak lah, semua tanam ketum. Jadi, dalam akta yang sekarang ni yang tidak dipinda apabila itu berleluasa, maka berleluasalah penagihan. Akta tu kena pinda, akta tu kena perketatkan dulu, perkemas akta lepas tu controle sebagaimana Kementerian Kesihatan controle yang boleh guna morfin adalah, bukan boleh pi ambil macam tu saja, tanyalah YB. Tokai, YB. Sidam, sangat ketat kami pun, kena tulis rekod satu-satu, siapa guna, alamat apa semua tu sebab akan di check sebab untuk nak elak penyalahgunaan tadi. Saya kira kita faham dan selepas ini Dewan ini saya juga memberi saranan ini untuk sama-sama kita menilai nanti, kita nak buat ka, kita tak nak buat ka kita sama-sama nilai, itu yang pertama. Yang kedua, YB. Dato' Speaker saya minta masa lebih sikit.

YB. DATO' SPEAKER

Lebih tu banyak mana?

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sebab YB. Kubang Rotan tadi dia telefon saya ambik masa dia.

YB. DATO' SPEAKER

Nak mintak lebih tu banyak mana?

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya ada dua tiga lagi yang saya nak bahas tapi pendek-pendek saja.

YB. DATO' SPEAKER

Haa.... Saya lebih 5 minit bagi kat....

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Haaa...Saya nampak YB. Dato' Speaker pun tadi bila saya bercakap tengok kat saya, jadi...



YB. DATO' SPEAKER

Ya.... Saya belajaq dah!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Yang kedua Covid lah. Covid kalau kita buka peta Kedah sekarang ni tinggal Padang Terap juga lah sikit-sikit lagi yang ada oren, ada kuning tu, hat lain semua merah dan merah kali ini lebih pekat daripada merah yang hat awal hari tu. Nak tunjuk bahawa Covid sekarang dalam konteks negara dan Negeri Kedah ini teruk. Apabila kita masuk ke fasa endemik kita tidak lagi bercakap tentang herd community ini, komuniti kelompok ini kita tak bercakap lagi dah, kita bercakap tentang vaksinasi individu, setiap individu, kita bercakap tentang kita test sendiri. Dalam konteks Negeri Kedah ini saya mendapat maklumat ada sekitar 150,000 hingga 160,000 orang dewasa yang masih tidak divaksin satu pun. Jadi, saya rasa Jabatan Kesihatan Negeri Kedah tidak mampu lagi tanpa dibantu oleh kerajaan negeri. Jadi, saya pohon kerajaan negeri, saya pohon YB. Tokai ataupun YAB. Jeneri untuk memastikan bahawa jumlah yang ramai tadi ni sangat signifikan dalam konteks negara, saya ingat Kedah ini di antara yang tinggi juga, maaf saya juga dulu hijau, sebahagian besarnya adalah orang hijau, data yang saya dapat, betul tak betul wallahu'alam. Jadi sebab itu, peranan tuan-tuan Ahli Wakil Rakyat dari Pas ini sangat diperlukan untuk memastikan bahawa pengikut-pengikut tadi sama-sama, mereka bukan anti vaksin, tapi mereka tak mau atas sebab-sebab yang lain. Jadi, saya rasa tuan-tuan boleh mempengaruhi mereka untuk pastikan bahawa kejayaan fasa endemik ini di sini, fasa endemik ini berjaya apabila kita membina imuniti kita dan kita sendiri mampu buat test. Lagi sekali saya nak pihak kerajaan untuk memastikan perkara ini berlaku.

Yang seterusnya ialah hospital Pendang. Hospital Pendang ni saya nak tanya jalan saja lah, K151, K544 Jalan Pendang ke Sungai Tiang dan juga jalan masuk itu dari segi statusnya macam mana, pengambilannya macam mana sebab baru-baru ini saya lalu kut situ ada kedai tu beritahu saya bahawa daripada segi pampasan dan seumpamanya, benda-benda yang macam tu lah. Jadi, saya ingin bertanya sama ada JKR ataupun YB. Tokai. Dan yang terakhir, ini dalam DUN saya lah dari segi "Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Bersama". Saya nak sebut "Nikmat Untuk Bersama" tu dalam kes ni tak sampai. Pada Sidang yang lalu saya telah bawa beberapa kes iaitu kes ribut yang sampai hari ini masih lagi tidak dibaiki rumahnya. Saya buat 'follow up' beberapa buah rumah, salah satu daripada rumah hat dulu ni yang saya kata tidak dibaiki itu di Padang Jambu telah dibaiki tapi oleh NGO.



Lagi sekali saya nak sebut dalam kes saya ini ada 2 rumah, 1 di Kampung Teluk Bulang, yang ni dekat dengan rumah keluarga YB. Sungai Tiang, dia asal dekat-dekat situ lah. Rumah tu kebakaran berlaku pada 25.12.2020, setahun lebih, ibu tunggal, 3 orang anak, ada adik dia seorang lagi duduk dengan dia. Kalau pergi ke rumah dia kita tak lalu lah nak tengok, jadi "Nikmat Untuk Bersama" tu memang tidak dapatlah kepada beliau. Apabila saya turun beberapa hari lepas dan saya 'push', baru saya dapat jawapan baru lulus daripada ICU hari ini, saya baru dapat jawapan ni jadi saya bersyukur tetapi setahun lebih la sengsara. Satu lagi Kampung Kuala Sala, ribut 11.11.2021 baru beberapa bulan lah, 4 bulan macam tu, masih lagi tidak dibuat apa-apa. Apa yang saya nak sebut adalah saya rasa 'delivery system' kita dengan rakyat ni perlu dipertingkatkan, delivery system maknanya bermula dari JKPP, Penghulu, naik kepada jabatan yang terlibat untuk percepatkan benda ni sebab benda ni melibatkan tempat duduk, makan pakai, tempat duduk ni saya rasa sangat penting untuk kita ambil kira.

YB. Dato' Speaker, saya rasa 5 minit telah saya gunakan, saya ucapkan terima kasih kepada YB. Dato' Speaker kerana juga sama-sama memberi keizinan kepada saya untuk membahas usul titah Tuanku. Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Waalaikumussalam. Hampir tamat dah, hampir. Cuma ada seorang saja lagi iaitu YB. Kuala Nerang. Silakan YB. Kuala Nerang, 20 minit! Ni saya bagi siap-siap 22 minit, sat ni kacau mintak pulak, bagi dadah.

YB. TUAN HAJI MUHAMMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Hat bagi, bagi, hat mitak, mintak.

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah wassolatu wassala muala rasulillah waman tabi'ahu wanasorohu mawalah. Robbish rohli sodri wayarsirli amri wahlul 'uddatan millisani yafkhohu khauli, 'ammabaq.

Terima kasih YB. Dato' Speaker, YB. Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat Exco-Exco, Ahli-Ahli yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, tuan-tuan para pemerhati yang dihormati sekalian. Alhamdulillah, saya turut menyokong usul menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan atas titah ucapan Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal kelima Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Ke 14.



Menjunjung kasih Tuanku. Saya menekuni baris-baris ayat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang sangat cermat dan sangat berhemah. Umpamanya pada muka surat 1 teks ucapan ini baginda menasihatkan supaya bermusyawarah. Kemudian pada muka surat 2, Ahli Sidang Mesyuarat sekalian boleh buka, baginda menghargai kerajaan negeri menangani Covid. Baginda menyeru jangan leka dan cepat berpuas hati, baginda seterusnya mengucapkan tahniah kerana kerajaan negeri hari ini berjaya mengutip hasil RM688.04 juta bagi tahun 2021. Seterusnya pada muka surat yang sama baginda mengakui hasrat “Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua” telah berjaya direalisasikan, Alhamdulillah dan baginda berharap pencapaian cemerlang ini diteruskan pada tahun ini bagi mencapai RM725 juta, InsyaAllah. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB. Menteri Besar, YB. Datuk Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri, YB. Dato’ Pegawai Kewangan, YB. para Exco dan semua kakitangan kerajaan negeri atas kejayaan ini. YB. Dato’ Speaker, baginda juga telah mengingatkan agar berbelanja dengan betul dan berhemah. Menjunjung kasih Tuanku. Saya percaya dan sangat yakin peringatan ini sentiasa dalam ingatan YAB. Menteri Besar, YB. kepimpinan kerajaan negeri. Seterusnya pada muka surat 2 juga baginda menyebut, “menyambut baik komitmen kerajaan negeri untuk memacu negeri”. Alhamdulillah, tahniah kepada YAB. Dato’ Seri Menteri Besar kerana telah berjaya memacu ekonomi dengan meneruskan dan merencanakan projek-projek mega sedia ada tanpa membatalkan atau ‘scrape off’ projek-projek terdahulu.

YB. Dato’ Speaker, seterusnya pada muka surat 3 baginda berbangga kerana kerajaan negeri telah berjaya mencatat pelaburan tertinggi dalam sejarah, RM68 billion, walaupun ada pihak yang cuba mempertikai, meragui angka ini padahal angka ini sebenarnya dikeluarkan oleh MIDA, satu-satunya agensi kerajaan yang berautoriti dan berwibawa dalam meluluskan pelaburan di Malaysia. YB. Dato’ Speaker, sebenarnya dalam titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku saya meneliti tidak ada perkataan atau teguran-teguran daripada baginda Tuanku. Sebaliknya yang ada ialah nasihat, peringatan, harapan, menyambut baik, terima kasih, berbangga, tahniah, kesimpulannya memuji kepimpinan YAB. Dato’ Seri Menteri Besar dan saf kepimpinan hari ini. YB. Dato’ Speaker, pada muka surat 3 juga baginda sekali lagi mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri. Sesungguhnya YB. Dato’ Speaker, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan ini adalah satu pengiktirafan terhadap usaha gigih yang telus dan serius oleh kepimpinan kerajaan negeri yang menyebabkan pelabur-pelabur percaya dan yakin untuk melabur di Negeri Kedah.



YB. Dato' Speaker, faktor lain iaitu faktor politik yang stabil di Kedah menjadi penyumbang utama yang besar untuk menarik keyakinan pelabur. Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, ADUN-ADUN, baik pihak kerajaan mahupun pihak pembangkang yang sentiasa dan terus memberikan kerjasama yang baik ke arah perpaduan yang mengutamakan rakyat yang memang seharusnya menjadi agenda utama kepada kita semua tanpa meletakkan kepentingan politik mengatasi kepentingan peribadi atau kepentingan parti masing-masing. Faktor kerja kuat dan kerjasama erat antara kepimpinan kerajaan negeri, para pegawai kerajaan menjadi sebab yang sangat penting sehingga kita berjaya ke tahap ini, Alhamdulillah.

YB. Dato' Speaker, saya melihat kali ini sekali lagi kita menyaksikan perbahasan dalam Dewan Undangan Negeri sangat baik dari kedua-dua belah pihak, sama-sama menyumbang idea, memberikan cadangan-cadangan yang membina ke arah mamajukan Negeri Kedah bagi merealisasikan hasrat "Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua". Dan saya percaya, inilah yang menjadi sebahagian daripada maksud musyawarah yang menjadi 'intoduction' atau mukadimah kepada titah ucapan baginda Tuanku Sultan.

YB. Dato' Speaker, izinkan saya menyentuh beberapa lagi isu. Yang pertama, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bertitah supaya kerajaan negeri memberikan tumpuan kepada soal untuk menaik taraf jalur lebar. Saya berharap kerajaan negeri berjaya menyahut titah tersebut dan saya berdoa, kita semua berdoa mudah-mudahan Allah s.w.t permudahkan urusan YAB. Menteri Besar, urusan para Exco kita dan para pegawai kerajaan bagi merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Cuma persoalan saya YB. Dato' Speaker ialah apakah usaha dan pelan tindakan kita pihak kerajaan hari ini kerajaan negeri khususnya untuk mengatasi dan juga menyahut seruan ini, mengatasi banyak masalah yang selalu kita bangkitkan dalam Dewan Undangan Negeri ini, soal internet yang lemah, capaian yang lemah, kalau di Kuala Nerang tu di Kampung Kubu, di Tualak, Bukit Nambua, Lubuk Labi, Perik dan banyak kampung lagi. Jadi ini perlu kepada penyelesaian segera kepada YB. Exco kita.

Yang kedua YB. Dato' Speaker, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga telah menyebut dalam bentuk harapan untuk kerajaan negeri memberikan perhatian serius kepada pemulihan industri pelancongan kerana kedatangan pelancong menurun sebanyak 71.5% berbanding tahun 2020. Sama juga persoalan kita semua, apakah persediaan kita, apakah langkah kita, apakah tindakan kita untuk menyahut dan menjawab harapan dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk kita mempertingkatkan, memulihkan industri pelancongan nanti.



Yang ketiga YB. Dato' Speaker, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah, terima kasih kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah yang telah banyak melakukan pembaharuan dalam tempoh 2 tahun kebelakangan ini di mana melalui jawapan bertulis 6 helai atau lebih kurang 11 muka surat disebutkan bahawa banyak pembaharuan yang telah dibuat antaranya ialah pembayaran elaun guru-guru KAFA yang telah dibuat secara online yang sebelum ini bila dibayar secara tunai dan seumpamanya ada yang lambat lebih daripada 2 minggu, hari ini dibuat secara online. Kemudian, Alhamdulillah hasil daripada mungkin usaha daripada semua pihak dan saya sebut dalam Dewan pada sesi yang lepas minta bagi SOCSO kepada guru-guru ini, guru Sekolah Agama Rakyat, Alhamdulillah hari ini mereka telah menikmati dan dapat SOCSO, sebelum ni tak dak SOCSO.

Satu lagi YB. Dato' Speaker, saya menyokong penuh satu lagi permintaan daripada kalangan guru Sekolah Agama Rakyat, Jabatan Agama Islam Negeri Kedah sebagai satu lagi pembaharuan. Kita berharap diberikan satu hadiah atau imbuhan kepada mereka sebagaimana kerajaan negeri memberikan wang saguhati ataupun hadiah apabila Pegawai Masjid berpencen atau bersara kerana uzur dan sebgainya, dia bagi kadarnya RM100 untuk 1 tahun. Maknanya kalau berkhidmat 10 tahun dia akan dapat RM1,000, tak banyak pun, RM1,000 saja, jika 20 tahun dia dapat RM2,000 sebagai hadiah kepada mereka yang berkhidmat mendidik anak-anak bangsa Melayu orang Islam kita sendiri. Mudah-mudahan dapat pertimbangan dan dapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri.

YB. Dato' Speaker yang keempat, isu salah guna ketum yang selalu saya bangkit tiap-tiap Sidang. Sidang ni pun saya bangkit, dalam ucapan saya kali ini saya berucap sebelum ni pun saya bangkit dalam soalan bertulis di mana saya tanya berapa luas ladang ketum. Dijawab dalam soalan itu ialah jumlahnya 140 hektar di Negeri Kedah tidak termasuk Kubang Pasu, Pokok Sena dan Kuala Muda, itu jawapan yang terbaru. Jawapan hat dulu saya pernah tanya, Kubang Pasu merupakan daerah yang paling banyak, paling luas menanam ketum. Kalau Padang Terap 110 hektar, bayangkan kalau campur lagi Kubang Pasu kata 111 hektar pun duk ada 200 lebih hektar penanaman yang melibatkan lebih 177 petani dan 84,577 pokok ketum di Negeri Kedah pada hari ini. Pada Sidang 20 hingga 23 haribulan 9 yang lepas, Penggal Keempat, saya bangkit dalam soalan bertulis dan saya kira inilah yang menjadi mungkin sebab YAB. Dato' Seri Menteri Besar mengeluarkan cadangan untuk mengeksport ketum bagi tujuan perubatan, ini kena jelas, bagi tujuan perubatan. Di mana data menunjukkan 2012 hingga 2021, saya tak baca semua, masa suntuk, saya ambil 2012, 2012 rampasan daun ketum 1,565.34 kilogram ataupun ringkasnya 1.5 tan.



Kemudian pada tahun 2021 Januari hingga Ogos sahaja jumlahnya meningkat, melonjak berganda-ganda menjadi 49,236.58 kilogram atau mudahnya kita sebut hampir 50 tan yang dirampas. Hat tu hat berjaya dirampas, hat lalu kut lorong tikus tak kira YB. Dato' Speaker dan ini sebenarnya menambahkan tugas bebanan kepada pihak keselamatan kita yang bekerja keras untuk memerangi soal rampasan ini dan pada masa yang sama YB. Dato' Speaker, kita sangat bersetuju bahawa memerangi penyalahgunaan ketum ini semestinya menjadi agenda utama kita semua. Saya bersetuju dengan YB. Pengkalan Kundor tadi cuma tak bersetuju yang kata pemimpin Pas tak vaksin ataupun tak kempen vaksin tolong betulkan. YB. Tan Sri Presiden awal-awal lagi semasa kerajaan lancarkan kempen vaksin telah mengarahkan, menyuruh ahli-ahli Pas, penyokong Pas supaya mengambil vaksin. Ini pendirian jelas yang menyokong hasrat Kerajaan Perikatan Nasional ketika itu untuk sama-sama mengambil vaksin.

Baik, berbalik kepada soal ketum, Akta Racun 1952 yang disebut oleh YB. Pengkalan Kundor tadi tak benarkan eksport, tak benar import, tak benar mengilang, tak benar memiliki, tak benar membekal, menjual, membeli, mengguna tetapi dibenarkan menanam, akta yang pelik. Tanam buat apa kalau tak boleh ambil manfaat? Takkan nak buat teduh saja, buat ladang ni, kalau buat teduh mungkin tanam tepi jalan sikit-sikit saja. Jadi pada saya, saya bersetuju sangat supaya akta ini dipinda, diperketatkan, bahkan pada saya ketum ini dimasukkan dalam Akta Dadah Terkawal. Majlis Fatwa, mana-mana negeri pun dah fatwa penyalahgunaan ketum, haram. Jadi, ini bukan soal yang kecil tapi sebaliknya soal yang besar yang melibatkan anak bangsa kita yang pada masa yang sama kita nak mengekang dan kita harap walaupun berjaya dieksport, pihak kerajaan perlu untuk menghadkan kawasan-kawasan yang tertentu, memperketatkan undang-undang, diberi lesen kepada peladang orang tertentu saja boleh tanam. Kemudian jual pula kepada orang tertentu, pihak tertentu saja yang dilantik oleh kerajaan supaya tidak berleluasa dan tidak jadi orang kata ketum ni ganti tanaman padi pula. Jadi kesimpulannya, untuk ketum ini saya berharap mudah-mudahan isu penyalahgunaan ketum ini diperangi secara habis-habisan sama macam kita memerangi isu dadah YB. Dato' Speaker.

Yang kelima...(YB. Pengkalan Kundor mencelah)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sedikit pencelahan YB. Kuala Nerang. Saya tak faham, satu segi...(YB. Dato' speaker mencelah)



YB. DATO' SPEAKER

Tuan Speaker!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Minta maaf YB. Dato' Speaker, minta laluan. Saya tak faham, dari satu aspek nak eksport dan satu aspek lain nak perangai habis-habisan. Jadi, nak buat lagu mana tu?

YB. TUAN HAJI MUHAMMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih YB. Pengkalan Kundor. YB. Dato' Speaker, dieksport yang sedia ada ataupun yang dilesenkan untuk mengawal penyeludupan, untuk tujuan perubatan, bukan bermaksud kita menggalakkan dan saya bersetuju dengan cadangan YB. Pengkalan Kundor tadi kalau kita boleh buat sendiri kilang kita boleh ekstrak, ambil manfaat daripada ketum di negara kita, tak perlu pun kita eksport, tapi buat masa ini negara kita belum bersedia, kita tidak ada lagi kilang-kilang-kilang memproses ketum secara yang halal, secara yang sah untuk dibuat minuman isotonik umpamanya. Yang menjadi masalah sekarang Yang Berhormat, penyalahgunaan ketum. Kalau YB. Dato' Speaker tambah masa saya, saya bagi kalau tak tambah cukup, tak bagi, minta maaf YB. Pengkalan Kundor. Saya ada 1, 2, 3, 4 helai lagi lah.

Yang kelima KRC, Alhamdulillah, terima kasih YAB. Perdana Menteri dan YAB. Menteri Besar yang telah menyempurnakan majlis perasmian Projek Strategik NCER iaitu KRC pada 7 haribulan Februari 2022 yang lepas. Sekarang ini untuk makluman YB. Dato' Speaker, infrastruktur sedang rancak dibuat, sudah 73.08% sehingga 17.3.2022, ini infrastruktur. Cuma, yang menjadi isu yang tertinggal dulu adalah PMU (Pencawang Masuk Utama) yang tertinggal semasa perancangan kerajaan dulu-dulu. Hari ini Alhamdulillah, PMU sekarang ini sedang dalam proses tender oleh TNB. Satu kejayaan yang telah dibuat oleh kerajaan hari ini dan menunggu masa untuk dibina. Bukan itu saja, untuk merencanakan lagi dan menarik pelabur ke KRC ini, Majlis Daerah Padang Terap juga melaksanakan inisiatif e-Tend iaitu permit pembinaan ekspres, kelulusan yang cepat, yang segera, permohonan kebenaran merancang untuk membina bangunan dan juga kilang. Alhamdulillah, terima kasih kepada YAB. Menteri Besar yang telah pun secara terbuka dalam ucapan di majlis perasmian tersebut mohon diperbesarkan jalan dari Pokok Sena pergi ke KRC dan saya menyokong penuh permohonan tersebut, mudah-mudahan YAB. Perdana Menteri meluluskan untuk dibesarkan, dilebarkan jalan tersebut sebab pengambilan tanah semua dah selesai, tinggal nak buat jalan saja.



Berhubung dengan KRC ini ada sedikit isu berbangkit yang biasalah bila buat projek pembangunan ada korek sana, korek sini dia akan ada banjir lumpur dan seumpamanya, bila ada pembangunan tak dapat dielakkan. Pagi ini Alhamdulillah, Majlis Daerah Padang Terap, KRC, JPS dan JKR sudah turun buat lawatan tapak akibat daripada aduan orang ramai yang terpaksa bergelut dengan banjir, 6 haribulan banjir, ada air sampai 3 kaki, 18 haribulan baru-baru ini banjir lagi yang sebelum ini tak pernah kena banjir, Sekolah Menengah Daril Al-Iktisam, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan tak pernah naik air sejak dibina banyak tahun yang lepas tapi baru-baru ini air nak sampai sekaki. Yang menjadi soalnya dan menjadi masalah sekarang ialah alor limbah air keluar dari KRC, daripada segala sumber di sana masuk lalu ikut ke kawasan persendirian Sekolah Daril Iktisam ini, tanah begeran milik sekolah.

Bila JPS nak buat longkang dan seumpamanya tak boleh pasal tanah tu kawasan persendirian. Jadi bila itulah keadaannya, ini memerlukan kerjasama semua pihak, mungkin kerajaan negeri nak kena buat pengambilan dan seumpamanya. Hatta sampai satu peringkat pihak sekolah membuat ancaman kalau tak boleh selesai depa tutup, depa blok terus air tak boleh lalu, lagi celaru. Air dari KRC, dari segalanya tak boleh lalu melintasi kawasan-kawasan persendirian milik dia. Jadi, saya harap mudah-mudahan dapat penyelesaian yang terbaik berhubung dengan isu banjir yang bukan saja melibatkan sekolah tetapi juga orang-orang kampung di sana. Demikian juga seperti saya sebutkan dalam Sidang yang lepas banjir di Kampung Sena, Pokok Macang, Padang Lalang dan Perik, mohon sungguh-sungguhlah banyak kali mintak banyak kali hantar surat dah ni dari Kuala Nerang supaya kerajaan memberi perhatian yang serius, kesian kat depa, sana lagi banyak rumah yang tenggelam termasuk di Perik.

Yang keenam YB. Dato' Speaker, saya juga mengambil kesempatan ingin merakamkan tahniah dan terima kasih kepada pihak kerajaan negeri dan Pusat yang telah pun menyempurnakan hasrat selama lebih 20 tahun penantian warga khariah Masjid Mu'adzam Shah, Kuala Nerang, tunggu masjid baru. Hari ni Alhamdulillah, telah rancak dan sedang rancak dibuat mendahului kemajuan yang sepatutnya 6% la ni dah buat 7% yang bernilai RM6.65 juta harga kontrak masjid tersebut.

Dan yang ketujuh Alhamdulillah, terima kasih Kerajaan Pusat dan negeri, Jambatan Kubu yang duk mintak lama dah saaaampailah runtuh, tapi Alhamdulillah kita hantar surat mintak dah dapat dan hari ni Alhamdulillah dah nak siap. Terima kasih YAB. di atas keprihatinan ini. Kampung Parit yang baru-baru ni viral, nak runtuh juga. Tapi Alhamdulillah, Pegawai Kewangan Negeri memaklumkan telah dikeluarkan sebut harga, proses tender hari dan kita harap dapat berjalan dengan sempurna.



2 jambatan yang runtuh juga di Kampung Bokas difahamkan dah diluluskan dan diharap mudah-mudahan dapat disempurnakan secepat mungkin. Cuma, 2 jambatan yang baru runtuh pasal banjir dan sebagainya di Kampung Perupuk, Kuala Pai, hat ni pun nak runtuh dah ni, hat ni pun minta segera, hat ni tak runtuh lagi, setakat hari ni tak runtuh lagi tapi tak taulah duk hujan ni. Kampung Perupuk dan Kampung Acheh, kalau sebut Kampung Perupuk ni teringat satu lagi projek yang patut diberi keutamaan....(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

YB. Kuala Nerang!

YB. TUAN HAJI MUHAMMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Nak 'landing' dah YB. Dato' Speaker, tak dak dah tinggal hat ni saja, 1 saja, hat ni pun tinggal sekerat muka saja. Jalan Perupuk ni jalan laluan utama dari Kuala Pai nak pi ke Nai Teh dan pi ke Kuala Nerang. La ni jalan tu sempit dalam lebih kurang 10 kaki gitu saja. Laluan utama memang sibuk dan saya telah berhubung dengan pihak JKR telah pun dihantar kertas ke Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk diperbesarkan jalan ini. Jadi, harap YB. Merbau Pulas tolong 'follow up', tolong dapatkan kelulusan dari KPLB mudah-mudahan projek pembesaran jalan ini memberi manfaat kepada seluruh rakyat khususnya dalam DUN Kuala Nerang.

Dan yang terakhir yang kelapan YB. Dato' Speaker, dalam Sidang DUN yang lepas saya telah minta, saya mohon dipercepatkan proses pemilikan hakmilik geran 275 orang pengusaha tanah. Isu lama 50 tahun, 275 orang ni berjuang bergelut nak dapat hakmilik berkelai dengan Tradewins dan sebagainya, tetapi hari ini Alhamdulillah, kerja-kerja sukat daripada 6 buah kampung telah selesai 5 buah kampung, tinggal 1 saja kampung tu pun pasal hat duk sukat tu dia kena Covid, tak boleh pi, kalau tidak saya ingat kertas ni dah angkat pi ke MMK dah untuk kelulusan. Terima kasih banyak kepada YAB. Menteri Besar, PTG, Pejabat Tanah Daerah dan semua yang terlibat dalam menjayakannya.

Akhirnya sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan cemerlang YAB. Dato' Seri Menteri Besar dan seluruh kepimpinan Kerajaan Negeri Kedah hari ini dan melihat kepada prestasi cemerlang selama 22 bulan, saya mengajak dan menyeru seluruh rakyat Kedah, seluruh kakitangan kerajaan dan bukan kerajaan supaya kita terus memberikan sokongan dan kepercayaan kepada YAB. Dato' Seri Menteri Besar hari ini supaya terus memimpin Kedah selepas DUN dibubarkan nanti, InsyaAllah.



Saya juga menyokong penuh hasrat YAB. Menteri Besar supaya tidak membubarkan Dewan Undangan Negeri sehingga Mei 2023. Saya menyokong usul menjunjung kasih ke atas titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tunku Sultan. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih YB. Kuala Nerang. Saya pun hairan juga apa pasal Kuala Nerang ni projek tempat dia lulus banyak sangat, tempat lain tak berapa banyak macam tu. Di Langkawi tu titi roboh 2 taun dah tak boleh-boleh buat, di Kuala Nerang takdan roboh nak buat dah. Speaker dia tak boleh mintak, itu masalah dia.

Baiklah, terima kasih kerana kita telah pun melengkapkan semua Ahli-Ahli Dewan telah dapat bercakap dalam membahas titah ucapan Tuanku Sultan. Jadi, kita akan masuk fasa lain pula.

Silakan Tuan Setiausaha!

**III. PENGULUNGAN DI ATAS USUL MENJUNJUNG KASIH KEPADA
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH SECARA
DASAR OLEH PIHAK KERAJAAN**

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Penggulungan di atas usul menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah secara dasar oleh pihak kerajaan.

YB. DATO' SPEAKER

Penggulungan oleh Exco. Dipersilakan YB. Sidam, 25 minit!

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih YB. Dato' Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar, barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kerajaan Negeri Kedah, Ahli-Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, rakan-rakan media dan hadirin yang dihormati sekalian. Salam Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua.



Di dalam Dewan yang mulia ini izinkan saya mengambil kesempatan untuk merafak sembah tahniah dan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman. Semoga tuhan memberikan kesihatan dan kesejahteraan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan agar dapat bersemayam di atas tahta Kerajaan Negeri Kedah dengan penuh kedaulatan dan kebesaran. Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga telah bertitah mengenai perpaduan. Tuanku juga menekankan bahawa perpaduan yang utuh merupakan aspek dan kekuatan sesebuah ketamadunan melalui perpaduan, kesepakatan dan kebersamaan yang erat bagi sebuah keluarga akan dapat mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan yang bakal ditempuhi. Kerajaan negeri menjunjung kasih titah ucapan Tuanku melalui Jabatan Perpaduan Negara Integrasi Nasional (PNIN) Negeri Kedah akan sentiasa memastikan perpaduan rakyat di Negeri Kedah dijaga dan disemai di kalangan rakyat Negeri Kedah dengan melaksanakan aktiviti dan program-program kemasyarakatan yang telah dirancang melalui mekanisme perpaduan yang sedia ada contohnya Kawasan Rukun Tetangga, Tabika Perpaduan, Kelab Rukun Negara, Sekretariat Rukun Negara dan sebagainya bagi memastikan perpaduan rakyat di Negeri Kedah itu kekal dan mampu menggeratkan silaturrahim pelbagai kaum di Negeri Kedah Darul Aman. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya soalan secara lisan berkenaan portfolio di bawah saya.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sidang Dewan, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB. Bakar Arang yang bertanyakan mengenai aduan pembakaran terbuka atau bau asap di Sungai Petani. YB. Bakar Arang juga bertanyakan kekerapan tindakan penguatkuasaan dan berapa kompaun yang dikeluarkan untuk kesalahan pembakaran terbuka di Sungai Petani untuk tahun 2021 dan 2022. Untuk makluman YB. Bakar Arang dan Sidang Dewan, berdasarkan data dari Jabatan Alam Sekitar, aduan berkenaan pencemaran udara di Sungai Petani memang menurun dengan drastik bagi tahun 2018 berbanding tahun 2020. Pada tahun ini umumlah untuk pencemaran di Sungai Petani. Pada tahun 2018 memang ada 170 aduan, tahun 2019, 390 aduan, untuk tahun 2020, 497 aduan, bagi tahun 2021 hanya 215 aduan. Sampai sekarang tahun 2022 sehingga 23 Mac 2022 hanya ada 88 aduan saja dalam tempoh 4 bulan ini. Untuk tindakan penguatkuasaan berkenaan pencemaran udara di Sungai Petani berdasarkan data dari JAS untuk program operasi pencegahan pembakaran terbuka, pada tahun 2021 ada sebanyak 481 operasi telah dijalankan dan pada tahun 2022 sehingga bulan Mac sebanyak 109 operasi pencegahan pembakaran telah dilakukan oleh JAS Sungai Petani.



Dan untuk pertanyaan berapakah kompaun yang dikeluarkan oleh JAS Sungai Petani berkenaan kesalahan pembakaran terbuka di Sungai Petani untuk tahun 2021 dan 2022 adalah dalam tahun 2021 ada 2 kompaun yang telah dikeluarkan, lokasinya jalan Sungai Lalang, Bukit Selambau dan Tupah, kompaunnya sebanyak RM200 hingga RM3,000. Tahun 2022 satu kompaun saja dan lokasinya Kampung Haji Wahab, saya punya kawasan. Setakat ini tiada apa-apa tangkapan yang telah dibuat maka saya maklum kepada semua pihak walaupun penduduk ka, NGO ka atau persatuan mana-mana untuk alam sekitar tak pa, you sama-sama bekerjasama dengan kita, tempat, di mana dan bila kita akan semak. Kita pun faham juga Jabatan Alam Sekitar kakitangan pun tak mencukupi, pegawai pun tak cukup maka kita akan buatlah apa yang sepatutnya kita buat lah.

Seteruanya saya ingin respond kepada perkara yang dibangkitkan mengenai sebuah kilang di kawasan perindustrian PKNK, Sungai Petani yang YB. dakwa berdekatan dengan rumah saya. Lebih daripada 3 kilometer lah YB., saya selalu pergi ke kilang itu tengok terutamanya pada waktu hampir malam apabila ada penduduk yang membuat aduan dalam group-group. Untuk makluman sidang media, kilang yang disebutkan oleh YB. Bakar Arang tadi adalah sebuah kilang kitar semula plastik import yang mempunyai lesen daripada MPSPK sejak sekian lama dari era PH (Pakatan Harapan) YB. sendiri jadi Exco juga dari 2018 hingga pertengahan 2020 kerana sewaktu kerajaan meluluskan pemindahan industri plastik kitar semula ke Kawasan Perindustrian Bukit Selambau yang dibuat pada tahun 2020 dengan syarat selepas 2 tahun lengkap naik taraf infrastruktur seperti jalan raya, telekomunikasi dan air. Sewaktu tempoh ini kilang yang beroperasi di kawasan Sungai Petani yang mempunyai lesen PBT telah bagi kelonggaran untuk kekal di tapak sedia ada sehingga kemudahan infra telah lengkap di Bukit Selambau. Ya...Silakan!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih YB. Sidam. Saya rasa YB. Sidam telah pun tersilap dengar kilang yang saya sebut dalam perbahasan saya. Kilang yang saya sebut ialah kilang yang berada di Halal Park yang berdekatan dengan rumah YB. Sidam, saya rasa tak ada AP dan tidak ada lesen lah. Terima kasih.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Ok, terima kasih YB. Bakar Arang. Dekat Halal Park kalau tak silap saya setakat ini tak ada apa-apa operasi lagi, ada setengah yang hantar gambar kepada saya mungkin dia akan 'apply' untuk buat kertas 'recycle' ka atau apa lah tapi saya tak dapat maklumat apa lagi.



Kalau nak maklumat yang lebih lengkap saya rasa mungkin kita boleh tanya kepada PBT yang berkenaanlah. Respond daripada JAS, saya tak payah sebut nama kilang lah. Bagi maklumat untuk YB. Bakar Arang, untuk status kilang-kilang kitar semula Sungai Petani kilang yang disebutkan memang kita kena berhubung kerana masih ada 2 kilang yang masih belum berpindah ke Bukit Selambau sepertimana keputusan mesyuarat pada tahun 2020 yang mana memberi tempoh 2 tahun bagi kilang untuk berpindah ke Bukit Selambau apabila kesemua persiapan infra dan kelengkapan di Kawasan Industri Bukit Selambau siap sepenuhnya. Satu lagi, secara keseluruhannya kita boleh melihat dengan jelas bahawa laporan oleh pihak JAS melalui gambarajah iaitu IPU aduan alam sekitar menurun dengan mendadak pada tahun 2021, memang aduan tak banyak lah kalau berbanding dengan kemuncaknya adalah pada tahun 2019 dan 2020. Ini menunjukkan kerja kuat pasukan Alam Sekitar bersama dengan PBT dan agensi-agensi lain dalam menambah baik kerja buat di lapangan. Tahniah diucapkan kepada semua.

Seterusnya saya ingin respond berkenaan dengan soalan daripada YB. Derga mengenai isu Pulau Tiga, perpindahan penduduk ke Flat Paya Nahu, PPR Paya Nahu 2. Untuk makluman Sidang Dewan, pihak SUB Perumahan mengatakan bahawa ramai penduduk dari Pulau Tiga yang memang tidak berminat untuk berpindah ke Flat PPR Paya Nahu 2 disebabkan oleh tak ada lif lah dan selepas ini macam-macam isu lah. Dari pihak SUB kita mendapati hanya beberapa orang sahaja, kalau tak silap saya hanya 3 orang saja penduduk yang berminat namun pihak SUB Perumahan memaklumkan masih menunggu maklumat yang lengkap pemohon dan pihak SUB Perumahan akan membuat tawaran kepada penduduk yang berminat untuk berpindah ke PPR Flat Paya Nahu 2. Untuk makluman Sidang Dewan, kerajaan negeri telah menyediakan sebanyak 30 buah pintu rumah di PPR paya nahu bagi mengisi keperluan penduduk Pulau Tiga yang memerlukan. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM150,000 bagi tujuan membaik pulih rumah bagi persediaan di atas.

Seterusnya saya ingin respond tentang perkara yang dibangkitkan oleh YB. Kota Darul Aman berkenaan isu lampu, paip pecah di RPA Simpang Kuala dan juga berkenaan struktur bangunan PPR Tongkang Yard. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak kerajaan negeri melalui SUB Perumahan telah membaiki paip yang bocor pada 28 Disember, 2020 namun begitu mendapati paip tersebut kembali bocor selepas pembaikan jalan siap dilakukan. Sehubungan dengan ini, Unit Teknikal Bahagian Perumahan telah membuat siasatan berkenaan aduan lampu koridor dan paip yang bocor bawah tanah. Untuk makluman Dewan yang mulia, semua kerja-kerja baik pulih aduan ini akan bermula pada 28 Mac 2022 dan dijangka akan siap pada 3 April 2022.



Seterusnya untuk isu struktur bangunan PPR Tongkang Yard yang dibangkitkan oleh YB. Kota Darul Aman, saya mohon kepada YB. Dato' Speaker dan Sidang Dewan ini untuk memberi jawapan bertulis kepada YB. Kota Darul Aman berkenaan perkara ini. Ada banyak lagi beberapa peruntukan kita sudah bahagi untuk Flat Setia Jaya, Alor Malai, Tongkang Yard, semua ada tapi dia tebal nanti saya bagi secara bertulis ya.

Jawapan untuk YB. Kota Siputeh, yang mencadangkan untuk projek PPR di kawasan Kota Siputeh. Kita ambil maklum dan akan panjangkan kepada Bahagian Perumahan cadangan daripada pihak YB. bagi membangunkan PPR di kawasan Kota Siputeh. Walau bagaimanapun, Bahagian Perumahan akan mendapatkan maklumat berkenaan tanah terlebih dahulu sebelum merancang pembinaan dilaksanakan.

Dengan ini, saya menjunjung kasih dan menyokong titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan sempena Pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri Kedah 20 Mac 2022 yang lalu, Sekian, terima kasih YB. Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih. Saya ingat YB. Sidam nak joli masa sampai 4.30. Sekarang ini baru 4.12, jadi kita ada lagi 18 minit, separuh jawapan penggulungan itu boleh dibuat pada hari ini. Silakan YB. Kuah! Separuh saja, esok lagi separuh.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Boleh buka 'mask' ya YB. Dato' Speaker?

YB. DATO' SPEAKER

Ya, sila buka 'mask'!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Dalam Dewan yang mulia ini saya mengambil kesempatan untuk merafak sembah menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan semoga Allah s.w.t mengurniakan kesihatan dan kesejahteraan buat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan di mana baginda juga telah bertitah mengenai sektor pelancongan yang terkesan akibat penularan Pandemik Covid-19 dan penutupan pintu sempadan serta sekatan perjalanan yang memberi impak yang cukup besar kepada sektor pelancongan dan menyebabkan indeks kemasukan pelancong mengalami penurunan sebanyak



71.5% pada tahun 2021 berbanding tahun 2020. Saya melihat banyak Ahli-Ahli Yang Berhormat baik dari sebelah sini mahupun sebelah sana menyentuh satu portfolio iaitu pelancongan dan juga turut menyentuh portfolio berkenaan dengan belia dan sukan dan InsyaAllah saya cuba rangkumkan seberapa 'detail' kerana kekangan masa yang diberikan untuk penggulangan merencatkan sedikitlah pernggulangan pada hari ini.

Ahli Yang Berhormat sekalian, kerajaan negeri senantiasa memastikan aspek pemulihan sektor pelancongan dipandang serius serta pelbagai inisiatif dilakukan demi meningkatkan semula kedatangan pelancong domestik serta antarabangsa kelak apabila pintu sempadan dibuka secara rasmi pada 1 April 2022. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB. Sungai Limau, YB. Gurun, YB. Bandar Baharu, YB. Bukit Lada, YB. Kulim dan YB. Bayu yang menyentuh beberapa isu dalam perbahasan semalam dan juga hari ini. YB. Sungai Limau menyentuh berkenaan dengan promosi di mana di peringkat kerajaan negeri kita ada satu agensi iaitu Kedah Tourism yang ditubuhkan untuk menjalankan aktiviti promosi serta merancang program-program pelancongan untuk Negeri Kedah.

Namun, beberapa faktor telah pun membataskan kerja buat Kedah Tourism iaitu di antaranya beberapa peruntukan yang kekurangan kerana kita juga mengharapakan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Pada masa yang sama, kerajaan negeri turut memperuntukkan sejumlah RM50,000 bagi tujuan promosi melalui media sosial untuk kita 'tackle' lebih ramai di mana sekarang ini semua medium yang agak popular iaitu media-media sosial dan juga kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah RM1 juta untuk menaik taraf beberapa pusat-pusat pelancongan yang utama seperti Sedim Rainforest di Kulim, Gua Sireh dan beberapa tempat yang kita rancang. Turut menjadi kerisauan beberapa Ahli Yang Berhormat baik di sebelah sini dan sebelah sana berkenaan apabila kita buka pintu sempadan nanti pada 1 April 2022. SOPnya macam mana, apa persediaan kerajaan negeri, apa yang perlu kita lakukan? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, penjagaan dan SOP yang lebih ketat serta perlu dipertingkatkan di mana 'basic' yang telah diterapkan kepada kita iaitu memakai pelitup muka, memakai hand sanitizer dan menjaga penjarakan ianya mampu untuk mengelakkan daripada seseorang itu ataupun merebaknya penyakit Covid-19 berjangkit di mana semua premis-premis pelancongan dan juga pengendali-pengendali tempat-tempat pelancongan telah pun bersedia sepenuhnya dengan nak masuk kena pakai hand sanitizernya, kena pakai pelitup muka, SOPnya telah pun disediakan dan sekarang ini semua pengendali-pengendali pelancongan hanya menunggu untuk pintu sempadan dibuka sahaja. Ada yang menyokong pintu sempadan ini dibuka dan ada juga yang tidak menyokong pintu sempadan ini dibuka.



Namun, untuk kita merencanakan ekonomi, kita meningkatkan ekonomi, kita perlu menerima dan kita perlu bersetuju untuk pintu sempadan dibuka kerana inilah yang akan meningkatkan ekonomi dan daripada situlah kita dapat membantu rakyat-rakyat yang terjejas di mana hampir 2 tahun, mungkin boleh pergi ke 3 tahun rakyat terkesan dengan Covid-19. Oleh itu....Silakan!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB. Dato' Speaker, YB. Kuah, berkenaan dengan pelancongan bila buka sempadan ini saya nak tanya, bagaimana kerajaan memainkan peranan bersama agensi yang menjaga SOP ini kerana kita mempunyai pintu sempadan yang agak besarlah akan dibuka yang mana orang yang nak masuk ni kita tau membawa limpahan ekonomi yang amat hebatlah untuk Negeri Kedah dan seluruh negara. Adakah orang yang nak masuk tu kita kenakan PCR test ka, RTK ka, atau cukup saliva test ka atau YB. Dato' Speaker, hanya lalu saja ataupun tak perlu kuarantin atau kuarantin. Bagaimana pendirian kita kerajaan negeri ke atas perkara ini? Terima kasih.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Dato' Speaker, sikit laluan.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Silakan!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya kira isu tourism ni sangat penting dalam konteks Negeri Kedah apatah lagi apabila hasrat kerajaan untuk membuka semula sempadan. Kita sebelum buka sempadan pun semasa sebelum Covid pun tourism Negeri Kedah ni tidaklah terbaik tetapi apabila kena Covid tu lagi lah. Saya nak tanya tadi dari segi promosi, di antara isu utama kita adalah saya kira kurang sangat daripada segi promosi. Apakah website yang kita ada sekarang? Apakah page yang kita ada sekarang? Apakah IG TikTok yang kita ada sekarang untuk memastikan apabila kita buka tu dengan penjagaan SOP tu orang masuk dan akan memastikan bahawa kita mendapat manfaat apabila kita buka semula sempadan. Promosi media baru.



YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih YB. Bandar Baharu dan YB. Pengkalan Kundor. Untuk menjawab soalan YB. Bandar Baharu, sememangnya agensi daripada Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan memang kita bekerjasama dengan rapat untuk memastikan bahawa bila kita buka nanti kluster-kluster baru ni tak dak, tak wujud apabila kita buka pintu sempadan dan juga apa pandangan-pandangan dan cadangan daripada KKM, cadangan daripada MKN, semestinya pihak kerajaan negeri mengambil berat dan memperincikan dengan lebih terperinci. Namun, SOP yang telah ditetapkan ataupun yang bakal dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan apabila 1 April 2022 ini dibuka pintu sempadan belum lagi diterima oleh pihak kerajaan negeri. Jadi, untuk kita membincangkan dan membuat satu ketetapan daripada pihak kerajaan negeri kita tak dapat lakukan sebab SOP itu belum lagi sampai kepada pihak kerajaan negeri.

Bagi menjawab soalan YB. Pengkalan Kundor, sebenarnya Kedah kita mempunyai banyak prasarana, tempat-tempat menarik namun betul, kita agak kekurangan daripada segi promosi. Disebabkan itu Kedah Tourism diwujudkan dan kita mengharapkan Kedah Tourism dapat menjalankan promosi yang lebih agresif dan InsyaAllah saya pun berbincang dengan YB. Dato' Pegawai Kewangan untuk kita melihat sekiranya ada keperluan untuk kita menambah ataupun memperuntukkan peruntukan khas lebih spesifik kepada promosi ini, InsyaAllah kita akan bangkitkan dan buat masa sekarang ini website-website, media sosial, boleh dilawati ataupun boleh masuk untuk Kedah Tourism. Kesemuanya ada di situ, kita ada website, ada TikTok, kita ada IG, kita ada twitter, facebook dan sebagainya.

Oleh itu YB. Speaker, saya juga mendapat satu cadangan yang bagi saya agak menarik daripada YB. Gurun di mana beliau mencadangkan sekiranya pihak kerajaan negeri boleh menjadikan Negeri Kedah ini sebagai "Negeri Pokok Bunga Kertas". Kita tanam pokok bunga kertas mungkin di kawasan Alor Setar ini buat pokok bunga warna kuning, nak masuk ke daerah lain warna merah, warna hijau, jadi dia akan nampak 'colour full' disetiap kawasan dalam negeri. Saya rasa satu cadangan yang baik di mana pokok kertas ni kos murah dan juga senang untuk kita buat 'maintenance' daripada kita membazirkan duit kerajaan kita tanam pokok-pokok bunga yang hari ni tanam esok mati dan menggunakan kos yang tinggi, kita boleh cuba dengan pokok bunga kertas ini. Satu cadangan yang baik mungkin pihak pelancongan nanti boleh berbincang dengan pihak kewangan, pihak kerajaan negeri untuk kita pertimbangkan.



YB. Bandar Baharu juga telah pun membangkitkan bagaimana kita nak menjana hasil pendapatan pelancongan serta konsep 'forest school'. Bagi menjana hasil pendapatan daripada sektor pelancongan di mana saya ada buat satu lawatan ke Negeri Sabah dan terus berjumpa, berbincang bersama dengan Sabah Tourism Board, agak mengejutkan dan kagum dengan pentadbiran badan pelancongan tersebut di mana mungkin model Sabah Tourism Board ini kita boleh jadikan contoh untuk Negeri Kedah. Eset pelancongan di Negeri Sabah diletakkan di bawah Sabah Tourism Board, kalau kita di sini kita ada Kedah Tourism dan mereka mengutip hasil-hasil pelancongan seperti Gunung Kinabalu, Taman Laut Tunku Abdul Rahman dan lain-lain. Tiket-tiket itu dikutip oleh Sabah Tourism Board dan 'maintenance' pun diuruskan oleh Sabah Tourism Board. Ini juga boleh melonjakkan hasil pendapatan bagi pelancongan Negeri Kedah. Bagi cadangan 'forest school' pula, untuk makluman Jabatan Perhutanan diberikan tanggungjawab untuk menyelia kawasan hutan lipur di Negeri Kedah. Beberapa perbincangan telah pun telah diadakan bagi memurnikan kesemua kawasan-kawasan hutan lipur dalam Negeri Kedah. Jabatan Perhutanan juga sedang dan dalam proses melantik operator bagi tujuan menguruskan kawasan-kawasan tersebut serta dengan kerjasama IPT-IPT tempatan dan pihak sekolah bagi mendidik pelajar tentang kepentingan hutan lipur. Oleh itu, Majlis Daerah Baling telah mengadakan aktiviti gotong royong di Lubok Pedati dan kawasan perkelahan sepanjang Sungai Ketil. Bagi merencanakan konsep 'forest school' seperti yang dicadangkan oleh YB. Bandar Baharu, saya berpendapat bahawa pihak Kementerian Pelajaran boleh memasukkan subjek ini ke dalam silibus pendidikan.

Selain itu, YB. Kulim turut membangkitkan isu Gunung Bintang. Saya rasa daripada awal persidangan sampailah hari ini YB. Kulim selalu menyentuh berkenaan dengan Gunung Bintang. Untuk makluman YB. Kulim dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kerajaan negeri akan mengadakan perbincangan bersama agensi-agensi bertanggungjawab bagi melihat serta mengkaji keperluan menaik taraf fasiliti di gunung tersebut dan seterusnya akan menjadikan ianya salah satu tempat pelancongan yang wajib dilawati di Daerah Kulim bagi peminat sukan lasak ini. Kawasan perkelahan Sedim juga sedang dalam perhatian Jabatan Perhutanan bagi menaik taraf dan membaik pulih fasiliti dan eset-eset pelancongan. Kerajaan negeri sedia maklum terhadap kemudahan-kemudahan yang rosak dan tidak terurus, InsyaAllah kita akan segerakan untuk membaik pulih.

YB. Bayu juga turut menyentuh dalam perbincangan berkenaan dengan "Rundingan Baling" dan "Terowong Komunis Weng". Saya mengucapkan ribuan terima kasih YB. Bayu di mana tempat tersebut adalah satu tempat yang cukup bersejarah iaitu "Bilik Rundingan Baling".



Untuk makluman Yang Berhormat, ianya sedang dan dalam tindakan Pejabat Daerah Baling dan Jabatan Warisan Negara. Kerja-kerja menaik taraf galeri pameran tetap dan Bilik Rundingan Baling serta kerja-kerja berkaitan di Galeri Putra, Sekolah Kebangsaan Tunku Putra, Baling telah pun diluluskan oleh MoTAC sebanyak RM250,000 dan ianya akan diuruskan oleh Lembaga Muzium Negeri Kedah.

YB. Dato' Speaker, dah pukul 4.29, pukul 4.30 nak kena berhenti. Jadi, saya 'landing' setakat hari ni dan InsyaAllah esok saya akan sambung, kalau boleh 20 minit lagi YB. Dato' Speaker. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaiku Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Walaikumussalam. Terima kasih kita ucapkan kepada YB. Kuah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 9.00 pagi besok.

[Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang]